



Ministry of Education
SINGAPORE



KOMPILASI 60 CERPEN

Peraduan Menulis Cerpen
Berdasarkan Lagu-lagu

"*Orang Singapura*"

Edisi 2025

The top corners of the page are decorated with stylized floral and leaf motifs. On the left, there are orange and light blue leaves. On the right, there are light blue leaves and clusters of small orange circles. A light blue curved line runs across the top.

KANDUNGAN

- 5 Cerpen Terbaik
- 10 Cerpen Terbaik
- 20 Cerpen Terbaik

- 5 Cerpen Terbaik
- 10 Cerpen Terbaik
- 20 Cerpen Terbaik

- 5 Cerpen Terbaik
- 10 Cerpen Terbaik
- 20 Cerpen Terbaik

Prakata

Pembaca yang budiman,

Buat julung-julung kalinya, sempena sambutan SG60, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) telah menyusun sebuah kompilasi istimewa yang memuatkan 60 buah cerpen terpilih. Koleksi ini merupakan hasil daripada Peraduan Menulis Cerpen 'Orang Singapura' 2025.

Keistimewaan peraduan kali ini terserlah menerusi pendekatan yang menggabungkan seni kata lagu dengan penulisan kreatif. Para peserta telah diberikan cabaran istimewa, iaitu menulis cerpen yang bertemakan lagu-lagu terpilih ciptaan Allahyarham Pak Zubir Said. Sebagai seorang ahli muzik tersohor, Allahyarham Pak Zubir Said telah banyak menyumbang kepada pembangunan identiti dan semangat bangsa, budaya dan negara kita. Melalui karya-karya beliau – termasuk "Orang Singapura" – kita diingatkan tentang nilai perpaduan, harapan dan cita-cita murni untuk masa hadapan.

Yang pastinya, setiap penulisan dalam buku ini memaparkan kreativiti dan pemikiran generasi muda yang berputik daripada warisan seni dan nilai-nilai yang terkandung dalam lagu-lagu Allahyarham Pak Zubir Said. Lebih membanggakan lagi, karya-karya ini membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu terus berkembang dalam kalangan generasi muda melalui pengungkapan idea dan daya imaginasi mereka menggunakan bahasa yang indah lagi berkesan.

Usaha murni ini juga amat bermakna dalam memupuk minat terhadap penulisan kreatif dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang lebih baik. Usaha ini membuka ruang kepada penulis-penulis muda untuk mengasuh dan mengasah kemahiran berbahasa serta menyerlahkan daya pemikiran kritis mereka melalui karya yang dihasilkan.

Saya berharap hasil karya-karya yang dipilih ini akan terus membakar semangat pelajar dan golongan muda kita untuk terus menulis dan menghasilkan karya, sekaligus menyampaikan buah fikiran serta imaginasi mereka. Setiap perkataan dan tulisan anda mampu menyentuh hati, mengubah perspektif dan mengukir masa hadapan yang lebih cerah untuk semua.

Terima kasih kepada semua peserta dan selamat maju jaya!

Dr Syed Harun Alhabsyi

Anggota Parlimen, GRC Nee Soon
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

26 Julai 2025

Latar Belakang Peraduan Menulis Cerpen 'Orang Singapura' 2025

Peraduan Menulis Cerpen 'Orang Singapura' 2025 merupakan satu inisiatif Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) untuk mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar.

Peraduan ini terbuka kepada tiga peringkat:

- Sekolah Rendah (Darjah 5 & 6)
- Sekolah Menengah / Posmenengah (Menengah 1 – 5)
- Institusi Posmenengah dan Institusi Pengajian Tinggi

Para peserta terdiri daripada warganegara Singapura dan penduduk tetap yang menuntut di sekolah arus utama di Singapura.

Keunikan peraduan pada tahun ini terletak pada tema yang berkisar tentang lagu "Orang Singapura – Bersatu!" ciptaan Allahyarham Pak Zubir Said.

Penilaian cerpen dilakukan berdasarkan lima kriteria utama – bahasa, isi, organisasi, gaya dan kreativiti. Tempoh menulis ditetapkan dari Sabtu, 15 Februari 2025 hingga Rabu, 30 April 2025.

Peraduan ini telah menerima sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan lebih 595 pelajar dari pelbagai institusi pendidikan di Singapura. Ini membuktikan minat yang mendalam dalam kalangan generasi muda terhadap penulisan kreatif dalam bahasa Melayu.

Peraduan ini diharapkan akan menjadi wadah bermakna bagi penulis-penulis muda untuk menonjolkan bakat dan kreativiti mereka dalam dunia penulisan kreatif. Peraduan ini bukan sahaja memberikan peluang kepada peserta untuk mengasah kemahiran berbahasa, malah menjadi platform untuk mendalami dan menghayati keindahan bahasa ibunda.

Penilai Peringkat Saringan

Kategori Sekolah Rendah

Dr. Salha Mohamed Hussain	Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum 1, MOE
Cikgu Nurhafa Hanem Abdul Azal	Sekolah Rendah Peiying
Cikgu Manisah Osman	Sekolah Rendah Yio Chu Kang
Cikgu Shaheda Salim	Sekolah Rendah Perempuan Raffles
Cikgu Haryati Surana	Pusat Bahasa Melayu Singapura
Cikgu Rasidah Mohd Rasit	Sekolah Rendah Frontier
Cikgu Hairani Asri	Sekolah Rendah Punggol
Dr. Zainaba Omar	Sekolah Rendah Clementi
Cikgu Muliana Mohammad	Sekolah Rendah Jiemin
Cikgu Norwati Sulaiman	Sekolah Rendah Punggol

Kategori Sekolah Menengah dan Posmenengah

Dr. Pairah Satariman	Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum 1, MOE
Cikgu Roslie Buang Sidik	Sekolah Rendah Fernvale
Cikgu Irmawati Mascom	Sekolah Menengah New Town
Cikgu Siti Aishah Mohamed Kamsani	Sekolah Menengah Swiss Cottage
Cikgu Arfah Buang	Sekolah Sains dan Teknologi
Cikgu Yahida Yahya	Sekolah Menengah Queenstown
Cikgu Muhammad Irwan Jamal	Sekolah Menengah Hougang
Cikgu Norafizah Shariff	Sekolah Menengah Seng Kang
Cikgu Nur Amalina Shalan	Sekolah Menengah Commonwealth
Cikgu Noraishah Mostapa	Sekolah Menengah Meridian
Cikgu Ishak Abdul Latiff	Maktab Rendah Tampines Meridian
Cikgu Abdul Malek Ahmad	Institusi Raffles

Penilai Peringkat Akhir


Puan Rilla Melati Bahri – Penilai Kategori Sekolah Rendah

Puan Maria Mahat – Penilai Kategori Sekolah Menengah

Dr. Noridah Kamari – Penilai Kategori Posmenengah

*Kategori
Sekolah
Rendah*

6



08

11

13

14

15

16

17

19

21

22

23

27

29

32

33

34

36

37

38

40

LANGKAH JUARA

Almyra Asmadi
Sekolah Perempuan Raffles

Siti menggenggam erat kasut lusuhnya. Kulitnya merekah dan tapak yang hampir tercabut bagai menceritakan seribu kisah. Dia mengusap kasut itu seolah-olah meniupkan semangat agar dapat bertahan untuk perlumbaan terakhir. Setiap calar dan jahitan yang terlerai bukan sekadar tanda usang tetapi saksi bisu setiap cabaran yang ditempuhnya. Jari-jemarinya mula menyentuh benang-benang hasil jahitan ibunya. Dia tahu bahawa pilihan yang ditawarkan mampu membawa impian lebih dekat.

Di sebalik sorakan orang ramai, hati Siti tidak berganjak dari satu persoalan. Sanggupkah dia melepaskan sesuatu yang begitu bermakna hanya kerana dia mahukan sepasang kasut baharu? Dia sedar bahawa kejayaan sebenar datang daripada usaha bukan jalan pintas. Namun, mampukah dia melepaskan sesuatu yang begitu bermakna demi sebuah kemenangan yang tidak jujur?

Emosi dalam diri Siti mula berperang.

"Seorang atlet yang sejati tidak akan mempertaruhkan kejujuran demi mendapatkan apa yang diinginkannya," bisik suara itu hadir seperti angin yang menenangkan.

Meskipun begitu, dia sedar bahawa hakikatnya semakin sukar untuk dielak. Satu lagi suara yang berbeza berbisik dalam fikirannya. Nadanya lebih sinis dan mendesak.

"Kau tahu kasut itu tidak akan bertahan lama. Apa lagi yang kau tunggu? Peluang seperti ini tidak datang dua kali."

Siti menundukkan kepalanya perlahan. Pandangannya terpaku pada kasut usang itu. Hatinya terperangkap antara suara hati dan desakan tawaran yang sukar ditolak. Kasut itu telah lama bersamanya walaupun dia tidak mampu menggantinya.

Siti menarik nafas dalam. Dalam benaknya, terlayar kembali satu petang yang sukar dilupakan. Di luar sebuah kedai sukan, di sebalik cermin kaca terpamer Nike Zoom Maxfly, kasut idamannya sejak sekian lama. Itu bukan kali pertama dia berdiri di situ.

Hatinya berdebar setiap kali melihat rekaan aerodinamikanya, warnanya yang garang dan tapaknya yang begitu sempurna. Itulah kasut pilihan ramai atlet termasuk Shanti Pereira, pelari kebangsaan Singapura. Siti pernah menonton Shanti memenangi dua pingat emas di kejohanan Asia. Sejak itu, dia bertekad bahawa suatu hari nanti, dia juga mahu menjejakkan kaki ke pentas dunia yang sama. Dia ingin berlari dengan bangga sambil mengharumkan nama negara. Sejak itu, kasut ringan itu menjadi simbol harapan baginya. Namun dia hanya mampu menatap dari luar.

Tanpa disedari, Natasha turut lalu dan memerhatikan dari jauh. Sudah beberapa kali dia melihat Siti berdiri di hadapan kedai itu. Bagai anak ayam bertelur di atas padi, Natasha sering bertukar kasut sukan mengikut musim dan tidak pernah perlu risau tentang kelengkapan bertanding. Walaupun ditemani dengan kasut usang, Siti tetap menjadi pelari terpentas setakat ini dalam siri pertandingan sekolah. Natasha pula pelari kedua terbaik di sekolah dan berasal daripada keluarga berada. Dia sedar betapa besar semangat yang dimiliki Siti. Dia pun menyapa Siti dengan tenang.

"Aku boleh hadiahkan kasut ini kalau kau beri aku kemenangan sekali," bisiknya perlahan. "Ini bukan rasuah. Ini peluang," tambahnya dengan senyuman yang samar. Dia memerhatikan wajah Siti yang jelas sedang bergelut dengan keputusan besar.

Siti tersentak kecil. Kata-kata itu bergema di kepalanya. Dadanya sesak antara rasa marah, keliru dan takut. Dia tidak sanggup menatap wajah Natasha yang masih tenang. Hatinya bercelaru. Patutkah dia korbankan semuanya hanya kerana sepasang kasut?

"Para pelari untuk acara lumba lari 400 meter, sila ambil tempat masing-masing," suara pengadil bergema di stadium sekolah mencantas lamunannya serta-merta.

Tangannya menggigil sedikit. Nafasnya tidak sekata. Satu suara berbisik agar dia lepaskan tawaran itu sahaja. Satu lagi suara menjerit agar dia teruskan.

Jantungnya berdegup kencang. Sambil menelan air liur, dia perlahan-lahan berdiri dan mula melangkah ke garisan permulaan.

Ketika dia berdiri di tempatnya, matanya bertembung dengan Natasha. Gadis itu hanya mengangguk perlahan seolah-olah mahu mengingatkan Siti akan persetujuan rahsia yang pernah terjalin.

Siti membalas pandangan itu. Inilah masanya untuk membuat keputusan. Jika dia menerima tawaran itu, Natasha yang akan menang dan dia hanya akan menerima ganjarannya. Namun, itu bukan kemenangan sebenar. Itu bukan dirinya yang sebenar.

"Bersedia!"

Sorakan lenyap serta-merta. Dunia Siti mengecil kepada lorong sempit di hadapannya. Kasut lamanya menyentuh trek kasar dan mencengkam harapan terakhir yang tinggal. Degup jantungnya menjadi satu-satunya bunyi yang dia dengar. Letupan permulaan memecah kesunyian.

Siti meluncur ke hadapan, memecut sehabis tenaga. Degupan jantungnya mengatasi sorakan penonton. Setiap langkahnya bukan sahaja melawan masa tetapi juga bisikan-bisikan dalam kepalanya.

"Kau hanya perlu lambat sedikit, Siti. Satu langkah saja. Kasut itu pun sudah nyawa-nyawa ikan," suara sinis itu datang lagi.

Namun kali ini, suara yang satu lagi menyahut lebih kuat. Bayangan wajah ibunya tiba-tiba muncul, membawa bersama semangat yang dia perlukan untuk terus mara ke hadapan.

Dia teringat ibunya yang menjahit semula bahagian kasut yang terkoyak bukan sempurna, namun cukup untuk bertahan. Cahaya malap menyinari wajah letih itu. Namun tangannya tetap cekap, seolah-olah setiap tusukan jarum disulam dengan harapan.

"Mak tahu Siti kuat. Kasut ini mungkin buruk tetapi semangat Siti tidak pernah pudar," kata ibunya sambil menjahit semula jahitan dengan sabar dan penuh harapan.

Langkah Siti menjadi lebih laju, seolah-olah dorongan ibunya menolaknyanya dari belakang. Kasutnya yang

lusuh mula terasa berat. Jahitannya terasa menegang. Namun, dia tidak peduli. Dia sedar bahawa dia harus menentang keraguan dalam dirinya.

Tidak! Harga diri aku tidak boleh dijual. Jeritan hatinya bergema dan menenggelamkan sorakan di stadium.

Sorakan terhenti seketika. Para penonton teranga. Pengadil melangkah ke hadapan, bersedia untuk meniup wisel jika Siti jatuh. Nafas Siti terputus-putus tetapi matanya terus terpaku pada garisan penamat. Dia memecut lebih laju. Natasha semakin tertinggal. Trek di hadapannya semakin mengecil dan garisan penamat kian hampir. Saat dia melangkah ke garisan penamat, kasutnya akhirnya menyerah. Jahitan koyak dan tapak terpisah. Dia hampir tersungkur tetapi terus melangkah. Kasut itu terpelanting ke sisi trek. Ada yang menjerit. Tapi Siti terus meluncur bagai dipandu oleh semangat ibunya yang tak pernah luntur.

Tubuhnya menjunam ke garisan penamat serentak dengan bunyi tapak kasutnya yang tercabut. Dia hampir tersandung tetapi dia terus berlari. Kasut itu rebah tetapi Siti tidak.

Trek bergema dengan sorakan. Namun, dunia seakan bisu di telinganya. Nafasnya terputus-putus. Peluh mula membasahi wajah dan leher tetapi tangannya tetap menggenggam kasut itu. Tapaknya telah terkoyak dan benangnya telah terlerai. Matanya mula bergenang. Kasut itu telah banyak berjasa. Sekarang, ia sudah sampai ke penghujungnya.

Natasha hanya memerhati dari jauh. Dia hanya berdiri kaku. Ada sesuatu dalam pandangannya. Bukan cemburu tapi kagum. Ketika itu, dia mula sedar bahawa nilai sebuah kemenangan bukan sekadar siapa yang sampai dulu. Kasih Siti terhadap kasut yang hampir hancur jauh lebih besar daripada apa-apa ganjaran yang boleh dibeli. Dia mula memandang ke arah kasut yang hampir hancur itu.

Dia teringat kemenangannya yang lalu. Bukan kerana keringat tetapi kerana kasut baharu, latihan khas dan segala kemudahan yang sentiasa tersedia. Meskipun memiliki segalanya, dia tidak pernah sekali pun dia merasakan kepuasan yang sebenar. Hari ini, ketika dia melihat Siti yang bangkit dengan kasut koyak dan jiwa yang utuh, barulah dia mengerti bahawa semangat dan harga diri tidak boleh dibeli. Itulah kemenangan yang sebenar.



Sebaik-baik Siti berjalan perlahan ke arah bangku semula, Natasha menyelit di sisinya. Tiada senyuman sinis, hanya pandangan yang cukup untuk menjelaskan segalanya. Ketika mereka sampai di bangku, Natasha meletakkan satu kotak kasut di sebelah Siti.

“Kau sememangnya seorang atlet sejati,” suaranya hampir ditenggelami sorakan penonton.

Siti membuka kotak itu. Di dalamnya berisi sepasang kasut baharu Nike Zoom Maxfly. Dia tidak menitiskan air mata tetapi mengukir senyuman yang cukup untuk menyampaikan rasa terima kasih. Ketika itu, dia sedar bahawa langkah juaranya bukan bermula di garisan penamat tetapi sejak dia memilih untuk bersikap jujur. Kasut baharu itu mungkin membantunya melangkah lebih jauh. Namun, kasut lamanya telah mengajarnya erti sebenar seorang juara.

BARU ORANG PERCAYA, ORANG SINGAPURA

Aaliyah Aiman Azman Nirwan
Sekolah Rendah Casuarina

5 Cerpen
Terbaik

Matahari mula terbenam pada hari itu. Aku memandang gambar-gambarku yang ada di atas meja. Matak hanya fokus untuk melihat sesuatu daripada semua gambar-gambar disitu. Gambar yang menunjukkan aku dan rakan karibku, Iskandar ketawa terbahak-bahak. Aku terlalu rindu saat-saat kita bersama. Hatiku selalu berasa sakit apabila aku teringat dia. Tiba-tiba, ingatanku menjangkau kepada sesuatu peristiwa yang terjadi kepadaku sembilan tahun yang lalu.

Namaku Ibrahim atau dikenali sebagai 'Ib'. Sejak aku di darjah 1, aku selalu mengejek Iskandar. Aku memanggilnya Isk. Isk seorang murid yang tidak begitu tajam akal sepertiku. Seringkali dia meminta bantuan daripada guru-guru untuk menolongnya memahami konsep-konsep yang telah diajarkan.

"Isk, perbuatan engkau betul-betul bagi menghitung bulu kambing. Mengapa engkau tidak menerima kenyataan? Engkau tidak sepatutnya menjadi murid yang pandai. Aku tiada apa-apa niat untuk membuat engkau berkecil hati. Itu kenyataan yang perlu engkau terima dengan tangan terbuka," aku menasihati Isk apabila kami bersama-sama semasa waktu rehat.

Isk mengeluh lalu berkata, "Ib, aku tahu engkau prihatin terhadap diriku. Namun, aku yakin bahawa aku membuat perkara yang terbaik bagiku."

Kini, giliran aku pula untuk mengeluh. Isk betul-betul angkuh. Di dalam hatiku berkata, "Dia yakin bahawa dia membuat perkara yang terbaik bagi dia? Ha! Macamlah dia boleh menjadi pandai jika dia berada di sekolah lama-lama."

Dalam sekelip mata, tahun 2024 sudah pun berlalu dan bermulalah tahun 2025. Tahun ini ada banyak rancangan untuk semua murid darjah 5. Kami terlibat dalam banyak aktiviti seperti Perkhemahan Darjah 5, Darmawisata ke Melaka, Pertunjukan Hari Kebangsaan (Pendidikan Nasional) dan banyak lagi. Namun, tahun ini membuatku semakin rasa tertekan kerana ada banyak topik dalam mata pelajaran Matematik dan Sains yang tidak aku fahami.

"Argh! Soalan ini susah sangat!" jeritku apabila membuat kerja sekolah mata pelajaran Matematik yang telah diberikan oleh guru kelas aku.

Isk, yang terdengar jeritanku lalu bertanya, "Ib, engkau perlu pertolongan? Aku boleh menolong engkau."

Isk, menolong aku? Isk, budak yang perlu menghadiri ke kelas tambahan mahu menolong aku? Adakah aku otak udang sehingga perlu mendapatkan bantuannya? Apakah yang terjadi kepadaku hingga Isk mahu menolongku?

"Er, tidak perlulah Isk. Aku boleh melengkapkan tugas ini sendiri," kataku kepadanya.

Dengan secepat kilat, aku menulis jawapan secara rawak lalu menghantar kertas itu kepada guru. Isk melihatku dengan keraguan dan penuh tanda tanya.

Pada hari peperiksaan mata pelajaran Matematik, aku sungguh gementar. Aku tidak sempat mengulang kaji mata pelajaran ini pada hari sebelumnya kerana aku ada banyak aktiviti selepas waktu sekolah. Tapak tanganku mula berpeluh.

"Baiklah, kelas. Peperiksaan akan bermula... sekarang!" kata pengawas peperiksaan.

Tanganku menggeletar semasa aku membuka kertas peperiksaan. Segala soalan yang terbentang di hadapanku semuanya tidak aku fahami. Aku tidak dapat menjawab soalan-soalan, lalu aku mula meniru kertas Isk. Aku menyalin semua jawapannya, tetapi aku akan pura-pura melihat kertasku apabila Isk memandangkanku atau semasa pengawas peperiksaan berjalan di tepi meja aku. Aku tidak mahu mengaku pada masa itu, tetapi Isk betul-betul pandai menjawab soalan-soalan yang ada. Aku tahu kerana aku melihat kertasnya dan caranya menulis jawapannya itu.

Selepas tamat masa peperiksaan, aku berasa lega. Aku tahu Isk akan mendapat markah penuh. Ini bermakna aku juga akan mendapat markah penuh.

Dengan cara ini dapat memanfaatkan kami berdua. Apa yang dia tidak tahu tidak akan menyakitkannya. Aku tidak dapat menahan senyumanku sepanjang hari.

Beberapa hari kemudian, guru kami mengumumkan keputusan peperiksaan mata pelajaran Matematik. Aku santai kerana aku yakin akan mendapat markah yang sama dengan Isk, kerana Isk murid yang pandai. Isk pula nampak sangat risau.

"Isk, mengapa engkau risau? Engkau murid yang pandai," aku cuba membangkitkan semangatnya kerana kalau tidak, aku juga akan risau.

Isk baru sahaja membuka mulutnya apabila guru mengumumkan, "Keputusan peperiksaan akan diumumkan sekarang. Dengar nama dan keputusannya dengan teliti. Muhammad Iskandar, seratus markah! Amirah...

Hairul... Adi... Ibrahim, kosong."

Apa? Kosong? Tidak mungkin! Aku menyalin jawapan Isk dan dia mendapat markah penuh!

Dengan teragak-agak, aku mengambil kertas peperiksaanku.

Apabila aku mengambil kertas peperiksaan itu daripada guruku, beliau berkata, "Ibrahim, saya betul-betul kecewa dengan perbuatan awak iaitu menyalin jawapan Iskandar. Pengawas peperiksaan melihat awak dari jauh. Selepas tamat waktu peperiksaan, beliau memberitahu saya apa yang awak telah lakukan. Jadi, saya memberi awak markah kosong. Adil, bukan?"

Aku mengangguk kecewa. Aku berasa sangat marah dengan diriku sendiri. Pertama, aku tidak mengulang kaji. Kedua, aku meniru jawapan Isk. Isk ikhlas mahu menolongku dan dia juga bekerja keras untuk mendapatkan markah yang cemerlang dalam peperiksaannya. Aku memeluk Isk apabila aku duduk lalu meminta maaf kerana meniru jawapannya. Dia memaafkan aku dan menasihati supaya jangan mengulangi perbuatan itu lagi. Tiba-tiba, aku terdengar burung-burung berkicauan. Cip, cip!

Cip, Cip! Kicauan burung mula kedengaran sekali lagi. Aku terjaga dari lenaku. Jam berapakah sekarang? Oh, jam menunjukkan pukul dua pagi rupa-rupanya. Air mata mengalir di pipiku. Jam

dua pagi... bukankah pada masa itu, dua tahun yang lalu, Isk terlibat dalam kemalangan jalan raya dan aku kehilangannya? Hari ini genap dua tahun dia meninggalkan orang-orang yang dia sayangi. Aku bertuah kerana mengenalinya dan memanggilnya rakan karibku selama sebelas tahun.

Aku menyesal... aku menyesal mengejeknya kerana dia tidak pandai sejak dia berada di Darjah 1. Aku menyesal kerana kita tidak mengenali lebih rapat antara satu sama lain. Sejak pemergiannya, aku mempelajari banyak benda daripada Isk. Pertama, kita harus bekerja keras dan jangan sekali-sekali rasa tewas. Kedua, kita harus bertanggungjawab di atas tindakan kita sendiri. Ketiga, kita harus bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu tugas yang diberi. Keempat dan terakhir, kita haruslah ikhlas dalam segala yang kita lakukan.

Aku ingat lagi bait daripada penggubah lagu yang terkenal, Zubir Said. Beliau pernah mengatakan dalam lagunya, Orang Singapura, "Jikalau bekerja, janganlah kepalang, Sanggup tanggungjawab, jangan curi tulang... Bersungguh sampai jaya, jangan pura-pura." Isk mengajar aku untuk menjadi Orang Singapura yang lebih baik dan yang bertanggungjawab. Kawanku Isk, aku mendoakan semoga Isk ditempatkan bersama orang-orang yang beriman. Amin.

MUSUH MENJADI SAHABAT

Nur Hamizah Mohammad Azar

Sekolah Rendah Jurong West

Azman duduk di berandanya sambil menikmati secawan teh panas, matanya menatap langit merah senja yang semakin gelap. Dia terkenang bagaimana satu peristiwa telah mengubah persepsinya terhadap Encik Tan, jirannya, yang tinggal bersebelahan. Sebelum kejadian itu, hubungan mereka sangat tegang. Mereka sering bertengkar tentang perkara-perkara remeh sehingga suasana antara mereka menjadi tidak selesa.

Sudah lima tahun mereka berjiran, tetapi Azman dan Encik Tan jarang berbual. Azman tidak pernah mengucapkan kata-kata mesra kepadanya walaupun tinggal bersebelahan. Oleh itu, Azman menganggap Encik Tan sebagai seorang yang sombong kerana tidak pernah menegurnya. Sebaliknya, Encik Tan berpendapat bahawa Azman seorang yang pendiam dan tidak suka bergaul. Disebabkan itu, mereka terus berpegang pada tanggapan masing-masing dan tidak cuba memahami satu sama lain.

Punca utama pertelingkahan mereka ialah daun-daun kering dari pokok besar di halaman rumah Encik Tan yang sering jatuh ke dalam taman Azman. Keadaan ini menjadi masalah apabila daun-daun itu bertaburan di halamannya setiap hari. Setiap kali Azman menyapu, taman rumahnya tetap kotor kerana daun-daun itu tidak berhenti gugur.

"Encik Tan, boleh bersihkan daun-daun kering ini tidak?" tegur Azman pada suatu hari setelah tidak dapat menahan daun-daun kering di halamannya.

"Saya punya suka, ini pokok saya!" jawab Encik Tan dengan nada yang keras.

Sejak hari itu, hubungan mereka menjadi semakin dingin. Setiap kali bertembung, mereka hanya mengangguk tanpa senyuman atau sapaan, seolah-olah mereka tidak mengenali satu sama lain.

Pada suatu petang, hujan turun dengan lebat disertai angin kencang. Awan hitam yang gelap menambahkan suasana seram. Ketika Azman sedang berehat di dalam rumahnya, tiba-tiba dia terdengar bunyi dentuman kuat. Terkejut, Azman bergegas ke berandanya dan melihat pokok

besar dari halaman jiran telah tumbang dan menghempap pagar rumahnya.

Azman hampir-hampir memarahi jirannya, tetapi niatnya terbantut apabila melihat wajah Encik Tan yang penuh kegelisahan.

"Tolong! Isteri saya terperangkap di dalam rumah!" jerit Encik Tan dalam nada panik.

Tanpa berfikir panjang, Azman terus berlari ke arah rumah jirannya. Dia melihat pintu rumah Encik Tan separuh tersekat oleh dahan pokok yang tumbang. Dengan segala kekuatan, dia membantu Encik Tan memotong dahan yang menghalang pintu rumah. Hujan semakin lebat, tetapi mereka tetap gigih berusaha. Akhirnya, mereka berjaya membersihkan laluan dan isteri Encik Tan selamat keluar.

Encik Tan menarik nafas lega sebelum menoleh ke arah Azman. "Terima kasih, Azman. Saya benar-benar menghargai pertolongan awak," katanya dengan penuh keikhlasan.

Azman hanya mengangguk dan tersenyum. "Tidak mengapa, Encik Tan. Saya hanya melakukan apa yang perlu."

Sejak hari itu, hubungan mereka berubah sepenuhnya. Encik Tan sentiasa menegur Azman setiap kali mereka bertemu, dan Azman pula tidak lagi memandang jirannya dengan prasangka buruk. Mereka mula bertukar-tukar juadah ketika musim perayaan dan tidak lagi membiarkan perbezaan menghalang hubungan mereka.

Kini, setiap petang, Azman dan Encik Tan sering duduk di beranda rumah mereka sambil berbual tentang kehidupan. Segala pertelingkahan lama telah berlalu, digantikan dengan persahabatan yang erat. Azman kini sedar bahawa rasa hormat dan pemahaman antara satu sama lain adalah kunci kepada hubungan yang baik dengan jiran. Jiran bukan sekadar orang yang tinggal bersebelahan, tetapi mereka juga boleh menjadi sahabat sejati. Mereka berdua juga belajar bahawa mereka harus berbaik-baik walaupun berbeza bangsa.

BERSATU TEGUH

Safiyratul Insyirah Muhammad Hatta
Sekolah Rendah Perempuan Methodist

5 Cerpen
Terbaik

"Kakak! Tolong! Tak ada lampu! Eya takut!" jerit adikku dengan suara cemas.

Aku sedang menyiapkan kerja sekolah apabila tiba-tiba semua lampu di rumah terpadam. Ketika itu, jam sudah menunjukkan pukul lapan malam. Rumah menjadi sangat gelap dan aku tidak dapat melihat apa-apa. Adikku yang baru berumur tiga tahun sangat takut dan cuba mencari aku. Ibu kami masih bekerja, jadi hanya kami berdua sahaja di rumah. Aku segera mencari dan mendukung adikku, Eya, lalu keluar rumah untuk meminta tolong daripada jiran.

Sebaik-baik sahaja aku melangkah keluar bersama Eya dalam pelukan, aku melihat seluruh blok pangsapuri juga gelap. Ramai jiran keluar dari rumah masing-masing untuk mengetahui apa yang berlaku. Ada juga kanak-kanak yang menangis. Tiba-tiba, aku terdengar jeritan dari rumah Pak Shazi. Aku terkejut. Aku teringat bahawa Pak Shazi menggunakan mesin sokongan hayat untuk bernafas. Jika tiada elektrik, mesin itu tidak akan berfungsi!

Aku mula panik. Aku tidak tahu apa yang harus dilakukan, tetapi aku tahu aku perlu bantu. Sambil mendukung Eya, aku berlari ke rumah Pak Shazi. Aku hanya berharap beliau masih selamat. Mungkin jiran-jiran lain juga boleh membantu.

"Tolong! Pak Shazi perlukan bantuan! Mesinnya tidak berfungsi! Tolong!" aku menjerit sekuat hati, berharap ada orang datang membantu.

Pengasuh Pak Shazi kelihatan sangat penat dan cemas. Kami perlukan lebih ramai orang. Beberapa jiran yang mendengar jeritanku segera datang berlari. Aku melihat mereka cuba melakukan CPR untuk memastikan Pak Shazi masih hidup. Namun kami semua bimbang, tidak tahu berapa lama lagi bekalan elektrik akan kembali. Pengasuh Pak Shazi sudah pun menghubungi ambulans.

Jiran-jiran kelihatan sangat letih, ada yang tercungap-cungap dan mengeluh. Aku mula takut kami tidak sempat sebelum ambulans tiba.

Tiba-tiba, seorang lelaki muncul sambil membawa sebuah penjana elektrik kecil. Aku rasa sangat lega. Lelaki itu segera memasang penjana tersebut dan menghidupkan semula mesin Pak Shazi. Dia telah menyelamatkan nyawa Pak Shazi. Aku memerhati dengan penuh rasa kagum sambil jiran-jiran membantu semasa kecemasan berlaku.

Tidak lama kemudian, aku terdengar bunyi siren ambulans. Aku sangat lega. Pak Shazi akan diselamatkan. Aku memandang sekeliling. Semua jiran kelihatan penat, tetapi kami semua rasa lega dan bersyukur kerana berjaya membantu menyelamatkan nyawa Pak Shazi.

Setelah ambulans membawa Pak Shazi pergi, aku teringat akan lelaki yang membawa penjana elektrik itu. Aku cuba mencarinya dan akhirnya menemuinya di tepi rumah Pak Shazi. Aku segera berjalan ke arahnya. Dia sedang mengelap peluh di dahinya sambil menyusun barang-barangnya.

"Terima kasih banyak-banyak, Encik. Kalau Encik tidak datang, mungkin Pak Shazi tidak dapat diselamatkan," kataku dengan ikhlas.

Lelaki itu tersenyum dan berkata, "Bukan saya sahaja yang menyelamatkan Pak Shazi. Semua jiran telah melakukan apa yang mereka mampu. Kita semua memainkan peranan."

Aku bersetuju dengan kata-katanya. Semua orang bekerjasama untuk menyelamatkan Pak Shazi. Ada yang menjerit meminta tolong, ada yang melakukan CPR, dan ada yang membantu dari segi lain. Kita semua harus bersungguh-sungguh dalam apa sahaja yang kita lakukan.

Tidak lama kemudian, lampu di seluruh blok pangsapuri menyala semula. Kami semua bersorak kegembiraan. Aku bersyukur kerana semua orang bekerjasama dalam saat genting itu. Aku genggam tangan adikku dan kami berjalan pulang ke rumah.

SATU PELUANG, SERIBU ERTI

Esya Arianna Mohamad Mirza
Sekolah Rendah Shuqun

Saya memasuki sebuah kedai haiwan dengan hati yang gembira. Sejak kecil lagi, saya akan selalu pergi ke kedai haiwan ini selepas sekolah. Di sana, terdapat anjing, kucing, arnab dan banyak lagi, tetapi hati saya terpaut pada seekor kucing istimewa. Warnanya coklat, matanya bersinar penuh semangat, walaupun dia hanya mempunyai tiga kaki. Namanya Mochi. Di kandang kacanya, terdapat pelekat dengan sebuah nombor, namun saya tidak pernah peduli tentang maksudnya.

Setiap hari, saya melihat banyak haiwan lain menunggu tuan baharu mereka. Namun, entah mengapa, hanya Mochi yang mengisi ruang hati saya dengan harapan untuk membawanya pulang pada suatu hari nanti.

Seperti biasa, pekerja di kedai itu membukakan pintu untuk saya. Tetapi hari itu berbeza. Saya melihat seorang pekerja sedang membawa Mochi keluar dari kandangnya. Hati saya berdebar. Mochi biasanya hanya keluar selepas kedai ditutup, bukan pada waktu ini. Saya memberanikan diri bertanya.

"Kenapa awak bawa Mochi keluar dari kandangnya?" tanya saya, bimbang.

"Adik, sudah dua tahun Mochi menunggu. Tiada siapa yang mahukannya. Kami terpaksa menamatkan hidupnya kerana kami sudah tiada tempat di kedai ini," jawabnya dengan nada yang sedih.

Saya tergamam. Dunia terasa sepi seketika. Bagaimana seekor kucing sekuat Mochi, yang tidak pernah mengeluh walau berkaki tiga, harus menerima penghujung hidupnya hanya kerana tiada sesiapa yang mahu memeliharanya? Air mata mengalir tanpa saya sedari. Pada saat itu, saya sedar bahawa berbuat baik bukan hanya kepada manusia, tetapi kepada setiap makhluk yang bernyawa, yang juga tahu erti cinta dan kesetiaan.

Dengan keberanian yang entah dari mana datangnya, saya bersuara, "Tunggu! Boleh saya ambil Mochi sekarang?"

Pekerja itu terpinga-pinga, sebelum tersenyum dan meletakkan Mochi kembali ke dalam kandangnya untuk saya membawanya pulang. Saya memeluk

kandang itu erat-erat, merasai kehangatan harapan di dada. Namun saya mula panik apabila melihat jam yang sudah lewat. Saya mengucapkan terima kasih kepada pekerja itu dan bergegas keluar.

"Kenapa balik lambat?" tanya ibu sebaik-baik sahaja saya sampai, dahinya berkerut tanda bimbang. Matanya membulat apabila terlihat kandang di tangan saya.

"Ibu, maafkan saya. Saya rasa Mochi dan saya ditakdirkan untuk bertemu. Saya tahu dia perlukan saya... dan saya perlukan dia," kata saya perlahan.

Ibu mendekati saya, memegang kandang itu, dan mengangguk. Dia tidak marah saya membawa Mochi pulang, dia menasihati saya agar tidak mengulangi perbuatan pulang lewat tanpa memberitahunya dahulu. Saya tersenyum dan memeluk ibu erat-erat.

Saya pun membawa Mochi ke dalam bilik saya dan membiarkannya keluar dari kandangnya. Mochi berjalan perlahan-lahan di sekeliling bilik sebelum baring di atas riba saya, seolah-olah tahu dia sudah sampai ke tempat yang menerima dirinya seadanya. Ibu saya terlihat perbuatan itu dan mengambil gambar. Apabila saya melihat gambarnya, saya tersenyum — saya dan Mochi, dua jiwa yang istimewa, akhirnya menemukan satu sama lain.

Hari itu merupakan satu hari yang tidak akan saya lupakan. Setiap makhluk, sama ada manusia atau haiwan, berhak untuk disayangi, dihargai, dan diberi peluang kedua. Kebaikan kecil kita mampu mengubah seluruh hidup mereka dan juga hidup kita sendiri.

Mochi, yang masih terbaring manja di atas riba saya, kemudian bangkit perlahan dan mengikutinya saya di atas kerusi roda yang menjadi sahabat setia saya.

Dalam diam, kami berjanji untuk saling menyayangi untuk selamanya.

PENGORBANAN SEORANG SAHABAT

Farid Mohammed Khaled
Sekolah Rendah Alexandra

10 Cerpen
Terbaik

Danial sedang mengulang kaji pelajaran sambil mendengar radio. Tiba-tiba, sebuah lagu berku-
mandang, "Pisang emas dibawa belayar, masak
sebiju di dalam peti; berhutang emas boleh dibayar,
berhutang budi dibawa mati..." Lagu bertajuk
'Budi yang Baik' itu mengingatkannya kepada
sahabat baiknya, Farhan.

Farhan ialah sahabat karib Danial sejak sekolah
rendah. Bagai dakwat dengan kertas, mereka
selalu belajar, berbual dan menikmati waktu rehat
bersama di kantin sekolah. Selain itu, mereka juga
berkongsi minat dalam permainan komputer dan
kerap bermain bersama pada waktu lapang.
Setiap saat yang dilalui bersama menjadi kenangan
yang tidak ternilai.

Pada suatu hari, Farhan mengajak Danial membeli
hadiah sempena hari lahir salah seorang rakan
mereka. Mereka merancang untuk berjumpa di
perhentian bas bertentangan dengan Pusat
Beli-belah Vivocity. Keriangan jelas terpancar
pada wajah mereka. Setelah berjumpa, mereka
berjalan menuju ke lampu trafik berdekatan untuk
melintas jalan.

Mereka menanti lampu isyarat bertukar merah
dengan sabar. Tanpa diduga, sebuah lori besar
meluncur laju ke arah mereka meskipun lampu hijau
untuk kenderaan sudah bertukar merah. Mereka
terpaku di tengah jalan, tidak sempat berbuat apa
-apa. Jeritan panik orang ramai memenuhi ruang
udara dan dalam sekelip mata, dunia bertukar
gelap.

Apabila Danial terjaga, cahaya putih menyilaukan
matanya. Suara esakan ibunya yang mengejutkannya.
Danial berasa keliru dan lemah, tidak menyedari
bahawa dia telah koma selama dua minggu.

"Danial! Syukur, kamu sudah sedar!" tangis ibunya
sambil menggenggam erat tangannya. Wajah
ayahnya jelas terpancar kelegaan dan rasa syukur.
Dalam kekeliruan, Danial segera bertanya tentang
Farhan. Dengan suara bergetar, ibu bapanya
memberitahu bahawa Farhan tidak berjaya
diselamatkan akibat kemalangan itu. Kecederaan
yang dialaminya amat parah. Danial terkedu.
Nafasnya seakan terhenti.

Dengan linangan air mata, ibunya menyambung
perlahan, "Sebelum Farhan pergi, dia sempat
memberitahu doktor tentang hajatnya. Kalau
hatinya boleh menyelamatkan kamu, dia mahu
mendermakannya. Itu wasiat terakhirnya, Danial."

Dada Danial sebak. Air matanya mengalir tanpa
henti. Dia terdiam, dihipit rasa berhutang budi
yang tidak terungkap. Pengorbanan Farhan terlalu
besar, terlalu mulia untuk dibalas.

Beberapa minggu kemudian, Danial membawa
sejambak bunga ke tanah perkuburan untuk
menziarahi pusara Farhan. Dia berhenti di hadapan
pusara Farhan, menunduk dengan penuh hiba.

"Terima kasih, sahabat. Budi dan pengorbananmu
akan aku kenang seumur hidup," bisiknya perlahan,
sebelum meletakkan bunga di atas pusara sahabat
sejatinya.

Tiba-tiba, bunyi ketukan di pintu biliknya menge-
jutkannya daripada lamunan. Danial tersentak
seketika. Dia menarik nafas panjang. Walaupun
dunia ini sepi tanpa Farhan, dia tahu bahawa
hidupnya kini bukan lagi miliknya sendiri. Farhan
telah memberinya peluang kedua untuk bernafas.
Budi Farhan akan sentiasa dikenangnya sampai
bila-bila.

SEMOGA BAHAGIA

Wardah Sheifa Muhammad Fauzi
Sekolah Rendah Frontier

Azrinah seorang pelajar darjah lima yang ceria. Dia anak yang rajin dan penyayang. Namun, dia merasakan dunianya tiba-tiba menjadi gelap semenjak ayahnya terlantar di Hospital Raffles selama sebulan akibat diserang penyakit angin ahmar. Azrinah sangat sedih dan risau. Azrinah diberitahu bahawa ayahnya mungkin sukar untuk sembuh. Azrinah menjadi sangat takut dan menangis setiap malam.

Azrinah bersendirian di rumah pangsa HDB empat biliknya. Rumah itu sepi sekali. Ibunya telah dipanggil menghadap Illahi kerana terlibat dalam kemalangan kereta dua tahun lalu. Walaupun bersendirian kerana Ayah tiada di sisi, Azrinah mahir memasak dengan resipi yang diajarkan oleh almarhum ibunya dahulu. Pada mulanya, dia kekok memasak. Namun, dia tidak berputus asa. Ayahnya menggalakkan Azrinah supaya terus mencuba berlatih memasak dan belajar berdikari. Sewaktu memasak, suara Ayah mendendangkan lagu 'Orang Singapura' terngiang-ngiang di fikirannya.

"Mesti tahan lasak, kuat berusaha...boleh dinamakan Orang Singapura," alunan suara Ayah yang merdu membuat Azrinah tersentak. Azrinah tersenyum teringatkan gelagat Ayah. Ayah tidak putus-putus menghiburkan anak kesayangannya.

Pada keesokan hari, Azrina membersihkan rumahnya. Baginya, kebersihan sangat penting untuk kesihatan diri dan orang lain. Setelah itu, Azrinah melawat neneknya, Nenek Fatimah, yang tinggal tidak jauh dari rumahnya.

Sesampai di sana, Nenek Fatimah menerima kedatangan cucunya dengan tangan terbuka. Sewaktu mereka berbual-bual, Nenek Fatimah dapat melihat kesedihan di raut muka cucunya itu. Azrinah lebih banyak berdiam daripada berbual.

Akhirnya, Azrinah pun mengeluh dengan nada sayu, "Nenek, Inah berasa berputus asa. Setiap hari, Inah asyik berasa murung dan sedih. Bagaimanakah Inah boleh menghilangkan rasa sedih dan kembali ceria seperti dahulu?"

Nenek Fatimah menatap wajah cucu kesayangannya lalu menasihati dengan lembut.

"Inah harus bersikap tabah menghadapi cabaran. Inah harus ingat bahawa ada orang lain di sekeliling kita yang kurang bernasib baik. Apa kata Inah berusaha melakukan kebaikan kepada orang lain? Dengan itu, Inah akan memberikan harapan dan kebahagiaan kepada mereka," saran Nenek.

Azrinah mengangguk. Azrinah pun menyalam tangan Nenek Fatimah sambil meminta diri untuk beredar dari situ. Nenek Fatimah sempat membekalkan Azrinah sebungkus nasi ayam.

Azrinah pun berjalan pulang ke rumahnya. Dalam perjalanan, dia ternampak seorang wanita sedang mendukung seorang anak kecil. Pakaian wanita itu agak lusuh. Azrinah berasa kasihan lalu memberikan wanita itu bungkusan nasi ayamnya. Pada mulanya, wanita itu terpinga-pinga. Namun kemudian, wanita itu tersenyum gembira dan mengucapkan terima kasih berkali-kali. Rasa gembira berbunga di lubuk hati Azrinah kerana dapat membantu wanita itu.

Azrinah pun terus berjalan dan melalui sebuah perhentian bas. Di perhentian bas itu, dia terlihat seorang budak lelaki Sekolah Rendah Bayu yang sedang menangis teresak-esak. Budak lelaki itu berumur dalam lingkungan tujuh tahun.

"Adik, cuba beritahu Kakak apa yang telah berlaku?" Azrinah bertanya sambil memegang bahu budak itu.

Dengan suara yang tersekat-sekat, budak lelaki itu menceritakan dia kehilangan dompet dan tidak dapat menaiki bas tanpa kad EZ-Linknya. Dia juga belum makan apa-apa sejak waktu rehat. Azrinah mengeluarkan wang syiling sebanyak dua dolar dan memberikan wang tersebut kepada budak lelaki itu. Dia juga memberikan beberapa keping biskut yang tersimpan di sakunya kepada budak lelaki itu sebagai alas perut. Budak lelaki itu tersenyum lega dan mengucapkan terima kasih kepadanya. Budak lelaki itu



menaiki bas bernombor 974 menuju ke pusat pertukaran bas Boon Lay dan melambai ke arah Azrinah. Azrinah melambai sehingga bas itu hilang dari pandangan.

Melihat mata budak kecil itu yang bersinar, hati Azrinah semakin melonjak kegembiraan. Dia berasa gembira kerana dapat menceriakan hati budak itu.

Setibanya di rumah, Azrinah mendapati dia sudah tidak berasa sedih lagi. Dia teringat kembali pesanan Nenek. Benar kata Nenek. Apabila kita membantu orang lain di sekeliling kita, kita akan merasakan nikmat yang tidak terhingga. Dia berasa insaf dan bersyukur atas kehidupannya selama ini.

Tiba-tiba, telefon di ruang tamu berdering. Azrina mengangkat gagang telefon itu. Air mata kesyukuran berlinangan di pipinya. Pihak hospital memberitahu bahawa Ayah menunjukkan tanda-tanda sudah sembuh dan dapat pulang ke rumah. Sejak itu, Azrinah berazam untuk membekalkan semangat positif di dalam dirinya. Azrinah mula melangkahakan kaki ke hospital dengan yakin dan tenang.

KANVAS CITA-CITAKU

Nadra Umaira Afif
Sekolah Rendah Cedar

Aku duduk di kerusiku sambil melihat kanvasku yang kosong. Fikiranku buntu, membuatku tidak tahu apa yang harus dilukiskan. Kenangan yang mengisahkan perjalananku mencapai cita-citaku untuk menjadi seorang pelukis bermain-main di fikiranku. Pada mulanya, ibu bapaku tidak menyokongku, tetapi sekarang, mereka amat besar hati dengan pencapaianku. Inilah ceritaku.

"Ani! Lukisan kau tidak berguna! Lebih baik kau ulang lagi pelajaran! Jangan membuang masa dengan melukis bagai menghitung bulu kambing" jerit Ibu kepadaku sambil mengoyakkan salah satu lukisanku.

Titik air jernih membasahi pipiku yang merah bagai biji saga kerana marah. Aku berlari masuk ke bilikku lalu menghempas pintu dengan kuat. Hatiku sepanas bara. Mengapakah mereka tidak menyokongku? Aku menghempaskan badanku di atas katilku dan cuba untuk tidur supaya tidak mengantuk untuk ke sekolah pada keesokan hari.

Keesokan harinya, aku pun bersiap untuk ke sekolah. Apabila aku tiba di sekolah, rakan sekelasku, Sarah dan kawan-kawannya menungguku di luar sekolah. Mereka mentertawakan bekas cat berwarna-warni di bajuku lalu menolakku ke lantai. Cermin matakku tercampak dan aku cuba mencarinya. Krak! Tidak! Mereka telah memijak cermin matakku dan ia pecah! Aku tiada pilihan selain memakai cermin matakku yang sudah pecah itu. Sarah dan kawan-kawannya pun berlalu pergi.

Sekonyong-konyong, air matakku mula mengalir di pipiku. Aku rindu akan sahabat karibku, Aliyah. Dia selalu menolongku apabila aku dibuli. Namun, Aliyah terpaksa mengikut keluarganya ke Kuala Lumpur kerana bapanya membawa nasib ke sana selepas mendapat kerja di sana. Dia telah berjanji kepadaku bahawa dia akan menelefonku setiap hari. Janji tinggal janji. Aku pula terlalu sibuk untuk menanya khabarnya.

Kring! Loceng sekolah berbunyi menandakan waktu sekolah pun tamat. Aku bergegas ke luar sekolah, tidak sabar untuk melarikan diriku daripada Sarah dan rakan-rakannya. Apabila aku sampai di rumah, aku segera masuk ke bilikku lalu mencari lukisan-lukisanku yang aku ingin selesaikan. Namun, aku

tidak menjumpai sebarang lukisanku. Aku cuba mencarinya di bawah meja, bawah katil, tetapi masih tidak kelihatan! Dalam kekalutanku itu, kedengaran suara yang aku kenal membuat aku terkejut.

"Ibu sudah buang semua lukisan-lukisan kau, Ani. Ibu mahu Ani belajar, bukan membuang masa macam ini," kata Ibu dengan nada yang sedih.

Kata-kata Ibu yang menikam terus ke jantungku membuat aku tersentak. Semua lukisanku, yang dilukis sejak aku berusia lima tahun, sudah dibuang? Hatiku hancur bagaikan kaca yang dihempas kuat ke batu. Aku memandang wajah Ibu. Lidahku kelu, tidak berkata apa-apa. Tanpa berfikir panjang, aku menolak Ibu yang sedang bersandar di pintu bilikku dan menghempas pintu bilikku dengan kuat. Aku mengunci pintu bilikku. Aku mati akal. Apakah yang aku harus buat? Mengapakah hidupku seperti ini? Tiba-tiba, aku terdengar deringan notifikasi di telefon bijakku. Aku pun mengambil telefonku untuk melihat siapakah yang telah mengantar pesanan ringkas.

Nama Aliyah terpapar di skrin telefon. Dia telah meminta maaf kerana memungkir janji. Aliyah turut mengirim sebuah klip audio. Aku pun mendengar lagunya. "Cukup tatatertib, hormat orang tua."

Perasaan marahku hilang dengan perlahan saat aku mendengar senikata lagu itu. Tiba-tiba, aku sedar bahawa aku telah biadap terhadap Ibu. Walaupun Ibu telah memusnahkan impian mencapai cita-citaku, aku menyesal kerana telah biadap terhadapnya. Aku membalas mesej Aliyah dengan mengucapkan terima kasih dan aku berjanji akan mesejnya lagi nanti.

Aku membuka pintu bilikku dan menjenguk ke dalam bilik Ibu. Dia terpaku di hujung katilnya sambil menangis. Dia sedang memegang sebuah gambarku apabila aku kecil dan tidak bersikap biadap terhadapnya. Apakah yang telah aku buat? Aku menundukkan kepalaku. Ibu tidak pernah meninggalkan suaranya kepadaku. Ini semua salahku, dan aku harus memperbaiki keadaan. Aku berasa menyesal kerana telah menjerit kepadanya serta menolaknya dan aku ingin meminta maaf. Dengan perlahan, aku masuk ke dalam bilik Ibu.



Aku terus mendakapnya. Aku meminta maaf kepadanya kerana telah biadap dan tidak manis mulut. Aku juga berjanji kepadanya bahawa aku akan belajar dengan bersungguh-sungguh. Ibu juga meminta maaf. Dia memberitahuku bahawa dia tidak sengaja mahu membuat aku berasa sedih kerana membuang lukisan-lukisanku. Dia memulangkan semua lukisan-lukisanku. Dia juga menggalakkan aku untuk meneruskan hasratku untuk menjadi seorang pelukis, dengan syarat, aku harus gigih. Aku melonjak kegembiraan dan senyuman mesra terukir di mulutku. Aku memeluk Ibu dengan erat dan mengucapkan terima kasih berkali-kali. Aku juga mengongsikan lagu 'Orang Singapura', yang Aliyah telah kirimkan kepadaku.

Aku menyesal akan tindakanku hari itu dan berjanji akan sentiasa bersopan santun dan tidak akan biadap kepada orang lain, terutama sekali ibu bapaku. Aku juga akan belajar dengan tekun supaya dapat mencapai cita-citaku itu.

Cip! Cip! Cip! Kedengaran burung berkicauan di luar jendela membawaku pulang ke realiti daripada lamunanku. Sebenarnya, aku telah duduk di kerusiku dan memikirkan tentang perjalananku menjadi seorang pelukis hampir setengah jam! Lama juga fikiranku menerawang.

Aku pun bercadang untuk melukis mengikut perasaanku ketika itu. Bulu berus menari-nari di atas permukaan kanvas. Aku amat besar hati dengan canvasku yang tadi putih kini berwarna-warni. Warna-warna yang digunakan melambangkan perasaanku berkenaan peristiwa yang aku alami. Apabila aku sudah tenang, itu membuat aku sedar tentang perbuatanku terhadap ibu bapaku dan aku berpeluang memperbaiki sikapku.

KEMEWAHAN YANG MEMBUTAKAN

Rayhan Ariz
Sekolah Rendah St. Gabriel

"Mulai pada hari ini, saya berusaha untuk sentiasa hidup dengan selesa," Amir bertekad di dalam dirinya.

Itulah kata-kata Amir sejak peristiwa pahit dia dihina oleh rakan-rakan sedarjahnya yang datang dari keluarga berada. Dia dilahirkan dalam keluarga yang hidup serba kesederhanaan. Sejak itu, dia bercita-cita untuk bekerja keras dan menjadi kaya supaya tidak lagi hidup dalam kesusahan dan kehinaan.

Kini, Amir merupakan seorang pemilik syarikat besar di Singapura. Dia bersikap tamak dan hanya menumpukan perhatiannya terhadap mengumpulkan harta benda yang banyak. Namun, satu peristiwa besar telah mengubah pandangannya.

"Amir dah balik," ujar Amir dengan nada yang dingin.

Amir biadap terhadap orang tua dan bersikap malas. Dia melontarkan beg kerjanya ke atas permaidani. Dia tidak menghiraukan ibunya yang kelihatan pucat lesu dan sedang terbaring di atas sofa. Sebenarnya, ibu Amir sudah lama menghidapi penyakit barah. Kerana Amir hanya sibuk mengumpulkan harta, dia tidak mengendahkan ibunya sejak kematian ayahnya beberapa tahun yang lalu.

Ibu Amir menarik nafas panjang. Titisan air jernih jatuh menitis dari sudut matanya. Bilakah Amir akan insaf? Dia telah mengabaikan segala nilai-nilai murni seperti budi pekerti dan kasih sayang. Harta benda ialah segala-segala baginya, dan dia percaya bahawa kekayaan akan menjamin kebahagiaan.

"Ibu dah gosok baju Amir? Amir ada acara penting malam nanti. Ibu lupa?!" jerit Amir dengan suara lantang.

Dengan pantas, Amir menukar pakaian kepada sut yang bersih tanpa mengucapkan terima kasih kepada ibunya. Amir meluru keluar dari rumah dan masuk ke dalam keretanya. Dia lalu memandu ke hotel Grand Hyatt untuk menghadiri acara penting itu. Ramai orang kaya akan hadir di acara itu. Pasti Amir dapat bergaul rapat dengan mereka, terutama Encik Osman, seorang pemilik syarikat hartanah terbesar di Singapura. Walaupun Encik Osman kaya, dia seorang dermawan. Dia memiliki hati yang mulia dan selalu menolong orang lain.

Tiba-tiba seorang lelaki tua yang buta dan berpakaian sederhana mendekati Amir.

"Oi! Orang buta, awak tidak layak bercakap dengan saya! Pergilah!" Amir melontarkan suara riak ke arah lelaki tua itu.

"Anak muda, segala harta di dunia ini tidak boleh menggantikan kebaikan hati dan budi pekerti seseorang," lelaki itu menasihati dengan nada yang lembut.

"Siapa kau? Sudah lah. Pergi dari sini!" Amir menjauhkan diri dari lelaki itu.

Namun, kata-kata lelaki buta itu terngiang-ngiang dalam pemikiran Amir dan membuatnya berfikir panjang. Walaupun Amir memiliki banyak wang dan harta, tiada seorang pun mahu berkawan dengannya. Pekerja-pekerjanya pula sering mengumpat di belakangnya. Ibunya pula sentiasa kelihatan muram dan tidak lagi cuba berkomunikasi dengannya. Amir berasa kosong. Nampaknya, harta bukanlah segala yang diidam-idamkan. Walaupun Amir memiliki segala yang diimpikannya, Amir berasa hidupnya kesepian.

Amir terus meninggalkan dewan acara itu dan berjalan-jalan di taman sambil berfikir panjang. Tiba-tiba, dia terserempak dengan lelaki tua tadi yang sedang diiringi beberapa pengawal peribadinya. Kemudian barulah Amir sedar bahawa lelaki itu ialah Encik Osman. Amir berasa kesal bersikap biadap terhadap Encik Osman. Dia terus mendekati kereta Encik Osman dan mengucapkan terima kasih atas nasihatnya.

Setelah itu, Amir bergegas pulang dan memohon maaf daripada ibunya. Peristiwa yang dialami Amir memberikan impak yang besar dan juga kesedaran kepadanya bahawa budi tidak boleh digantikan dengan harta, kerana harta boleh lenyap, tetapi budi yang baik akan dikenang selamanya. Amir teringat sebuah pantun lama yang selalu didendangkan oleh ibunya:

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Amir bertekad untuk menjadi seorang dermawan seperti Encik Osman yang berbakti kepada masyarakat.

NILAI SEBIJI HATI

Muhammad Rizqullah Abdul Rahman
Sekolah Rendah Bukit View

10 Cerpen
Terbaik

"Wahai murid-murid, saya ada berita buruk!" suara Cikgu Farah bergema di dalam dewan sekolah. "Projek Jualan Amal yang kita rancang terpaksa dibatalkan kerana masalah keselamatan."

Seisi kelas terdiam. Sunyi sepi seperti malam kelam tanpa bintang. Zara terasa seperti bumi bergoncang di bawah kakinya. Selama berminggu-minggu mereka bertungkus-lumus menyediakan barang jualan seperti kek, kuih-muih dan kraf tangan, semata-mata untuk membantu keluarga kurang berkemampuan.

"Habis semua usaha kita sia-sia?" bisik Syamil, sahabat baik Zara, dengan wajah suram seperti langit mendung.

Zara mengetap bibir. Dia juga kecewa. Peluh yang menitis sewaktu membuat kek, jari yang terluka ketika menggunting kain — semua seolah-olah hilang ditiup angin tanpa penghargaan.

Pada petang itu, Zara dan rakan-rakannya berkumpul.

"Tak ada gunanya sambung lagi. Kita buat semua ni pun kerana hendak dapat sijil penghargaan," keluh Siti sambil mencebik.

Zara diam membatu. Hatinya berkocak seperti laut dilanda badai. Dia mula bertanya kepada dirinya sendiri: Adakah selama ini dia benar-benar ikhlas, atau hanya ingin mendapatkan pujian?

Pada malam itu, di rumah, Zara termenung panjang di beranda rumahnya. Angin malam mengusap pipinya perlahan. Ibunya menghampiri lalu duduk di sebelahnya.

"Zara, kebaikan yang kita buat tetap memberi makna, walaupun tiada sesiapa yang memandang. Ingatlah, ibarat padi, semakin berisi semakin menunduk. Kadang-kadang hasil kerja kita lebih besar daripada yang kita jangka," nasihat ibu Zara sambil mengelus bahunya.

Kata-kata itu mengalir masuk ke dalam hatinya, menenangkan gelora kecewa yang melanda. Keesokan harinya, Zara berdiri di hadapan rakan-rakannya.

"Walaupun jualan amal dibatalkan, kita masih boleh membantu. Apa kata, kita dermakan kek dan kraf tangan yang sudah kita buat kepada keluarga-keluarga itu secara langsung?" cadangnya. Matanya bersinar penuh semangat.

Pada mulanya, rakan-rakan Zara termenung. Namun, apabila mereka melihat kesungguhan Zara, perlahan-lahan mereka mengangguk tanda setuju.

Mereka mengumpulkan semua barang, membungkusnya dengan kemas. Dengan bantuan guru-guru, mereka mengedarkan sendiri sumbangan itu kepada keluarga-keluarga yang memerlukan di sekitar kawasan sekolah.

Setiap senyuman dan setiap ucapan terima kasih daripada keluarga itu menjadi hadiah paling bermakna buat mereka. Peluh yang menitis menjadi mutiara kepuasan.

"Terima kasih, anak-anak. Bantuan ini amat berharga buat kami," kata seorang ibu sambil tersenyum mesra.

Zara tersenyum lega. Perasaan di dalam hatinya bagai bunga ikhlas mekar dengan harum yang tidak boleh diukur dengan mata kasar.

Dia teringat akan kata-kata ibunya, "Hidup ini biar berbakti, walaupun tidak dipuji."

Walaupun tiada pentas dan sorakan, dia tahu — usaha kecil mereka telah membawa perubahan besar.

BUDI YANG BAIK DIKENANG SELALU

Nur Sofya Nabihah Nor Iman

Sekolah Rendah St. Anthony

"Pisang emas dibawa belayar, Masak satu di dalam peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati."

Seperti hari-hari yang berlalu, adikku, Aina, mula menyanyi dengan sekuat hatinya di dalam bas yang kami naiki untuk ke sekolahnya. Aku berbisik kepadanya untuk meminta Aina supaya perlahan kan sedikit suaranya itu. Aina tidak mengendahkan kata-kataku yang lembut itu. Aku pasti penumpang bas yang duduk di sekeliling kami, akan berfikir bahawa Aina seorang kanak-kanak yang tidak beradab dan berkelakuan pelik.

Namun, mereka tidak tahu perkara yang sebenar, mengapa Aina berkelakuan begitu, iaitu, menyanyi tanpa mempedulikan orang lain. Bukan itu sahaja, mereka pasti tertanya-tanya mengapa Aina langsung tidak mendengar nasihatku. Aku sudah terbiasa dengan jolokan orang yang akan menunjukkan muka yang marah atau jelek dengan karenah Aina itu.

"Sabarlah Aira, mereka tidak perlu tahu keadaan Aina. Jangan endahkan kata-kata mereka," aku cuba memujuk hatiku yang mula membara apabila terpancang seorang wanita yang menggelengkan kepala sambil memerhatikan Aina.

Sebenarnya, Aina telah dilahirkan dengan mempunyai keadaan Autisme kerana dia telah dilahirkan terlalu awal. Disebabkan itu jugalah, Ibu meninggal dunia semasa melahirkan Aina akibat komplikasi yang dilaluinya. Ayah tidak boleh menerima hakikat bahawa Ibu telah meninggalkan kami pada usia yang muda malah beliau berdendam dan menuduh Aina bahawa dialah penyebab kematian Ibu. Kadang-kala, Ayah akan menjerit kepada Aina dan memarahinya atas setiap perbuatannya, walau sekecil mana pun. Ayah bukan tidak memahami keadaan Aina. Beliau langsung tidak redha dengan pemergian Ibu yang mendadak. Beliau selalu mencari mangsa untuk dipersalahkan malah Ayah juga akan mencari alasan untuk tidak pulang ke rumah supaya tidak perlu berdepan dengan Aina.

Disebabkan itu, akulah yang membesarkan Aina. Usiaku baru menjangkau enam belas tahun apabila

Aina dilahirkan. Dengan pemergian Ibu dan kemarahan Ayah yang tiada batasnya, akulah yang menguruskan Aina di rumah seperti menyuapkannya makan dan akulah juga yang menukarkan lampinnya. Aku banyak ponteng daripada sekolah pada waktu itu juga kerana aku sedar bahawa adikku lebih memerlukan aku, maka aku sanggup berkorban untuknya.

Apabila usia Aina menjangkau dua tahun, kebimbangan mula menggigit diriku kerana aku telah memerhatikan berkali-kali bahawa Aina masih tidak boleh bertutur seperti kanak-kanak biasa. Aina lebih suka menyendiri dan tidak akan memberikan tumpuan terhadap aku setiap kali aku cuba berbual dengannya. Aina juga akan mudah mengamuk jika dia tidak mendapat apa yang dikehendakinya. Aina akan menangis ataupun memekik dengan sekuat hati malah ada beberapa kali juga, Aina akan memukul aku dalam kemarahan.

Aku akui bahawa ianya menjadi semakin sukar untuk menjaga Aina. Namun aku masih berlapang dada dan tidak pernah memarahinya. Aku sentiasa mengingatkan diriku bahawa Aina tidak mempunyai sesiapa lagi melainkan aku. Dia tidak pernah mempunyai kesempatan untuk mengenali Ibu maka pada fikiranku, Aina berkeadaan demikian kerana dia mendahagakan kasih sayang seorang ibu yang tidak pernah dikenalnya.

Pada usia Aina tiga tahun, Ayah mengambil keputusan untuk memasukkan Aina ke prasekolah, dengan alasan, biarlah Aina menjadi lebih berdikari dan aku pula boleh menumpukan perhatian terhadap pelajaranku yang sekian lama terabai. Walaupun hatiku berat untuk berpisah dengan Aina, aku akur bahawa langkah itu mungkin sesuatu yang akan mendatangkan faedah kepadanya kerana ia akan memberinya peluang untuk berkenalan dengan kawan baharu dan menimba pengalaman yang seronok di sekolah.

Namun, setelah dua bulan Aina berada di sekolah, gurunya, Puan Lee, menghubungi Ayah untuk menjemputnya ke sekolah kerana mahu berbincang mengenai keadaan Aina. Aku mengambil keputusan untuk menemani Ayah ke sekolah Aina pada waktu itu kerana hatiku terasa tidak tenang apabila mendapat tahu tentang perkara itu.

Setibanya di sekolah Aina, aku perasan bahawa Aina sedang bermain dengan anak patung di satu sudut dalam bilik darjahnya manakala rakan-rakan Aina yang lain, berada di sebuah taman permainan kanak-kanak yang berdekatan dengan sekolahnya. Seribu persoalan mula melanda diriku apabila terlihat adikku bermain seorang diri namun lamunanku terhenti seketika apabila Puan Lee muncul di hadapan kami.

Puan Lee menerangkan kepada Ayah dan aku bahawa guru-guru di prasekolah tersebut mengesyaki bahawa Aina merupakan seorang kanak-kanak istimewa yang menunjukkan kelakuan seseorang yang mempunyai keadaan autisme. Puan Lee juga menjelaskan bahawa seorang kanak-kanak autistik lebih gemar menyendiri dan biasanya juga, akan melalui kesukaran untuk bertutur dengan fasih seperti kanak-kanak normal. Antara perbuatan lain yang dilakukan Aina ialah sikap Aina yang tidak akan bertentangan mata dengan sesiapa dan juga akan cepat naik baran sekiranya dia tidak mendapat apa yang dimahukannya.

Mendengar penjelasan Puan Lee itu, aku digamit kesedihan. Barulah aku faham mengapa adikku berkelakuan begitu selama ini. Aku tidak boleh menahan sebak di hati dan mula menangis sambil melemparkan pandangan terhadap Aina yang seperti berada di dalam dunianya sendiri. Ayah pula terdiam seribu bahasa dan menundukkan kepalanya dengan wajah yang muram. Pada waktu itu jugalah, aku bertekad bahawa aku akan menjaga adikku sebagai menatang minyak yang penuh walaupun dia seorang kanak-kanak istimewa. Aku berjanji tidak akan mengabaikan Aina dan meninggalkannya seorang diri kerana aku yakin bahawa tidak semua orang akan memahami kelakuan dan perangai Aina seperti mana aku fahaminya.

Lamunanku terhenti apabila Aina mula menyanyi dengan suara yang lebih kuat sambil bertepuk tangan. Kelihatan penumpang bas yang lain, mula berasa bingit malah ada yang mula berdengus marah. Oleh itu aku mengambil keputusan untuk turun dari bas itu dan berjalan kaki sahaja ke sekolah Aina kerana kami pun hampir tiba di destinasi kami itu.

Haba dari matahari yang terik, membuat kami berpeluh. Aku mengelap peluhku di dahiku. Walaupun aku kepanasan, aku tersenyum apabila aku melihat Aina masih menyanyi keriang. Aina kini sudah berusia sepuluh tahun. Berkat bantuan guru-gurunya di prasekolahnya dahulu dan kini, di

sebuah sekolah rendah buat kanak-kanak istimewa, Aina mula mempelajari beberapa patah perkataan asas supaya dia boleh berkomunikasi dengan kami. Pada waktu itu juga, Aina telah mempelajari lagu Budi Yang Baik di sekolah, yang ditulis oleh seorang penggubah muzik yang tersohor di Singapura, iaitu Zubir Said. Semenjak itu, dia selalu menyanyikan bahagian korus lagu tersebut secara berulang-ulang. Aku tergelak melihat karenah adikku yang comel itu.

Semenjak menuntut di sekolah buat kanak-kanak istimewa itu, sekian hari, Aina amat teruja untuk ke sekolah. Dia terlonjak-lonjak kegembiraan apabila kami mendekati bangunan sekolahnya. Dia bertepuk tangan dan mula berlari ke arah pagar sekolah. Kelihatan seorang guru sedang berdiri di hadapan pagar sekolah sambil melambai-lambaikan tangannya kepada Aina. Aku kenal guru tersebut. Namanya Cikgu Aisyah. Beliau guru yang sentiasa berada di sisi Aina semasa di sekolah. Beliau sangat penyabar orangnya dan pantas meredakan kemarahan Aina sehingga kini, Aina kurang mengamuk jika tidak mendapat apa yang dikehendakinya kerana Aina akan teringatkan gurunya yang mulia itu. Cikgu Aisyah tidak putus-putus berpesan kepada Aina supaya sentiasa cuba mengawal kemarahannya dan mendidiknya dengan penuh keikhlasan. Aku berterima kasih kepadanya. Aku sedar bahawa aku tidak dapat membalas segala jasa Cikgu Aisyah itu. Aku berasa sangat bersyukur kerana Aina diketemukan dengan seorang guru yang begitu prihatin dan bersabar. Aku sentiasa berdoa supaya budi baik Cikgu Aisyah akan dibalas pada suatu hari nanti.

Aku mengucapkan selamat pagi kepada Cikgu Aisyah yang sudah tersenyum, menyambut kedatangan kami. Beliau menegur Aina yang semakin kuat menyanyikan lagu kegemarannya itu. Cikgu Aisyah ketawa kecil sambil memimpin tangan Aina untuk membawanya masuk ke sekolah dan melambai tangannya kepadaku. Hatiku tercuit melihat gelagat mereka berdua dan pada masa yang sama, aku seperti tidak mahu meninggalkan Aina. Aku khuatir sekiranya Aina akan diabaikan atau dibuli. Aku tidak mahu perkara seperti ini berlaku hanya disebabkan dia berkeadaan autisme. Sifat kami ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua. Namun, kerisauan aku itu reda apabila aku melihat Aina memeluk Cikgu Aisyah dengan erat dan dibalas pula dengan belaian Cikgu Aisyah yang lembut. Aku tersenyum kecil dan mula mengorak langkah ke tempat kerja.

Aku bekerja sebagai seorang jurujual di sebuah pusat beli-belah yang berdekatan dengan sekolah Aina supaya mudah untuk aku menjemputnya pulang selepas waktu sekolah. Apabila aku tiba di kedai kasut Nike tempat aku bertugas, aku diperkenalkan dengan seorang rakan kerja baharu yang juga mempunyai nama yang sama seperti adikku, Aina. Aku tersenyum terdengar namanya itu sambil berkata, "Nama adikku juga Aina! Aku amat menyayanginya lebih-lebih lagi, adikku seorang kanak-kanak istimewa. Aku baru sahaja menghantarnya ke sekolah."

Wajah rakan sekerjaku yang baharu itu berubah apabila mendengar kata-kataku, seperti dia berasa jijik. Dahiku berkerut, hairan dengan wajahnya itu. Belum sempat aku hendak berkata apa-apa, ketua kami mengarahkan kami untuk mula bertugas kerana semakin ramai pelanggan yang sudah memasuki kedai untuk membeli-belah. Aku pun terus menuju ke kaunter pembayaran manakala Ainah menghampiri seorang pelanggan yang sedang memegang sepasang kasut.

Seperti biasa, keadaan di kedai kasut dipenuhi ramai pelanggan. Semasa bertugas, Ainah banyak kali mendekati aku untuk bertanya pelbagai soalan tentang urusan kerja malah banyak kali juga, aku langsung terus menyelesaikan tugasnya kerana tidak mahu membiarkan pelanggan kami menunggu lama. Aku sibuk bertugas sehingga tidak perasan bahawa masa kerja sudah pun tamat. Ainah mengajak aku makan bersamanya sebelum pulang. Katanya, dia ingin mengenali aku dengan lebih dekat lagi, memandangkan kami akan bekerja bersama-sama semenjak hari itu. Aku melihat jam tanganku. Hampir tiba masanya untuk aku menjemput adikku pulang dari sekolah. Aku teragak-agak, tidak pasti sama ada hendak menemani rakanku makan atau menjemput adikku pulang dari sekolah.

Tiba-tiba, Ainah bersuara dan mengajak aku ke restoran makanan segera Burger King kerana dia sudah berasa terlalu lapar. Dia berjanji tidak akan mengambil masa yang lama. Aku tersentak. Aku tidak sangka bahawa hubungan kami akan rapat sebegini dalam masa yang singkat. Aku beritahunya bahawa aku harus memberitahu Cikgu Aisyah dahulu kerana adikku, Aina akan tamat sekolah dalam masa sejam lagi dan aku perlu menjemputnya pulang. Aku mengeluarkan telefon bimbit dari kocekku. Namun, Ainah berkata sekali lagi bahawa dia akan makan dengan cepat dan memastikan bahawa aku tidak akan lambat untuk menjemput adikku pulang.

Aku serba salah dan di dalam dilema. Akibat berasa kasihan terhadap rakan kerjaku yang baharu itu, aku mengambil keputusan untuk menemaninya makan.

Setibanya di Burger King, kami mula makan sambil berborak. Buat pertama kalinya, aku berasa seperti aku akhirnya mempunyai seseorang yang sebaya denganku dan boleh berbual denganku tentang banyak perkara yang tidak pernah aku berkesempatan untuk lakukan selama ini. Disebabkan kebanyakan masaku diluahkan bersama adikku, aku tidak berpeluang untuk berkenalan dengan kawan baharu. Aku leka berborak dengan Ainah sehingga aku tidak perasan waktu sudah pantas berlalu. Aku mengakui bahawa aku sangat berseronok pada waktu itu.

"Nasib baik awak tidak menelefon adik awak yang cacat itu. Bukankah lebih baik awak meluahkan masa dengan saya sahaja, Aira?" tiba-tiba, Ainah berkata dengan senyuman sinis.

Wajahku menjadi merah. Aku tersentak dengan kata-katanya itu. Aku melihat jam tanganku dan matakku terbeliak apabila aku sedari bahawa aku seharusnya menjemput adikku pulang dari sekolah dua jam yang lalu! Aku tidak boleh mengawal perasaanku. Tanpa berfikir, aku berdiri dan meninggikan suara kepada Ainah dengan marah, "Aina ialah adik aku! Dia tidak cacat. Dia istimewa! Engkau tidak berhak berkata begitu tentang adikku itu!"

Ainah terkejut. Mulutnya ternganga. Dengan secepat kilat, perasaan terkejut itu bertukar menjadi marah. Dia mengugut aku akan melaporkan perbuatan aku membuat semua tugasnya di tempat kerja tadi sehingga dia tidak berpeluang untuk menimba pengalamannya sendiri. Pada waktu itu, aku menyedari bahawa dia hanya mahu mempergunakan aku padahal aku tiada niat untuk melakukan perkara itu. Aku sekadar ingin membantunya sahaja dan bukan menimbulkan sebarang kesusahan terhadapnya. Sikap Ainah laksana bunga dedap, sungguh merah berbau tidak. Sebelum aku tidak boleh mengawal diri, aku melangkah keluar dari tempat itu, meninggalkan Ainah keseorangan.

Aku terus berlari ke sekolah adikku sambil menangis. Aku rasa sangat bersalah. Aku tidak sepatutnya meninggalkan Aina seorang diri di sekolah! Aku dapat bayangkan Aina duduk di bangku sekolah, menantikan ketibaanku sementara aku pula berse-



ronok dengan seseorang yang bermuka-muka dan berniat untuk mengambil kesempatan di atas kebbaikanku terhadapnya. "Maafkan kakak, Aina. Kakak telah bersalah terhadapmu," bisikku di dalam hati sambil mempercepatkan langkahku.

Aku hampir tiba di sekolah apabila aku ternampak Aina berjalan mundar-mandir di halaman sekolah. Hatiku semakin resah namun aku menghela nafas lega apabila Aina mula melonjak-lonjak gembira setelah melihatku. Aina berlari ke arah aku dengan pantas. Pada masa yang sama, kedengaran suara Cikgu Aisyah memanggil Aina dari belakang dan menyuruhnya berhati-hati kerana tidak mahu Aina terjatuh dan mencederakan dirinya.

Aina terus memeluk aku dengan erat dan mula menyanyikan lagu kegemarannya. Aku tidak dapat menahan airmataku akibat rasa bersalah dan terus berjanji kepadanya bahawa aku tidak akan lalai dengan tanggungjawabku terhadap adikku itu. Dalam keadaanku yang penuh emosi itu, Cikgu Aisyah menghampiri kami dan bersuara,

"Jangan khuatir, Aira. Aina tidak apa-apa. Saya berada bersamanya sepanjang masa tadi sementara menunggu kedatangan kamu. Kami banyak mewarnakan lukisan tadi supaya dia tidak berasa resah menunggu kamu."

Aku mengucapkan terima kasih kepadanya dan meminta maaf akibat kelalaianku itu. Aku berjanji tidak akan mengulangi perbuatan yang sama. Cikgu Aisyah tersenyum dan memberitahu aku supaya tidak perlu rasa bersalah kerana beliau faham keadaanku.

Pada waktu itulah, aku memahami lirik lagu yang Aina selalu nyanyikan itu:

"Pisang emas dibawa belayar,
Masak satu di dalam peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi terbawa mati."

Aku tersenyum. Aku amat berterima kasih kepada Cikgu Aisyah. Aku berhutang budi kepadanya. Beliau telah melayani Aina dengan begitu prihatin dan penuh kasih sayang. Beliau lah yang menjaga Aina di sekolah dengan baik semasa aku sibuk bekerja. Cikgu Aisyah umpama minyak setitik, di laut sekalipun timbul jua. Budi baiknya itu, tidak akan dapat aku balas sampai bila-bila.

PESANAN

Nur Arifah Mazli
Sekolah Rendah Cedar

"Murid yang telah mendapat keputusan cemerlang ialah Ani!" kata guruku, Cikgu Laila, kepada kelasku.

Kedengaran tepukan gemuruh dan sorak-sorai daripada murid-murid sekelasku. Aku melonjak kegembiraan. Perasaan gembira membuak-buak di dalam hatiku. Aku tidak sabar untuk menunjukkan kertas ujianku kepada ibu bapaku. Mereka pasti akan bangga dengan pencapaianku. Aku berasa sungguh besar hati kerana semua usahaku selama ini berbaloi, bukan bagai menghitung bulu kambing.

Aku selalu mendapat keputusan yang tertinggi di dalam kelasku. Sejak hari itu, aku mula enggan mengulang kaji pelajaranku lagi dan tidak menumpukan perhatianku kepada Cikgu Ani apabila dia sedang mengajar di dalam kelas. Aku berasa sungguh yakin bahawa aku akan mendapat keputusan yang tertinggi sekali lagi untuk ujian seterusnya.

Aku kerap bermain permainan di telefon bimbitku sehingga lewat malam. Walaupun ibuku menasihati aku untuk mengulang kaji pelajaranku, aku tidak mengendahkan nasihatnya. Nasihat ibuku bagai mencurahkan air ke daun keladi. Bak kata pepatah, masuk ke telinga kanan, keluar ke telinga kiri. Bermain permainan di telefon bimbitku telah menjadi tabiat burukku. Aku berasa terlalu seronok sehingga tidak sedar bahawa peperiksaan akhir tahun menjelang tiba.

"Kamu semua boleh mula sekarang!" ujar Cikgu Ani kepada kelasku.

Tanpa berlengah lagi, aku pun mula menjawab soalan-soalan mudah di kertas peperiksaan. Aku tersenyum lebar menampakkan gigiku yang putih bak mutiara. Namun, senyuman tersebut hilang apabila aku terlihat satu soalan yang agak mencabar dan aku tidak pasti bagaimana untuk menyelesaikannya. Aku menggaru kepalaku dan mengetap bibirku. Bintik-bintik keringat membasahi dahiku. Aku teringat bahawa Cikgu Ani pernah mengajar kelasku cara untuk menyelesaikan soalan yang seakan di dalam kertas peperiksaanku itu. Aku cuba untuk mengingatnya semula. Namun, fikiranku buntu. Aku mati akal. Aku tidak tahu apa yang harus aku lakukan.

Aku melihat jam dinding di sudut kelasku. Mataku terbeliak dan mulutku terlopong. Jarum jam seakan-akan bergerak dengan cepat. Aku hanya mempunyai beberapa minit lagi tetapi aku masih ada beberapa soalan yang belum dijawab. Aku menjadi cemas. Jantungku berdegup-degup dengan kencang. Aku memutuskan untuk membiarkan soalan tersebut kosong kerana masa tidak mencukupi.

Aku memikirkan penyelesaian bagi soalan-soalan yang belum diselesaikan. Mujurlah, sebuah idea tercetus di dalam kotak fikiranku. Aku pun mengintai kertas rakanku yang berada di sebelahku sambil berharap rakanku itu di soalan yang sama. Aku menghela nafas yang lega. Tanpa membuang masa lagi, aku pun meniru jawapan-jawapannya bagi soalan tersebut. Aku ketawa sinis kerana aku yakin akan mendapat keputusan yang cemerlang.

"Masa sudah tamat! Sila letakkan alat tulis awak di atas meja," kata Cikgu Ani.

Apabila Cikgu Ani mengumpulkan kertas ujian, aku tidak mampu mendongakkan kepalaku. Walaupun aku mampu menyelesaikan soalan-soalan di kertas peperiksaanku itu, aku telah melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan. Aku cuba untuk melupakan perbuatanku itu.

Setelah beberapa hari, aku mendapat keputusan peperiksaanku. Tatkala aku menerima kertas peperiksaanku, aku melihat keputusanku dengan perlahan-lahan. Hatiku hancur seribu bagai kaca yang terhempas ke batu. Aku mula menangis teresak-esak. Aku sungguh kecewa dengan keputusanku. Aku telah gagal! Aku berasa takut untuk menunjukkan kertas peperiksaanku kepada ibu bapaku.

Kring...! Loceng sekolah berdering menandakan masanya untuk pulang ke rumah.

"Ana, saya mahu jumpa awak!" teriak Cikgu Ani dengan nada marah.

Aku terperanjat bagai terkena kejutan elektrik. Hatiku berdegup dengan lebih kencang. Adakah

Cikgu Ani sudah tahu tentang perbuatanku? Soalan itu berlegar-legar di kotak fikiranku. Langkahku berat macam batu semasa menuju ke arah Cikgu Ani. Bibit-bibit kemarahan yang mula membenih di wajahnya jelas kelihatan. Keringat mula membasahi dahiku. Dia menyoal aku tentang jawapanku yang sama seperti salah seorang rakan sekelasku.

Aku mengumpulkan semua keberanianku lalu menjawab soalnya.

Setelah mendengar pengakuanku, Cikgu Ani memandang aku dengan sejempit kehampaan yang ternyata di air wajahnya. Cikgu Ani terpaksa menelefon ibuku untuk memberitahunya perkara yang terjadi.

"Ana!"teriak ibuku sekuat-kuat hatinya setibanya di pejabat sekolah.

Wajah ibuku menjadi merah padam. Bunga-bunga kemarahan yang mula membenih di wajahnya jelas kelihatan. Ibu memarahi aku kerana tidak sangka anaknya yang ditatang seperti minyak yang penuh tergamak meniru jawapan rakan semasa peperiksaan. Air mataku mula menitis di pipiku. Aku hanya menundukkan kepalaku kerana tidak mampu melihat wajah ibuku.

Tanpa berlengah lagi, aku pun meminta maaf kepadanya lalu berjanji untuk mendengar nasihatnya. Mujurlah ibuku memaafkan aku. Ibu berpesan bahawa untuk mencapai kejayaan, aku harus berusaha kerana tiada jalan mudah. Aku mendakap ibuku dengan erat. Sejak hari itu, aku mengulang kaji pelajaranku dan mengalihkan semua perhatianku kepada Cikgu Ani apabila dia sedang mengajar supaya aku akan tahu cara untuk menyelesaikan soalan-soalan yang akan diuji. Hari demi hari, keputusan dan prestasiku semakin meningkat.

Sedang aku mengulang kaji pelajaran pada petang itu, kedengaran kata-kata yang tiba-tiba membuat aku terfikir sejenak. "Rajinlah supaya berjaya, semoga bahagia!". Aku teringat lagu tersebut dimainkan setiap tahun pada Hari Kanak-kanak. Namun, aku masih ada beberapa soalan yang bermain di kotak fikiranku.

Siapakah pencipta lagu Semoga Bahagia? Bilakah lagu Semoga Bahagia dikeluarkan? Apakah maksud lirik lagu tersebut? Soalan-soalan tersebut berlegar-legar di kotak fikiranku.

Aku pun bertekad untuk mencari jawapan bagi semua soalanku. Oh! Rupa-rupanya, pencipta lagu tersebut Zubir Said dan ia diperdengarkan pada 7 Julai 1957. Lirik lagu tersebut membawa maksud tersirat. Kita haruslah rajin supaya berjaya. Aku mempelajari bahawa aku harus rajin berusaha untuk menjadi seorang yang berjaya. Pesanan ini amat berguna dalam kehidupan. Kita tidak sepatutnya lupa pada pelajaran untuk kita menimba ilmu dan tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung. Oleh itu, lagu Zubir Said menjadi inspirasi dan motivasi kepada aku untuk tidak berputus asa dan sentiasa bekerja keras.

BERBUAT BAIK

Sarah Marissa Lim
Sekolah Rendah Casuarina

Aku sedang mengemas meja belajarku. Aku sedang menyapu mejaku dengan tanganku apabila aku terasa sesuatu yang berbentuk sebuah buku. Aku mengangkat benda itu dan terseringai manis apabila terlihat sebuah album gambar. Aku membelek-belek album gambar tersebut dan terlihat sekeping gambar yang aku ambil dengan kawan akrabku, Kaito. Fikiranku menjangkau ke satu peristiwa yang berlaku pada dua tahun yang lalu.

Pada ketika itu, aku sedang menunggu guruku, Cikgu Maya, untuk memulangkan kertas ujian WA1 aku. Kelasku riuh-rendah kerana semua murid teruja untuk mendapat kertas ujian masing-masing. Cikgu Maya mula memulangkan kertas ujian kami.

"Syabas, Lyla! Kamu telah mendapat markah penuh! Kelas, berikan tepukan kepada Lyla," puji Cikgu Maya.

Tepukan yang kuat mula mengisi kelasku. Mukaku menjadi merah macam bunga mawar. Aku tersipu-sipu. Aku mengucapkan terima kasih kepada semua rakan sekelasku dengan perasaan besar hati. Aku tidak sabar untuk menunjukkan kertas ujian ini kepada ibuku. Aku pun berjalan pulang ke rumah dengan senyuman terukir di bibir.

Sekonyong-konyong, sekumpulan murid-murid dari kelasku berdiri di hadapan aku.

"Lihat, semua sahabatku. Lihat, murid yang paling cerdik di dalam kelas kita.

Murid yang hidung tinggi," kata Faris, murid yang paling nakal di kelasku.

Kawan-kawannya yang berdiri di belakang dan bersebelahannya mula bercenerul. Jantungku berdegap-degup kencang dan mukaku pucat macam mayat kerana ketakutan. Faris dan rakan-rakannya tentu lebih kuat daripada aku. Aku tidak mahu dicerderakan oleh mereka.

"Kamu mahu apa daripada saya? Saya tidak buat apa-apa salah dan saya bukan hidung tinggi," aku berkata dengan kuat untuk menyembunyikan perasaan takutku.

"Kamu berani bercakap macam itu kepada kami? Kurang ajar. Wahai sahabatku, cederakan dia!" kata Faris dengan suara yang marah dan menakutkan.

Tanpa berlengah, aku pun membuka langkah seribu. Aku menoleh ke belakang dan ternampak Faris dan kawan-kawannya mengejar aku. Walaupun kakiku sudah penat dan lemah selepas berlari jauh, aku masih berterus berlari. Aku betul-betul takut.

Apabila aku sampai di kolong blok rumahku, aku cepat-cepat menaiki lif untuk pulang ke rumahku. Aku menarik nafas panjang apabila lif mula naik ke atas. Faris tidak dapat mencederakan aku.

Pada keesokan hari, aku memasuki bilik darjah kelasku. Aku tidak mahu memberitahu Cikgu Maya perkara yang berlaku semalam kerana takut Faris akan mengetahui bahawa aku memberitahu guru dan akan mencederakanku.

Ring! Ring! Loceng sekolahku berbunyi menunjukkan bahawa waktu sekolah sudah tamat. Aku kelam-kabut menyimpan barang-barangku di dalam beg kerana mahu cepat keluar dari sekolah supaya Faris tidak boleh menangkap aku. Aku berlari keluar dari sekolah seperti lipas kudung. Namun sebaik sahaja aku keluar dari sekolah, aku terserempak dengan Faris.

"Oh, rupa-rupanya, kau di sini!" kata Faris dengan senyuman sinis.

Aku menoleh ke belakang dan melihat Faris berdiri di belakangku. Aku terkejut lalu cuba melarikan diri tetapi Faris menggenggam tanganku.

"Ke mana engkau hendak pergi? Ayuh, ikut aku, okey?" tanya Faris.

Aku mengangguk kepalaku kerana takut akan perkara yang dia akan lakukan kepada aku jika aku tidak mematuhi arahnya. Faris memanggil semua rakannya lalu membawa aku ke kolong blok yang kosong. Tiada sesiapa yang berada di situ. Tiada orang yang akan nampak kami. Aku menggigil ketakutan.

"Baiklah, Lyla. Ini hukuman pertama kau. Berikan aku dua puluh dolar dan dua dolar kepada setiap sahabatku," arah Faris.

Aku cepat-cepat mengeluarkan dompetku lalu mengira beberapa kawan Faris mempunyai.

"Satu, dua, tiga, empat, lima, lima kali dua jadi dua sepuluh. Tambah dua puluh...tiga puluh dolar," aku berbisik di dalam hatiku.

Aku mengeluarkan tiga puluh dolar dari dompetku dengan pantas lalu memberikannya kepada Faris. Sekuntum senyuman terukir di bibirnya. Perasaan kecewa dan takut menyelubungi diriku. Faris telah mengambil semua duit sekolahku, Soalan demi soalan berlegar-legar di mindaku. 'Apakah akan Faris buat kepada aku?

Adakah dia akan mencederakanku?' Perasaan panik mula berbunga di dadaku.

"Baiklah, kawan-kawanku. Mari kita pulang. Esok, kita semua akan mendapat wang lagi!" kata Faris dengan nada yang tegas sambil ketawa terbahak-bahak.

Sepantas kilat aku meninggalkan kolong blok itu. Jantungku bergoncang bagaikan mahu memecahkan rangka dadaku. Apabila tiba di rumah, ibuku bertanya,

"Mengapa Lyla lambat pulang dari sekolah?"

Aku rasa bersalah. Aku meminta maaf daripada ibuku dan tidak memberitahunya tentang perkara yang berlaku tadi. Aku tidak mahu ibuku bimbang. Pada keesokan hari, aku berjalan ke sekolah dengan perasaan takut di hatiku. Kata-kata Faris terngiang-ngiang dielingaku.

"Lyla, mengapa awak tidak makan hari ini? Kamu tidak lapar?" tanya Zoya pada waktu rehat.

"Bukan, saya mahu makan tetapi, saya...saya... lupa membawa dompet saya," jawab aku.

Aku berasa sedih kerana berbohong kepada rakan akrabku tetapi aku tidak mahu merisaukannya. Zoya menganggukkan kepalanya lalu memberi aku dua dolar untuk membeli makanan. Aku berasa lega kerana dia percaya aku. Aku mengucapkan terima kasih kepada dia lalu pergi ke gerai makanan untuk membeli mi ayam.

Apabila waktu sekolah tamat, aku berlari dengan sekuat hatiku tetapi Faris masih dapat menangkap aku. Dia memaksa aku untuk pergi ke kolong blok yang kosong itu lagi lalu menolak aku supaya aku terlepas.

"Kita berjumpa lagi! Baiklah, izinkan aku ambil -duit kau. Oh, aku baru teringat! Aku tidak perlu minta izin! Berikan aku semua duit kau sekarang!" kata Faris dengan suara yang garang.

"S...saya tidak ada duit lagi. Kamu sudah mengambil semua duit saya semalam," Aku berkata dengan suara yang terketar-ketar.

"Saya tidak percaya awak. Kaito, periksa beg dan dompetnya," Faris menyuruh rakannya menyemak begku.

Semasa Kaito sedang memeriksa begku, dia berbisik dielingaku, "Lyla kamu tidak perlu takut. Saya akan memberitahu guru tentang perkara ini esok. Saya tidak suka melihat Faris menyakit hati kamu atau mencederakan orang lain. Ambil duit ini.

Saya mahu membayar balik awak untuk semalam."

Aku terkejut dengan perbuatan Kaito. Kalau dia memberitahu guru tentang perbuatan Faris, dia akan mengkhianati Faris. Aku bersyukur kerana aku tahu bahawa aku akan mendapat pertolongan daripada Kaito pada keesokan hari.

"Faris, dia memang tidak ada duit lagi. Mari kita pulang ke rumah," kata Kaito kepada Faris.

Faris mengangguk kepalanya. Aku fikir Faris akan meninggalkan aku sendiri tetapi dia menyuruh kawan-kawannya untuk memukul dan menendang aku! Air mataku berlinangan lalu membasahi pipi gebuku. Muka Kaito masam melihat rakan-rakannya mencederakan aku tetapi dia tidak boleh berbuat apa-apa. Aku pulang ke rumah dengan lebam dan luka pada wajahku.

Pada keesokan hari, aku berjalan ke sekolah dengan rasa gembira meluap-luap di sudut hatiku walaupun lebam dan lukaku masih sakit. Aku tahu Faris akan dimarahi oleh Cikgu Maya apabila Kaito memberitahunya perkara yang terjadi kepada aku. Apabila tiba di kelas, aku meletakkan begku di samping mejaku. Aku melihat Kaito berjalan ke arahku. Aku tersenyum manis. Aku tidak harus menderita lagi.

"Lyla, sudah siap? Mahu memberitahu Cikgu Maya sekarang?" tanya Kaito.

Aku mengangguk, menandakan aku bersetuju lalu berdiri dari kerusi aku dan menghayunkan kaki ke Cikgu Maya dengan Kaito di sebelah aku. Aku memandang ke arah Faris. Matanya sepet apabila melihat Kaito dengan aku.

"Cikgu Maya, kami mahu melaporkan kes buli. Mangsanya Lyla. Faris telah membuli Lyla dengan mengambil duitnya dan juga mencederakannya. Cikgu Maya boleh melihat lebam dan lukanya dari semalam," beritahu Kaito.

Mata Cikgu Maya terbeliak apabila dia ternampak luka-lukaku. Mukanya menjadi merah dan darahnya mendidih. Dia memanggil Faris dan menyuruhnya untuk mengikutnya dengan suara yang kuat. Muka Faris pucat lesi bagaikan ditoreh tiada berdarah.

"Mengapakah awak membuli Lyla? Saya pasti Lyla tidak pernah membuat apa-apa kepada awak!" herdik Cikgu Lyla dengan muka yang Garang macam singa.

"Saya...Saya...Saya membuat semua ini kerana saya mahu membantu ibu saya. Ayah saya telah meninggal dunia setahun yang lalu dan ibu saya seorang yang bekerja untuk menyokong keperluan keluarga saya. Saya ada empat adik-beradik. Saya tahu ibu saya penat setiap hari kerana melakukan dua pekerjaan. Ibu saya bangun seawal jam empat dan tidur selewat jam dua belas malam. Hati saya pecah seribu apabila melihat keadaan ibu saya," kata Faris dengan air matanya bergenang di kelopak matanya,

Cikgu Maya terperanjat apabila mendengar kata-kata Faris. Dia menganggukkan kepala dan memahami keadaan Faris. Dia memberitahu Faris bahawa keluarganya akan mendapat sokongan kewangan tetapi Faris masih akan dapat hukuman kerana walaupun kehidupan keluarganya susah, tiada alasan untuk dia mencederakan orang lain. Dia akan digantung dari sekolah selama satu minggu. Faris mengelap air matanya daripada mukanya dengan tangannya. Dia lapang dada. Dia tahu kehidupan keluarganya akan bertambah baik.

Pada keesokan hari, Cikgu Maya memberitahu aku bahawa kes buli tersebut sudah diselesaikan oleh guru-guru. Aku terseringai mesra. Aku tidak harus takut kepada Faris. Hari sekolah itu berlalu dengan

cepat. Minggu itu berlalu dengan cepat. Hari yang Faris akan hadir ke sekolah telah tiba.

Aku berjalan ke sekolah dengan kaki yang berat. Aku enggan berjumpa dengan Faris di sekolah. Aku memikirkan apa yang Faris akan buat kepada Kaito dan aku. Sesampainya di kelas, Faris menghampiri aku. Aku berasa panik. Tanganku berpeluh sejuk dan aku mati akal.

"Lyla, saya meminta maaf kerana perbuatan saya. Saya tidak akan melakukan perbuatan saya yang salah itu lagi," kata Faris dengan muka yang sedih.

Aku terperanjat. Aku memaafkan Faris dan memberinya peluang untuk menebus perbuatannya. Kami buang yang keruh dan ambil yang jernih.

Selepas sekolah, aku mengucapkan terima kasih kepada Kaito kerana menolong aku menyelesaikan masalahku. Selepas kejadian itu, Kaito dan aku menjadi bagai isi dengan kuku. Aku bersyukur kerana mempunyai sahabat yang baik.

Sekonyong-konyong, aku terdengar lonceng pintu rumahku. Aku tersentak daripada lamunanku lalu bergegas ke pintu rumahku. Aku membuka pintu rumahku dan tersenyum apabila melihat Kaito. Peristiwa yang berlaku tidak akan aku lupakan sepanjang hayat.

MENGEJAR IMPIAN

Mohamed Fikri Mohamed Fareez
Sekolah Rendah Frontier

Matahari bersinar terang, seperti permata di langit biru. Cuaca panas terik, namun angin yang bertiup kencang menjadikan suasana nyaman dan damai. Di laman rumah, Amin sedang menolong anaknya, Siti, menyiapkan projek lukisan sekolah. Amin memerhatikan anaknya, Siti melukis rumah pangsa yang dikelilingi kehijauan tumbuh-tumbuhan.

Setelah selesai melukis, Amin menemani Siti ke sekolah. Ketika mereka berada di perhentian bas, Amin ternampak anaknya berbual mesra dengan sahabat karibnya, Amina. Senyuman mereka mengingatkan Amin akan kisah lama, tentang persahabatan bersama rakan baiknya, Adam.

Beberapa hari yang lalu, cuaca mendung menyelubungi petang Isnin. Amin sedang melukis di ruang tamunya apabila suara Adam memanggil dari bawah. Mereka perlu menyiapkan projek lukisan bertemakan Rumah Kampung Singapura untuk kelas seni.

Amin segera berlari turun. Mereka bergegas menaiki bas. Ketika langit tiba-tiba menumpahkan hujan, Amin bersyukur mereka sempat berlindung. Jika tidak, lukisan cat air yang mereka hasilkan itu akan rosak.

Setibanya di sekolah, mereka ke kelas bersama-sama. Ketawa dan gurauan mereka antara dua sahabat bagaikan irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan. Amin dan Adam boleh berbual dan bercerita tentang pelbagai perkara kerana mereka sangat rapat.

Loceng sekolah berbunyi, menandakan waktu kelas seni bermula. Amin melukis dengan penuh semangat. Perlahan-lahan, Amin melukis sebuah rumah kampung yang berdingin papan dan berlatarbelakangkan pohon-pohon kelapa serta langit biru yang terbentang luas. Adam yang turut melukis di sebelah Amin, kagum akan ketekunan sahabatnya itu. Mereka berharap hasil usaha ini akan mendapatkan mereka markah yang tinggi untuk projek mereka.

Selepas sekolah, langit kembali cerah. Dalam perjalanan pulang, Amin memandang langit lalu berkata, "Adam, saya akan berpindah sekolah minggu depan.

Saya diterima masuk ke Sekolah Seni."

Adam terdiam. Matanya mula bergenang. "Tapi kita sudah berkawan selama enam tahun..."

Amin tunduk. Dia dalam dilema. Haruskah dia mengejar impiannya atau mengekalkan persahabatan ini?

Keesokan harinya, Adam datang mencari Amin. Dengan suara yang tenang, dia berkata, "Amin, saya harap awak akan mengejar impian awak. Walaupun kita tidak lagi di sekolah yang sama, kita akan tetap berkawan. Saya doakan awak berjaya dan semoga bahagia."

Amin tidak dapat menahan air mata. Kata-kata Adam bagaikan pelita yang menyalakan tekad dalam dirinya. Dia sedar, sahabat sejati sentiasa mendoakan, bukan menghalang.

Amin tersenyum kecil mengenangkan saat itu. Walaupun dua puluh tahun telah berlalu, kenangan itu segar di fikirannya. Di hujung matanya, dia terlihat seorang lelaki yang melambai. Suara itu, sangat dikenali.

"Amin!" panggil lelaki itu.

Amin menoleh, dan hatinya bagai disirami cahaya mentari pagi. Adam, sahabat baiknya berdiri di hadapannya, membawa bersama kenangan dan persahabatan yang seperti air dicencang tiada putus.

BERSATU DALAM HORMAT

Muhammad Nuurullah Mohammed Iskandar

Sekolah Rendah Qifa

Mentari pagi memancar hangat, menyinari seluruh ruang bilik saya. Bahangnya terasa seperti membakar kulit. Dari arah dapur, suara yang amat saya kenali bergema kuat.

“Cepat ke dapur! Goreng epok-epok ni!” jerit Nenek dengan nada yang agak meninggi.

Saya membuka mata perlahan-lahan dan menarik nafas panjang. Sudah saya jangkakan. Nenek akan memarahi saya lagi pada hari ini. Sejak kebelakangan ini, Nenek menjadi sangat mudah marah. Kadang-kadang tanpa sebab pun dia akan naik angin. Kami sekeluarga tahu, ini semua berpunca daripada penyakit darah tinggi dan kencing manis yang dihidapinya. Dia menjadi tertekan kerana terpaksa membuat banyak perubahan dalam gaya hidupnya. Keadaan itu telah mengubah perangainya sedikit demi sedikit.

Saya masih ingat, sewaktu saya di darjah dua, perubahan sikap Nenek semakin ketara. Dia tidak mahu makan ubat, degil dan sering menolak nasihat kami sekeluarga. Hatinya keras dan kata-katanya tajam. Saya yang selama ini sabar pun kadang-kadang terasa ingin membalas kemarahannya. Namun, setiap kali perasaan itu datang, saya segera ingat kembali nasihat guru saya di sekolah: “Kita harus sentiasa berbudi bahasa dan menghormati orang tua.”

Sejak itu, saya berusaha untuk lebih sabar. Saya mengingatkan diri saya tentang jasa Nenek. Neneklah yang menjaga saya semasa kecil, menyuapkan saya makan dan membacakan cerita kepada saya sebelum tidur ketika ibu bapa saya sibuk bekerja. Kenangan itu membuatkan hati saya lembut semula.

Walaupun Nenek sudah berubah, saya tetap menyambut hari lahirnya dengan hadiah kecil, membantunya mengangkat barang-barang dan melayaninya sebaik mungkin. Saya percaya, walau apa pun yang berlaku, saya harus tetap berbuat baik dan ikhlas dalam menjaga Nenek.

Saya tahu ini bukan perkara yang mudah. Buat masa ini, saya akan terus bersabar dan berdoa. Saya juga berjanji tidak akan bersikap kurang ajar terhadap Nenek.

Saya menghargai nasihat ibu bapa saya supaya sentiasa menghormati orang tua kita walau bagaimana sekalipun keadaan mereka. Kita tidak akan rugi jika berbuat baik, malah akan dihormati dan dikasihi. Beginilah cara hidup yang sebaik-baiknya, iaitu hidup dengan mengamalkan adab, sabar dalam ujian dan bersatu dalam kasih sayang.

Orang Singapura Bersatu

Raniya Soraya Iona Muhammad Haikal

Sekolah Perempuan Haig

"Sila bangkit untuk menyanyikan lagu kebangsaan," umum penyampai di televisyen.

Aku berdiri tegak dan bersedia untuk menyanyikan lagu kebangsaan Singapura. Aku menoleh ke kiri lalu mengukir senyuman mesra kepada keluargaku dan jiran-jiran yang berdiri di sebelahku. Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini akan aku ingat selama-lamanya.

Aku berasa sangat gembira kerana akhirnya, kami semua bersatu dengan baik. Apabila aku melihat kegembiraan dan kebanggaan terpancar di wajah-wajah anggota keluargaku, rakanku dan jiranku, aku tahu usaha aku berbaloi. Tanpa diduga, fikiran aku mula melayang jauh. Aku terkenang peristiwa yang terjadi beberapa minggu yang lalu yang mendatangkan kebahagiaan pada hari ini. Beginilah kisahnya.

'Kring! Kring!' Bunyi loceng sekolah berdering menandakan waktu sekolah sudah tamat.

Dengan perlahan-lahan, aku meletakkan buku-buku sekolah ke dalam begku. Fikiranku melayang dan memikirkan apa yang dikatakan oleh guruku, Puan De Silva, beberapa minit yang lalu.

"Kita akan menyambut hari lahir Singapura yang ke enam puluh tahun. Sebagai orang Singapura, kita harus ingat bahawa pencapaian yang kita capai pada hari ini berkat sumbangan semua warga Singapura, khususnya Generasi Perintis kita," kata Puan De Silva.

"Silaturahim yang terjalin antara kita semua membentuk asas kemajuan bersama. Oleh itu, saya mahu kamu semua fikirkan bagaimana kamu juga boleh menyumbang untuk kejayaan Singapura pada masa hadapan," sambung Puan De Silva lagi.

Kata-kata Puan De Silva itu membuat aku terfikir tentang tindakan jiranku semasa wabak Covid beberapa tahun yang lalu. Puan Tan telah bertindak tanpa mementingkan dirinya dan sentiasa membantu jiran tetangga. Apabila anggota keluargaku jatuh sakit dengan penyakit Covid, Puan Tan dan jiran kami yang lain telah meninggalkan makanan di luar rumahku setiap hari. Puan Tan, selaku

ketua jawatankuasa kejiranan kami, bertanggungjawab menjaga semua penduduk di kawasan rumah kami, terutamanya penduduk warga emas. Puan Tan akan menghubungi mereka setiap hari untuk memastikan kesejahteraan mereka. Beliau juga akan menemani mereka membeli-belah setiap minggu.

Tiba-tiba, aku mendapat satu idea. Memandangkan Hari Kebangsaan akan berlangsung tidak lama lagi, aku memutuskan untuk melakukan sesuatu yang istimewa untuk keluargaku dan jiran tetanggaku. Lazimnya, Puan Tan yang bertanggungjawab merancang acara sambutan Hari Kebangsaan untuk kawasan perumahan kami. Namun, aku tahu dia masih belum sembuh selepas dia terjatuh beberapa minggu yang lalu. Acara itu akan menjadi satu kejutan untuknya jika aku mengambil alih tugasnya untuk menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan kawasan kejiranan.

Semasa aku melangkah ke pintu pagar sekolah, aku bertemu dengan kawan baikku, Nurfa dan Marwa. Mereka tinggal di blok yang sama dengan aku. Oleh sebab aku berasa teruja dengan ideaku, aku pun memberitahu mereka rancangan itu.

Malangnya, mereka tidak setuju dengan rancanganku.

"Eh, Inaya! Kenapa kamu hendak sibuk-sibuk merancang perayaan itu? Itu bukan tugas kamu," kata Nurfa.

"Ya, Inaya. Baik kamu jangan campur tangan. Kami tidak mempunyai banyak persamaan dengan jiran kami. Lebih-lebih lagi, ramai antara mereka warga emas. Mengapakah kita perlu menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan itu untuk mereka?" kata Marwa dengan suara sombong.

Aku terpukul dengan lontaran kata-kata kawan baikku itu. Aku menarik nafas lalu menyatakan kepada mereka tentang pesanan ibuku.

"Muafakat membawa berkat," aku berkata dengan suara yang tegas. Aku terus menjelaskan sebab aku rasa penting untuk kita sentiasa menghormati orang tua. Orang tua kita merupakan sumber ilmu yang penting dan kita boleh pelajari banyak perkara daripada mereka.

Nurfa dan Marwa berpandangan lalu menganggukkan kepala tanda setuju untuk membantu aku. Selepas itu, kami bertiga pun pulang ke rumahku. Dengan rasa teruja, kami memaklumkan rancangan itu kepada ibu bapaku. Ibu bapaku berasa gembira dan bangga mendengar bahawa aku berminat untuk menganjurkan acara itu untuk jiran-jiran kami, terutamanya selepas kebaikan yang ditunjukkan mereka kepada aku dan keluargaku semasa wabak Covid dahulu.

“Ibu bangga dengan inisiatif Inaya. Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa,” kata Ibu dengan sinar gembira mengerlip di matanya.

Mulai saat itu, persiapan pun *bermula*. Ibu bapaku membantu aku, Nurfa dan Marwa membuat perancangan yang teliti untuk sambutan Hari Kebangsaan itu. Kami mula mengagihkan tugas-tugas untuk dilaksanakan. Aku mengambil sebahagian besar tugas tersebut, kerana ini adalah ideaku dan aku tidak mahu membebankan ibu bapaku dan rakanku.

Ketika kami mula melaksanakan rancangan kami selama beberapa hari, sebilangan jiran kami mendapat tahu tentang rancangan kami dan menawarkan bantuan kepada kami. Puan Kumar, seorang guru pesara yang sering menghabiskan hari Sabtu mengajjar membuat kraft tangan, dengan murah hati menawarkan diri untuk membuat hiasan untuk acara itu. Nek Zaiton pula yang terkenal sebagai tukang masak yang terhebat, mengambil tanggungjawab untuk menyediakan makanan untuk perayaan itu. Selain itu, Encik Lee, seorang penjaga kebun kejiranan, akan menyumbang sayur-sayuran dan buah-buahan segar untuk perayaan itu.

Semenjak tersebarnya berita tentang perayaan pesta itu, ramai akanku ingin membantu. Pada hari perayaan itu, mereka tiba awal untuk menyusun meja dan kerusi, membantu Puan Kumar membuat hiasan dan membawa hidangan makanan dari rumah Nek Zaiton. Bukan sahaja itu, ramai lagi jiran yang datang membawa hidangan dan minuman yang disediakan untuk dikongsi bersama. Untuk memastikan sambutan Hari Kebangsaan Singapura yang disiarkan di televisyen dapat ditonton bersama-sama, rakan-rakanku meletakkan iPad mereka di meja-meja agar kami dapat menonton siaran Hari Kebangsaan itu secara langsung.

Akhirnya, setelah semuanya siap, tiba masanya untuk aku pergi ke rumah Puan Tan untuk menjemputnya turun. Semua orang bersorak-sorai ketika Puan Tan melangkah masuk ke dalam dewan perhimpunan itu dengan wajah penuh kegembiraan. Dia terpaku dan terharu dengan pemandangan di hadapannya. Puan Tan melihat hiasan yang berwarna-warni, meja yang penuh dengan makanan yang lazat, dan pergaulan mesra penduduk-penduduk kejiranan memenuhi suasana perayaan itu. Senyuman Puan Tan menampakkan barisan gigi putih bak mutiara. Senyumannya melapangkan dadaku dan mendamaikan jiwaku. Puan Tan sangat terharu dengan kebaikan dan keprihatinan yang diberikan. Air matanya bergenang kerana dia tahu dia adalah sebahagian daripada masyarakat yang benar-benar istimewa, di negara yang benar-benar istimewa.

“Terima kasih, semua. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni. Kami bertuah kerana mempunyai penduduk yang hebat yang menyokong satu sama lain tidak kira senang dan susah. Selamat Hari Kebangsaan semua!” ucap Puan Tan.

Selepas itu, kami meraikan hari yang sungguh bermakna itu bersama-sama. Kami berkongsi makanan, bergelak ketawa, bercerita dan menyanyikan lagu-lagu Hari Kebangsaan. Hari itu hari yang akan sentiasa terpahat di memoriku. Pada masa itu, aku tahu segala kerja keras dan penat lelah aku telah membuahkan hasil.

“Brrrr-rrum!” Bunyi gendang menyedarkan aku dari lamunanku sebaik-baik lirik Majulah Singapura dinyanyikan.

Semasa aku bernyanyi bersama rakan-rakan, keluarga dan jiran-jiran, aku berasa bangga kerana aku telah membantu mewujudkan hari perpaduan yang amat bahagia, walaupun hanya untuk sekumpulan orang Singapura.

TOLONG-MENOLONG MEMBAWA BERKAT

Naylah Mohd Fadzly
Sekolah Rendah Marymount Convent

Sang suria memancarkan sinarnya pada hari itu. Cahaya matahari menyelinap masuk ke kamar bilik Syafiq. Syafiq menggeliat lalu bangun daripada tidur tatkala terdengar suara lantang ibunya dari dapur. Ibunya mahu pergi ke pasaraya untuk beli barang dapur. Ibu Syafiq memesannya untuk mengulang kaji pelajaran kerana ujiannya tidak lama lagi.

Tiba-tiba, awan semakin gelap. Guruh mula berdentam-dentum dan petir sabung-menyabung dengan kuat. Syafiq berasa sungguh risau kerana ibunya tidak membawa payung ke pasaraya.

Beberapa minit kemudian, hujan turun dengan lebat membasahi bumi. Cepat seperti kilat, Syafiq terus mengangkat jemuran yang ada di luar rumah. Apabila Syafiq sedang mengangkat baju, dia mendapat panggilan daripada ibunya.

"Syafiq, boleh kamu jumpa ibu di pasaraya? Bawa payung sekali, ya," pinta ibu Syafiq.

"Baiklah ibu, saya akan pergi sekarang!" kata Syafiq sambil mencapai sekaki payung di tepi pintu.

Syafiq mula berjalan ke pasar raya dan hujan turun dengan lebatnya. Bajunya juga basah ditimpa hujan. Syafiq mula berasa lega kerana terlihat kelibat ibunya yang sedang rancak berbual dengan seseorang. Oh, ibunya sedang berbual dengan Nek Eton, jiran sebelah rumah mereka. Nek Eton seorang warga emas. Memandangkan dia membawa dua kaki payung, dia meminta izin ibunya untuk membantu Nek Eton. Dia mengangkat barang-barang dapur ibunya dan Nek Eton. Nek Eton terharu mendengar usulan Syafiq.

"Terima kasih Syafiq kerana menolong Nek Eton. Ibu kamu pasti bangga dan berbesar hati kerana ada anak seperti kamu," kata Nek Eton. Syafiq tersenyum dengan riang.

Setibanya di rumah, Syafiq segera membantu ibunya mengangkat barang-barang dapur. Dia turut membantu jiran mereka, Nek Eton, membawa barang-barangnya hingga ke depan pintu rumahnya.

Tindakan Syafiq itu menunjukkan sikap prihatin dan hormat kepada orang tua. Sesungguhnya, budi yang baik akan dikenang sepanjang hayat. Budi juga tidak boleh ditukar ganti dengan harta benda. Sememangnya, amalan berbudi bahasa amat penting dalam kehidupan kita.

NASIHAT YANG DIHARGAI

Hanis Khairudin
Sekolah Rendah Temasek

Adi seorang murid darjah enam yang tidak minat belajar. Dia lebih gemar bermain telefonnya daripada mengulang kaji pelajaran atau menghabiskan kerja rumah yang diberikan oleh guru-gurunya.

Disebabkan sikap malasnya, dia sering gagal dalam ujian sekolahnya. Ibu dan ayah Adi selalu menasihatinya agar belajar dengan tekun supaya cemerlang dalam peperiksaan. Harapan mereka adalah supaya anaknya dapat meneruskan pelajaran ke sekolah menengah yang baik. Namun, Adi tidak dapat melihat niat baik ibu bapanya dan dia tidak mengendahkan kata-kata nasihat yang diberikan.

Suatu hari, Adi dan ayahnya terpaksa membawa ibunya ke hospital kerana dia mengadu kesakitan. Setelah beberapa jam menjalani pelbagai pemeriksaan, doktor akhirnya menyampaikan berita yang tidak diingini. Doktor mengesahkan ibu Adi menghadapi kanser tahap dua.

Ayah Adi berlinangan air mata sambil memegang erat isterinya. Dia tidak mampu menahan kesedihannya setelah mendengar berita yang disampaikan. Raut wajah Adi yang ceria sebelum ini, bertukar menjadi pucat. Dia tidak sangka bahawa ini akan terjadi. Pada Adi, ibunya adalah segalanya kerana telah menjaganya dengan penuh kasih sayang seperti menatang minyak yang penuh.

Dalam perjalanan pulang dari hospital, ibu Adi berbisik ke telinganya.

"Kalau Adi belajar bersungguh-sungguh, Ibu janji akan melawan penyakit ini supaya sentiasa ada di sisi Adi," kata Ibu Adi.

Kata-kata ibunya memberikan semangat kepada Adi untuk berubah. Dia ingin membanggakan ibu bapanya. Mulai pada hari itu, Adi lebih rajin belajar dan menghabiskan masanya mengulang kaji pelajaran. Ayah Adi gembira melihat sikap anaknya yang kini berubah. Dia berharap semangat dan ketekunan Adi akan membuahkan hasil.

Masa yang ditunggu-tunggu akhirnya tiba, hari keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Di bilik darjah, guru Adi, Cikgu Siti, memanggil nama murid-murid satu persatu. Jantung Adi berdebar-debar menunggu gilirannya.

"Adi, sila ke depan untuk mengambil keputusan kamu," kata Cikgu Siti.

Dengan langkah yang berat, Adi bangun dari tempat duduknya dan berjalan ke arah Cikgu Siti. Adi berasa kecewa apabila melihat keputusan peperiksaannya kerana dia mengharapkan keputusan yang lebih baik. Pulang dari sekolah, Adi terus menuju ke hospital bersama ayahnya.

Sampai sahaja di wad, dengan perasaan yang sedih, Adi memeluk ibunya dan berkata, "Adi minta maaf Ibu, Adi tak dapat membanggakan Ibu dan Ayah."

Ibu Adi keliru mengapa dia sedih. Tetapi, setelah melihat markah peperiksaan Adi, ibunya tersenyum.

"Syabas Adi, Ibu bangga dengan pencapaian kamu. Walaupun keputusan tidak yang seperti diinginkan, Adi sudah menunjuk penambahbaikan. Teruskan bekerja keras dan jangan putus asa," kata ibunya dengan senyum gembira.

Dua belas tahun telah berlalu, Adi menatap gambar ibunya dengan pipi yang dibasahi air mata.

Dengan menggenggam segulung ijazah, dia berkata, "Akhirnya Adi berjaya Ibu. Kata-kata Ibu memberikan Adi semangat dan tidak akan pernah Adi lupakan."

BUTA

Hira Alya Ng

Sekolah Rendah Punggol Green

"Dahulu, Nyai tinggal di daerah Kampung Gelam. Banyak kenangan pahit manis yang ada di tempat itu," Nurul teringat kata-kata neneknya.

Ketika Nurul berkongsi tentang darmawisata yang akan disertainya, mata neneknya bersinar-sinar. Penuh keghairahan.

Hari yang dinanti-nantikan pun tiba. Di dalam bas, Cikgu Azimah memberikan arahan untuk memasang tali pinggang keledar. Nurul dan kawan-kawannya berasa sangat seronok kerana ini kali pertamanya mereka akan pergi berdarmawisata.

Setelah mereka sampai di destinasi, Cikgu Azimah mengarahkan murid-murid kelas 5E ke tempat yang teduh. Murid-murid disuruh untuk memeriksa barang keperluan masing-masing. Mereka pun berjalan ke arah Masjid Sultan. Cikgu Azimah berpesan agar semua murid berjalan dengan seorang kawan.

Cikgu Azimah menerangkan bahawa Kampung Gelam ialah salah satu tempat yang bersejarah di Singapura. Kampung Gelam memiliki sejarah sejak era colonial lagi. Tempat tersebut menjadi tempat tinggal masyarakat Melayu, Arab, dan Bugis. Selepas mereka berjalan selama dua jam, kelas 5E berehat di dewan sebelah istana Kampong Gelam.

Selepas mereka makan snek dan berehat seketika, mereka bergegas ke arah Cikgu Azimah. Ketika itu, Nurul tidak ke arah gurunya. Dia berjalan ke arah tempat permainan tradisional yang menarik perhatiannya.

Tiba-tiba, Nurul ternampak seorang lelaki yang berkaca mata hitam. Dia memegang sebatang tongkat sambil berjalan. Pada masa yang sama, Nurul ternampak lelaki itu sedang memegang kotak kecil yang dilabel 'sumbangan ikhlas'. Dengan penuh belas kasihan, Nurul menghampiri lelaki itu.

"Pak cik, adalah Pak cik perlukan bantuan?" tanya Nurul dengan penuh empati.


Belum sempat lelaki itu menjawab soalan Nurul, seorang budak kecil berlari ke arah mereka lalu terlanggar lelaki itu. Syiling yang ada dalam kotak kecil itu jatuh bertaburan di lantai.

Selepas Nurul menolong lelaki itu mengutip syiling-syilingnya, lelaki itu mengucapkan terima kasih lalu duduk sebentar. Nurul pula berasa kasihan lalu menemaninya. Lelaki itu pun menceritakan kehidupannya. Dengan suara yang sedih, lelaki itu berkata bahawa dia tidak ada rumah. Dia sedang cuba untuk mengumpul duit untuk membeli barang keperluan seharian. Nurul berasa sangat sedih mendengar kisah lelaki itu. Pada masa itulah Nurul sedar bahawa dia telah jauh ditinggalkan oleh rakan-rakannya.

Cikgu Azimah sedang memberikan arahan kepada murid-murid lain untuk duduk sebentar sementara dia pergi mencari Nurul. Mujurlah, Nurul timbul di hadapan Cikgu Azimah pada saat itu. Semua orang memberikan sorakan kepada Nurul. Nurul tahu bahawa dia bersalah kerana telah membuat gurunya risau. Mereka semua berangkat pulang ke sekolah.

Apabila Nurul sampai di rumah, dia tidak sabar untuk menceritakan pengalamannya ke Kampung Gelam kepada keluarganya. Dia bersungguh-sungguh mahu menolong lelaki buta itu. Setelah berbincang dengan ibu bapanya, Nurul mengeluarkan tabungnya untuk mengira duit yang telah disimpannya selama ini. Dia mahu membelikan pak itu keperluan seharian pak cik itu seperti termasuk sabun, baju basahan, berus gigi, dan sebagainya.

Pada minggu seterusnya, Nurul sekeluarga pergi ke Kampung Gelam untuk mencari lelaki tua tersebut. Pada mulanya, Nurul tidak yakin akan

The page is framed by a vibrant, colorful border. At the top, there's a green banner with a yellow pencil, a pink flower, and a red ruler. The left side features a blue spiral notebook, a yellow pencil, and a green leaf. The right side has a blue pencil, a green leaf, and a yellow flower. The bottom is decorated with a green leaf, a yellow flower, and a blue pencil. The central text area is a light blue rectangle.

terserempak dengannya. Tetapi, ibunya menasihatinya agar lebih bertawakal.

"Pak cik!" teriak Nurul saat dia ternampk lelaki kurang daya penglihatan itu di hadapan masjid.

Nurul terus memberikan pak cik itu keperluan yang telah disediakan. Senyuman terukir mesra di bibir kedua-duanya.

"Andai rembulan tidak lagi mampu bercahaya. Terima kasih kerana telah menerangi kegelapan dalam hidup Pak cik," ucap lelaki buta itu sebelum melangkah pergi.

Walaupun Nurul berasa berat hati melihat lelaki itu berlalu pergi, dia bangga kerana telah bersungguh-sungguh menolongnya.



SG-60

Myesha Nadia Asri Budiman Sekolah Perempuan Raffles

Beberapa bulan sebelum Laila menghadapi peperiksaan PSLE, sebuah bencana melanda...

Laila memerhatikan suasana di luar rumahnya. Kilat sabung-menyabung memercikkan cahaya pada dada langit yang hitam kelam. Dentuman guruh memecah kesunyian petang itu. Hujan yang turun dengan amat deras tidak mahu reda. Pada petang itu, seluruh bandar Singapura telah dilanda ribut yang buruk. Namun, cuaca itu tidak sepilu perasaan Laila yang terasa sebagai hatinya telah pecah.

Laila dan ibunya baru sahaja menerima lawatan daripada beberapa pegawai RSAF. Mereka datang untuk menyampaikan sebuah berita penting tentang ayahnya yang akan mengubah hidupnya buat selama-lamanya.

"Puan, kami amat kesal untuk memaklumkan bahawa jet SG-60 yang dipandu oleh Mejar Ali, telah terhempas di lautan sewaktu latihan udara. Kami sedang menjalankan operasi untuk mencarinya. Namun, harapan sangat tipis..."

Mendengar khabar itu, ibu Laila hampir rebah lalu terduduk di sofa. Dalam saat itu, dunia Laila terus menjadi gelap. Ayahnya, seorang juruterbang jet pejuang telah terkorban semasa menjalani kursus latihan di negara jiran. Kini, dia sudah tiada. Air mata Laila mula mengalir deras apabila dia terbayang kehidupannya tanpa ayah tersayang. Selama ini, ayahnya merupakan tulang belakang keluarga. Ayah selalu membantu, menghiburkan dan mencurahkan kasih sayang kepada Laila, seorang anak tunggal. Tanpa ayahnya, pasti Laila dan ibunya kesunyian. Laila merenung wajah ibunya yang basah dengan air mata lalu menggenggam erat tangannya.

Namun, di sebalik kesedihannya, terngiang-ngiang kata-kata terakhir Ayah kepada Laila.

"Ayah mahu kamu belajar bersungguh-sungguh supaya cemerlang. Ayah berharap agar Laila mendapat markah yang terbaik untuk peperiksaan PSLE nanti. Ingat, Laila ada potensi!" kata ayah Laila sambil menepuk-nepuk bahu anak kesayangannya itu.

Sejak hari itu, kehidupan Laila dan ibunya berubah. Ibunya yang selama ini seorang suri rumah tangga terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan mereka. Oleh itu, hanya Laila seorang sahaja di rumah. Tiada sesiapa yang menyambutnya pulang daripada sekolah. Tiada lagi suara tawa yang memenuhi ruang tamu. Namun, Laila tidak membiarkan dirinya hanyut dalam kesedihan.

Setiap hari, Laila akan menelaah pelajarannya. Dia akan bangun awal setiap hari untuk mengulang kaji pelajaran sebelum ke sekolah. Sebaik-baik sahaja dia pulang ke rumah setelah sekolah, dia akan menyelesaikan tugas sekolah. Buku-buku dan kertas latihan menjadi sahabatnya. Apabila Laila mula berasa malas untuk mengulang kaji kerja, dia akan merenung gambar ayahnya dan kata-kata terakhir ayah akan bergema di mindanya, memberikannya suntikan semangat yang amat diperlukan. Laila ingin membanggakan ayahnya yang sudah tiada. Kerja kerasnya bukan hanya untuk dirinya, tetapi juga untuk membanggakan ayah dan ibunya.

Hari demi hari, peperiksaan PSLE merangkak lebih dekat sehingga tibalah hari yang sudah lama dinanti-nantikan. Di dewan peperiksaan, hati Laila berdegup kencang tetapi Laila cuba untuk menenangkan dirinya.

"Kamu sudah memberikan usaha yang terbaik. Janganlah takut. Seperti Ayah kata, kamu ada potensi!" kata-kata perangsang Ayah terngiang-ngiang di gegandang telinga Laila.

Semangat Laila kembali menyala.

"Kamu boleh mula!" suara pemeriksa yang lantang dek halilintar membelah bumi memenuhi ruang dewan. Laila berdoa sambil membelek belek muka surat pertama. Dia menjawab semua soalan dengan teliti. Dia berasa lega setelah selesai kertas ujiannya.

Pengumuman keputusan PSLE pun tiba.

Laila duduk di dewan bersama ibunya sambil menunggu keputusan diumumkan. Laila meramas-ramas tangannya yang dibasahi peluh sejuk. Di

sebelahnya pula, mulut Ibu terkumat-kamit memanjatkan doa. Satu demi satu, nama murid dipanggil oleh guru untuk menerima keputusan.

"Laila Binte Ali!" Cikgu memanggil.

Dengan tangan yang terketar-ketar, Laila mengambil kertas keputusan daripada Cikgunya. Dengan nafas tertahan, Laila membuka lipatan kertas keputusan. Matanya meneliti angka-angka yang tercetak pada kertas itu.

Laila menangis.

Namun, kali itu, tangisannya itu air mata kegembiraan. Doanya termakbul. Dia telah berjaya meraih 'AL1' untuk semua mata pelajarannya.

"Alhamdulillah Laila, kamu berjaya!" Ibu meneriak dengan gembira lalu mendapak Laila dengan erat. Laila menghela nafas lega. Beban yang dipikulnya selama ini akhirnya terangkat.

Namun, kejutan yang lebih besar masih menanti...

Pada malam itu, rumah mereka sunyi dan sepi, seperti biasa. Laila dan ibunya sedang menikmati makan malam mereka.

"Tuk..Tuk..Tuk!" Tiba-tiba, kedengaran ketukan kuat yang bertalu-talu di pintu.

Ibu dan Laila memandang wajah satu sama lain dengan muka penuh kebingungan.

"Siapa agaknya yang datang pada waktu begini?" Laila bertanya dengan hairan.

Mereka berdua bangun lalu membuka pintu dengan agak perlahan.

Di hadapan mereka susuk tubuh seorang lelaki dalam lingkungan 40-an berdiri terpegat di pintu. Dia bertubuh sasa dan berambut keriting, seperti Laila. Wajahnya keletihan dan dia berpakaian lusuh. Namun, matanya bersinar seperti Laila selalu teringat.

Laila terkebil-kebil.

"A..Ayah??" suara Laila bergetar.

Tanpa menunggu jawapan, Laila terus berlari lalu memeluk tubuh ayahnya.

Ayahnya masih hidup!

Ayah Laila menceritakan bagaimana dia berjaya berenang ke tepian dari tengah lautan. Dia terdampar di sebuah pulau yang terpencil akibat pukulan ombak air. Akhirnya, setelah berbulan-bulan di pulau itu, dia diselamatkan oleh pegawai tentera laut yang sedang meronda daerah itu.

"Ayah! Saya dapat keputusan cemerlang untuk keputusan PSLE!" kata Laila. Laila menunjukkan kertas keputusan kepada ayahnya. Ayahnya tersenyum bangga.

Pada malam itu, rumah mereka tidak lagi sunyi. Ia dipenuhi dengan gelak ketawa dan tangisan kegembiraan. Walaupun jet SG-60 lesap selamalamanya, juruterbangnya yang tidak mengenal erti berputus asa, berjuang sehingga dia kembali ke pangkuan keluarga tersayang. Keluarga mereka akhirnya kembali lengkap.

The background is a vibrant teal color, decorated with various school-related and nature-themed illustrations. At the top left, there's a red pencil sharpener, a pink flower, a yellow bell, a blue pencil, and a white protractor. On the right side, there's a red flower and a blue spiral notebook. The bottom left features a yellow flower, a red basketball, and a purple pencil. The bottom right has a red apple and a yellow ruler. In the center, a boy and a girl are standing with their fists raised in a celebratory gesture. The boy is wearing a blue shirt and dark blue shorts, while the girl is wearing an orange hijab, an orange cardigan over a white shirt, and a grey skirt. The title 'Kategori Sekolah Menengah' is written in a large, white, cursive font across the middle of the image.

Kategori Sekolah Menengah

GERAI DURIAN SERIBU CERITA

Qasih Qadisah Ishak
Sekolah Menengah Yusof Ishak

Panas terik membahang di gerai Ah Chong. Bau durian menusuk hidung sesiapa yang lalu-lalang. Setelah menyusun buah durian di atas meja kayu, aku mula mengopek kulit durian satu persatu. Peluh di dahi menjadi saksi usaha tidak mengenal lelah. Sambil aku menyusun 'Musang King' dan 'Red Prawn' di dalam bekas styrofoam, aku bersiul kecil mengikut alunan irama lagu.

*Kalau sudah jadi
orang Singapura,
Mesti mahu baik,
berbudi bahasa.*

Aku percaya bahawa menjadi orang Singapura sejati bukan sekadar tempat lahir tetapi juga tentang nilai yang kita pegang. Walaupun aku tidak berpendidikan tinggi, aku diberi peluang untuk membuka sebuah gerai kecil di tepi jalan Sims Road. Di gerai inilah tempat aku bertemu ratusan pelanggan setiap hari. Setiap pelanggan yang datang membawa cerita masing-masing.

Tiba-tiba, sebuah lori berhenti di hadapan gerai. Beberapa orang pekerja binaan dari Bangladesh turun tetapi menampakkan barisan gigi putih yang asmaradanta. Baju mereka lusuh dibasahi peluh. Majikan mereka, seorang lelaki cina berwajah bengis, melangkah ke arah saya lalu berkata, "Saya mahu sepuluh paket durian. Saya ingin belanja pekerja saya."

Aku terkejut. "Baik juga majikan mereka ini," fikirku. Aku menyediakan sepuluh paket durian yang sudah siap dikopek. Aku sedar, walaupun mereka hanyalah pekerja asing, mereka bekerja keras untuk Singapura. Bagi aku, mereka merupakan wira Singapura. Tanpa mereka, prasarana negara mungkin tidak boleh menjadi kenyataan. Jauh mereka merantau meninggalkan keluarga demi mencari rezeki. Aku teringat lagi lirik lagu itu.

*Jikalau bekerja,
janganlah kepalang.
Sanggup
tanggungjawab, jangan
curi tulang.*

Majikan mereka mahu menghargai usaha pekerja-pekerja asing itu. Hatiku ini tersentuh. Jika seseorang bekerja dengan jujur dan tanggungjawab, dia layak dihormati, tidak kira dari mana asalnya.

Tidak lama kemudian, seorang pengengaruh terkenal, Syafiqapls tiba di gerai. Dia mengeluarkan telefon bijaknya lalu membuka kamera dan membuat siaran langsung. Dengan penuh semangat, dia memperkenalkan durian di geraiku. Dia bercakap dengan nada yang meyakinkan, "Durian ini bukan sebarang durian! Lihat isinya, kuning keemasan, lembut dan sedap rasanya!" Aku memasuki sesi 'live' dan melihat jumlah penonton dalam talian semakin meningkat. Beberapa orang yang menonton siaran langsungnya segera membeli.

Aku hanya mampu tersenyum sambil membungkus durian tetapi hatiku menyedari sesuatu. Aku sudah jauh ketinggalan dalam pemasaran digital. Selama ini, aku hanya menunggu pelanggan datang tanpa mencari cara-cara baharu. Pengengaruh ini telah membuktikan bahawa dengan usaha gigih, seseorang boleh berjaya. Sama seperti lirik di dalam lagu itu.

*Bersungguh sampai
jaya, jangan pura-pura
Baru orang percaya,
Orang Singapura.*

Aku tidak boleh hanya berdiam diri. Jika aku mahu perniagaan ini berkembang, aku perlu belajar menggunakan media sosial untuk mencari strategi pemasaran yang lebih menarik.

Ketika aku sedang termenung, seorang lelaki datang membeli durian. Dia seorang lelaki yang tinggi lampai. Di sisinya, berdiri seorang isteri yang sarat mengandung. Anak kecilnya berumur sekitar empat tahun yang kelihatan seperti anak istimewa. Dia seolah-olah berada di dalam dunianya sendiri. Tiba-tiba, anaknya mengalami 'meltdown'. Dia menangis, menutup telinga dan meronta-ronta. Mungkin anak itu tidak tahan dengan bau durian atau mungkin muzik di gerai ini terlalu kuat. Pelanggan lain mula berbisik tetapi lelaki itu tetap

The page is framed by a vibrant, hand-drawn border. At the top, there's a blue folder, a yellow pencil, a pink flower, and a red pencil sharpener. On the right side, a blue pencil, a blue eraser, and a blue pencil sharpener are visible. The bottom features a green globe, a yellow flower, and a red pencil. The left side has a blue pencil, a yellow pencil, and a green leaf. The background of the page is a light blue-grey color.

tenang. Dengan penuh kesabaran, dia bercakap lembut dengan anaknya. Dia menenangkannya perlahan-lahan. Aku kagum dengan kesabarannya.

Aku mempelajari sesuatu pada hari ini. Aku mempelajari bahawa setiap pelanggan yang datang menghadapi cabaran hidup yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Sebagai insan, kita perlu lebih memahami daripada menghukum. Bak kata pepatah, Bersatu teguh, bercerai roboh. Sebagai rakyat Singapura, kita harus mengamalkan nilai-nilai kesabaran, budi bahasa dan empati. Barulah kita benar-benar boleh berbangga menjadi Orang Singapura seperti lirik lagu Zubir Said.

*Begitu hidup kita,
hidup sama-sama
Barulah kita
bangsa, Orang
Singapura.*

NILAI SEKEPING JIWA

Alysha Izwynda Muhammad Amin
Sekolah Menengah Yio Chu Kang

Pak Salim pernah menjadi nadi lorong kecil di Kampong Glam. Dengan gitar lusuh dan suara serak yang penuh jiwa, dia menyanyikan lagu “Orang Singapura” saban petang — lagu yang bukan sekadar dendangan, tetapi warisan semangat zaman silam. Setiap baitnya mengajar nilai. Nilai-nilai murni mencakupi nilai berbudi bahasa, tolong-menolong, dan hormat kepada yang tua.

“Marilah kita kerjasama bergotong-royong...”

Pada zaman yang penuh pancaroba, suara Pak Salim menjadi isyarat harapan. Ketika banjir besar melanda lorong itu bertahun-tahun dulu, dialah orang pertama mengetuk pintu-pintu rumah, memanggil semua penghuni keluar.

“Cepat! Jangan tunggu lagi! Air semakin naik. Kita bantu yang tidak mampu dahulu!”

Anak-anak ditatang ke tempat selamat, nenek-nenek dipapah, longkang-longkang dikorek bersama. Dalam jerih dan lenguh, mereka bersatu. Dan pada tengah malam yang kelam, hanya satu suara yang mengalun:

“Dengan muafakat, semua boleh dikerjakan...”

Tapi itu dulu. Setiap masa yang berlalu terus berdetik meniti arus pemodenan.

Lorong itu kini ditenggelami bayang-bayang bangunan kaca dan bunyi mesin penghawa dingin. Di sinilah Pak Salim masih duduk, sendirian, menggendong gitar yang sudah retak nadanya.

Anak-anak muda berlalu. Namun, tidak ada yang menyapa. Tidak ada yang menoleh.

“Pak cik ini mengganggu suasana di sini sahaja,” kata seorang pemuda dengan nada sinis, sambil menyumbat telinga dengan fon biru berjenama.

Pak Salim hanya tertunduk. Tiada secalit kemarahan yang tercermin di rautnya yang berkedut seribu. Hanya seurat kesunyian yang semakin menggumpal di dadanya.

Pada suatu hari, dua orang pegawai datang menghampiri Pak Salim. Baju mereka rapi, namun wajah mereka tuna ekspresi.

“Maaf, Pak cik. Kawasan ini akan direnovasi. Tak boleh ada aktiviti tidak rasmi.

Termasuk bernyanyi.”

Pak Salim tidak menjawab. Gitar di pangkuannya terasa bagi batu nisan kepada suara yang pernah menyatukan jiwa-jiwa. Matanya menatap lantai — seolah-olah mencari bayang kenangan yang kian pudar.

Dari tingkat sepuluh di bangunan sebelah, Amir memandang ke bawah. Dialah budak kecil dulu — yang pernah duduk diriba Pak Salim sambil belajar memetik gitar. Dialah juga yang pernah menangis apabila lututnya terluka semasa meredah banjir sewaktu Pak Salim memapahnya ke rumah.

Kini Amir telah mendewasa dengan perawakan yang berbeza. Dahulu, tatarias hariannya bersinglet putih dengan seluar pendek serta berselipar Jepun. Belum sempat matahari menegak di kepala, pasti kecomotan sudah menjadi pakaiannya. Kini, kot dan dasi adalah satu ketetapan, setiap yang diingini dengan mudah dimiliki. Kehidupannya serba serbi lengkap. Namun, kelengkapan itu tidak dapat menembusi hatinya yang setelah sekian lama terasa kosong. Kekosongan yang sukar disirnakan.

“Aku masih ingat lagi... dialah yang telah menyelamatkan nenekku. Dialah yang mengajar aku lagu yang membuat aku rasa tempat ini memang milikku. Tapi sekarang...”

Tangannya menggenggam secangkir kopi panas. Kopi yang mahal itu sepatutnya juga menyajikan rasa yang enak. Tapi apa yang dirasakan hanya mampu membasahi tekaknya namun tidak dapat menyamai air kopi dari warung Pak Salim dahulu.

"Sudah lama aku membiarkan dia menyendiri. Seperti nyanyiannya, aku juga menjadi bisu terhadap budinya."

Pada petang itu, hujan mula turun gerimis. Pak Salim masih lagi tercangkuk di tempat biasa. Dia seakan kebal akan mutiara yang turun dari langit. Tiada payung yang melindungi. Baju batiknya yang lusuh runyai kebasahan. Gitarnya yang usang turut basah. Tapi Pak Salim masih tetap menyanyi.

"Tapi kini semua... sudah lupa... pada siapa mereka..."

Suara yang mengalun itu pecah, tetapi sarat dengan kisah luka dan cinta. Tiba-tiba, Pak Salim terdengar satu suara.

"Pak Salim!"

"Pak cik... ingat saya? Saya Amir. Budak kecil yang dahulu suka ikut Pak cik menyanyi waktu dulu."

"Amir?" menggeletar suara Pak Salim. "Anak kampung ini?... Anak lorong ni?"

Amir menjatuhkan payung yang melindunginya. Dia melutut lalu memeluk Pak Salim yang kebasahan.

"Saya minta maaf, Pak cik. Saya tidak patut diam. Saya hampir lupa budi Pak cik."

Tapi Pak cik tak pernah lupa siapa kami..."

Pak Salim menyeka matanya yang merah dan bergenang.

"Nak... jangan malu mengaku akar. Kalau tidak kenal asal, tercabutlah batang. Tapi kalau dah kembali... akar itu masih di sini. Selagi ada niat baik, belum terlambat."

Seminggu kemudian, lorong itu menjadi saksi satu keajaiban kecil.

Amir berjaya mengumpulkan teman-teman lamanya. Anak muda, pekerja, mak cik kedai roti — semua kembali, membawa sapu, lampu, bunga. Mereka membersihkan lorong. Mereka siapkan sebuah pentas kecil.

Mereka menggantung sepanduk bertulis:

"Malam Gotong-Royong Kampong Glam – Demi Orang Singapura."

Di tengah pentas itu, berdiri seorang lelaki tua, memegang gitar lama, dengan mata yang kini bercahaya.

"Kita bukan bangsa yang lupa. Kita cuma terlalu sibuk. Tapi malam ini... malam kita ingat semula siapa kita."

Dan bait pertama lagu itu bergema semula. Kali ini Pak Salim tidak sendirian. Semua orang yang berada di lorong ikut menyanyi. Anak kecil bertepuk tangan, orang tua juga bertepuk mengikut irama.

Ada air mata, ada tawa, ada jiwa.

"Marilah kita kerjasama bergotong-royong..."

Dan lorong itu... hidup semula.

PELINDUNG

Najiah Muhammad Nizar
Sekolah Perempuan Cina Singapura

Suasana pada hari itu gelap. Hujan, yang tadinya renyai, kini menjadi lebat, ditemani dentuman petir yang menggegarkan langit. Angin menderu membawa dinginnya ke tulang. Penglihatanku pula mula dikaburkan oleh curahan air yang turun deras dari langit. Aku menunggu di stesen bas sambil menikmati suasana ciptaan Tuhan.

Namun, di sudut pandanganku yang samar, aku terlihat seorang nenek yang terkandas sendirian di bawah teduhan pokok, tanpa sebarang perlindungan. Pakaian lusuhnya melekat pada badan sementara rambutnya basah kuyup dan wajahnya memaparkan keletihan yang menjerut jiwa. Dia hanya berdiri tercegat, memeluk dirinya dalam kesejukan yang mencengkam.

"Nek, simpanlah payung ini. Saya ikhlas," tawarku dengan sopan sambil meneduhinya dengan payungku setelah menghampirinya.

"Tidak mengapa jangan susahkan diri, Nak," balasnya dengan suara serba salah.

Aku tidak mengendahkan keengganannya. Dengan perlahan, aku menggenggam tangannya yang hampir beku lalu meletakkan payungku itu dalam cengkaman jarinya yang lemah. Sebelum sempat beliau berkata apa-apa, aku berjalan pergi dan membiarkan diriku dijamah hujan.

Sebenarnya, payung itu bukan sekadar pelindung tetapi juga hadiah terakhir daripada nenekku. Payung itu dihias khas buatku, dengan pemegang kayu yang diukir halus dengan satu pesanan penuh bermakna dalam perjalanan hidupku. Maka, aku tidak pun berniat untuk melepaskan payung kesayanganku itu, tetapi melihat nenek itu dalam keadaan sebegitu, aku tidak sampai hati untuk membiarkannya keseorangan. Maklumlah, wajahnya mengingatkan aku pada nenekku yang tidak pernah teragak-agak untuk membantu orang lain dan sentiasa berpesan, "Tuhan akan memberikan hikmah kepada sesiapa yang berbuat baik dengan ikhlas." Aku redha memberi payung tersebut sebagai rezeki kenenek itu.

Beberapa minggu berlalu. Cuaca di Singapura sering berubah. Kadangkala, hujan mencurah tanpa arah, dan pada saat seterusnya, mentari muncul semula menyinari alam dengan penuh megahnya. Pada suatu petang, aku berteduh di stesen basyang terlindung daripada sinaran mentari yang seolah-olah mengejar aku. Tiba-tiba, sekilas pandang matakku menangkap imej seorang wanita muda yang menyeberang jalan. Yang peliknya, dia menggunakan payung yang sama seperti payung yang aku berikan kepada nenek yang di bawah pokok dahulu - warna biru yang terang kelihatan serta corak dan reka bentuk yang unik tiada duanya. Aku berjalan ke arahnya dan hampir mendekatinya. Namun, malangnya perjalananku dihindari sebuah bas yang melintas lalu. Dengan sekelip mata wanita tersebut hilang dari pandanganku. Perasaan hampa menyelubungi diriku. Harapan untuk berjumpa semula payungku yang lama, hilang musnah. Aku cuba menenangkan hati dan menerima hakikat. "Mungkin payung itu kini berada di tangan seseorang yang lebih memerlukannya dan mungkin, takdir sedang menulis kisah baharu", bisik hatiku.

Sehingga hari ini, aku tidak dapat melupakan peristiwa tersebut. Kini, aku sudah memiliki payung baharu dan hidupku semakin cerah apabila aku mengorak langkah demi menghulurkan bantuan kepada orang lain. Namun, pada hari yang sudah lama dinanti- nantikan - hari temu duga pekerjaan pertamaku - langit kembali muram. Dalam perjalananku, hujan turun lebat. Untuk lebih memburukkan keadaan, aku terlupa pula untuk membawa payung! Aku membenamkan diri ke atas bangku di tepi jalan sambil membenamkan muka ke dalam tapak tangan.

Tanpa disangka, satu suara kecil menyapaku, "Kak, ambillah payung ini. Saya ikhlas. Lagipun, saya tidak memerlukannya lagi."

Aku mendongak, dan terlihat seorang murid berdiri di hadapanku, menghulurkan sebatang payung. Walaupun dia pucat dan menggigil, matanya bersinar ikhlas. Aku menyambut payung itu

dengan rasa syukur. Di pemegang kayunya, jariku menyentuh sesuatu yang amat aku kenal. Debu halus tersembunyi di celah-celah ukiran yang pernah begitu aku sayangi. Aku mengelapnya dengan hujung baju, dan di situ terpahat satu peringatan yang tidak mungkin aku lupa: "Teruskan melakukan kebaikan."

Jantungku seolah-olah terhenti seketika. Aku benar-benar tidak sangka, dalam ribuan kemungkinan, aku akan bertemu semula dengan payung itu, tepat pada saat aku paling memerlukannya. Aku asyik tertanya-tanya akan kisah perjalanan payung itu. Adakah ia telah melindungi ramai warga di seluruh Singapura? Adakah nenek itu menyerahkan payungku kepada orang lain, sepertimana aku menyerahkannya kepadanya dahulu? Adakah perbuatan baikku dahulu telah mencetuskan rantaian kebaikan yang berterusan antara masyarakat? Satu perbuatan kecil mampu membuka pintu kepada seribu kebaikan. Yang pasti, pengorbanan peritku dahulu, yang mengandungi hikmat tersirat, telah kembali dalam bentuk ganjaran yang lebih indah. Paling penting, aku percaya, semua yang berlaku ini bukan sekadar kebetulan, tetapi satu takdir yang ditentukan oleh Tuhan. Akhirnya, payung ini menjadi simpanan bahawa inisiatif yang dimulakan mampu memberikan inspirasi kepada orang lain untuk berbuat yang sama. Berbuat baik bukan hanya sebahagian daripada adat, tetapi juga ajaran suci daripada Tuhan untuk memberi walaupun pada saat kekurangan kerana budi baik akan dibalas dengan baik jua pada suatu hari nanti.

Tangan Yang Mengangkat, Hati Yang Mengikat

Nur Aleeya Qaisarah
Sekolah Menengah Marsiling

Cuaca petang itu mendung, seolah-olah langit turut menangiis perpindahan yang bakal berlaku. Kolong blok itu bergema dengan suara sahut-sahutan tiga orang remaja, bunyi kayu perabot berlaga-laga serta enjin lori yang menderu perlahan. Aqilah, Hamzah dan Martin sedang membantu Pak Dolah, jiran lama mereka, mengangkut barang-barangnya untuk berpindah ke tempat baharu.

Tentu sahaja Pak Dolah akan berasa resah gelisah kerana akhirnya, dia terpaksa akur bahawa dia akan hilang tempat tinggalnya. Tempat teduhnya yang penuh dengan kenangan pahit dan manis. Pak Dolah, lelaki tua berusia 65 tahun, telah menetap di situ lebih dari tiga dekad. Sebatang kara, hidup bersendirian, namun tidak pernah menyusahkan sesiapa. Walaupun orangnya perahsia, sentuhannya dirasai dalam hidup berjiran. Pak Dolah akan menegur dengan sopan, membantu tanpa diminta. Aqilah, Hamzah dan Martin membesar di bawah pengawasannya dan menganggapnya seperti datuk mereka sendiri.

"Berat sungguh almari ini," keluh Martin sambil menyeka peluhnya. "Isy, lembiknya kau," Hamzah mengusik.

"Cepat sikit, sebelum Maghrib," sampuk Aqilah, berusaha menyusun kotak ke dalam lori. Pak Dolah tersenyum dari arah pintu melihat gelagat mereka bertiga. Di sebalik senyuman itu, hatinya seolah-olah dirobek. Rumah yang menjadi tempat tumpahnya kasih dan kenangan kini harus ditinggalkan. Pandangannya kosong, tangannya menggigil.

Pak Dolah tidak menyangka bahawa segala keringatnya untuk membeli rumah flat tiga bilik itu terpaksa ditinggalkan. Tanpa disangka, anak tunggalnya telah menjual rumah tersebut setelah bertukar milik kepadanya. Tanpa berita...tiada khabar, Pak Dolah diberitahu bahawa rumahnya telah dijual. Dia perlu mencari tempat tinggal lain.

"Terima kasih, cucu-cucu Tok. Atuk tak tahu nak balas macam mana" katanya perlahan. Martin menepuk bahunya. "Kami tetap di sisi Atuk."

"Atuk takut... rumah baharu tidak sama. Di sini, atuk dengar suara kamu semua setiap hari. Dulu, gotong-royong itu biasa. Sekarang... semua kejar masa, kejar dunia."

Aqilah menggenggam tangannya. "Atuk, rumah berubah, tetapi kasih tidak berubah. Kami janji akan melawat Atuk."

Pak Dolah mengangguk perlahan. Ketika lori bergerak, Pak Dolah tunduk, menahan air mata yang bergenang. Yang berpindah bukan hanya barang-barangnya, tetapi sebahagian hatinya.

Minggu-minggu berikutnya, mereka bertiga sering melawat Pak Dolah. Mereka menemaninya ke taman, membaca berita malah menonton rancangan kegemarannya bersama. Gelak tawa tetap ada, walaupun berinding yang berbeza.

Pada salah satu kunjungan, Pak Dolah mengeluarkan album lama. Gambar hitam putih saat dia memegang Martin kecil di taman permainan, gambar Hamzah yang menangis ketika jatuh dari basikal, dan gambar Aqilah yang menang pertandingan membaca puisi.

"Atuk simpan semua ni?" tanya Hamzah terkejut.

"Atuk ada anak serupa tiada...menahan sebak di dada. Gambar kamu semua pengubat hati," jawab Pak Dolah sambil tersenyum pahit.

Namun pada satu petang, panggilan tidak dijawab. Pintu biliknya tidak dibuka. Rasa risau membuak. Dengan bantuan pengurusan blok, pintu dibuka. Pak Dolah terbaring lesu di sofa.

"Atuk!" jerit Aqilah, berlari dan menggenggam tangannya. Dia membuka mata, lemah. "Maafkan Atuk... Atuk tak nak menyusahkan kamu." Hamzah menahan sebak. "Atuk bukan beban. Atuk keluarga kami." Martin memegang erat tangan Pak Dolah. Di sisi, bungkusan bubur kesukaan Atuk yang dibawanya tergenggam kuat. Pandangannya berkaca.

Di hospital, malam menjadi panjang. Aqilah duduk di sisi katil, memerhatikan mesin penafasan. Kadang-kadang dia menulis diari kecil. "Kita semua akan tua. Tapi kalau kasih tak kita bajai, siapa akan sambut kita bila sakit begini?"

Hari demi hari, mereka bergilir menjaga Pak Dolah. Mereka menyuap makanan, membaca doa, menemani malam yang sunyi. Kejiranan baharu mula mengenali mereka. Ramai terpegun dengan kesetiaan tiga orang remaja itu.

"Dulu Atuk fikir... kalau Atuk jatuh, tak siapa peduli. Tapi kamu semua buktikan, kasih sayang tak perlukan pertalian darah," kata Pak Dolah, mata berkaca. Aqilah tersenyum dalam sendu. "Kami datang sebab kami sayangkan Atuk."

Pada suatu malam, sebelum tidur, Pak Dolah memanggil Aqilah ke sisinya. "Kalau suatu hari nanti atuk pergi... jangan lupa Atuk ya."

Air mata Aqilah mengalir deras. "Atuk, jangan cakap begitu. Kami masih perlukan Atuk. Siapa hendiak beri nasihat waktu kami tersasar nanti?" Mereka ketawa, tetapi ketawa itu penuh air mata.

Setelah seminggu, Pak Dolah dibenarkan pulang. Rumahnya bersih, disambut dengan senyuman jiran-jiran baharu. Suatu petang, dia termenung di balkoni.

"Atuk fikir apa?" tanya Martin.

"Atuk rindu bunyi tapak kaki kanak-kanak di kolong. Dulu, bunyi itu peneman. Sekarang, sunyi."

Mereka faham. Rumah bukan sekadar dinding dan bumbung, tetapi nadi yang hidup dengan suara dan kasih. Mereka kemudian mengajak rakan-rakan kelas menziarahi Pak Dolah. Rumahnya kembali bising; dengan suara gelak tawa, bacaan doa, dan muzik radio klasik.

Pada satu petang, Aqilah menemani Pak Dolah ke taman. Di bawah pohon angsa, mereka duduk tanpa berkata apa-apa. Hanya diam yang dalam, yang penuh makna.

"Atuk, tahu tak? Bila Atuk tak sihat hari itu, saya rasa macam kehilangan sebahagian daripada hidup saya," kata Aqilah. Pak Dolah menoleh perlahan.

"Atuk pun rasa begitu. Tapi Allah panjangkan umur Atuk untuk rasa semua kasih ini."

Pada hari lahirnya yang ke-66, satu kejutan diadakan. Balai komuniti kecil dihiasi sederhana. Tetapi kehangatan yang dirasakan luar biasa.

Pak Dolah berdiri dengan dibantu Hamzah. "Terima kasih semua. Hari ini, Atuk rasa paling kaya dengan kasih sayang. Tangan yang mengangkat beban, akhirnya mengikat hati."

Pada malam itu, Aqilah menulis, "Rasa kasih tidak perlu ada pertalian darah. Hidup berjiran dalam keadaan yang harmoni, tentu sahaja dapat mengikat kasih."

Dan di hujung catatannya, dia menulis perlahan, "Kasih sejati... tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas."

Harapan Dalam Kegelapan

Najiyah Ali

Sekolah Menengah Marsiling

Pasar Marsiling yang selama ini penuh dengan hiruk-pikuk pembeli dan penjual kini terasa asing. Pandemi COVID-19 datang tiba-tiba, merubah segalanya dalam sekelip mata. Bukan sahaja kehidupan kami berubah, malah merobek harapan kami. Gerai-gerai yang dahulunya riuh, kini kosong dan sunyi. Aku melihat wajah Ayah yang semakin hari semakin keruh. Mata Ayah yang dulunya bersinar dengan semangat, kini suram menanggung beban yang berat.

Kami bukan golongan berada. Gerai makanan inilah satu-satunya sumber pendapatan keluarga kami. Dengan pelitup muka yang sudah lusuh, aku membantu Ayah mengatur semula meja dan bangku. Kami cuba berniaga walaupun pelanggan yang datang hanya segelintir. Aku tahu Ayah letih, tetapi Ayah tidak pernah mengeluh. Sebaliknya, Ayah senyum walaupun pahit.

Pada suatu hari, ketika sedang mengemas gerai, Ayah berkata perlahan seolah-olah seperti berbisik, "Jiyah, kau pulang sajalah. Ayah boleh uruskan semua ini sendiri. Kau sudah penat sangat ...satu hari kau di sini."

Aku menatap wajah Ayah, cuba menyembunyikan kepenatan. "Tak apa, Ayah. Kita mesti bertahan. Bukankah Ayah sendiri yang ajar Jiyah, Orang Singapura kuat dan tahan lasak? Kita mesti usaha sebaik mungkin selagi nyawa dikandung badan."

Ayah tersenyum tawar sambil menepuk lembut bahunya. Hatiku bagai diramas melihat kepiluan di wajahnya. Aku tahu dia hanya mahu aku tumpukan pada pelajaran, tetapi aku juga tahu dia perlukan bantuan. Kedutan halus pada wajahnya melambangkan kekuatan yang ada pada dirinya. Urat-urat simpul pada tangannya menunjukkan ketabahan Ayah mencari rezeki untuk kami sekeluarga.

Pada petang itu, dalam perjalanan pulang ke rumah melalui blok-blok kediaman di Marsiling, aku ternampak Mak Cik Zara duduk seorang diri di tangga blok. Hidupnya kelihatan sepi selepas kehilangan suami akibat wabak ini. Ya, wabak ini yang terus-menerus menguji kehidupan kami. Kotak biskut yang hampir kosong di sebelahnya jelas menggambarkan keadaan hidup kami kini.

"Mak Cik Zara sudah makan?" tanyaku perlahan. Dia hanya tersenyum hambar, cuba menyembunyikan kesedihan yang menggunung. "Ada lagi sedikit, cukuplah untuk hari ini," jawabnya perlahan.

Dadaku terasa sesak. Pada malam itu, tidurku tidak lena. Wajah Mak Cik Zara terus menghantui fikiranku. Di sini, aku merungut dan mengeluh kerana kesusahan kami. Tetapi ada orang yang lebih susah daripada aku. Aku sedar, ada sesuatu yang harus aku lakukan. Aku bersembang dengan Ibu. Aku luahkan hasratku. Ibulah orang pertama yang menyokong niatku untuk membantu lebih ramai jiran kami yang memerlukan pertolongan.

Aku tidak sabar untuk memulakan misiku untuk membantu Mak Cik Zara. Malah, bukan sahaja Mak Cik Zara, aku berharap aku dapat membantu jiran-jiran yang lain juga. Sejak aku kecil, Aku kenal jiran-jiranku. Merekalah pelanggan tetap Ayah. Ada antara mereka yang hidup dalam kesederhanaan, namun hati mereka penuh dengan keikhlasan.

Aku mula mengagihkan makanan dan kuih-muih kepada keluarga yang memerlukan, termasuk Pakcik Vijay yang kehilangan punca pendapatan akibat pandemik ini.

Namun, usaha ini bukan mudah. Ada yang sinis dan memperlekehkan usahaku, antaranya Pak Amir. "Jiyah, kau sibuk sangat tolong orang lain, kau sendiri pun belum tentu cukup makan. Baik kau jaga diri sendiri dulu!" sindirnya pedas.

Aku menarik nafas panjang. "Pak Amir, bukankah hidup kita ini ibarat aur dengan tebing. Kalau bukan kita yang saling membantu, siapa lagi? Inilah semangat sebenar Orang Singapura."

Pak Amir mendengus, meninggalkan aku termangu sendirian. Mulutnya terkumat-kamit, membebel sendirian. Walaupun hati terasa perit, aku teruskan juga. Setiap senyuman yang aku terima daripada mereka yang dibantu menjadi kekuatanku. Aku percaya, meskipun kecil, sumbangan ikhlas tetap bermakna.

Pada satu hari, Lidya, seorang kaunselor menelefon aku. Dia meminta aku segera melawat seorang

lelaki tua bernama Pak Yusuf di Blok 20 yang dilanda kemurungan teruk. Dia jarang keluar rumah. Pak Yusuf mempunyai seorang anak lelaki. Jarang sekali aku nampak batang hidungnya. Dalam keadaan sekarang, mungkin anaknya tidak menjenguk pun bapanya.

Aku segera menziarahinya dengan membawa makanan. Sebaik-baik melihatnya, jantungku berdegup kencang kerana wajahnya yang sugul.

"Kenapa kamu susah payah sangat?" tanya Pak Yusuf dengan suara lirih. "Pak Yusuf, tidak susahlah. Mana yang Jiyah mampu sahaja," ujarku lembut.

Dia memandang wajahku lama sebelum senyum kecil terbit di wajah tuanya yang suram. Dia kemudian bercerita tentang anak tunggalnya itu. Buat pertama kali sejak sekian lama, air matanya berjujukan. Pasti banyak yang terbuku di hati orang tua ini.

Jauh di lubuk hati, aku menyimpan kesedihan yang tidak terluah. Aku risau tentang masa depan keluargaku. Ketika malam semakin larut, aku terdengar perbualan telefon Ayah dengan Ibu yang kini berada di rumah nenek.

"Kalau keadaan berterusan begini, mungkin kita terpaksa tutup gerai buat selama-lamanya" suara Ayah tersekat-sekat, jelas menahan tangis.

Hatiku remuk mendengar kata-kata itu. Aku menangis dalam diam, air mata mengalir tanpa henti. Aku sedar, betapa rapuhnya keadaan kami ketika ini. Namun, seperti kata orang tua-tua, rezeki secupak tidak akan jadi segantang jika tidak diusahakan. Beberapa minggu kemudian, bantuan pemerintah diumumkan. Perlahan-lahan, pelanggan mula kembali berkunjung ke pasar. Gerai kami kembali menerima pelanggan, memberikan sinar baharu dalam hidup kami.

Pada suatu petang yang tenang, sedang aku menyusun barang-barang jualan, kedengaran satu suara yang aku kenal menyapa aku perlahan, "Jiyah, beri aku dua bungkus nasi ayam."

Aku menoleh, matakku bertentangan dengan Pak Amir yang dahulu begitu sinis terhadap usahaku. Dia tersenyum malu sambil berkata perlahan, "Memang kau benar Jiyah, kita mesti bersatu, saling membantu. Kalau kau tak tolong aku hari itu, mungkin aku mati pun tiada yang tahu. Maafkan Pak Amir kerana pernah meragui usaha kau dulu."

Hatiku terasa sebak mendengar pengakuannya. Air matakku bergenang tanpa dapat ditahan lagi.

"Terima kasih, Pak Amir. Jiyah tak tahu banyak perkara, tapi Jiyah tahu bahawa kita Orang Singapura memang begini. Bersatu dalam susah mahupun senang," balasku penuh terharu.

Pada petang itu aku pulang ke rumah dengan langkah yang lebih ringan. Aku sedar kini, dalam kegelapan yang melanda, tetap ada sinar harapan yang tidak pernah padam. Inilah semangat perpaduan dan kasih sayang yang kita kongsi sebagai warga Singapura.

Ayah menyambut kepulanganku di pintu dengan senyuman hangat, buat pertama kali selepas sekian lama. Melihat senyumannya, aku sedar bahawa selama ini kami tidak bersendirian dalam menghadapi dugaan. Kami ada satu sama lain, saling berpaut, saling menguatkan.

Pada malam itu, sebelum tidur, aku merenung langit malam dari tingkap rumah. Aku tahu, pandemik ini memang menyakitkan, tetapi ia juga mengajar kami nilai perpaduan yang selama ini kami terlepas pandang.

Dan dalam diam aku berjanji pada diri sendiri, akan terus memegang erat semangat ini - semangat berbudi bahasa, bersatu hati dan saling membantu. Nilai yang dipupuk dalam diriku sejak kecil lagi. Tanpa aku sedari, aku menampilkan nilai tersebut. Nilai yang menunjukkan kekuatan sebenar kami sebagai Orang Singapura.

Memori Dalam Warisan

Eva Neil

Sekolah Menengah Fairfield Methodist

Saya dibesarkan di sebuah flat kecil di Queenstown, sebuah kawasan di Singapura yang sering dilupakan oleh pelancong yang datang ke pusat beli-belah yang gah dan jalan-jalan sibuk di Orchard Road. Flat kami kecil, tetapi dipenuhi dengan bau masakan yang dimasak dengan kasih sayang, terutama sekali, nasi lemak. Ayah saya, Mike, memiliki sebuah gerai kecil di Pasar Tiong Bahru; Sejak kecil, saya selalu melihatnya bangun sebelum matahari terbit setiap hari untuk menyiapkan bahan-bahan, menggoreng ayam, dan memasak sambal. Ayah tidak pernah mengeluh tentang waktu kerja yang panjang atau kepanasan di dapur. Semua itu untuk saya. Ibu saya meninggal dunia ketika saya baru berumur sepuluh tahun, meninggalkan ayah saya untuk membesarkan saya seorang diri.

Hidup kami tidak mudah. Saya masih ingat Ayah selalu bercerita tentang bagaimana dia bertemu dengan Ibu, bagaimana dia datang dari sebuah kampung kecil di Malaysia, dan bagaimana dia bekerja keras untuk memastikan saya tidak akan kelaparan. Sebagai seorang kecil, saya sering berlari-lari di sekitar pasar sementara Ayah bekerja.

Bunyi para penjual yang memanggil pelanggan dan bunyi masakan yang berdesir memenuhi udara. Namun, tidak kira betapa penatnya Ayah, dia sentiasa memastikan saya rasa disayangi.

"Kiara, kamu mesti selalu berusaha. Seperti mana Ayah masak nasi lemak- dengan kesabaran dan dengan kasih sayang," kata Ayah dengan penuh kebanggaan dan keprihatinan.

Saya tidak begitu faham maksud kata-kata Ayah. Saya mahu menjadi seorang cef yang boleh mengembara ke seluruh dunia. Saya tidak mahu terikat dengan gerai kecil kami. Namun, Ayah masih di sini, di sudut kecil Singapura ini, di mana setiap hidangan menceritakan sebuah kisah dan setiap pelanggan dianggapnya seperti keluarga.


Perubahan besar datang ketika saya berumur 18 tahun. Saya baru sahaja tamat Peperiksaan Peringkat O' dan bersedia untuk mencuba sesuatu yang

baharu. Saya mempunyai impian untuk mendaftar ke sekolah masakan dan menjadi cef terkenal. Walau bagaimanapun, takdir mempunyai rancangan lain.

Ayah tiba-tiba jatuh sakit dan disahkan menghidap strok. Lelaki yang selalu menjadi tiang dalam hidup saya, yang selalu memberitahu saya untuk terus mengejar impian, kini tidak mampu untuk mengangkat satu sudu pun. Saya terpaksa duduk di rumah dan mengambil alih gerai nasi lemak itu. Saya marah. Marah pada dunia, marah pada diri saya kerana tidak dapat mengecapi lebih banyak pencapaian, kerana terperangkap dalam ruang kecil ini, memasak hidangan yang sama, hari demi hari. Namun, saya tahu Ayah memerlukan saya. Setiap hari, saya perlu bangun sebelum Subuh untuk menyediakan nasi lemak, nasi yang dibalut daun pisang, sambal yang membakar jari saya semasa saya memasaknya, dan ayam goreng yang memerlukan masa berjam-jam untuk disiapkan.

Kini, gerai kami tidak seramai dahulu. Pelanggan semakin berkurangan, ketiadaan Ayah semakin terasa. Setiap kali saya memandangnya terbaring di atas katil, saya merasakan beratnya tanggungjawab di bahu saya. Hati saya sedih kerana Ayah telah bekerja begitu keras selama bertahun-tahun, hanya untuk melihat impian dan legasinya pudar begitu sahaja. Saya mahu menangis. Saya mahu berputus asa tetapi saya tidak boleh. Saya tidak boleh mengecewakan Ayah.

Saya mula bereksperimen dengan resepi baharu. Saya menambah sentuhan saya pada nasi lemak, mencuba rasa sambal yang baharu, bereksperimen dengan ayam goreng kunyit, dan menghias semula gerai untuk menarik perhatian golongan muda. Saya juga mula berbual dengan pelanggan, mendengar cerita mereka, dan belajar apa yang disukai mereka. Perlahan-lahan, ia membuahkan hasil. Pelanggan setia mula kembali dan wajah-wajah baharu mula muncul. Ia tidak berlaku dalam sekelip mata, tetapi lama- kelamaan, gerai kami mula sibuk semula. Setiap kali saya berdiri di belakang kaunter, saya masih dapat merasakan kesunyian tanpa Ayah di sisi.



Pada suatu hari, ketika saya rasa semuanya mula kembali baik, saya menerima berita yang menghancurkan hati saya. Ayah telah meninggal dunia. Saya merasa seperti bumi terbelah di tapak kaki saya. Saya tidak percaya. Ayah telah pergi, dan saya kini terpaksa mengendalikan gerai ini sendirian. Air mata saya mengalir mencurah-curah. Walaupun melalui kesedihan itu, saya tahu saya tidak boleh menyerah. Saya harus teruskan. Saya harus pastikan segala usaha Ayah tidak sia-sia.

Sekarang, gerai nasi lemak kami di Pasar Tiong Bahru lebih daripada sekadar perniagaan. Ia adalah sebuah legasi. Ia adalah simbol ketabahan, kasih sayang, dan pengorbanan yang dibuat oleh ayah saya. Setiap kali saya menyajikan hidangan kepada pelanggan, saya teringatkan dirinya. Ayah mengajar saya bahawa bahan yang paling penting dalam setiap hidangan ialah kasih sayang. Setiap hari, apabila saya melihat gerai kami, saya tahu saya telah menepati janjinya. Saya telah menjaga memori ayah saya agar terus hidup dengan setiap hidangan yang saya sajikan. Nasi lemak yang dahulunya hanya hidangan biasa, kini menceritakan kisah tentang kasih sayang seorang ayah, ketabahan seorang anak perempuan, dan sebuah gerai yang tidak pernah menyerah.

Kejayaan tidak datang dengan mudah. Ia menuntut ketabahan dan kerja keras, seperti yang pernah diajarkan oleh Ayah. Pada hari ini, setiap pinggan nasi lemak yang saya sajikan bukan sekadar makanan, tetapi kisah kasih sayang dan pengorbanan yang mengingatkan saya bahawa di negara ini, hanya mereka yang berusaha akan berjaya.

KEBERANIAN YANG MENGAJAR ERTI KEHORMATAN

Anggun Qistina Muhd Zaidi
Sekolah Menengah Boon Lay

"Mana adab kamu? Kan dia tanya elok-elok!" Bentak seorang belia kepada seorang jurujual wanita di Uniqlo.

Aku menoleh ke arah datangnya suara garang itu. Aku ternampak seorang belia yang memakai pakaian seragam sekolah sedang bersemuka dengan jurujual tersebut. Di sebelahnya, aku terlihat seorang warga emas berbangsa Cina. Bukankah dia warga emas yang sama yang aku perhatikan sebentar tadi?

Aku ke kedai pakaian Uniqlo untuk membelek-belek tanpa tujuan untuk membeli. Maklumlah, pada hari ini aku ada masa lapang setelah mesyuarat yang sepatutnya berlangsung petang ini ditiadakan. Tidak sangka hari yang tenang itu akan bertukar menjadi huru-hara. Sudah beberapa lama aku mundar-mandir di lorong-lorong pakaian. Dari tadi juga aku memang sudah ternampak seorang warga emas berbangsa Cina yang sedang berjalan di dalam kedai Uniqlo.

Apabila aku terlihat warga emas itu, aku teringat akan arwah nenekku yang telah meninggal dunia semasa aku berumur 16 tahun. Aku berasa sungguh kasihan melihat warga emas itu berjalan bersendirian. Tambahan pula, wajahnya berkerut-kerut, menunjukkan dia sedang kebingungan.

Aku terdengar perbualan antara awak warga emas itu dengan jurujual di Uniqlo tersebut.

"Adik, di mana nenek boleh cari baju untuk cucu perempuan nenek?" Tanya warga emas itu kepada seorang jurujual berbangsa Melayu yang berhampiran.

Aku keliru. Baju untuk wanita ada di hadapan matanya sahaja. Jurujual itu menjeling dan menyambung kerjanya tanpa menghiraukan pertanyaan tersebut. Warga emas itu menanyakan soalan yang sama sekali lagi. Mungkin baginya, pertanyaannya itu tidak didengari oleh jurujual itu. Namun kali ini, jurujual itu mendengus lalu menjawab.

"Nenek ini butakah? Baju wanita di hadapan mata sahaja!" Tengking jurujual yang bernama Nurul itu dengan dalam nada yang lantang.

Apabila aku terdengar warga emas itu dimaki hamun sehendaknya, dadaku berombak-ombak. Aku ingin menampar muka jurujual itu. Wajah warga emas itu kelihatan sugul kerana mungkin terkesan dengan kata-katanya itu. Aku dapat merasakan bahawa kata-kata jurujual itu menikamnya terus ke jantungnya. Aku berasa sungguh geram. Tergamaknya jurujual itu meninggikan suaranya kepada seorang warga emas. Aku mengepal jemariku, menahan kemarahan yang membuak-buak dalam dadaku. Hatiku panas, aku hampir menitiskan air mata melihat warga emas itu diperlakukan sebegitu hina. Sekali lagi wajah arwah nenek terbayang di mindaku. Kalaulah ini nenek aku, mahu sahaja aku menengking jurujual itu. Namun, aku tidak mampu membela warga emas itu kerana aku tidak mahu mencetuskan pergaduhan di tempat awam.

"Nenek minta maaf . Nenek tidak perasan." Ujar warga emas itu dengan nada yang lembut walaupun diperlakukan dengan kejam oleh jurujual tadi.

"Orang tua semua menyusahkan lah! Rimas aku!" Bentak Nurul sekali lagi dengan berani.

Semua orang di kedai itu memandang ke arah mereka. Aku perhatikan tiada sesiapa pun yang berani ke depan untuk menegur jurujual tersebut. Tiba-tiba, seorang belia berjalan ke arah jurujual itu. Wajahnya kelihatan sungguh tidak berpuas hati.

"Mana adab kamu? Kan nenek ini bertanya elok-elok!" Ujar belia itu dengan nada yang garang lagi kuat.

"Orang tua ini menyusahkan aku. Kau jangan masuk campur!" Nurul bersuara.

"Kau sudah besar tetapi tidak matang. Tidak tahu cara untuk menghormati orang yang lebih tuakah? Kau minta maaf sekarang." Cabar belia itu dengan penuh keberanian.

Kata-kata belia itu membuat Nurul terdiam. Aku melihat di sekelilingku. Kelihatan beberapa orang berkumpul dan ada yang merakam kejadian itu dengan menggunakan alat peranti masing-masing. Keadaan di sana semakin riuh. Semua yang melihat berbisik-bisik dan menuding jari ke arah Nurul.

"M-minta maaf, Nenek..." ujar Nurul, suaranya hampir tidak kedengaran, dia menunduk malu.

Warga emas itu mengulum senyuman tipis kepada belia itu.

"Terima kasih Nak menolong nenek. Baik hati Anak," tutur warga emas itu, sama sekali tidak membayangkan sebarang dendam.

Dek kekaguman terhadapnya, aku menghampiri belia itu lalu mengucapkan terima kasih kerana dia berani menegakkan kebenaran. Aku berasa amat bangga dengan belia itu kerana dia seorang sahaja yang menolong warga emas situ.

"Ada juga belia zaman sekarang yang berani melawan orang dewasa, kakak sendiri takut ingin bersuara." Pujiku ikhlas.

"Kak, kalau bukan kita, siapa lagi yang mahu menghentikan layanan-layanan yang tidak adil seperti tadi. Kita pelanggan ada hak untuk dilayan dengan baik !" Jawab belia itu dengan penuh kebijaksanaan.

Dia memberitahu aku bahawa neneknya juga pernah melalu hal yang sama. Dimarahi oleh seorang pekerja kerana neneknya telah hilang pendengaran. Aku berasa simpati terhadap neneknya. Hancur hatiku apabila mendengar ceritanya itu.

"Bukankah rakyat Singapura harus menghormati satu sama lain, tidak kira bangsa atau usia." Dia mengajukan soalan ini kepada aku tanpa ragu-ragu.

Aku tersenyum lebar apabila terdengar dia berkata sebegitu. Kalau seorang belia berani membela warga emas, mengapa orang dewasa duduk di tepi, goyang kaki sahaja. Malunya aku! Aku mempelajari banyak perkara daripada interaksi ringkas dengan belia itu. Aku berjanji kepada diriku bahawa aku tidak akan membiarkan sesiapa melayan orang lain dengan tidak adil.

Aku melangkah keluar dari kedai pakaian Uniqlo dengan langkah berat, namun hatiku ringan, penuh dengan azam baharu. Dunia ini perlukan lebih ramai belia berani sepertinya. Sebagai rakyat Singapura, kita sering berbangga dengan nilai-nilai kemasyarakatan kita yang tinggi dan kehidupan berbilang kaum yang harmoni. Kejadian pada hari ini mengingatkan aku bahawa masyarakat penyayang yang kita impikan harus bermula dengan tindakan individu yang berani menegakkan kebenaran, seperti belia itu. Di sebalik kesibukan bekerja, kita tidak harus kehilangan nilai-nilai asas yang menjadikan Singapura sebuah negara yang istimewa.

PENGORBANAN TIDAK MENGIRA BANGSA, BAHASA ATAU AGAMA

Calihashim Arrauuf Bahtiar
Sekolah Menengah Tampines

Hari Jumaat itu menandakan hari terakhir persekolahan sebelum cuti penggal bermula. Sebagai seorang pelajar menengah tiga, saya, menghela nafas lega. Akhirnya saya bebas daripada belunggu buku dan kertas peperiksaan. Angin sepoi-sepoi bahasa menyapa lembut ketika saya pulang ke rumah. Setibanya di rumah, saya rasa suasana agak sunyi. Ibu bapa saya di tempat kerja dan biasanya, datuk saya akan duduk di kerusi roda di ruang tamu. Namun, pada hari itu, Datuk tidak kelihatan. Saya terus menuju ke bilik Datuk. Saya melihat Datuk sedang terbaring di atas katil dan kelihatan lebih lemah daripada biasa. Wajahnya yang biasanya ceria kini tampak letih dan dahinya berkerut seolah-olah menahan kesakitan. Saya terasa sebak melihat keadaan Datuk yang semakin uzur. Selama ini, beliau lah menjadi tunjang dalam hidup saya.

Hati saya berdegup kencang bagaikan kuda yang berlari. Saya dihipit rasa bimbang yang semakin mencengkam jiwa. Saya melangkah perlahan ke arah katil Datuk. Setiap langkah terasa berat ibarat memikul beban perasaan yang sukar diungkapkan.

"Datuk... Datuk baik-baik sahaja?" Suara saya bergetar dan hampir berbisik. Datuk membuka matanya perlahan-lahan. Senyuman tipis terukir di bibirnya yang pucat.

"Cucu Datuk dah balik," jawabnya dengan nada lemah tetapi penuh kasih sayang. Saya menggenggam tangannya yang semakin dingin. Saya dapat merasakan betapa tubuh Datuk kini tidak sekuat dahulu. Dalam hati, saya berdoa agar kesihatannya kembali pulih dan senyumannya yang ceria itu dapat saya lihat sekali lagi.

"Datuk, biar saya bantu bersihkan bilik Datuk, ya?" tanya saya dengan nada lembut sambil duduk di sisi katilnya. Saya menggenggam tangannya. Wajahnya yang pucat sedikit berseri, dan dia mengangguk perlahan.

"Aziz sangat bertimbang rasa," bisiknya dengan senyuman kecil. Matanya memancarkan kasih sayang. Saya membalas senyumannya sebelum bangkit dan mula mengemas biliknya. Langkah saya perlahan dan berhati-hati agar tidak mengganggunya yang masih berbaring lemah.

Ketika saya menyusun beberapa buku lama di atas meja, mata saya tertarik pada sebuah kotak kayu lama di sudut almari. Lapisan habuk di atasnya menunjukkan ia sudah lama tidak dibuka. Hati saya berdebar kerana diselimiuti perasaan ingin tahu. Perlahan-lahan, saya mengangkat kotak tersebut dan meniup habuk tebal itu. Dengan berhati-hati, saya membuka penutupnya. Bau kertas lama segera menyapa hidung saya. Mata saya membesar apabila melihat isinya—sepucuk surat lama dengan tulisan yang hampir pudar, beberapa keping gambar hitam putih dan seutas rantai lama.

Saya menoleh ke arah Datuk? Hati saya berdebar-debar kerana tidak sabar untuk bertanya tentang barang-barang di dalam kotak itu. "Datuk, ini apa?" Soalan saya terhenti apabila terlihat Datuk sudah terlelap. Nafasnya perlahan dan teratur. Saya tidak mahu mengganggunya, maka itu saya meletakkan kotak itu di atas meja kecil di sebelah katilnya. Saya menarik kotak kayu itu dengan lebih dekat lagi. Jari-jemari saya menyentuh permukaannya yang kasar. Di dalamnya, tersusun kemas beberapa keping foto lama, surat-surat kekuningan, dan sebuah rantai perak yang sudah pudar. Saya mencapai sekeping foto paling atas—dua lelaki berdiri bersebelahan, seorang berbangsa Melayu dan seorang lagi berbangsa Cina. Wajah mereka serius tetapi mata mereka penuh makna, seolah-olah menyimpan kisah yang lebih besar daripada sekeping gambar hitam putih.

Saya menarik nafas panjang dan membuka surat pertama. "Haris, sudah lama aku mahu menulis kepada kamu, tetapi aku tidak pernah tahu di mana mahu menghantar surat ini. Aku berharap,

walaupun surat ini mungkin tidak akan sampai kepada kamu, sekurang- kurangnya kata-kataku ini akan kekal sebagai bukti bahawa aku tidak pernah melupakan engkau.” Saya menyelak beberapa foto lain, askar-askar Jepun berkawad di jalan raya, rumah-rumah kedai yang tampak usang, sebuah lorong kecil yang dindingnya diconteng dengan tulisan Cina yang pudar. Hati saya berdegup laju. Ini semua gambar semasa penjajahan Jepun. Namun, apa kaitannya dengan Datuk?

Saya menelan liur dan menyelak surat seterusnya. “Pada malam itu, aku ingat aku sudah tiada harapan. Aku berlari di lorong-lorong gelap, nafasku terputus-putus. Aku dengar jeritan di belakangku, bunyi tapak kaki menghentak tanah. Aku tidak tahu kenapa aku memilih rumahmu, mungkin kerana pintunya sedikit terbuka, atau mungkin kerana

aku benar-benar tidak ada pilihan. Aku hampir rebah di depan rumahmu, dan aku ingat pandangan pertama engkau kepada aku—terkejut, risau, tetapi tanpa ragu-ragu, engkau menarik aku masuk.”

Mata saya tertumpu pada gambar sebuah rumah kayu. Ini pasti rumah Datuk dahulu. Saya menyambung membaca surat itu. “Aku tidak pernah bertanya kenapa engkau menolong aku, seorang lelaki Cina yang engkau langsung tidak kenal. Tetapi engkau sembunyikan aku di kolong rumahkau, berikan aku makanan walaupun engkau sendiri tidak punya. Aku dengar suara mereka menjerit di luar, pintu rumahkau dihentak. Aku ingat malam itu sebagai malam, nyawaku berada di hujung tanduk. Tetapi engkau tidak pernah menyerahkan aku kepada askar-askar Jepun.”

“Apa yang telah saya baca?” bisik hati kecil saya. Saya tersentak tatkala mendengar suara Datuk yang serak. Saya menoleh dan mendapati Datuk sudah terjaga. Matanya redup tetapi penuh kenangan. Saya segera menghampirinya lalu menunjukkan surat dan rantai itu. Datuk mengambil rantai itu dengan jari-jemari tuanya, matanya menatapnya dengan penuh makna. “Dia sahabat... sahabat yang hampir-hampir hilang.” Datuk menjawab pertanyaan saya.

Saya terdiam, membiarkan Datuk mengambil masa untuk meneruskan ucapannya. Mata datuk tertumpu pada salah satu gambar—seorang lelaki

muda berwajah cengkung, bajunya lusuh dan matanya penuh ketakutan. “Datuk terjumpanya pada malam itu, atau lebih tepat, dia yang datang kepada Datuk. “Pada malam itu hujan renyai. Datuk sedang menutup tingkap lalu terdengar bunyi tapak kaki berlari di lorong belakang rumah. Sebelum sempat Datuk berfikir, pintu rumah diketuk bertalu-talu. Apabila Datuk buka daun pintu, datuk melihat seorang pemuda, tubuhnya kotor, wajahnya penuh peluh dan darah kering. Datuk tahu dia melarikan diri. Datuk tidak bertanya. Datuk hanya menarik lengannya untuk masuk ke rumah lalu menutup pintu,” Datuk bercerita.

“Apa yang terjadi selepas itu?” saya bertanya. Datuk menghela nafas panjang.

“Datuk menyembunyikannya di kolong rumah. Tak lama kemudian, askar-askar Jepun datang mengetuk pintu. Tiga orang berdiri di depan dan bertanya jikalau datuk nampak pemuda Cina. Datuk pura-pura tidak tahu,” Datuk teruskan cerita.

Saya bertanya datuk jika askar-askar Jepun itu mempercayai alasannya. Datuk mengukirkan senyuman hambar. “Seorang askar tidak. Dia masuk lalu memeriksa rumah. Datuk mendengar nafas Lim di bawah lantai. “Buat masa ini, kami akan percaya.” Askar itu hampir-hampir menemui Lim, tetapi ketua mereka menyuruh mereka beredar,” Datuk saya menerangkan keadaan itu dengan terperinci.

Saya menggenggam rantai itu dan bertanya berapa lama Lim tinggal bersama Datuk. Datuk menjawab, dua minggu. Datuk memberikan makanan, merawat luka, dan memastikan Lim hanya keluar pada waktu malam. Lama-kelamaan, mereka menjadi sahabat karib. Datuk belajar tentang keluarganya, kedainya yang musnah, dan bagaimana dia kehilangan ibu bapanya.

Datuk menggenggam surat itu dan berkata bahawa malam terakhir sebelum Lim pergi, dia meninggalkan rantai itu sebagai tanda terima kasih. Selepas perang, datuk berpindah dan menyangka dia tidak akan bertemu Lim lagi. Namun, bertahun kemudian, seorang jiran lama menyerahkan sekeping surat yang ditinggalkan oleh seorang lelaki yang pernah mencarinya di rumah lama kepada Datuk.



Saya menyelak surat yang terakhir. Lim menulis bahawa dia telah kembali ke rumah itu, dengan harapan dapat bertemu Datuk, tetapi keadaan kampung telah banyak berubah. Dia hanya mampu meninggalkan surat itu kepada salah seorang penduduk kampung. Dia berharap Datuk masih hidup dan ingin Datuk tahu bahawa dia tidak pernah lupa akan jasa Datuk yang telah menyelamatkan nyawanya.

"Datuk, saya mahu jadi macam Datuk. Saya mahu membantu orang tanpa mengira bangsa mereka." Saya berkata semasa saya menatap muka Datuk dengan perasaan sebak.

Mata datuk berkaca. "Kebaikan hati tidak mengenal bangsa atau agama, Aziz. Jangan lupa itu," nasihat Datuk semasa menggenggam tangan saya erat. Saya mengangguk perlahan. Saya menatap surat dan gambar di dalam kotak kayu itu. Warisan Datuk bukanlah harta benda, tetapi kisah keberanian, pengorbanan, dan persahabatan yang beliau lalui. Saya tahu, saya mahu menjadi sebahagian daripada warisan itu.

KEJUJURAN DAPAT MENCAPAI KEDAMAIAN

Muhammad Aaqil Anaqi Mohammed Farhan
Sekolah Menengah Punggol

10 Cerpen
Terbaik

Bunyi monitor jantung bergema di ruang pembedahan yang sunyi. Aku berdiri di sisi katil, memandang wajah musuh yang terbaring diam kerana anastesia. Tiada kebencian di matanya kali ini, hanya ketenangan yang datang dengan ketidaksedaran. Tanganku yang berlumuran darah memegang scalpel, bukan untuk bunuh tetapi menyelamatkan nyawa, nyawa seseorang yang pernah ingin mahu membunuh aku. Namun, di sini, di bawah cahaya lampu pembedahan, dia bukan lagi musuh tetapi seorang manusia yang bergantung hidupnya kepada aku. Aku menarik nafas dalam, mengingati perkara-perkara yang telah terjadi sebelum ini.

Matahari membakar tanpa belas kasihan. Tubuhku tidak ubah seperti ranting pokok yang hangus terbakar. Bintik-bintik peluh bercambah di sana sini di tubuhnya disebabkan kepanasan. Bunyi tembakan senapang dan jeritan ngeri askar-askar yang cedera parah bergema di suasana. Darah yang merah seperti tomato, boleh dilihat memercik di seluruh medan perang. Walaupun suasana yang menakutkan, aku tidak terkejut dan sudah terbiasa dengan suasana ini. Di sini kematian lebih pasti. Sesiapa sahaja boleh mati pada bila-bila masa.

Aku seorang doktor yang mengutamakan prinsip perubatan berbanding semangat askar yang ada pada diriku. Aku tamat pengajian di peringkat tinggi dan mencapai PHD dalam bidang perubatan. Sejak aku kanak-kanak lagi, aku sentiasa ingin menjadi seorang doktor namun untuk berada di hospital bukanlah persekitaran yang aku suka. Aku mahukan sesuatu yang mendebarakan dan mengujakan semasa bertugas. Pada suatu hari, aku terjumpa artikel tentang doktor tentera yang berkhidmat semasa perang dan merawat askar yang cedera dalam pertempuran. Sejak hari itu, hatiku sentiasa ingin menjadi seorang doktor tentera.

Hari itu merupakan hari yang biasa. Pasukanku sedang meronda-ronda di kawasan perkhemahan melakukan rutin harian kami. Tiba-tiba, rakan seperjuanganku terjatuh ke tanah, darah memercik ke sana sini.

"Musuh!" jerit ketua pasukan.

Pada ketika itu, bunyi tembakan kedengaran ketika askar berlindung dan musuh

menghampiri. Aku sebagai seorang doktor merawat askar yang telah ditembak, menariknya menjauh daripada pandangan musuh lalu meletakkannya di belakang batu yang besar. Aku mula merawat askar-askar pasukanku.

"Aghhhh!" aku terdengar seseorang mengerang seolah-olah dia di dalam kesakitan.

Pada ketika itu, aku ternampak seorang askar. Askar itu mengenakan seragam yang lain daripada pasukanku. Dia terbaring di lumpur, tubuhnya lemah, nafasnya tersekat-sekat. Darah membanjiri tanah, membentuk tompok merah pekat. Kakinya terlipat dengan tulang mencucuk keluar, pakaian seragamnya koyak, mendedahkan luka-luka serpihan peluru. Aku melangkah perlahan, but kasutku tenggelam dalam lumpur. Tangannya terketar-ketar menekan luka di perut, tetapi sia-sia.

Apabila dia terpandangku, dia terus mengangkat pistolnya dengan niat untuk membunuhku tetapi tangannya yang cedera parah tidak dapat mengangkat pistol dan dia serta-merta menjatuhkan senjata itu seolah-olah mengakui kekalahan dan bersedia untuk kematian.

Tanganku bergetar. Aku tidak tahu apa yang harus aku lakukan. Adakah aku harus membantunya? Aku menatapnya lama. Barangkali, dialah yang telah menembak rakan-rakanku. Barangkali, tangannya sudah berlumuran darah orang-orang yang aku kenali. Aku berada dalam dilema sama ada aku perlu membantunya atau membiarkannya. Jika aku menolongnya, aku boleh dianggap sebagai pengkhianat, tetapi jika aku membiarkannya mati, aku telah mengkhianati prinsip kemanusiaan sendiri. Aku akhirnya membuat keputusan untuk merawat lukanya. Tangannya memegang aku dengan erat.

"Bunuh sahaja aku. Aku tidak patut hidup," katanya dengan suara hampir hilang.

Aku menatap matanya lalu menjawab, "Kamu akan hidup hari ini. Aku tidak akan biarkan kau mati."

"Tahan ya, kamu akan selamat inshaa Allah," aku berkata dengan nada yang menyakinkan.

Aku mencucuk jarum yang diisi ubat tahan sakit di pahanya. Dia mengerang kesakitan. Aku membalut kakinya dengan ketat menggunakan sehelai kain. Aku kemudian merawatnya memastikan untuk merawat luka parahnya. Dengan persekitaran yang aku alami dan kecederaan yang dialami musuh aku ini, dia pastinya memerlukan pembedahan. Oleh itu, apa yang boleh dilakukan adalah untuk merawatnya dengan sebaik mungkin pada situasi semasa. Dalam suasana tegang itu, aku bekerja tanpa henti, membersihkan darah dan menghentikan pendarahannya.

Aku masih lagi berlutut di tanah, tangan bersimbah darah yang bukan darahku sendiri. Nafas askar musuh yang aku rawat semakin lemah, tetapi matanya tetap terbuka, seolah-olah masih cuba melawan takdirnya. Namun, sebelum aku sempat berbuat apa-apa lagi, aku perasan bayang seorang lelaki sedang berdiri di hadapanku. Aku mendongak lalu melihat kapten pasukanku, Kapten Daud. Matanya menyalakan api kebencian yang tidak pernah padam, membakar setiap inci kemanusiaan yang tersisa dalam dirinya

"Apa yang kau buat, Doktor?" suaranya bergetar, bukan marah, tetapi lebih kepada kecewa dan kebencian.

Aku tahu ini akan terjadi. Aku tahu tindakan aku ini akan menimbulkan persoalan, tetapi aku tidak mampu mengabaikan prinsip yang aku pegang selama ini.

"Dia memerlukan bantuan, Kapten. Jika kita biarkan dia mati, kita sama sahaja seperti mereka yang kita benci," jawabku.

Kapten menggenggam erat senapangnya, jarinya hampir-hampir menarik picu. Aku dapat melihat sakitannya di wajahnya. Aku tahu kenapa. Musuh ini mungkin bukan siapa-siapa bagiku, tetapi bagi Kapten Daud, mereka ialah orang

yang telah meragut nyawa abangnya. Dendam itu masih membakar dalam hatinya.

"Dia mungkin orang yang membunuh abang kau," aku bersuara, bukan untuk membela musuh di hadapanku, tetapi untuk menunjukkan yang jika kita biarkan dia demikian kita sama seperti orang yang membunuh abang Kapten Daud.

"Tetapi sekarang, dia bukan lagi askar, bukan lagi pembunuh. Dia hanya seorang manusia yang hampir kehilangan nyawa."

Muka Kapten merah, tangannya bergetar ketika dia melihat musuh yang terbaring, tubuh yang kotor bersalut lumpur dan darah. Nafasnya pendek, serak dengan emosi yang dia tahan. Aku tahu, ini bukan keputusan yang mudah.

Lama dia diam. Seolah-olah bertarung dengan perasaannya sendiri. Aku hanya menunggu, berharap hatinya terbuka kepada belas ihsan yang masih dalam dirinya. Kemudian, dengan gerakan perlahan, Kapten menghela nafas panjang lalu mengatakan, "Kita selamatkan dia. Aku tidak mahu hidup dengan dendam yang membuat aku buta. Cepat bawa dia ke helikopter. Tetapi, kamu perlu jawab kepada Komander," Kapten Daud mengatakan dengan nada yang serius.

Aku mengganggu dan dengan pertolongan Kapten Daud. Kami membawa askar-askar dan askar musuh yang cedera ke helikopter untuk menerima rawatan yang betul. Bunyi bip mesin monitor jantung bergema di bilik pembedahan yang sepi. Aku menatap skrin, jantungnya stabil. Nafasku yang tadinya berat kini terasa ringan, seakan-akan beban yang aku hadapi selama ini terlepas. Aku menarik nafas dalam, membiarkan kelegaan meresap ke setiap tubuhku.

Aku memandang wajahnya, wajah seseorang yang pernah ingin menghapuskan nyawaku. Kini, dia hanya seorang manusia biasa, terbaring dalam keadaan tidak sedarkan diri, bergantung kepada keputusan yang aku buat. Aku tidak mengkhianati sumpahku, tidak tunduk kepada kebencian. Saat luka terakhir dijahit dan tubuhnya distabilkan, aku tahu, aku telah memilih jalan yang benar. Dalam dunia yang dipenuhi peperangan, aku memilih untuk tetap menjadi seorang doktor.

A vibrant, colorful border surrounds the central text area. It features various school supplies like pencils, pens, a ruler, and a stapler, interspersed with nature elements such as flowers, leaves, and a globe. The background of the border is a dark green, while the central text area is a light blue-grey.

Aku mengangkat kepalaku, mataku bertemu dengan mata Kapten Daud yang berdiri di sudut bilik. Dia tidak berkata apa-apa, hanya menghela nafas panjang sebelum mengangguk perlahan. Tiada kemarahan dalam matanya hanya kelihatan rasa aman dan sedikit penghargaan.

Aku tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ini. Adakah aku akan dianggap seorang pengkhianat? Bak pepatah bunga kembang berbalik kuncup? Adakah pasukanku akan memandang aku dengan kebencian? Namun, saat ini, aku tidak peduli. Aku hanya tahu bahawa aku telah membuat pilihan yang betul. Aku tersenyum kecil. Tidak kira apa yang berlaku selepas ini, aku tahu satu perkara yang pasti, kejujuran terhadap prinsip sendiri itulah yang membawa kedamaian sebenar.

TIUPAN SANG BAYU

Aydin Matin Muhammad Junaidi
Sekolah Menengah Gan Eng Seng

"Kekalkan penggunaan bahasa Melayu kita. Lestarikan bahasa Melayu kita." Itulah kata-kata terakhir yang telah aku dengar daripada Encik Ancoi.

Malam Jumaat yang hening seorang tokoh bahasa Melayu yang terkenal telah menghembuskan nafas yang terakhir. Memandangkan aku yang telah mendengar lafaz terakhir beliau, aku harus menunaikan permintaan beliau dengan menyebarkan kata-kata mutiara beliau kepada orang-orang Singapura.

Dari timur ke barat, selatan ke utara, aku puas mencari. Mencari orang yang betul-betul sudi mendengar nasihat daripada beliau. Setakat ini, aku belum berjaya lagi. Air mata panas mula membasahi pipiku. Beliau seharusnya dihormati dan diingati, bukan ditolak ke tepi dan dilupakan. Lantas, aku tidak akan sesekali berputus asa. Hari demi hari, aku terus berusaha dengan gigih. Secara terus-terang, aku mengaku bahawa aku mungkin tidak mempunyai peranan yang penting di dunia ini. Aku pergi ke mana sahaja membawa diriku. Kehidupan ini merupakan satu medan perjuangan buat diriku.

Usaha pencarianku membawa aku kepada seorang budak Melayu. Aku cukup mengenali budak itu. Aku sering mendampinginya sejak dia dilahirkan ke dunia ini. Aku bergerak ke arahnya. Aku mula mendekati dirinya. Aku dapat mendengar apa yang dikatakan olehnya dengan jelas. Namun, aku mula berasa keliru. Kata-kata yang diucapkan olehnya terus terngiang-ngiang di telingaku. Pengkhianat! Aku tidak sangka bahawa dia akan menggunakan bahasa sebegini.

"Naufal, ini bukan bahasa kita!" desis hati kecilku.

Aku menghantar secebis kertas ke arah Naufal. Namun, aku memastikan bahawa dia tidak menyedari akan kehadiranku di situ. Tertera dengan jelas kata-kata terakhir Encik Ancoi di cebisan kertas itu.

Aku bergerak ke tempat yang berbeza dengan segera. Harapanku untuk menunaikan permintaan Encik Ancoi dengan menyebarkan kata-kata mutiara beliau kepada orang-orang Singapura semakin menipis. Namun, aku tetap menanam harapan

bahawa Naufal akan mengikuti nasihat Encik Ancoi. Aku terus memerhatikan gerak-geri Naufal dari jauh. Hatiku hancur bagaikan kaca yang dihempas kuat ke batu apabila aku melihat Naufal membuang cebisan kertas itu ke dalam tong sampah begitu sahaja.

Di bawah selimut malam yang senyap, fikiranku melayang jauh ke lembah kenangan. Aku teringatkan kenangan lamaku bersama Naufal. Ingatanku masih segar. Naufal sedang bermain capteh di halaman kampung lamanya, bersama teman-temannya yang berbangsa Melayu. Pada masa itu, Naufal sering bersembang dengan teman-temannya menggunakan bahasa Melayu, bahasa ibunda kita.

Pada masa yang sama, kenangan yang lain mula mengusik jiwaku. Naufal baru sahaja memulakan persekolahannya di sebuah sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Pada mulanya, aku berasa kecewa. Sebelum ini, Naufal tidak pernah didedahkan kepada bahasa yang baharu itu. Dalam seminggu sahaja, Naufal mula jatuh cinta akan bahasa Inggeris.

Keesokan harinya, aku terpaksa meninggalkan kampung itu. Aku terpaksa menuju ke desa yang lain. Aku seakan-akan pergi ke mana sahaja angin bertiup. Itulah kenangan terakhirku bersama Naufal. Perjalananku selepas itu membuka mataku. Di sekelilingku, aku melihat ramai warga negara Singapura lain yang berbangsa Melayu. Mereka bertutur dengan menggunakan bahasa yang sangat indah, bergaya dengan baju Melayu mereka dan saling menghormati antara satu sama lain. Sememangnya, budaya bangsa ini tidak patut ditelan zaman.

Selepas beberapa hari, aku dan Naufal bertemu kembali. Aku telah memerhatikan banyak perubahan dalam dirinya. Sebelum ini, penggunaan bahasa Melayunya tidak pernah salah. Kini, bahasa Melayu yang keluar daripada mulutnya bak laut yang surut. Dia juga sering menggunakan bahasa Inggeris dalam interaksi sehariannya. Malah, dia juga telah melupakan segala adat Melayu yang telah diajarkan oleh ibu bapanya. Akibat terlalu mementingkan bahasa Inggeris, penguasaan bahasa Melayu Naufal

semakin lemah sehingga bahasa Melayu dilupakan. Dia telah melupakan jati dirinya sendiri.

Masaku hampir tamat. Tinggal beberapa hari sahaja sebelum aku perlu beredar. Aku tidak boleh membiarkan Naufal kekal sebegini. Apakah yang perlu aku buat? Soalan itu sentiasa memenuhi kotak fikiranku. Ketukan di pintu bilik tidur Naufal mengejutkan kami berdua.

"Naufal, Ibu mahu beritahu kamu sesuatu," kata ibu Naufal dengan nada suara yang tenang.

Naufal membuka pintu bilik tidurnya. Ibunya, Cik Rok, menuju ke katil Naufal lalu duduk di atasnya.

"Naufal, sejak kebelakangan ini, Ibu perasan bahawa Naufal sering berasa risau. Naufal berasa risau kerana penguasaan bahasa Melayu Naufal semakin lemah, ya? Naufal mahu mula belajar bahasa Melayu sekali lagi? Bolehlah Naufal mengajar kawan-kawan Naufal nanti," Cik Rok memulakan bicara.

Tanpa teragak-agak, Naufal bersetuju. Dia terus menuju ke arah tong sampah. Dia mengutip semula cebisan kertas yang telah dibuang olehnya siang tadi. Dia membuka kertas itu lalu membaca kata-kata yang tertera.

Aku dapat mendengar Naufal berkata dengan suara yang lembut, "Aku akan cuba untuk mengekalkan penggunaan bahasa Melayu dan melestarikannya."

Aku mula berasa lega. Naufal seolah-olah sedang mengorak langkah baharu dengan tekad, membina jambatan harapan menuju masa depan yang gemilang. Dia mula memaparkan sifat-sifat berbudi bahasa. Dia juga telah mengajarkan apa yang telah dipelajari daripada ibu bapanya kepada kawan-kawan berbangsa Melayunya yang tidak menghiraukan bahasa ibunda mereka. Memandangkan semakin ramai orang Singapura telah sedar akan kepentingan mengekalkan penggunaan bahasa Melayu dan melestarikannya, tugas aku di kampung ini telah selesai. Sudah tiba masanya untuk aku menyebarkan mesej Encik Ancoi ke tempat yang lain.

DI BAWAH PERMUKAAN

Daanya Zaini
Sekolah Menengah Bukit View

Sejak kecil lagi, aku telah dilahirkan dalam keluarga yang begitu minat dalam bidang sukan. Bapaku merupakan antara atlet ternama yang disegani di persada sukan tanah air. Sebagai anak jati Singapura, beliau telah mengharumkan nama tanah air tercintaku dengan mewakili Singapura dalam pelbagai kejohanan antarabangsa. Ibuku pula tidak kurang hebatnya. Beliau merupakan bekas atlet kebangsaan yang amat disegani. Kejayaan ibuku yang terserlah bukan sahaja membanggakan negaranya, malah menjadi suri teladan kepada wanita-wanita lain yang ingin mengejar impian mereka dalam bidang sukan.

Latar belakang ibu dan bapaku telah menjadi sumber inspirasi dan kekuatan yang tidak ternilai buat diriku. Oleh itu, tidak hairanlah aku mula berjinak-jinak dengan dunia sukan sejak usia yang muda. Ibuku pernah menceritakan bahawa sejak aku masih bayi lagi, aku telah menunjukkan kecenderungan semula jadi terhadap air. Mungkin itulah bibit awal kepada cintaku yang mendalam terhadap sukan renang, satu minat yang terus subur hingga ke hari ini.

Sejak awal lagi, ibu bapaku menyedari bahawa aku memiliki bakat luar biasa dalam sukan renang kerana tidak semua kanak-kanak seusia dengan aku berani menceburi sukan air yang dianggap berbahaya.

Aku bertekad untuk mengejar cita-cita menjadi seorang perenang bertaraf dunia. Melihat kesungguhan aku dalam bidang sukan renang, ibu bapaku tidak teragak-agak untuk memberikan sokongan yang penuh. Mereka menghantar aku ke sebuah akademi di luar negara untuk menjalani latihan intensif. Aku menempuh latihan yang menguji ketahanan mental dan fizikalku setiap hari. Aku tahu perjalanan ini tidak mudah, namun dengan semangat yang membara dan doa restu daripada keluargaku, aku bertekad untuk mengharumkan nama mereka dan negara suatu hari nanti.

Setelah bertahun-tahun aku bertungkus lumus dalam latihan, akhirnya impian yang selama ini aku kejar berjaya aku genggam erat. Segala pengorbanan ibu dan bapaku, serta usahaku sendiri, akhirnya terbayar — bak madu manis yang mengalir dari

bunga mekar di puncak harapan. Aku mencipta sejarah apabila berjaya memenangi pingat emas dalam acara renang 100 meter gaya kupu-kupu. Selepas detik gemilang itu, aku terus menyinar dalam beberapa kejohanan antarabangsa yang lain. Aku memenangi pelbagai pingat emas dan gangsa. Sokongan daripada rakyat Singapura mencurah-curah, dan aku diselimuti kasih sayang serta penghargaan yang tidak pernah aku bayangkan. Pencapaian aku bukan sahaja menjadi lambang kejayaan peribadiku, tetapi juga membuka lembaran baharu dalam sejarah sukan Singapura.

Walaupun begitu, tidak setiap detik dalam hidupku disinari cahaya kecemerlangan. Di sebalik sorakan dan sanjungan, tersembunyi beban besar yang menekan jiwaku. Aku kini perlu mengekalkan prestasi dan memenuhi harapan yang semakin tinggi. Dunia melihat aku sebagai juara, tetapi hakikatnya aku sedang mendaki gunung tanpa puncak, dihimpit oleh keletihan mental dan fizikal yang berpanjangan.

Dalam keadaan tertekan, aku mula terjerumus ke lembah kemurungan. Hari-hariku suram dan setiap langkah terasa berat. Semangatku luruh satu demi satu, seperti daun kering yang gugur ditiup angin resah. Aku mula hilang fokus dan kesungguhan terhadap latihanku.

Setiap perbuatan mempunyai akibatnya. Prestasiku mulai merosot. Selepas mengalami beberapa kekalahan, aku semakin berasa putus asa.

Aku membuat keputusan untuk menarik diri daripada pertandingan yang menjelang tiba. Ia bukan kerana aku menyerah kalah, tetapi kerana aku kenali diriku sendiri dan aku masih belum pulih sepenuhnya dari segi mental dan emosional. Aku ingin memberikan ruang kepada atlet lain yang sedang meningkat naik, agar mereka diberi peluang untuk bersinar.

Meskipun sokongan peminatku telah berkurangan, aku pasti bahawa jasa dan sejarah perjuanganku untuk tanah air tercinta ini tidak akan dilupakan oleh warga negara Singapura.

Akhirnya, aku telah mempelajari bahwa kejayaan sebenar tidak hanya diukur melalui pingat atau sorakan khalayak, tetapi melalui kekuatan dalaman dan keazaman untuk terus bangkit walau dilanda rintangan. Sokongan yang telah diberikan oleh peminat-peminatku telah memberikan semangat untuk aku terus berjuang.

Seperti dalam lagu *Orang Singapura* oleh Encik Zubir Said, kita semua bersama dalam menghadapi cabaran. Aku sangat bersyukur atas sokongan daripada rakyat Singapura, terutamanya ibu dan arwah bapaku yang telah banyak korbankan masa mereka demi mengejar impianku. Tanpa mereka, aku tidak akan menjadi insan yang tabah hari ini.

SALING MEMBANTU, AMALAN HIDUP KITA

Qistiara Hazirah Puteri Aziz

Sekolah Menengah Greenridge

Jam menunjukkan pukul 11.30 pagi. Ibu mengajak aku ke pasar untuk membeli barang-barang dapur yang kami perlukan untuk memasak juadah berbuka nanti. Orang ramai berpusu-pusu dengan troli mereka, sibuk memilih barang dan berbual antara mereka. Suasana di pasar begitu sibuk dan hingar-bingar. Titisan peluh mula mengalir dari dahiku akibat cuaca yang sudah mula panas terik dan keadaan yang sesak di dalam pasar.

"Adik, tolong pilih bawang besar. Pastikan bawang itu dalam keadaan elok," suruh Ibu dengan lemah lembut.

Aku mengambil plastik kecil dan mula membuat tugas yang diberikan oleh ibuku. Tiba-tiba, aku terdengar bunyi hentakan yang kuat di belakangku. Semua orang di sekelilingku memandang ke belakang untuk melihat apa yang berlaku. Aku terpaku dan dadaku penuh kebimbangan apabila aku melihat seorang warga emas terduduk di lantai sambil mengerang kesakitan.

Aku melihat sekeliling. Ramai orang berhenti dan memandang tetapi tiada seorang pun yang maju ke hadapan untuk membantu. Tanpa berfikir panjang, aku bergegas ke arah pakcik tua itu. Aku memeriksa pakcik itu. Tapak tangan dan lututnya luka dan berdarah. Seluarnya pula sedikit koyak.

"Pakcik perlu bantuan? Bagaimanakah Pakcik boleh jatuh?" Aku bertanya dengan penuh risau.

"Pakcik tergelincir tadi. Lantai basah. Namun Pakcik cedera sedikit sahaja," jawab warga emas itu dengan senyuman nipis terukir di bibirnya.

Warga emas itu masih dalam keadaan terkejut tetapi dia masih cuba menggagahkan diri untuk bangun. Aku membantunya berdiri dengan berhati-hati.

Setelah memastikan pakcik itu tidak mengalami kecederaan serius, aku mula bertanya sesiapa jika mereka ada apa-apa untuk menghentikan pendarahan di kaki dan tangan pakcik itu. Seorang pemilik kedai berdekatan tempat kejadian memberi aku peti pertolongan kecemasannya yang penuh dengan alat-alat perubatan. Nasib baik aku telah mempelajari cara-cara untuk membalut tangan atau kaki yang

cedera dengan cara yang betul sewaktu menghadiri bengkel di sekolah. Aku menggunakan ilmu dan kemahiranku untuk merawat kecederaan itu. Selepas membalut tangan dan kakinya, aku mengutip barang-barangnya yang berselerakan di lantai. Ada sayur-sayuran, sekotak susu dan beberapa bungkus makanan ringan. Semuanya aku kumpulkan dan susun semula ke dalam beg plastiknya. Pakcik itu tersenyum dengan penuh kesyukuran.

"Terima kasih. Pakcik tak sangka masih ada orang yang prihatin," katanya dengan nada terharu.

Perlahan-lahan, orang ramai yang sebelum ini hanya menjadi pemerhati mula tersentuh dengan situasi itu. Seorang wanita muda datang membantu memungut baki barang yang masih berselerakan, sementara seorang lagi pakcik dan anaknya menawarkan untuk membawa pakcik itu ke sebuah klinik yang tidak jauh dari tempat kejadian. Keprihatinan yang aku tunjukkan pada awalnya telah mencetuskan gelombang kebaikan.

Sebelum beredar, warga emas itu mengucapkan terima kasih sekali lagi.

"Sama-sama Pakcik. Pakcik jaga diri, ya," jawabku ringkas.

Aku berasa lega kerana pakcik itu tidak cedera teruk dan aku dapat membantunya. Ketika aku berjalan keluar dari pasar itu, orang-orang yang berada di sekelilingku, termasuk Ibuku memuji tindakan aku.

Aku teringat bait-bait lagu 'Orang Singapura' karya Allahyarham Zubir Said.

Kalau sudah jadi, orang Singapura

Mesti mahu baik, berbudi bahasa.

Aku juga yakin bahawa jika kita selalu menolong orang, suatu hari nanti jika kita pula dalam kesusahan, pasti ada insan lain yang akan menghulurkan bantuan. Pengalaman ini juga mengajar aku akan pentingnya untuk kita memberikan contoh yang baik kepada orang-orang di sekeliling kita. Perbuatan kita boleh memberikan inspirasi kepada orang lain untuk turut melakukan kebaikan.

JIRANKU ENCIK MUTHU

Nabila Nita Mulyana
Sekolah Menengah Guangyang

Suasana meriah pada malam dilengkapi dengan pelekat dekorasi Hari Raya serta lampu kelap-kelip yang menerangi malam yang penuh keceriaan. Dari jauh, kelihatan hiasan dinding yang cantik tergantung di setiap halaman rumah estet perumahanku di Tampines. Semasa aku berjalan di koridor di tingkat rumahku, aku menegur jiran-jiran yang sedang bersantai di luar flat mereka dan teguranku disambut dengan senyuman mesra. Setiap isi flat menceritakan kisah penduduk dari latar belakang yang berbeza, daripada pasangan muda berbangsa Cina ke warga emas berbangsa India. Saat aku melewati koridor yang terhias cantik itu, aku diselubungi perasaan nostalgia, mengenangkan kejadian yang membuat aku dan jiran-jiran lebih rapat. Kejadian ini telah berlaku setahun yang lalu.

"Abang! Tolong Adik buat kerja rumah boleh?" tanya Nayla, adik perempuanku sambil dia menghampiri aku dengan perasaan penuh teruja.

Dia sedang memegang sehelai kertas tugas sekolah di tangannya. Menjelang hari raya Deepavali, dia telah ditugaskan untuk melukis hiasan Deepavali dan menyatakan tiga makanan tradisional Deepavali. Semasa aku sedang membantu Nayla dengan tugas sekolahnya, aku tidak dapat henti memikirkan tentang jiranku, Encik Muthu. Beliau seorang warganegara India yang telah menetap di Singapura selama 30 tahun. Selalunya, beliau akan memberikan makanan kepada kucing-kucing di kawasan perumahan. Namun, sejak kebelakangan ini, dia tidak pernah melangkah kaki keluar rumah semenjak istrinya meninggal dunia setahun yang lalu. Kini, beliau hanya tinggal bersendirian. Agak kasihan melihat keadaannya.

Tiba-tiba, sebuah idea terlintas di mindaku.

"Apa kata kita merancang suatu kejutan istimewa buat Encik Muthu sempena hari Deepavali yang bakal menjelang?" aku berfikir dalam hatiku.

Aku berasa bahawa kita patut menghias koridor untuk menceriakan suasana.. Satu hari sebelum Deepavali, aku segera menuju ke kedai berhampiran untuk membeli hiasan Deepavali. Bersama Nayla, kami bertungkus lumus menghias koridor dengan pelbagai dekorasi perayaan. Namun, meletakkan

hiasan bukanlah semudah yang aku sangkakan. Benang lampu terbelit dan perhiasan tidak boleh ditampal di dinding koridor. Ketika kami masih bersusah payah meletakkan dekorasi tersebut, sepasang jiran berbangsa Cina yang kebetulan lalu di situ berhenti seketika. Mereka tersenyum melihat usaha kami. Sebenarnya, mereka ialah pasangan berbangsa Cina yang baru sahaja berkahwin dan baharu sahaja berpindah di flat sebelah.

Wanita Cina itu menghampiri kami dengan senyuman lembut, matanya memancarkan rasa ingin tahu. Dengan nada penuh sopan, dia bertanya apa yang kami sedang sibuk lakukan. Aku pun membalas dengan penuh semangat, menceritakan tentang keadaan Encik Muthu serta niat kami untuk memberi kejutan istimewa buat beliau. Mendengar kisah itu, wajahnya berseri, seolah-olah turut mahu berkongsi beban untuk mendekorasi koridor tersebut. Dia pun ingin menghulurkan bantuan dan suaminya turut membantu.

Tanpa berlengah-lengah lagi, kami menggantung rangkaian kolam berwarna-warni yang dihiasi motif tradisional bersama-sama. Lampu-lampu kelap-kelip pun disusun rapi oleh pasangan Cina di sepanjang koridor, berkedipan seperti bintang-bintang yang menyinari malam perayaan. Hiasan toran pula kami ikat dengan penuh teliti pada bingkai pintu. Sebagai tanda kenangan, aku pun mengeluarkan telefon bimbit untuk merakam proses penghiasan tersebut. Sepanjang masa kami bersama, kami tidak mengeluh kerana kerja kami telah menjadi lebih mudah dan menggembirakan apabila kami memikul beban yang sama antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, kami pun tidak henti bergelak ketawa dan bersembang, menggambarkan kehangatan suasana pada saat itu.

Kebetulan pada masa yang sama, ibu bapa kami baru sahaja pulang dari tempat kerja. Mereka terlihat apa yang kami sedang lakukan. Senyuman lebar terlukis di wajah Ibu. Apabila aku menerangkan situasi Encik Muthu kepada mereka, Ibu dengan senang hati menghulurkan bantuan untuk menyediakan makanan untuk Encik Muthu. Ibu pun mula memasak hidangan yang lazat seperti samosa, kari dan mi goreng.



Pada keesokan harinya, kami juga memakai pakaian tradisional bangsa India dan tidak sabar untuk memberikan kejutan kepada Encik Muthu. Ibu sedang memegang makanan yang telah disediakan dan pasangan Cina tadi pun datang membawa minuman. Kami pun mengetuk pintu rumah Encik Muthu dengan penuh debaran. Sebaik-baik sahaja ia terbuka, matanya bersinar kegembiraan, kejutan yang benar-benar menggembirakannya. Encik Muthu tidak menyangka bahawa kami akan memberikannya kejutan. Beliau pun mengajak kami masuk ke dalam rumahnya. Atas penat letihku dan kerjasama jiran-jiran Cina dan ibu bapa, aku bersyukur dapat menggembirakan jiranku, Encik Muthu. Bukan itu sahaja, kami pun mengambil peluang untuk lebih mengenali satu sama lain dan mengeratkan lagi hubungan kami sebagai jiran.

"HAHAHAHA!" kedengaran gelak ketawa yang membawa aku kembali ke alam realiti.

Rupa-rupanya, keluargaku sedang meraikan perayaan Hari Raya untuk penduduk di kejiranan kami. Apabila aku masuk ke rumah, aku disambut mesra dengan senyuman wajah-wajah lama dan baharu serta aroma masakan Hari Raya yang sungguh menyelerakan. Kini, sudah menjadi kebiasaan untuk pelbagai jiran untuk datang bersama dan merayakan setiap perayaan bersama-sama. Ini disebabkan video yang aku telah memuat naik di media sosial, suasana yang aku rakamkan semasa membuat kejutan Encik Muthu pada sambutan Hari Deepavali tahun lalu.

Semenjak hari itu, lebih ramai orang telah mengadakan perayaan bersama-sama jiran mereka. Amalan kunjung mengunjungi dapat mengukuhkan hubungan sesama jiran. Ini pun dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum terutama di Singapura. Dengan berkunjung ke rumah terbuka kaum lain, kita dapat memahami, menghormati bangsa, kebudayaan dan adat resam kaum lain.

Tambahan lagi, dari kejadian ini, aku mempelajari tentang kepentingan bergotong-royong bak kata peribahasa bersatu kita teguh, bercerai kita runtuh. Ini oleh sebab sebelum ini kami tidak pernah berinteraksi dan mementingkan hal masing-masing. Namun, kini kami lebih bersatu dan bergotong-royong!

DANIAL BUDAK FLAT

Puteri Syukriah Alisha Mohd Shahrin
Sekolah Menengah Guangyang

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang penuh keberkatan. Walaupun Danial dan keluarganya tinggal di flat tingkat sembilan di sebuah estet perumahan di Toa Payoh, semangat kejiranan antara jiran-jiran di tingkat lapan sembilan dan sepuluh di blok rumahnya agak erat. Setiap kali tibanya bulan puasa, ibu-ibu Melayu/Islam akan memasak juadah berbuka dan bertukar-tukar juadah antara satu sama lain. Anak-anak pula akan sibuk menghantarkan juadah berbuka ini dari rumah ke rumah, termasuklah Danial. Penduduk dan jiran yang bukan Melayu/Islam pun tidak ketinggalan untuk menerima juadah berbuka puasa ini.

Ini merupakan tradisi sejak Danial kecil sehinggalah kini Danial berusia dua puluh tiga tahun. Pada setiap tahun juga mereka akan meluangkan satu hari dan biasanya pada hujung minggu untuk mengadakan jamuan iftar atau buka puasa beramai-ramai dengan jiran tetangga di kolong blok flat mereka. Pada mulanya berbuka puasa bersama-sama jiran ini diadakan untuk suka-suka sahaja namun lama-kelamaan aktiviti ini lebih untuk memastikan semua penduduk, termasuk yang kurang berkemampuan, dapat menikmati hidangan enak semasa berkumpul untuk berbuka puasa setahun sekali. Danial sangat gembira kerana setiap tahun jiran-jiran Danial akan berkumpul dan berbuka puasa bersama-sama.

"Danial cepat siap kalau nak tolong Mak dengan Abah rewang di kolong blok," kata ibu Danial kepadanya.

Danial masih ingat lagi ketika itu usianya sepuluh tahun. Petang itu, Danial melihat ibu dan ayahnya bersiap-siap untuk ke kolong blok. Dia begitu teruja kerana ini adalah kali pertama dia dibenarkan untuk turut serta membantu jiran-jirannya menyediakan juadah-juadah berbuka puasa untuk penduduk-penduduk kejiranan blok mereka. Setibanya di sana, suasana begitu meriah dengan suara gelak tawa jiran-jiran yang sudah mula menyiapkan bahan-bahan masakan. Kanak-kanak seperti Danial juga turut berlari ke sana ke mari.

"Danial tolong Mak cuci sayur itu. Abu boleh tolong Cik ambilkan garam dalam kotak itu dan bawa ke mari," ibu Danial menyuruh kanak-kanak di situ membantu.

Anak-anak sebaya Danial membantu dengan cara mereka sendiri seperti mencuci sayur-sayuran, mengangkat air atau menolong ibu-ibu mengambilkan bahan-bahan masakan dari sana ke sini.

Kaum bapa pula bertanggungjawab menghidupkan api dan memasak lauk pauk dalam kualiti yang besar. Ada yang mengacau lauk, ada yang memotong daging, dan ada juga yang menyiapkan nasi dalam periuk besar memandangkan tugas ini semua memerlukan tenaga kaum adam yang kuat. Kaum wanita pula sibuk menyang ikan, memotong sayur, dan menyediakan pelbagai jenis kuih-muih untuk hidangan berbuka. Bau harum daging kari, ayam masak merah, dan nasi minyak mula memenuhi udara, menambah rasa lapar mereka yang sedang berpuasa.

Kanak-kanak seperti Danial pula diberikan tugas yang lebih mudah, seperti membungkus makanan dan mengedarkan air kepada mereka yang bekerja. Walaupun tugas mereka nampak mudah, mereka tetap berasa gembira kerana dapat menyumbang kepada projek ini. Semangat gotong-royong ini bukan sahaja memudahkan kerja memasak, tetapi juga mengeratkan hubungan antara penduduk di flat. Sambil bekerja, mereka berbual tentang kehidupan seharian, bertukar-tukar cerita dan bergelak tawa. Ada antara anak-anak jiran Danial merupakan kawan sekolah rendah yang sama dengan Danial ketika itu.

Ketika azan Maghrib berkumandang, penduduk flat yang turun hadir ke kolong blok itu duduk bersama untuk berbuka puasa walaupun ada antara mereka merupakan jiran tetangga yang bukan Islam. Mereka diundang untuk bersama-sama menikmati hidangan yang telah disediakan. Melihat semua orang menikmati makanan yang dimasak secara bersama-sama memberikan perasaan kepuasan yang tidak ternilai.

Jika dahulu mereka bentang tikar dan makan di lantai, kini ada jiran tetangga yang menyumbangkan sedikit wang untuk mereka duduk selesa di kerusi dan makan di meja yang disewa.



"Mak, Abah. Danial hendak sumbang dua ratus dolar bagi acara berbuka puasa di blok kita minggu hadapan," kata Danial kepada orang tuanya.

Danial berasa bangga kerana dapat menyumbang tenaga. Kalau dulu dia menyumbang dengan melakukan perkara kecil seperti mencuci sayur-sayuran, kini dia dapat menyumbangkan tenaga dan wang dalam menjayakan projek tahunan berbuka bersama jiran-jiran di estet perumahannya di Toa Payoh. Melalui pengalaman ini, Danial belajar bahawa gotong-royong bukan sahaja tentang bekerja bersama, tetapi juga tentang nilai kasih sayang dan perpaduan dalam masyarakat. Dia sedar bahawa amalan seperti ini harus diteruskan agar hubungan kejiranan di estet perumahannya sentiasa harmoni. Bulan Ramadan di kejirannya bukan sahaja bermakna kerana ibadah puasa, tetapi juga kerana keindahan persaudaraan yang terjalin era tantara jiran berbilang bangsa dan agama.

JAMBATAN HATI KITA

Muhd Faris Fathurrahman Rahman
Sekolah Menengah Hougang

Pada suatu petang yang damai, Aisyah duduk di meja belajarnya sambil menyiapkan tugas sekolah. Dari radio kecil di sudut bilik, berkumandang lagu patriotik yang cukup menyentuh hati, berjudul 'Orang Singapura Bersatu'. Suara penyanyi itu mengalun lembut namun penuh semangat, seolah-olah meniup roh cinta tanah air ke dalam jiwanya.

Lagu itu bukan sekadar rangkaian melodi biasa. Ia ibarat hembusan angin yang membawa harapan dan impian, menggugah perasaan dan menyemarakkan semangat dalam dada. Bait-bait liriknya menyentuh kalbu, bagaikan pelita yang menyala dalam kegelapan, memberikan sinar kepada rakyat untuk terus bersatu dan maju bersama. Aisyah menutup matanya seketika, membayangkan sebuah negara yang sentiasa bersatu padu, tidak kira apa jua cabaran yang melanda.

Di sekolah, Aisyah merupakan seorang pelajar yang aktif dan berdedikasi. Apabila guru Bahasa Melayu mengumumkan pertandingan video sempena sambutan Hari Kebangsaan bertemakan perpaduan rakyat, Aisyah dengan yakin menawarkan diri untuk mengetuai pasukan kelasnya.

"Cikgu, izinkan saya memimpin kumpulan ini. Saya yakin kami boleh menghasilkan sesuatu yang bermakna," ucap Aisyah dengan nada penuh tekad.

Namun, bukan mudah untuk menyatukan fikiran semua rakan. Ada yang kurang bersemangat, ada pula yang ragu-ragu akan kemampuan diri sendiri. Tetapi Aisyah tidak mudah mengalah. Dia terus memujuk dan menyemai semangat dalam diri rakan sekelasnya. Dengan kelembutan kata dan ketulusan niat, akhirnya mereka semua bersatu hati.

Video mereka memaparkan kehidupan harian rakyat Singapura daripada pelbagai latar belakang. Ada yang menikmati sarapan bersama di kedai kopi, ada yang bergotong-royong membersihkan taman, dan ada yang saling membantu ketika ditimpa kesusahan. Di akhir video, mereka berdiri dalam barisan yang kemas sambil menyanyikan lagu 'Orang Singapura Bersatu' dengan penuh bangga.

Pada hari tayangan video, suasana di dewan sekolah menjadi sunyi. Setiap pelajar dan guru menonton dengan penuh perhatian. Ada yang tersenyum, ada juga yang menitikkan air mata. Ketika video tamat, dewan bergema dengan tepukan gemuruh. Guru Besar bangun dari tempat duduknya dan memberikan tepukan panjang sebelum berucap.

"Anak-anak sekalian," ucap beliau dengan suara bergetar, "Inilah semangat yang patut kita tanam dalam diri kita semua. Ingatlah, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh."

Aisyah tersenyum puas, hatinya berbunga. Walaupun dia hanyalah seorang pelajar biasa, dia tahu bahawa usaha kecil yang dilakukan dengan ikhlas mampu membawa perubahan besar. Dalam dunia yang penuh warna-warni, perpaduan ialah jambatan yang menyatukan hati dan harapan.

Sambil memandang bendera Singapura yang berkibar megah di luar dewan, Aisyah berbisik perlahan-lahan dalam hati, "Selagi hayat dikandung badan, aku akan berjuang demi tanah airku."

ORANG SINGAPURA

Muhammad Rizq Aqasya Muhammad Noor
Sekolah Menengah Meridian

Langit malam seumpama lautan hitam yang luas dan tidak berpenghujung—malam kelam tanpa bintang-bintang bergemerlapan, seakan-akan cahayanya telah disapu lenyap oleh kegelapan yang rakus. Tiada juga bulan untuk menerangi malam, hanya awan pekat yang berarak perlahan, menutupi segala sinar harapan. Angin malam pula bertiup sayu, membawa bersama kesunyian yang meresap ke lubuk jiwa, seolah-olah dunia terhenti dalam kesuraman yang tiada penghujung. Hanya senyap sepi yang meresap malam itu.

Pada malam keramat itu, dusun kediamanku seolah-olah tiada penghuninya. Tiada lampu cahaya yang bersinar, tanda gerak laku yang lazimnya menunjukkan keberadaan penduduk-penduduknya. Bahkan, kesemua pintu dan jendela kayu ditutup rapi, seakan-akan cuba menyembunyikan sesuatu daripada dunia luar. Angin malam berbisik perlahan di celah-celah semak-samun yang kaku, membawa bersama aroma tanah yang lembap selepas hujan. Sunyi; hapus sudah suasana hingar-bingar kampungku, tiada lagi suara kanak-kanak berlarian atau ketukan lesung menumbuk padi. Keadaannya ibarat desa orang bunian dalam alam mistik yang wujud tanpa penghuni, sepi dan penuh rahsia yang tidak terungkap. Aku masih ingat detik perpisahan antara Ayah dan aku. Wajahnya yang sering tenang tampak serius pada malam itu, seakan-akan memikul beban yang tidak terlihat oleh mata kasar. Ayah bertungkus lumus menyimpan senjata-senjatanya dan menyusun rekod soldadu dengan penuh cermat. Pingat demi pingat Ayah pasang di uniformnya, jari-jarinya bekerja pantas, tetapi hatinya jelas sarat dengan sesuatu yang tidak terucap.

"Biar kemas," katanya, tetapi di mataku, seragam itu tampak lusuh dan selekeh, seperti telah menempuh ribuan pertempuran yang tidak hanya meninggalkan kesan pada kainnya tetapi juga di jiwanya.

Aku memandangnya dengan keliru, menganggap dia sekadar lewat untuk ke tempat kerjanya. Maklumlah, tugas seorang askar bukanlah mudah, sentiasa bertempur dengan waktu dan tugas yang tidak mengenal senja atau fajar. Pada waktu itu, aku masih anak hingusan dalam usia yang belum pun

menjejak sedekad. Aku bakal diperkenalkan kepada perpisahan yang ertinya begitu asing bagi aku. Senyuman Ayah yang kelihatan berat sekali belum menyedarkan aku bahawa kali ini, aku akan berjauhan dari Ayah buat selama-lamanya. Bahkan matanya yang seolah-olah menyimpan seribu rahsia gagal menyedarkan aku akan perpisahan yang menanti kami. Aku hanya tahu bahawa pada malam itu, sesuatu telah berubah. Namun, aku terlalu muda untuk memahami ertinya yang sebenar. Tanpa menoleh dan menghulurkan salam seperti biasanya, Ayah melangkah keluar rumah dan menunggang basikal buruknya jauh ke lorong halus yang memutuskan kampung dari dunia luar. Aku ditinggalkan tanpa dakapan hangat Ayah sedangkan itulah kali terakhir kami bersua muka.

"Ayah! . . . Ayah! Jangan tinggalkan aku! Ayah, usah pergi," tangisanku memecah kesunyian namun suara kecilkan tenggelam ditelan kepekatan malam.

Kelihatan Ayah berkelam-kabut berbasikal meluncur pergi, tayar basikalnya menggilas genangan air yang masih bersisa selepas hujan petang tadi. Nafasnya kedengaran berat, seolah-olah diburu sesuatu yang tidak kelihatan. Lampu jalan yang malap hanya sempat membayangi sosoknya yang semakin jauh, tubuhnya membongkok ke hadapan, tangan erat menggenggam pemegang basikal seakan-akan tiada masa untuk berpaling ke belakang. Dalam kekalutan itu, tanpa disedarinya, sebuah dokumen yang terselit di dalam beg lusuhnya tiba-tiba melayang keluar. Helaian kertas itu berpusing-pusing ditiup angin malam sebelum jatuh bersepah di atas jalan berbatu. Ia berkibar seketika, seakan-akan enggan menyerah kepada tanah yang lembap. Cahaya bulan yang samar-samar menampakkan coretan di atasnya—tulisan tangan terburu-buru, tanda tergesa-gesa, mungkin catatan penting yang belum sempat diteliti atau mungkin juga satu rahsia yang tidak boleh diketahui sesiapa. Dokumen itu terbiar di situ, separuh diselaputi dedaun kering yang gugur dari pokok di tepi jalan. Angin sekali lagi menerbangkannya sedikit, mengheretnya ke tepi longkang kecil yang mengalirkan air hujan yang surut perlahan. Namun, Ayah terus mengayuh tanpa menoleh. Langkahnya semakin jauh, deruan roda semakin perlahan ditelan

jarak, dan akhirnya, dia lenyap dalam kegelapan malam yang menyelubungi kampung sunyi itu. Dokumen yang tercicir itu tetap terbaring di situ, sepi, menunggu sama ada akan ditemui seseorang atau hilang begitu saja, bersama rahsia yang mungkin tidak akan pernah terbongkar.

Tanpa ragu-ragu, aku segera membongkok, tanganku terketar-ketar memungut helaian kertas yang jatuh itu. Debu halus melekat di permukaannya, tetapi tajuk yang tercetak jelas di bahagian atas membuatkan dadaku bergetar—Biar Putih Tulang, Jangan Putih Mata! Aku menelan liur. Kata-kata itu seperti membawa makna yang lebih mendalam, seolah-olah ada sesuatu yang ingin disampaikan oleh Ayah. Tanganku menggenggam erat kertas itu, merasakan teksturnya yang sedikit lusuh, tanda telah lama disimpan atau sering dibeleg-beleg. Mata aku meneliti setiap baris tulisan yang tertulis di bawah tajuk tersebut, namun huruf-hurufnya tampak berselerak, seakan-akan ditulis dengan tergesa-gesa atau mungkin dalam keadaan cemas.

Angin malam meniup perlahan, menggoyangkan pepohon yang berbaris di sepanjang jalan sunyi ini. Aku memandang sekeliling, dada terasa sesak dengan debar yang semakin kuat. Kenapa Ayah membawa dokumen ini? Apa maknanya? Apakah rahsia yang tersembunyi di sebalik kata-kata penuh simbolik ini? Dengan hati yang bergetar, aku menggenggam erat helaian itu dan melangkah menuju ke rumah. Aku tahu, apa sahaja yang terkandung dalam dokumen ini, ia mungkin mengubah segala-galanya.

Pada tarikh hari lahirku, tarikh yang sepatutnya disambut dengan kegembiraan, aku menerima berita yang mengubah seluruh hidupku. Berita itu datang dengan kejam, seperti halilintar yang menyambar, menghancurkan segala ketenangan yang ada dalam jiwaku. Ayahku telah meninggal dunia. Telingaku berdesing mendengar kata-kata itu, seakan-akan dunia berhenti berputar. Ayah . . . beliau telah tiada, tetapi dalam satu cara yang amat tragis dan penuh pengorbanan. Aku masih ingat bagaimana suara Ibu bergetar ketika menyampaikan berita itu, suaranya serak, hampir tidak terkeluar dari bibirnya. Aku menatap wajah Ibu, yang kelihatan lemah dan penuh duka, tetapi dalam matanya ada cahaya yang memancarkan rasa bangga yang tidak tergambar. Walaupun tubuhnya longlai, jiwa ibu tetap teguh, kerana dia tahu—Ayah telah pergi dengan cara yang paling mulia, demi negara tercinta.

Ayah, seorang pahlawan negara, yang sentiasa setia kepada tanah air, telah menghadapi detik yang penuh getir di medan perang. Menurut laporan yang diterima, Ayah telah digantung terbalik dan ditikam dengan sangkar yang diikat pada hujung senapang, sebuah perbuatan yang kejam, tetapi satu penghormatan kepada keberaniannya yang luar biasa. Di situ, di medan perang yang penuh darah dan keringat, Ayah telah berdiri teguh, mempertahankan setiap inci tanah ini dengan segala jiwa raganya. Kesetiaan beliau kepada negara, kepada bangsa, dan kepada kebenaran tidak pernah goyah, walaupun maut sudah menanti di hadapannya. Dalam setiap kenangan tentang Ayah, aku selalu melihat beliau sebagai seorang yang tidak pernah mengeluh, tidak pernah berpaling, walaupun kesusahan datang menggulung. Pagi-pagi sebelum berangkat ke medan tugas, beliau selalu berpesan, "Jaga negara, jaga keluarga." Kata-kata itu selalu menjadi pegangan, walau beliau tahu pertempuran yang bakal ditempuhnya adalah penuh dengan kemungkinan untuk tidak kembali.

Pada hari dan pada tarikh itu tidak akan aku lupakan, aku menangis, bukan kerana kehilangan, tetapi kerana rasa bangga yang tidak terhingga terhadap seorang lelaki yang begitu besar pengorbanannya. Ayah telah memberikan segala-galanya untuk tanah air, untuk negara yang tercinta. Jiwanya kini telah berpulang ke sisi Tuhan, namun semangat perjuangannya tetap hidup dalam setiap warga negara ini, terutama dalam diriku. Aku menatap bendera negara yang berkibar di luar rumah, bunyi angin yang mengibarkan bendera itu seperti menyuarakan janji—bahawa pengorbanan Ayah tidak akan sia-sia. Ayah telah pergi, tetapi dia telah meninggalkan kami dengan warisan yang lebih besar, satu pengajaran tentang kesetiaan, keberanian, dan cinta pada tanah air. Kini, meskipun Ayah telah tiada, aku tahu bahawa semangatnya akan terus hidup dalam diriku. Aku akan meneruskan perjuangan ini, walaupun tanpa beliau di sisi. Cinta kepada negara, kesetiaan pada bangsa, itu adalah legasi yang ditinggalkan oleh Ayah. Sesungguhnya, beliau seorang pahlawan yang tidak akan dilupakan, selamanya dalam sejarah bangsa ini.

Akibat semangat patriotik Ayah yang menebal, semangat juangnya ditanam begitu dalam sehingga mencecah setiap inci tubuhnya, Semasa penduduk-penduduk pulau Singapura teguh bersatu menghadapi serangan tentera Jepun, Ayah bukan sekadar seorang askar, tetapi pejuang sejati yang percaya bahawa tanah airnya harus dipertahankan dengan keringat,



darah dan air mata. Di medan perang, setiap langkahnya penuh tekad, dan setiap perjuangan yang dihadapinya dipenuhi dengan kesetiaan kepada negara. Di kala serangan musuh yang kejam datang bertubi-tubi dalam bentuk tentera Jepun yang gigih menggempur tanah Singapura dengan kekuatan yang luar biasa, Ayah berdiri teguh di barisan hadapan, berani melawan dengan segala kudrat pinjaman Illahi. Ayah percaya bahawa tanah air ini harus dipertahankan walau apa dan bagaimanapun keadaan. Rakyat dan penduduknya layak diberi harapan untuk terus hidup dalam kebebasan dan kemerdekaan. Setiap kali hujan peluru turun dari langit, Ayah masih teguh menggalas senjatanya, siap sedia untuk berperang demi masa hadapan bangsa dan tanah Singapura. Bukan sahaja Ayah, tetapi seluruh rakyat Singapura, di bawah panji kepimpinan dan keteguhan mereka, turut bangkit. Kesetiaan mereka kepada negara dan semangat patriotik yang membara menyatukan hati, membentuk benteng yang kukuh meskipun menghadapi musuh yang jauh lebih besar.

Di tengah-tengah kekalahan yang hampir nyata, Ayah dan pejuang-pejuang seangkatannya tidak pernah berundur. Mereka tidak akan membiarkan bumi ini dikuasai oleh musuh yang beriya-ya ingin merampas kebebasan kami. Dalam setiap pertempuran, dalam setiap jeritan dan tangisan yang bergema di medan perang, satu perkara tetap jelas—keberanian dan kesetiaan kepada negara telah menjadi nadi yang mengalir dalam setiap jiwa yang terlibat dalam perjuangan ini. Ayah, dengan segala kepatriotikan dan pengorbanannya, menjadi simbol keberanian bagi kami semua. Bersatu teguh, pulau Singapura menempuh segala serangan dengan semangat yang tidak mudah patah. Walaupun akhirnya tanah ini jatuh ke tangan penjajah, namun hati rakyat Singapura tetap teguh. Ayah dan para pejuang lain mungkin telah gugur di medan perang, tetapi pengorbanan mereka tidak akan dilupakan. Mereka telah menanam benih semangat perjuangan yang terus hidup dalam sanubari setiap rakyat Singapura. Semangat itu, diwarisi dari generasi ke generasi, menjadi inspirasi dalam setiap langkah kami menuju kebebasan yang sebenar.

Dekad berganti dekad dan kini, setiap kali aku memandang bendera Singapura berkibar megah di langit, aku teringatkan Ayah—seorang pahlawan yang telah mengajar aku bahkan semua rakyat Singapura bahawa cinta pada tanah air dan kesetiaan

pada negara ialah sesuatu yang tidak ternilai dan tidak boleh dikhianati. Walaupun Ayah telah tiada, semangatnya terus hidup malah mengalir deras dalam pembuluh darahku. Dalam setiap langkahku yang membawa kepada masa hadapan yang cerah lagi gemilang, semangat Ayah kekal membara ibarat ikrar yang bergema saban kali, "Kita warga negara Singapura, sebagai rakyat yang bersatu padu". Perjuangan Ayahlah yang membolehkan ikrar itu dilaungkan sehingga ke hari ini dan aku, sebagai anak Ayah, boleh terus berbangga menjadi orang Singapura yang taat setia pada negara.

BERSATU DALAM ARUS

Everecia Marvelie Tjawinoto

Sekolah Perempuan Cedar

Langit dipenuhi awan-awan gelap yang bergerombolan seperti orang-orang di pasar pada pagi hari. Angin mendesir halus, menyelinap di celah tingkap dan berbisik ke telinga Hafiz yang termenung di beranda rumahnya. Hujan turun perlahan, lalu semakin deras, jatuh dengan suara gemuruh yang memukul atap dan jalan-jalan kampung.

Hafiz menyandarkan tubuhnya ke dinding kayu yang mulai lembab. Pandangannya kosong, hatinya dirobek oleh resah yang berpanjangan.

"Mengapa aku harus selalu bersusah payah? Mengapa nasib baik tidak pernah datang mengetuk pintu rumahku?" soalnya dalam hati.

Di kejauhan, sungai yang biasanya jinak kini memberontak. Airnya yang biasanya jernih berubah menjadi keruh, berputar-putar ganas seperti seekor naga yang baru terbangun dari tidur panjangnya. Nafasnya deras, menghempas tebing-tebing tanah dengan rakus, melahap apa saja yang menghalangi jalannya.

Kemudian, bencana terjadi.

Sungai itu meluap, menjalar bagaikan lengan raksasa yang boleh membanting kampung kecil itu dalam satu helaan nafas. Air masuk ke rumah-rumah tanpa mengetuk, menyapu segala perabot, pakaian, dan barang-barang yang berharga yang ada di dalamnya. Jeritan menggema memenuhi suasana, anak-anak menangis, ibu-ibu merangkul bayi mereka erat-erat, dan lelaki-lelaki dewasa bergegas menyelamatkan apa yang mampu mereka capai tanpa berfikir panjang.

Namun, di tengah kekacauan itu, berdirilah seorang lelaki tua—Pakcik Rahman. Walaupun wajahnya telah dikerut usia, matanya memancarkan semangat seorang panglima di medan perang. Suaranya menggelegar menembusi gemuruh hujan.

"Dengar sini! Kita tidak boleh hanya terima nasib kita! Kita mesti bersatu! Yang muda, bantu yang tua! Yang kuat, lindungi yang lemah! Kita bukan daun-daun kering yang akan hanyut dalam arus. kerja akar yang harus saling bertaut agar dapat bertahan!"

Hafiz kagum. Matanya menangkap seorang wanita tua yang bergelut dengan air, berusaha menyelamatkan

sekotak kecil—mungkin harta terakhir yang tersisa daripada hidupnya. Wajahnya ketakutan, tubuhnya menggigil kedinginan.

Hafiz tidak sempat berfikir panjang. Langkah kakinya bagaikan dipandu oleh sesuatu yang lebih besar daripada dirinya sendiri. Ia berlari, menerjang air yang sudah selutut, lalu menghulurkan tangan. "Mak cik, mari!"

Wanita itu menatapnya dengan mata berkaca-kaca. Titisan air mata tidak dapat diberhentikan dari matanya, lalu menggenggam tangan Hafiz dengan sisa tenaga yang ada di tubuhnya. Bersama-sama, mereka melawan arus yang berusaha menarik mereka kembali ke dalam pelukan bahaya.

Malam menjelang, hujan akhirnya reda setelah apa yang dirasakan seperti keabadian. Bulan malu-malu mengintip dari balik awan, seakan takut mengganggu keheningan dan ketenangan setelah bencana. Hafiz duduk di tepi sungai yang kini mulai jinak kembali. Bajunya basah kuyup, tetapi ada kehangatan yang aneh di dalam dadanya yang berasal daripada hati kecilnya itu.

Pak Cik Rahman menghampirinya, meletakkan tangan di bahunya. "Hafiz, hidup ini seperti sungai. Kadang ia tenang, kadang ia bergelora. Tapi selagi kita berbudi, beradab, dan bekerja dengan ikhlas, kita tidak akan hanyut. Kita akan menemukan jalan kita kembali, walaupun ia memerlukan banyak kerja keras, keringat dan air mata."

Hafiz menatap lelaki tua itu, lalu tersenyum kecil. Ada sesuatu di hatinya yang berubah—satu kesadaran bahwa dunia ini bukan tentang siapa yang paling kuat, tetapi siapa yang paling tulus membantu sesama, siapa yang paling mahu mengorbankan dirinya untuk orang lain.

Pada hari itu, Hafiz melihat sesuatu yang belum pernah ia sedari sebelumnya. Semua orang di kampung bekerjasama menolong satu sama lain. Ada yang memegang tangan satu sama lain agar tidak hanyut terbawa arus, ada yang mengangkat perabot berat agar tidak tenggelam, ada yang memasak makanan bagi mereka yang kelaparan setelah banjir kilat itu selesai. Perbezaan usia lenyap, digantikan oleh semangat yang sama—semangat untuk bertahan, bersama.

KERTAS RAPUH, NILAI ABADI

Zafirah Umaiza Muhd Firdaus

Sekolah Menengah Sembawang

Aku berasa sangat bosan pada hari itu. Hujan renyai-renyai membasahi bumi, membataskan aktivitiku di luar rumah. Setelah termenung untuk beberapa ketika di jendela, aku mengambil keputusan untuk mengemas kabinet dapur yang sudah lama tidak disentuh. Satu demi satu laci aku buka, menemui barang lama yang berbalut debu tebal akibat sudah lama ianya tidak dibersihkan. Tiba-tiba, aku terjumpa sesuatu yang menarik perhatian, senaskhah surat khabar yang kekuningan, bertarikh tahun 1969. Dakwatnya sudah pudar, kertasnya rapuh dimamah waktu.

"Nenek! Tengok apa yang lna jumpa!" jeritku sambil meluru ke ruang tamu.

Nenek yang sedang duduk bersandar di kerusi goyang membuka matanya perlahan-lahan. Sebaik-baik melihat surat khabar itu, wajahnya berubah sayu. Tangannya menggeletar halus saat menerima naskhah itu daripada aku.

"Ini... inilah tahun yang sukar bagi kita orang Singapura," bisik Nenek, matanya berkaca-kaca.

Aku duduk di sisinya. Dengan suara yang perlahan, Nenek mula bercerita. Katanya, surat khabar itu memaparkan berita mengenai rusuhan perkauman yang pernah melanda Singapura. Pada waktu itu, hubungan antara kaum amat rapuh. Ramai yang cepat melatah, mudah terhasut oleh khabar angin. Bahasa kesat dan sikap tidak bertoleransi menjadi api yang marak membakar keharmonian masyarakat.

"Orang dulu-dulu," Nenek mengeluh perlahan.

"Banyak masalah yang berlaku akibat salah faham kerana tidak memahami budaya dan agama orang lain," sambung Nenek dengan matanya kelihatan bergenang dengan air mata.

Aku mendengar dengan penuh perhatian. Ternyata, hidup pada zaman itu tidak mudah. Namun, di sebalik semua kekacauan itu, Nenek bercerita tentang semangat juang rakyat yang kental. Mereka tetap bekerja keras, berusaha membina kehidupan walaupun serba kekurangan.

Aku termenung sejenak. Betapa berbezanya keadaan sekarang. Masyarakat Singapura kini lebih terdidik dan matang dalam menangani isu-isu perkauman. Walaupun ada segelintir yang masih prejudis atau memilih untuk mendiamkan diri, secara keseluruhan, rakyat sudah belajar untuk menghormati perbezaan.

"Nenek, kenapa sekarang orang lebih bersatu, ya?" tanyaku, ingin tahu. Nenek tersenyum, memandang jauh ke luar jendela.

"Sebagai manusia, kita belajar dari luka lama. Pemerintah Singapura tegas. Undang-undang digubal untuk menjaga kata-kata dan perbuatan kita, supaya tidak lagi mencetuskan kebencian." Jawab nenek penuh yakin.

Aku mengangguk. Di sekolah, aku belajar tentang pelbagai adat dan budaya melalui pelajaran Pendidikan Moral dan projek-projek perpaduan. Segala usaha ini bukan sia-sia, ia membuahkan hasil dalam bentuk keharmonian yang kita nikmati pada hari ini.

Sambil melipat kembali surat khabar lusuh itu, aku berjanji dalam hati untuk terus memelihara perpaduan ini. Sejarah telah mengajarkan kita bahawa keharmonian tidak datang bergolek, ia harus diusahakan dengan rasa hormat dan kasih sayang sesama insan.

"Hidup ini umpama lagu, jika semua nada seiring, barulah tercipta melodi yang indah." kata Nenek sambil membelai rambutku,

Aku tersenyum, mendengar bait kata-kata Nenek yang seindah gubahan lagu Zubir Said - merdu, menyentuh hati, dan penuh makna.

CAHAYA DI KORIDOR

Hadryan Adyl Haslizal
Sekolah Menengah St. Gabriel

Setiap pagi, Amirul akan menyapu koridor Blok 110 di Bedok bersama datuknya sebelum ke sekolah. Dengan penyapu di tangan dan semangat di hati, mereka membersihkan daun-daun kering dan sampah ringan yang dibawa angin malam. Amirul tidak dipaksa, dia memilih untuk membantu.

"Kalau sudah jadi Orang Singapura, kita mesti rajin berusaha. Jangan harap orang lain buat," nasihat datuknya sambil menyapu.

"Kita juga mesti ada budi bahasa seperti kata Encik Zubir Said, tidak guna bijak kalau tidak sopan," tambahnya lagi.

Amirul mengangguk. Walaupun baru di Menengah Tiga, dia sudah faham bahawa nilai seseorang bukan terletak pada harta, tetapi pada budi dan tingkah laku. Dia pernah diejek oleh rakan-rakan sekolah kerana dilihat menyapu koridor.

"Eh, budak penyapu! Nanti lambat sekolah!" jerit seorang pelajar.

Namun Amirul hanya tersenyum. Dia tidak membalas dengan kemarahan. Seperti yang pernah dibacanya dalam wawancara lama Zubir Said, "*Orang berbudi, kita berbahasa.*"

Di sekolah, Amirul dikenali sebagai pelajar yang sopan dan berbudi bahasa. Dia membukakan pintu untuk guru, membantu pekerja pembersihan tanpa diminta, dan tidak pernah lupa mengucapkan "terima kasih" atau "maaf".

Semasa projek khidmat masyarakat di Ang Mo Kio, Amirul memilih untuk membantu Mak Cik Salmah, seorang warga emas yang tinggal bersendirian. Dia membersihkan rumah mak cik itu, membetulkan perkakas dapur yang rosak dan meluangkan masa mendengar kisah-kisah lamanya.

"Anak baik... zaman sekarang susah hendak cari yang tahu beri hormat," kata Mak Cik Salmah.

"Saya belajar daripada datuk saya dan daripada lagu-lagu Encik Zubir Said. Orang Singapura mesti berbudi bahasa dan hormat orang tua," balas Amirul.

Perbuatannya sampai ke pengetahuan guru besar. Amirul dipilih untuk menyampaikan ucapan sempena Hari Keharmonian Kaum.

"Encik Zubir Said bukan sekadar pencipta lagu, beliau mengajar kita maksud sebenar menjadi insan yang jujur, hormat dan berbudi. Menjadi Orang Singapura bukan hanya soal kad pengenalan, tetapi soal hati dan nilai juga," ujar Amirul.

Ucapan itu tular di media sosial sekolah. Ramai pelajar mula berubah dengan memberi salam, membantu guru dan mula menghargai nilai amalan sekolah yang membawa makna besar.

Beberapa hari kemudian, datuknya tersenyum. "Amirul, kamu bukan sekadar anak Singapura. Kamu pewaris budi bahasa Encik Zubir Said."

Amirul tersenyum. Dalam hatinya, dia yakin bahawa dia sedang hidup sebagai *Orang Singapura* sejati. Amirul menunjukkan bahawa budi bahasa dan menghormati orang lain, terutama warga emas dan guru, ialah asas penting dalam membina jati diri seorang insan yang mulia. Nilai-nilai ini bukan sahaja diwarisi daripada keluarga, malah diperkukuh melalui pendidikan dan budaya masyarakat Melayu di Singapura, seperti yang digariskan dalam visi Arif Budiman, iaitu insan berilmu yang berbakti kepada masyarakat.

Amirul tetap tabah dan tidak membalas dengan kemarahan, sebaliknya memilih untuk terus berbuat baik. Pendidikan nilai di sekolah, telah membantu pelajar membezakan yang betul dengan yang salah dan membuat pilihan yang bertanggungjawab.

Perbuatan seperti menyapu koridor, membantu warga emas, atau mengucapkan terima kasih sebenarnya memberikan impak besar dalam membentuk

The page features a vibrant, colorful border composed of various school supplies and nature-themed illustrations. At the top, there's a red ruler, a yellow pencil, a blue eraser, and a green leaf. On the right side, a white spiral notebook, a yellow pencil, and a pink flower are visible. The bottom border includes a green leaf, a yellow pencil, a pink flower, and a blue globe. The central area of the page is a light blue rectangle containing two paragraphs of text.

masyarakat yang harmoni dan saling menghargai. Apabila Amirul menjadi contoh, ramai pelajar lain turut berubah dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Ini membuktikan bahawa pendidikan nilai dan budaya, harus dipupuk sejak kecil.

Dengan mengamalkan nilai-nilai ini, seseorang bukan sahaja menjadi warga Singapura yang baik, tetapi juga pewaris budi bahasa yang sejati seperti yang diilhamkan oleh tokoh-tokoh seperti Encik Zubir Said.

KATA-KATA SETAJAM SENJATA

Zafirah Damia Mohd Suhaimi

Sekolah Menengah St. Hilda

Aku membuka kelopak mataku perlahan-lahan. Dunia terasa asing. Bau ubat- ubatan menusuk hidungku sambil aku memerhatikan sekelilingku. Kelihatan deretan tiub bersambung ke tubuhku. Seluruh badanku lemah dan kepalaku terasa berat. Aku cuba mengangkat tangan, tetapi tidak berdaya.

Bunyi derapan langkah kaki orang mendekati aku telah menangkap perhatianku.

Pintu diketuk perlahan. Seorang jururawat masuk dengan senyuman manis. "Oh, rupa-rupanya aku sedang berada di bilik wad hospital, "bisik hatiku.

"Syukur, Encik Farid sudah sedar. Jangan risau, Encik berada dalam keadaan stabil sekarang." suara lembut jururawat tadi mengetuk gegendang telinga. Aku tenang.

Aku menarik nafas panjang sambil cuba mengingat kembali apa yang sudah berlaku. Sekilas, aku terkenang peristiwa perit pada malam itu. Peristiwa yang menjarlar lembaran hidupku itu terpancar jelas di minda.

Hidupku senang dan selesa. Aku pemilik sebuah syarikat penghantaran. Di syarikatku itu, siapa yang tidak kenal aku yang cepat berang dan kasar dalam tutur kataku? Kata-kata kesat tidak asing dalam setiap ayat yang dituturkan kepada para pekerja di bawah pimpinanku. Syarikat aku bermula dengan hanya beberapa orang pekerja yang bekerja keras dalam sebuah pejabat kecil sahaja. Kini syarikatku telah berkembang dengan pesat dan menjadi sebuah syarikat yang terkenal. Namun, kejayaan ini telah membawa cabaran baharu. Permintaan yang tinggi menyebabkan beban kerja semakin bertambah. Kakitangan yang sedia ada terpaksa bekerja lebih masa bagi memastikan pengeluaran perkhidmatan dapat memenuhi permintaan pelanggan. Situasi ini menimbulkan tekanan kerja dan menjejaskan produktiviti jika ia tidak ditangani. Dengan itu, aku telah mengambil beberapa pekerja baharu termasuk seorang pekerja

baharu bernama Amir. Dia berperawakan pendiam tetapi rajin. Biar begitu, dia lembab dalam menyelesaikan tugas-tugas yang dikerjakan. Pada mulanya, dia menjalankan tugas dengan baik, namun segalanya

berubah pada suatu hari setelah dia datang lewat ke tempat kerja.

"Maaf Tuan. Ibu saya sakit. Saya terpaksa menghantarnya ke hospital tadi pagi. Sebab itulah saya terlewat. Kebelakangan ini, Ibu sering sakit. Banyak kerja saya yang tertunggak." jelas Amir. Kata-kata Amir menjengkelkan aku. Aku tidak dapat menerima sebab yang diberikan lalu menganggap ia hanya sebuah alasan semata-mata. Apatah lagi laporan penting yang perlu diuruskannya masih belum dihantar lagi.

"Amir, apa yang kau cakap? Aku tidak mahu dengar alasan mengarut kau. Sudah banyak kali aku cakap. Kalau kau tak boleh buat kerja elok-elok, baik kau berhenti kerja sahajalah. Buang masa aku!" Suara lantang dan kata-kata kasar mencurahkan terhambur dari mulutku ketika aku memarahinya. Wajah Amir berubah menjadi merah padam menahan marah dan malu. Matanya yang biasanya tenang kini bersinar dengan kemarahan yang dipendam. Dia mengepal penumbuk di sisi, bibirnya bergetar seolah-olah ingin membalas kata-kataku, tetapi dia menahan dirinya. Tanpa sepatah kata, Amir menghentakkan kakinya lalu pergi.

Semenjak hari itu, aku dapat rasakan ada sesuatu yang tidak kena. Amir sering memandang aku tajam. Tiada siapa yang sedar bahawa dendam kesumat sudah mula berputik di dalam lubuk hatinya.

Selepas tamat waktu kerja, aku melangkah keluar dari pejabat untuk pulang ke rumah seperti biasa. Aku mendongak ke langit yang sudah mula gelap. Langit yang berwarna jingga pekat serta angin bertiup perlahan membawa bau hujan yang belum turun. Kelihatan di depan aku lorong sempit yang biasa aku gunakan sebagai jalan pintas untuk pulang ke rumah.

Lorong itu sunyi dan agak menyeramkan pada waktu senja. Lampu jalan malap dan berkelip-kelip, menambah suasana yang suram. Dinding di kiri dan kanan lorong itu dipenuhi grafiti dengan cat yang mengelupas. Hanya bunyi derapan tapak kakiku kedengaran. Tiba-tiba, aku merasakan seakan ada seseorang sedang mengekori aku. Aku mempercepatkan

langkahku dan begitu juga langkah di belakang aku itu. Aku menoleh ke belakang. Kelihatan sosok tubuh yang aku kenali. Wajahnya tidak sejernih seperti biasa. Matanya tajam, rahangnya mengeras, raut wajahnya bengis "Encik..." katanya dengan nada perlahan tetapi menggetarkan.

"Seronok ya... hidup kamu," kata Amir, muncul dari bayang-bayang. Senyum nipis terukir di wajahnya.

"Apa...apa yang kau mahu ah? Apa kau nak bincang lagi?" tanya aku terkketar-ketar.

"Aku tidak datang sini untuk cakap baik-baik. Aku datang, sebab aku sudah penat pendam perasaan ini. Penatlah tunggu. Dan malam ni... kau sorang. Mungkin masanya sudah tiba..."

Aku semakin kaku. Nafasku tersekat. Langkahnya semakin mendekat. Dalam lorong yang gelap dan sunyi itu, hanya kami berdua yang diselubungi aura dendam yang belum terpadam.

Aku cuba lari. Tanpa sebarang amaran, aku terasa satu tusukan tajam di belakangku. Dunia di sekelilingku terhenti seketika. Rasa cecair panas mengalir di celah tulang belikatku. Aku ditolak kasar sehingga tersembam ke tanah lorong yang keras, basah, dan berlumut itu. Sebelum aku sempat menjerit, satu tendangan kuat singgah ke tubuhku.

Amir berdiri di sisi tubuhku yang kini meringkuk menahan kesakitan. Dia memerhatikan aku menggeliat menahan kesakitan. Matanya kosong. Senyumannya menakutkan.

"Aku dah lama tunggu saat ini... dan malam ini, kau rasa sakit yang aku rasa." lantunan suaranya diselangi dengan ketawa.

Aku cuba bersuara, namun, suara itu tenggelam dalam lautan kesakitan. Perlahan-lahan, pandanganku kabur, gelap, dan akhirnya, aku tenggelam dalam kegelapan malam itu.

Aku tersedar apabila tubuhku digoncang perlahan oleh seorang lelaki. Wajah lelaki itu kabur dalam ingatanku, tetapi aku pasti dialah penyelamatku. Aku cuba berkata-kata tetapi tidak terdaya. Aku mendengar sayu-sayu bunyi siren ambulan. Jelas terpancar wajah Amir dalam ingatanku sebelum segalanya menjadi gelap sekali lagi.

"Assalamualaikum, Encik Farid. Saya Sarjan Zamani dari balai polis Tanjung. Encik jangan risau, Encik sekarang selamat," ucapnya lembut. Farid hanya mampu mengerling dan mengangguk lemah. Sarjan Zamani tersenyum kecil sebelum menyambung kata-katanya.

"Kami dimaklumkan bahawa Encik terlibat dalam satu kejadian serangan. Kalau Encik berasa cukup kuat, kami ingin berbual sedikit tentang apa yang berlaku." sambung Sarjan Zamani. Farid menghela nafas perlahan sebelum menjawab dengan suara serak, "Saya... saya diekori seorang lelaki... sejak keluar dari restoran malam tadi..."

Sarjan Zamani mendengar dengan penuh perhatian lalu bertanya, "Encik ingatkah rupa atau ciri-ciri lelaki itu? Atau apa-apa yang berlaku sebelum kejadian? Dengan usaha yang jelas sukar, Farid menyambung, "Saya... saya kenal dia... Amir. Kami ada bertengkar sedikit sebelum ini."

Pegawai polis itu mencatat segala maklumat dengan tekun.

"Terima kasih, Encik Farid. Maklumat ini sangat membantu. Kami sudah mengumpul bukti tambahan dan sedang berusaha untuk menangkap suspek," kata Sarjan Zamani sambil meletakkan tangan ke bahu Farid sebagai tanda sokongan.

"Encik rehat dulu, kami akan maklumkan perkembangan siasatan dari semasa ke semasa," tambahnya sebelum beredar perlahan dari bilik, membiarkan Farid kembali berehat.

Mujur pihak polis berjaya memperoleh rakaman kamera litar tertutup dari sebuah kedai berhampiran, sekali gus menjadi petunjuk penting dalam siasatan polis. Segala perbuatan Amir dirakam dengan jelas dari detik aku diekori hinggalah pisau itu menembusi tubuhku. Bukti itu cukup untuk memberkas Amir.

Aku terselamat tetapi tidak seperti dahulu. Bekas tusukan pisau masih kekal di belakang tubuhku, namun, yang lebih mendalam adalah parut di hatiku. Parut luka itu mengingatkan aku akan sikapku yang ambil remeh dalam menjaga tutur kata sehingga mencetus berlakunya tragedi pada malam itu.

Dahulu aku fikir, bercakap lantang itu tanda ketegasan. Kini aku tahu, lidah juga mampu menjadi pisau. Pedih tidak terasa hari ini, tetapi bila dendam mula bercambah, ia akan kembali dalam bentuk yang lebih kejam.

“Cik Farid, Encik boleh dengar saya? Encik, tolong buka mata.” jururawat membisik ke telingaku. Aku tersentak dari lamunanku. Aku menganggukkan kepalaku dengan perlahan. Juruwarat itu melepaskan nafas lega. Aku hanya mampu terlantar di atas katil wad hospital.


Hari berganti hari. Dengan setiap hari yang baharu, aku dapat merasakan tubuhku semakin kuat. Penghiburku saat ini hanyalah radio kecil yang memutar lagu-lagu yang dimainkan juruhebah kegemaranku.

*Budi dan bahasa serta timbang rasa
Dapat menawan hati musuh yang perkasa
Kita harus jaga dengan hati suci
Budi bahasa tak dapat dijual beli
Kasih mesra dengan jujur rukun bersaudara
Akan dapat memadamkan sifat yang angkara
Kasih mesra dengan jujur rukun bersaudara
Akan dapat memadamkan sifat yang angkara
Budi dan bahasa serta timbang rasa
Dapat menawan hati musuh yang perkasa.*

Bait-bait lagu ‘Budi Bahasa’ aku teliti dengan sebaik-baiknya sambil keinsafan menusuk jiwaku ini. Dari peristiwa itu, aku sedar bahawa tutur kata yang kasar bukan lambang ketegasan malah boleh menjadi punca keadaan memburuk. Aku tidak harus mengherdik, memaki dan memalukan orang lain di khalayak ramai. Sebagai seorang majikan, aku sepatutnya menjadi suri tauladan dan bukan perosak suasana kerja. Benarlah, budi bahasa itu mahkota manusia dan ia dapat menawan hati musuh yang perkasa.

Kategori Posmenengah





86

88

91

93

95

97

100

102

104

106

108

111

113

117

119

120

124

127

129

131

SENANDUNG SANG HUTAN

Aydrean Kasyief Burhanudin

Maktab Rendah Yishun Innova

Keras kepala. Pemalas. Bodoh. Itu label yang acap kali mengekori namaku. Setiap kali mereka menyebut 'Lembayung', yang terlintas di fikiran bukanlah keindahan langit senja, tetapi seorang gadis yang gagal memenuhi jangkaan dunia. Namaku indah, tapi tidak untuk mereka. Aku tidak sehebat pelajar-pelajar lain yang melakar nama di papan kenyataan sekolah, tidak sepintar gadis-gadis yang menjadi kebanggaan ibu bapa mereka. Dalam kelas, aku sering tenggelam bukan kerana aku tidak berusaha, tetapi kerana aku tidak pernah benar-benar hadir di sana. Sekolah bagiku ibarat sangkar, tempat aku dipaksa menjadi sesuatu yang bukan aku. Setiap hari, aku dibentangkan dengan angka, formula, dan fakta yang tidak mengerti jiwaku. Di rumah pula, Ayah dan Ibu membandingkan aku dengan anak jiran, sepupu, sesiapa sahaja yang lebih 'berjaya'. Mata mereka memandang aku dengan kecewa yang tidak mampu aku sembunyikan lagi. Kadangkala, aku terfikir. Adakah sebuah gred mampu menentukan siapa aku sebagai manusia?

Namun, ada satu ruang dalam jadual yang tidak pernah gagal menyalakan cahaya kecil dalam hatiku, sastera. Ketika guru membacakan puisi Chairil Anwar atau karya Usman Awang, aku seakan-akan bernafas semula. Bahasa memberi aku peluang untuk bercakap tentang rasa yang tidak mampu aku ungkapkan secara lisan. Dalam karangan dan puisi, aku menyulam duka dan harapan, menjahit luka dengan bait-bait indah yang lahir dari hati.

Di luar waktu sekolah, aku sering menyelina ke hutan kecil di pinggir kolong blok ku. Di situlah aku temui kedamaian yang tidak pernah aku rasai di tempat lain. Di situlah kedengaran burung-burung berkicau-kicau, seakan-akan berdendang menghilangkan risau. Rama-rama serta bunga-bunga menemani aku. Hutan itu seperti sebuah dunia lain, penuh dengan nyanyian alam dan bisikan rahsia. Aku berbual dengan pokok, memerhati semut mengangkat beban, menulis tentang warna lumut di batang tua, dan membiarkan fikiranku melayang bersama desir angin. Daun-daun yang luruh, serangga kecil, dan akar yang liar menjadi inspirasiku. Di sanalah aku mengenal diriku yang sebenar.

Namun, dunia tidak pernah membiarkan sesuatu yang indah kekal terlalu lama. "Lembayung, sudahkah engkau dengar khabar tentang hutan yang terletak bersebelahan dengan blok kita?" soal Cik Senah perlahan, suaranya bergetar bagai dibawa angin petang. Dia berdiri di ambang pagar, wajahnya sarat dengan kerisauan yang sukar disembunyikan. Jiranku itu, yang telah kuanggap seperti keluarga sendiri sejak aku masih berambut tocang, jarang bersuara jika tiada yang benar-benar menggusarkan hati.

Aku menoleh. Wajahnya yang biasa tenang, kini bergaris resah.

"Mereka hendak tebang, nak bangunkan kawasan tu. Katanyan nak dirikan pangsapuri dan pusat beli-belah." Dia menggeleng perlahan. "Kemajuan, kononnya."

Dunia seakan-akan terhenti. Nafas seolah-olah tertinggal. Kata-katanya meresap ke dalam dada seperti duri yang tertusuk perlahan. Aku melangkah ke balkoni, memandang ke arah siluet hutan yang kian dilingkungi pagar kuning.

Dada aku bagai direntap. Bagaimanakah mereka boleh melabel kemusnahan sebagai pembangunan? Tidakkah mereka nampak bahawasanya di sebalik setiap batang pokok itu ada jiwa yang pernah diselamatkan? Hutan itu bukan sekadar kawasan hijau; ia ialah saksi bisu kepada air mata, puisi, dan pengharapan seorang anak yang tersisih. Hari itu menjadi titik perubahan dalam hidupku.

Sampai hati mereka merobohkan tempat yang telah menyelamatkan dan merawat jiwaku?

Pada petang itu, aku kembali ke hutan. Langit mendung, angin sejuk menusuk, seolah-olah alam turut menangi nasibnya. Aku berdiri di bawah pohon tua yang dulu menjadi peneduhku, dan buat pertama kali, aku menangis tanpa menahan.

Di benakku, terngiang satu bait lagu lama yang pernah Ayah putar suatu masa dahulu, sewaktu kami masih rapat:

"Berjalan di tanah gersang, mentari mencekam dada..."

— Kembara, Hati Emas

Begitulah rasanya, berjalan dalam dunia yang gersang belas kasihan terhadap alam.

Hari-hari seterusnya kulalui dengan jiwa yang terbakar tekad. Aku tidak akan berdiam. Aku menulis di media sosial, di akhbar sekolah, atas sehelai kertas yang disebar dari rumah ke rumah. Aku terpaksa memupuskan sifat malu, yang sudah lama menghantui diriku, dan menubuhkan kumpulan kecil bersama remaja lain yang juga cinta akan kehijauan.

Kami menganjurkan sesi puisi terbuka di pinggir hutan. Pada malam itu, aku membaca:

*"Jika pohon tua rebah sebelum sempat bernaung,
Siapakah akan lindungi mimpi anak cucu yang datang?"*

Aku melihat wajah-wajah yang hadir. Mata mereka memantulkan sesuatu yang aku tidak jangka, harapan. Cik Senah hadir juga, berdiri di barisan belakang dengan linangan air mata.

Perjuangan itu bukan tanpa luka. Ada ejekan. Ada yang menuduh kami 'anti-pembangunan.' Tapi kami tidak goyah. Kami percaya pembangunan sebenar adalah membina manusia, bukan memusnahkan apa yang menjadikan manusia itu utuh.

Beberapa bulan kemudian, keputusan rasmi diumumkan. Sebahagian besar hutan itu tetap dikorbankan. Tapi tidak semuanya. Sebahagian kecil, di mana pohon tua itu berdiri, telah digazet sebagai taman komuniti. Di sinilah aku kembali setiap minggu, membaca puisi kepada anak-anak, mengajar mereka menulis dari rasa, bukan sekadar fakta.

Aku masih Lembayung. Tapi bukan lagi gadis yang tenggelam dalam label dan bisikan kecewa. Aku kini sinar senja yang menyuluh jalan untuk mereka yang hampir menyerah.

Dan walaupun tanah itu pernah diluka, dari akarnya masih tumbuh tunas—tunas yang melawan.

WARUNG DI PERSIMPANGAN ZAMAN

Mifdzal Syahmi Muhsin
Maktab Rendah Jurong Pioneer

Di sebuah sudut kecil Geylang Serai yang kini dihipit pembangunan moden, masih berdiri sebuah warung tua yang dikenali sebagai Warung Pak Cik Hakim. Warung usang itu, dengan papan tanda yang lusuh dan aroma rempah yang menggoda, telah wujud sejak zaman datuk kepada pemiliknya, Pak Cik Hakim, seorang lelaki separuh abad berketurunan mamak yang masih setia menyambung legasi keluarganya.

Warung Pak Cik Hakim suatu ketika dahulu menjadi nadi kehidupan masyarakat setempat. Masakan tradisional seperti tulang merah berempah, nasi biryani harum, dan kari kepala ikan yang pekat menggigit pelanggan dari jauh dan dekat. Setiap hidangan membawa cerita, dan setiap sudu menghidupkan kenangan.

Namun, masa tidak pernah berhenti berjalan. Zaman berubah, dan pelanggan setia semakin menghilang. Warung yang dahulunya riuh dengan gelak tawa kini sepi, ditemani bayang-bayang silam. Pak Cik Hakim hanya mampu memandang meja-meja kosong dengan hati yang berat, seolah-olah warung itu sendiri sedang menghitung hari-hari terakhirnya.

Seperti Warung Pak Cik Hakim, makanan tradisional Melayu juga kian dilupakan. Nasi minyak yang pernah menjadi lambang kemewahan dalam majlis perkahwinan, dan bunga telur yang melambangkan kesuburan serta keberkatan hidup pengantin baharu, semakin jarang kelihatan. Hidangan-hidangan klasik ini kini tersisih, digantikan oleh menu moden yang lebih ringkas dan 'instagramable'. Tradisi yang pernah diraikan kini hanya tinggal kenangan.

Namun bagi Pak Cik Hakim, setiap senduk nasi minyak dan setiap hirisan daging masak hitam yang disediakan bukan sekadar makanan, ia adalah warisan. Dan selagi warung kecil itu masih berdiri, selagi itu dia akan terus memasak, biarpun hanya untuk seorang dua yang masih sudi menghargai rasa masa silam.

Pak Cik Hakim mengeluh perlahan. Matanya yang redup menatap kerusi-kerusi kosong yang dahulunya meriah dengan gelak tawa dan perbualan mesra para pelanggan.

"Makanan tradisional kita dah tak laku lagi, Syed..."

Nada suaranya penuh sayu, seolah-olah setiap perkataan itu ditarik dari dasar hatinya yang luka. Di sisinya berdiri cucunya, Syed Imran, seorang cef muda yang baru pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian kulinari di luar negara. Wajahnya tenang, tetapi dalam hati dia memahami kebimbangan datuknya.

Zaman sudah jauh berubah. Persaingan di dunia makanan kini bukan calang-calang. Restoran moden, makanan lakuran dan hidangan segera yang berwarna-warni lebih menarik perhatian generasi muda. Hidangan tradisional seperti nasi minyak dan rendang daging sudah tidak lagi menjadi pilihan utama, malah dianggap "kolot" oleh sesetengah pihak.

Syed memandang wajah datuknya yang mula dimamah usia. Di sebalik kerutan di dahi dan rambut yang memutih, ada semangat yang masih belum padam. Dan dalam diam, Syed tahu, dia perlu melakukan sesuatu.

Namun bagi Syed Imran, Warung Pak Cik Hakim bukan sekadar tempat menjamu selera. Ia menjadi nadi kenangannya, warisan keluarga yang sarat dengan cerita dan kasih sayang. Di sinilah dunia kanak-kanaknya bermula, tempat dia belajar menghargai rasa, bau, dan erti sebuah keluarga.

Aroma rempah yang masih melekat di udara membangkitkan nostalgia yang sukar diungkap. Bunyi desiran kualiti bertemu minyak panas, dan ketukan bunyi lesung batu di dapur seolah-olah menyanyikan lagu lama yang hanya difahaminya. Dalam bayang-bayang kenangan, dia dapat melihat dirinya yang kecil berlari-lari di celah dapur, tertawa riang sambil memerhati datuknya mengacau periuk besar berisi kari pekat yang harum menggoda.

Dan yang paling dirindui, tangan neneknya yang menyuapkan sesuap nasi minyak, penuh kasih sayang, penuh makna.

Kini, melihat riak kecewa di wajah datuknya yang semakin dimamah usia, satu tekad menyala dalam diri Syed Imran. Warung ini tidak boleh dibiarkan lenyap begitu sahaja. Ia bukan sekadar bangunan kayu dan dapur berasap, ia adalah lambang cinta, perjuangan, dan akar identiti mereka.

Syed Imran berikrar dalam hati: dia akan mengubah nasib Warung Pak Cik Hakim. Apa jua cabaran yang menanti, dia tidak akan berpatah balik.

"Datuk, kita perlu sesuaikan dengan zaman. Saya ada idea," kata Syed dengan semangat. Cik Hakim memandang cucunya dengan keraguan. "Kau jangan sampai hilangkan rasa asli makanan kita, Syed. Itu amanah keluarga."

Syed tersenyum. "Saya janji, Tuk. Saya akan olah, gaul dan campur tanpa mengorbankan jiwa masakan kita."

Maka, bermulalah perjalanan Syed untuk menghidupkan semula warung keluarga mereka. Dia mula menyusun strategi – menambah sentuhan baharu dalam penyajian, memperkenalkan hidangan fusen yang tetap berakar pada rasa asli, dan menggunakan media sosial untuk menarik perhatian generasi muda.

Cabaran pertama yang dihadapinya adalah modal yang terhad. Syed tahu bahawa untuk menarik perhatian pelanggan, dia perlu melakukan perubahan besar, tetapi dia juga sedar akan keterbatasan kewangan yang mereka hadapi. Oleh itu, dia memilih untuk membuat perubahan secara beransur-ansur. Langkah pertama, dia memperkenalkan konsep baharu dalam penyajian makanan tradisional. Tulang merah, hidangan kegemaran ramai, dihidangkan dalam bentuk tapas dengan roti paun kecil. Nasi biryani disusun dengan rapi dalam mangkuk seramik eksklusif, menjadikannya lebih menarik di media sosial. Selain itu, dia juga memperkenalkan menu baharu yang menggabungkan elemen moden dengan resipi warisan, seperti nasi minyak yang disajikan dengan ayam panggang berempah yang diinspirasikan daripada masakan barat.

Namun, perubahan ini tidak berlaku dengan mudah. Pada mulanya, terdapat tentangan daripada pelanggan lama yang merasakan bahawa warung itu telah kehilangan keasliannya.

"Makanan lama ni tak patut diubah-ubah," kata seorang pelanggan setia, Pak Din, yang telah makan di warung itu sejak zaman muda.

Syed mengambil kritikan ini dengan hati terbuka dan berusaha untuk menyeimbangkan antara inovasi dengan tradisi. Dia memastikan bahawa setiap hidangan masih mengekalkan rasa asli yang diwarisi turun-temurun, hanya dihidangkan dengan cara yang lebih moden.

Keputusan Syed mula membuahkan hasil apabila pelanggan muda mula datang untuk mencuba makanan mereka. Penggunaan media sosial memainkan peranan penting dalam menarik perhatian mereka. Dengan memuat naik gambar makanan yang menarik dan berkongsi kisah di sebalik setiap hidangan, warung itu mula mendapat perhatian. Pelanggan yang pernah berhenti datang kini kembali, dan mereka yang tidak pernah tahu tentang warung itu mula berminat untuk mencuba.

Pada hari pertama pelancaran konsep baharu itu, Syed berdiri di hadapan warung dengan debaran di dadanya.

Dia teringat kata-kata datuknya yang pernah berkata, "Makanan bukan sekadar untuk mengisi perut, tetapi untuk menghidupkan jiwa."

Pada pagi itu, dia melihat satu persatu pelanggan masuk, ada yang sekadar ingin mencuba, ada juga yang kembali kerana teringat akan masakan warung itu yang pernah menjadi sebahagian daripada kenangan mereka. Melihat senyuman pelanggan dan mendengar pujian mereka, Syed tahu bahawa dia berada di jalan yang betul.

Warung Pak Cik Hakim yang hampir terkubur kini bangkit kembali. Berkat usaha Syed dan dorongan datuknya, mereka bukan sahaja menyelamatkan warung itu, malah berkembang menjadi sebuah perniagaan katering terkenal di Singapura. Bau rempah ratus yang menyelerakan terus mengisi ruang udara, membawa bersama warisan rasa yang tidak luntur dek zaman.

Pada suatu hari, ketika Syed sedang sibuk menyusun pesanan katering untuk sebuah majlis perkahwinan Melayu, dia terdengar alunan lagu lama yang dimainkan di radio, "Bunga Telur, Nasi Minyak."



Lagu itu menggambarkan betapa makanan bukan sekadar hidangan, tetapi satu tradisi, satu simbol kasih sayang yang mengikat keluarga dan masyarakat. Syed tersenyum sendiri, mengingat bagaimana lagu itu sering dimainkan oleh neneknya setiap kali ada kenduri di rumah mereka dahulu.

Di sudut warung, Pak Cik Hakim melihat dengan bangga.

“Syed, kau sudah buktikan sesuatu. Warisan kita boleh hidup, selagi kita tak lupakan akarnya.”

Syed mengangguk-angguk, menyadari bahawa dia bukan sekadar menyelamatkan warung itu, tetapi meneruskan legasi yang telah lama terpahat dalam sejarah keluarganya. Dia sedar bahawa makanan bukan sekadar sajian, tetapi penghubung antara generasi lama dengan generasi baharu. Warisan ini, dengan segala aroma dan rasanya, akan terus hidup selagi ada mereka yang menghargainya.

Begitu juga nasi minyak dan bunga telur yang sinonim dengan majlis kenduri perkahwinan masyarakat Melayu dahulu. Kini, ia bukan sekadar hidangan istimewa (nasi minyak) untuk tetamu dan buah tangan (bunga telur), tetapi simbol ukwah dan tanda silaturahim, kemeriahan, dan kasih sayang yang terjalin dalam satu peristiwa yang penuh makna. Dalam suasa kepesatan dunia moden dan gelombang teknologi, warisan sebegini mengingatkan Syed tentang akar budaya yang perlu terus dijaga. Dalam setiap suapan nasi minyak yang harum, serta setiap kuntum bunga telur yang dihias indah yang berkilauan, terselit doa dan harapan agar cinta yang dibina kekal mekar, sepertimana nilai-nilai yang diwariskan sejak dahulu oleh datuk nenek kita serta generasi sebelumnya.

PENJAGA

Nurul Alya Syakinah Abdul Jamal
Institusi Raffles

5 Cerpen
Terbaik

Kilatan halilintar memanah langit
Angin ribut menggugah nafsu
Kesengsaraan hutan meragut kuasa
Sekujur nafas alam meresap jiwaku
Inilah takdir penjaga alam
Bergema di setiap denyut kehidupan
Menanti titisan harapan yang hilang.

Lembaran daun pisang dan rimbunan pohon tembusu menghalang sinaran matahari daripada menyapa lantai hutan. Renjung hutan itu melindungi Asmara daripada titisan hujan renyai tetapi ia tidak dapat menghilangkan bisikan alam yang semakin nyaring kedengaran dalam gegendang telinganya. Hembusan angin membuat badannya menggigil dan perasaan seram sejuk meragut dirinya. Mata Asmara menatap ukiran di batu purba yang terpaku separuh dalam tanah, sebahagian tertutup dengan akar-akar pohon. Permukaan batu itu diliputi oleh lumut dan penuh dengan retakan halus yang menggambarkan usianya. Asmara meraba-raba permukaan kasar itu. Hatinya berdebar-debar.

Bermula sejak beberapa bulan lalu, Asmara sentiasa bermimpi tentang hutan yang mengelilingi kampung kecilnya itu. Suara yang lembut dan halus memanggilnya masuk ke dalam dakapan pohon-pohon subur yang terletak merata hutan. Dia tidak pernah menjawab jemputan aneh tersebut. Namun, setelah pertengkaran yang begitu hangat bersama ibu bapanya pada senja itu, Asmara melarikan diri ke kedamaian hutan. Tapak kakinya digerakkan oleh naluri yang seakan-akan sudah lama terpendam. Sekarang, dia berdiri di tengah-tengah hutan tersebut sambil meraba-raba permukaan batu purba yang selama ini tidak pernah terlihat di kawasan itu, tetapi masih mempunyai kesan penuaan.

Tiba-tiba, hembusan angin berubah arah dan menyapa pipi Asmara ibarat sedang menyambut kehadirannya. Kicauan burung dan titisan hujan berhenti sejenak, seolah-olah seluruh hutan menahan nafas. Kesunyian yang menyelubungi belantara mencengkam perasaannya. Asmara terpaku. Tangannya mula menggigil disebabkan kedinginan batu permata yang menggigit, atau mungkin ketakutan yang mula menjalar.

Kesenyapan yang menjerat itu dibelah oleh helaan nafas yang mendadak. Akar-akar pohon mula terangkat dan menggeliat, seperti digali oleh kuasa yang tidak terjangkau akal. Cabang-cabang pohon memusing dan membelit ke arah Asmara. Daun kering dan pelbagai bunga yang menghiasi lantai belantara dibawa melayang menuju batu purba di hadapannya. Asmara terkesima melihat keajaiban yang berlaku. Dari akar-akar, dahan, daun kering, dan bunga-bunga tersebut, terbentuklah satu makhluk yang berwajah tenang seperti air tasik yang tidak diusik angin. Matanya bagaikan cahaya sang matahari pada waktu senja yang hampir terbenam di kaki langit. Tubuhnya pula diperbuat oleh flora yang berasal daripada seluruh pelosok hutan yang terkumpul untuk menjadi satu jasad yang sukar dibayangkan.

“Sudah lama hamba menunggu kamu, wahai penjaga alam. Hamba makhluk yang hidup di antara alam nyata dengan alam ghaib. Maka hamba ini diberi nama, Dhanyang, penjaga belantara semenjak antara langit dengan bumi.”

Suara yang menyambutnya lembut bahkan angin malam yang bertiup sayu. Asmara tergamam. Dia mencubit paha kirinya untuk memastikan dirinya masih berada dalam alam yang nyata. Namun, rasa sakit itu tidak cukup untuk mengusir kehairanan yang menyelubunginya. Munculnya perasaan kerdil melihat makhluk, Dhanyang, yang agung itu.

Dhanyang itu merenung wajah Asmara, seakanakan menelanjangi isi jiwanya. Suasana hutan itu menukar menjadi sayu. Titisan hujan semakin deras turun dan menerobos renjung hutan. Peliknya pula, angin yang menyapanya membawa bau hangus ibarat hutan yang pernah terbakar. Guruh dan petir memecah keheningan hutan, menggema di celah-celah batang pokok tembusu. Dedaun, bunga dan cabangan pohon yang membentuk tubuh Dhanyang mula layu sedikit demi sedikit. Walaupun suasana menjadi rumit dan badannya mula retak, wajahnya tidak berubah.

Suara Dhanyang perlahan tetapi penuh dengan kepastian melafaz lagi, “Hamba telah berjanji

untuk mengurniakan manusia dengan rezeki alam jika mereka memelihara dan menyayangi jantung hutan. Namun, manusia tidak menjunjung perintah alam dan sebaliknya telah mengkhianati janji mereka. Tempat bersemayam Dhanyang dianiayai; pokok-pokok ditebang, air jernih tasik tercemar dan hutan terbakar. Kesengsaraan alam ialah kesengsaraan hamba. Walaubagaimanapun, hamba tidak hilang harapan. Wahai harapan kami, bangkitkanlah perasaan kerdil dalam manusia dan kembalilah kepada dakapan alam.”

Mulutnya terkunci, hati Asmara terkutap dan tenggelam dalam kepiluan. Kata-kata itu menikam terus jantungnya. Dia meneguk air liurnya sendiri dengan hati terkilan. Air hujan yang turun deras membasahi tubuhnya, tetapi kedinginan itu tidak dapat menandingi sejuk yang menyelimuti hatinya.

“Hamba tidak datang untuk menghukum manusia, tetapi untuk memberikan peluang. Walaupun nenek moyangmu pernah berjanji dan melupakan tahanan alam, janji itu masih terpendam dalam urat bumi,” ucap Dhanyang, suaranya seperti angin yang menghembus pepohon tua.

Celah-celah retakan badannya kini bercahaya samar. Dari sela dadanya, tumbuh satu biji benih kecil yang bersinar terang di kegelapan malam. Benih itu menapung ke arah Asmara dan mendarat di atas telapak tangannya yang menggigil. Fikirannya berbelit ibarat akar tua di lantai hutan. Dia keliru akan peranannya dalam cerita ini.

“Wahai penjaga alam, inilah benih harapan hamba. Tanamlah ia di tempat yang tidak akan dilupakan oleh manusia, di tanah yang subur, yang masih percaya pada alam. Lindungilah ia dari nafsu manusia yang liar. Dari benih ini akan tumbuh perlindungan kepada semua makhluk, tidak kira manusia, haiwan, ataupun hamba, Dhanyang yang tersembunyi,” suara Danyang itu seperti datang dari seribu arah, berlapis-lapis dan bergaung seakan-akan gema dari dasar bumi.

Waktu terasa terhenti. Asmara berdiri kaku, seolah-olah terkurung dalam saat yang tercipta dari mimpi dan nyata. Jiwanya membeku dalam kekaguman yang tidak mampu dijelaskan dengan kata. Mulai saat itu, dia ialah penjaga. Dia akan mendengar rintihan angin, membaca keluhan pohon, dan menenangkan pilu sungai. Inilah takdir penjaga alam.

Hutan bersinar lembut, disinari cahaya bulan. Titisan hujan sudah lama berhenti, hanya angin sejuk menyelubungi belantara. Asmara menggenggam benih itu. Daun-daun yang gugur dan menghias lantai hutan bersatu dalam pusingan angin terakhir meliputi tubuh Dhanyang dan ia berderai perlahan menjadi kelopak-kelopak cahaya yang menanam diri ke celah akar dan tanah. Asmara bersumpah untuk menebus kesalahan yang bukan miliknya tetapi sekarang merupakan tanggung-jawabnya. Pada malam itu, Asmara tidak pulang ke rumah sebagai pelarian tetapi sebagai pemelihara alam.

Puluhan tahun sudah berlalu dan dunia sudah masuk ke era globalisasi. Di tengah-tengah Singapura yang penuh dengan projek pembangunan, terdapat satu hutan yang malar hijau yang berdiri sebagai keajaiban, ‘Hutan Harapan’. Walaupun dunia dilanda oleh musim kemarau ataupun tengkujuh, ia tidak pernah berubah, tidak pernah dilanda wabak, dan sentiasa dipenuhi nyanyian burung serta desiran daun yang damai. Di situ, musim tidak hadir seperti biasa. Pohon-pohon tidak pernah gugur sepenuhnya, sungai sentiasa mengalir jernih, dan bunga-bunga liar mekar tanpa jadual.

Tiada sesiapa yang tahu siapa ataupun apa yang memulakannya, tetapi ramai manusia tidak kira usia dan bangsa selalu melawati kawasan hijau itu. Kanak-kanak bermain dan berlari di situ. Para mahasiswa datang dan belajar sambil merehatkan mata melihat kehijauan alam. Orang ramai tidak tahu, tetapi hutan itu ialah hasil satu benih harapan yang ditanam oleh seorang perempuan yang mendengar bisikan alam dan menjawabnya. Kisahnya tidak dicatat dalam buku sejarah, tetapi diceritakan oleh angin, diulangi oleh burung, dan diingat oleh akar-akar yang merindui sentuhan manusia yang mengerti. Namun, di tengah-tengah hutan tersebut terletak sebuah batu purba yang diliputi oleh lumpur dan penuh dengan retakan halus. Di permukaan batu itu tertulis, “Inilah takdir penjaga alam.”

DI TEPI JENDELA

Daniyn Mardhiyah Muhd Ezzat
Maktab Rendah Jurong Pioneer

5 Cerpen
Terbaik

Di tepi jendela Ayah berada, matanya yang semakin kabur menatap jauh ke luar, seolah-olah mencari sesuatu yang telah lama hilang. Di luar sana, dunia terus berputar tanpa henti, tetapi bagi Ayah, masa seakan-akan terhenti di saat-saat silam yang penuh makna. Dahulu, petang-petang begini, rumah ini akan bergema dengan cerita tentang kampung, tentang jiran yang saling bantu-membantu tanpa mengira waktu atau kepentingan diri. Namun kini, semuanya sunyi. Ayah hanya duduk di kerusi rotannya yang semakin usang. Matanya terpejam rapat seakan-akan menyembunyikan kenangan yang terlalu berat untuk dihadapi.

Aku sering bertanya dalam hati, apakah yang Ayah cari di luar sana? Adakah dia sedang mencari dunia yang pernah dikenalnya? Dunia yang penuh semangat gotong-royong, kesetiaan, dan rasa kebersamaan? Atau mungkinkah dia hanya ingin menemukan kembali dirinya yang dulu, iaitu dirinya yang lebih kuat, lebih yakin untuk menghadapi dunia yang sentiasa berubah ini?

Di tepi jendela Ayah berada. Senja semakin merayap, cahaya yang kian terbenam memancar dengan warna keemasan, menyorot bayang-bayang panjang di lantai yang berdebu. Aku duduk di sebelahnya, berdiam diri dalam keheningan yang mengisi ruang ini. Tidak ada lagi kata-kata yang terucap darinya, hanya bisikan-bisikan tentang masa lalu yang sesekali keluar dari bibirnya.

"Dulu kita hidup senang, saling bantu," katanya perlahan, suaranya yang lemah melambangkan sebuah dunia yang semakin jauh dari genggamannya.

Aku mengangguk-angguk, tidak tahu apa lagi yang harus aku katakan. Ayah tidak lagi bertanya tentang hari-hariku, tentang apa yang aku lakukan atau apa yang aku impikan. Kini, dia hanya memandang jauh ke dunia yang sudah tidak lagi dikenalnya. Aku mula merasa perubahan itu. Dia bukan lagi Ayah yang dulu, yang penuh dengan cerita dan nasihat.

Di tepi jendela Ayah berada. Wajahnya semakin pucat, dan setiap gerakan tubuhnya terasa semakin perlahan. Secara diam, aku merasa seperti sedang menyaksikan perpisahan yang perlahan,

bukan hanya dengan dunia yang pernah dia kenal, tetapi juga dengan dirinya sendiri. Kadang-kadang, aku teringat lagu yang sering dinyanyikannya waktu aku kecil, lagu yang penuh dengan semangat dan kekuatan.

"Orang Singapura..." dia nyanyikan, suaranya yang terputus-putus kini mengingatkan aku tentang kekuatan yang ada dalam dirinya dahulu, iaitu sebuah kekuatan yang lahir daripada hidup dalam satu komuniti, saling menghormati dan membantu. Tetapi kini, lagu itu bukan lagi simbol semangat yang sama, melainkan kenangan yang menari dalam setiap bait yang terucap. Aku tahu dia merindui sesuatu yang telah hilang, sesuatu yang tidak mungkin kembali.

Di tepi jendela Ayah berada. Tubuhnya semakin rapuh, seakan-akan dia hanyalah bayang-bayang yang perlahan-lahan menghilang. Setiap kata-kata yang keluar darinya terasa seperti sebuah rahsia yang tidak dapat diungkapkan sepenuhnya.

"Jangan pura-pura," katanya suatu hari, ketika aku bertanya sama ada Ayah masih ingat semuanya.

Aku tahu itu adalah nasihat yang sangat penting baginya. Tentang kehidupan yang jujur, tentang bagaimana untuk hidup dengan penuh integriti. Tetapi kali ini, ketika aku melihatnya, aku merasakan ada sesuatu yang lebih dalam daripada sekadar nasihat tersebut. Dia seolah-olah sedang mengajar aku tentang bagaimana untuk menerima perubahan yang datang, tentang bagaimana untuk tetap berpegang kepada nilai-nilai yang telah membentuknya walaupun dunia ini tidak lagi sama. Ayah yang dulu kuat dan penuh impian kini seolah-olah lelah dengan perjuangannya, dan aku tahu, dia merasakan bahawa dunia ini telah berubah begitu cepat, lebih cepat daripada yang dia mampu tangani.

Di tepi jendela Ayah berada. Aku duduk bersebelahan dengannya, menggenggam tangannya yang semakin lemah. Ada kesunyian yang dalam antara kami, kesunyian yang lebih keras daripada kata-kata. Dia tidak lagi banyak berbicara, tetapi matanya yang semakin kabur itu berbicara lebih banyak daripada apa yang pernah dikatakannya.



"Ayah tahu kamu kuat," katanya, tetapi aku dapat merasakan ada sesuatu yang hilang dalam kata-katanya, sesuatu yang tak terucap.

"Tapi Ayah risau... risau kamu... risau dunia ini..."

Suaranya terputus-putus, dan aku tahu itu adalah kali pertama dia mengungkapkan rasa risau yang selama ini dia sembunyikan. Ayah tidak pernah terbuka tentang perasaannya seperti ini, tetapi kini aku melihat sisi lain darinya, sebuah sisi yang penuh dengan ketakutan tentang masa depan, tentang dunia yang semakin jauh dari segala yang diajarkannya.

Di tepi jendela Ayah berada. Tubuhnya semakin lemah, dan aku melihatnya dengan hati yang terhiris. Suaranya semakin lemah, hampir tidak kedengaran.

"Ayah bangga... dengan kamu," katanya, suaranya hampir tidak terdengar. "Tapi... dunia ini... sudah tak seperti dulu," katanya lagi, nafasnya terputus-putus.

Aku menggenggam tangannya lebih erat, berusaha menahan air mata yang mula menitis setitik demi setitik.

"Ayah, Zul masih di sini," kataku, tetapi aku tahu itu tidak cukup untuk menyelamatkan apa yang telah hilang.

Dia hanya tersenyum, senyuman yang penuh kesedihan, dan aku merasakan dunia kami, dunia yang dulu dipenuhi dengan semangat gotong-royong dan nilai yang tidak ternilai, sedang runtuh perlahan-lahan, seperti debu yang berterbangan ke udara.

Di tepi jendela aku berada. Kini Ayah telah tiada. Dunia ini terus berubah, tanpa berhenti, tanpa memberikan ruang untuk mengembalikan apa yang telah aku hilang. Tetapi aku tetap di sini, mengenang semua ajarannya yang tidak pernah aku lupakan dalam hidupku ini.

Aku berdiri di tepi jendela yang sama, menatap dunia yang terus berputar, dan aku tahu, walaupun Ayah telah pergi, semangat yang diajarkannya, semangat untuk menjadi Orang Singapura yang tidak pernah melupakan akar, menatang nilai-nilai yang luhur akan terus hidup dalam setiap langkahku. Dunia ini terus berubah, namun akan kupegang nasihat murni Ayah agar..."taat dan setia kepada negara, hidup sama-sama, bersungguh-sungguh sampai berjaya!"

PENGUMPUL MEMORI

Muhd Arish Dani Muhd Nazrie
Institusi Raffles

5 Cerpen
Terbaik

Memori berdebu di sudut jiwa
Terhakis masa, terlupa manusia
Jejak kenangan dalam benda usang
Berbisik rahsia zaman yang hilang.

Sentuhan jari, aliran gambar
Kenangan lama kembali bergetar
Apakah nilai sebuah memori?
Jika diri sendiri perlu dilupai.

Azra mengusap permukaan cincin lama itu, jari-jemarnya bergetar. Dunia di sekelilingnya kabur, digantikan kilasan gambar seorang pengantin tersenyum malu dan bisikan janji setia. Cincin itu mengandungi memori perkahwinan lima puluh tahun lalu yang tiada siapa ingat, kecuali Azra.

Di luar rumah pusaka neneknya, langit senja menguning. Kampung Serai yang dahulunya riuh dengan perayaan kini senyap. Wabak 'lupa' telah melanda negara selama tiga tahun, menghakis ingatan kolektif masyarakat. Orang dewasa melupakan adat dan tradisi. Kanak-kanak tidak lagi mendengar cerita nenek moyang. Tanpa memori bersama, ikatan komuniti terungka.

Azra meletakkan cincin ke dalam kotak kayu berukir. Petang tadi, Pak Hamid, ketua kampung berusia 80 tahun, telah memanggilnya.

"Perkahwinan Melayu akan berlangsung minggu depan," kata lelaki tua itu. "Tetapi tiada siapa ingat cara menjalankannya dengan penuh adat. Majlis ini bukan sekadar sambutan, tetapi pengikat jiwa komuniti. Jika ia luput, kita kehilangan segala-galanya."

Mata tuanya berkaca-kaca. "Hanya engkau yang boleh menyelamatkan kami, Pengumpul Memori."

Langkah pertama Azra membawanya ke rumah Mak Siti, penyimpan bunga telur terkenal yang kini hampir lupa akan kerjaya hidupnya sendiri. Azra mencari kotak bunga telur lama di loteng rumahnya.

"Objek ini mempunyai kenangan kuat," bisik Azra sambil menyentuh bunga telur merah jambu yang masih elok walaupun usianya sudah setengah abad.

Dunia di sekelilingnya berputar. Kenangan muncul kuat. Suasana kenduri, bau harum nasi minyak, dan gelak tawa tetamu. Dia merasakan kehangatan komuniti, ikatan yang terjalin melalui perkongsian makanan dan kegembiraan.

Tetapi ketika membuka mata, Azra terkejut mendapati dirinya tidak lagi mengingat ulang tahun ke-12 miliknya sendiri. Hari istimewa ketika ayahnya masih hidup dan memberinya basikal merah. Gambaran itu kini kabur. Inilah harganya. Setiap memori kolektif yang dikumpul memerlukan pengorbanan memori peribadinya.

Sepanjang minggu, Azra mengumpulkan objek yang berkaitan dengan majlis perkahwinan pada zaman dahulu. Azra mengumpulkan cincin turun-temurun keluarga Pak Ali, dulang hantaran tujuh generasi keluarga Hassan dan songket neneknya. Dengan setiap memori yang dikumpulkan-memori sekolah rendah, kenangan kawan masa kecil, bahkan wajah ibunya semuanya muncul semula.

"Adakah ini berbaloi?" Azra bertanya kepada bayangnya di cermin. Wajahnya sama, tetapi dia merasa asing. "Jika aku terus kehilangan diriku, siapakah Azra yang akan tinggal?" Air matanya menitis. Di luar, cahaya bulan menyinari kampung yang terlalu senyap berbanding kenangan ceria yang dikumpulkannya.

Hari perkahwinan tiba. Rumah pengantin dihias dengan terperinci. Bunga telur tersusun rapi, dulang hantaran teratur cantik, dan nasi minyak harum dihidangkan. Kampung yang sunyi kini hidup dengan aktiviti.

Tetapi ketika tetamu berhimpun, Azra menyedari satu elemen penting masih hilang. Doa restu yang biasanya dipimpin oleh orang tua kampung. Tanpa doa tersebut, majlis kehilangan rohnya.



Azra tahu hanya ada satu cara untuk mendapatkan memori ini. Melalui kitab lama datuknya yang mengandung memori perkahwinan datuk dan neneknya.

Tangannya bergetar memegang kitab tua itu. Jika dia menggunakan kuasanya pada kitab ini, memori tentang identiti dirinya akan terhapus. Seluruh kenangan siapa dirinya akan lesap, digantikan memori kolektif tentang lafaz doa dan restu.

“Jika aku tidak lagi mengingat siapa diriku, apakah gunanya menyelamatkan tradisi ini?” bisiknya.

Tetapi dia teringat akan kata-kata Pak Hamid, “Kita bukan saja individu, kita ialah sebahagian rangkaian jiwa yang lebih besar.”

Azra memandang ke jendela, melihat wajah-wajah kampung yang mula memancarkan keceriaan. Dengan tangan bergetar tetapi hati teguh, dia membuka kitab dan meletakkan jarinya di atas halaman yang sudah menguning...

Majlis perkahwinan berlangsung meriah dengan tradisi yang telah lama dilupakan. Doa restu bergema daripada mulut Azra dengan penuh kekhusyukan. Tetamu menundukkan kepala, orang tua menangis teringatkan masa silam, sementara yang muda terpegun dengan keindahan tradisi yang baru ditemui semula.

Selepas majlis, Azra berdiri sendirian di tepi jendela. Dia tidak lagi mengingat siapa dirinya sebenarnya. Memori peribadinya telah lenyap seperti helaian kertas ditiup angin. Namun anehnya, dia tidak merasa kosong. Kekosongan hatinya telah dipenuhi oleh memori kolektif komuniti.

Di tangannya, dia menggenggam bunga telur merah jambu, tidak lagi sebagai pengumpul memori, tetapi sebagai memori itu sendiri. Sekarang Azra menjadi penjaga warisan yang hidup untuk sebuah komuniti yang kembali menemui jiwanya.

OMBAK SAMUDERA

Mohammed Ezra Anaqi Mohammed Ezrea
Institusi Raffles

10 Cerpen
Terbaik

Senja melabuhkan tirainya perlahan-lahan di ufuk barat. Sinar matahari Sang Suria menikam aku, pedih ibarat disengat lebah berkeliaran sarangnya. Panas bahangnya menusuk diriku, membakar diriku pada petang hari. Ombak samudera memukul bijiran pasir, memecah kesunyian di darat. Udara lengas tetap mencengkam tubuhku, sambil aku berdiri termenung di pantai Pulau Subar Laut. Maklumlah, memang inilah cuaca Singapura.

Aku berdiri termenung, diselindungi pelepah pokok kelapa muda kehijau-hijauan. Dalam genggamanku, dipegang loket antik berbentuk ombak yang tergantung di leher. Loket inilah satu-satunya peninggalan arwah Nenek Salmah. Sudah seminggu aku lihat wajahnya buat kali terakhir. Sukmaku masih sedu-sedan.

Aku Marina, berdarah kacukan — Melayu, Cina dan India. Sejak kecil, seringkali aku menyoal diriku. Apa bangsaku yang sebenar? Seolah-olah aku ini tidak cukup "Melayu," tidak cukup "Cina," dan juga tidak cukup "India." Di sekolah dahulu, sudah menjadi kebiasaan aku ditanya tentang asal usulku. Meskipun, aku ini anak watan Singapura, dilahirkan dan dibesarkan di Pulau Ujong.

"Mungkin sudah masa aku mendalami diriku yang sebenar... Nenek pun sudah tiada, buat apa aku masih terjaget di sini? Lagi baik kalau aku bawa nasib, lanjutkan pelajaranku di luar negara."

Alkisahnya, bukan sekadar mengejar ilmu, tetapi juga mencari diri.

Sesungguhnya selepas pemergian Nenek, aku ini mewarisi lebih daripada sekadar loket — aku sudah mewarisi satu warisan yang tidak difahami, dan satu wawasan identiti yang belum aku kenali.

"Jangan lupa darahmu berasal dari laut yang sama," pesan Nenek dalam surat terakhir yang dibaca pada malam itu.

Kalaulah Nenek masih di sini... Tidak perlulah aku terpinga-pinga mencari penjelasan.

Pada malam pertama aku memakai loket itu, aku bermimpi. Mimpi yang terasa terlalu nyata. Dua

orang gadis muda berpakaian tradisional berada di atas sebuah sampan kecil, saling berpelukan, dan tangisan mereka menyatu dengan bunyi petir dan angin kencang. Kemudian, ombak besar datang dan melanda sampan itu. Tubuh mereka tenggelam, namun tidak hilang — sebaliknya dua pulau muncul dari permukaan laut. Aku terjaga dengan jantung berdegup kencang dan terasa air masin di bibirku.

*Mesti tahan lasak, kuat berusaha
Cukup tatatertib, hormat orang tua
Barulah orang segan, hormat pada kita.*

Dalam dunia nyata, masalah lain melanda. Sebuah syarikat hartanah sedang mencadangkan projek resort mewah berhampiran Taman Laut Sisters' Islands. Bondaku, seorang ahli biologi marin, antara yang lantang membantah. Namun, penduduk sekitar berbelah bahagi — ada yang menyokong atas sebab iktisad, ada yang bimbang tentang alam sekitar, dan ada yang hanya diam kerana takut.

"Marina, Bonda akan keluar sekarang. Ada inisiatif membersihkan pantai di Sisters' Islands. Duduk diam dan jaga rumah semasa Bonda tiada, ya?" Bonda menyambar tombol pintu utama.

Diam.

"Oi, Marina!"

Tersedar aku daripada lamunan khayalku. Aku menoleh ke arah Bonda sejenak, lalu meneriak.

"Sisters' Islands? Bawa Marina sekali," aku meminta.

Selama ini aku tidak peduli, kerana tiada tujuan aku membuang masa menemani dan melayani kempennya. Senyum lebar terukir di pipi Bonda, melonjat kehairahan. Tidak pernah disangkanya, aku akan mengikuti beliau, menghadiri satu aktiviti gotong-royong membersihkan pantai.

*Jelajah samudera di atas kapal
Kapal berlayar berlalu pergi
Ikut ombak arus tekal
Demi mencari identiti diri.*

Jejak langkahku di pesisiran Pulau Subar Laut, seakan-akan memanggilku. Terserempak pula dengan wajah lama yang tidak dikenangi. Wajah ahli keluargaku, sepupuku, Dev — sudah lama tidak bertegur sapa sejak pergaduhan keluarga selepas perceraian ibu bapa mereka. Kami memang tidak rapat.

"Selamat datang, Dr Azlin. Besar hatinya saya dapat berjumpa dengan Puan lagi, selepas pertemuan kami di sini tahun lepas," sambut Uncle Lim, seorang sukarelawan Cina tua daripada persatuan penduduk.

"Ah, Dr, Azlin, sampai juga awak. Oh, dengan anaknya sekali? Dahulunya, sering kata dia tidak mahu mengikuti," bicaranya Encik Harun, seorang pekerja migran dari Indonesia yang sering membantu di pusat marin.

Segan-silunya aku untuk berbicara dengan mereka. Penyokong karib Bondaku, tetapi sekadar orang yang aku tidak kenali.

"Ayuh, marilah kita mulakan acara kita yang penuh makna dan manfaat. Jom!" gempita Bondaku menyemarakkan lagi api semangat mereka yang hadir di situ. Aku turut ikut serta.

Pejam-celik, pulau ini yang terletak di selatan tanah besar Singapura sudah habis dibersihkan. Setiap botol plastik dikutip, tumbuhan dipetik dan bangku duduk digilap. Semuanya hasil kami bersatu.

Cuaca tiba-tiba berubah — langit menjadi gelap dan hujan turun lebat. Terkandaslah kami di pulau itu apabila bot terpaksa dihentikan kerana ribut kuat.

Dalam kekalutan itu, aku hilang arah dan terpisah seketika daripada yang lain. Di bawah naungan pokok bakau, muncul lagi bayangan dua gadis yang tenggelam — wajah mereka kini lebih jelas. Salah seorang kelihatan seperti... aku? Tangan mereka saling menggenggam, mata penuh air mata, tetapi mereka tidak kelihatan takut — seolah-olah mereka tahu pengorbanan itu ialah lambang cinta yang terakhir.

"Kami bersaudara, dan laut menyatukan kami selama-lamanya," bisik suara daripada bayangan itu.

Aku menoleh ke belakangku. Kosong. Kiri dan kananku pula? Kosong juga. Memang halimunanakah ini?

"Marina, kami bersaudara, akhirnya dapat juga bersatu dengan anakku," ulang suara ghaib itu lagi.

Tangisan air mata mula melimpah membuak-buak — bukan kerana takut, tetapi kerana buat pertama kali dalam hidupku, aku faham akan sesuatu. Keluarga bukan hanya tentang darah. Bahkan, adalah tentang kesetiaan, pengorbanan, dan kasih sayang yang melangkaui sempadan bahasa dan budaya.

"Inilah pesanan Nenek dan loket ombak yang diberikan..."

Jam demi jam berlalu dan akhirnya, ribut reda.

"Oh, Marina! Ke manakah Marina pergi? Risau Bonda. Bonda cuba mencari Marina tetapi Bonda tidak jumpa Marina," Bonda berlari lalu mendakap aku, seakan sudah lama kami tidak berjumpa.

*Jelajah samudera di atas kapal
Kapal berlayar berlalu pergi
Ikut ombak arus tekal
Demi mencari identiti diri.*

Aku, bersama sepupuku Dev, Encik Harun dan Pak Cik Lim, kembali ke tanah besar dengan hati yang berubah. Seakan-akan aku sudah dikurniakan dan dianugerahi ilmu tentang diriku. Dengan pemahaman yang baharu, aku mencadangkan sesuatu kepada Bonda ...

"Bonda, Marina tahu ini sangat mendadak tetapi apa kata kita anjurkan satu acara masyarakat? Festival Ombak. Satu-satunya perayaan lintas budaya untuk meraikan sejarah maritim, warisan pulau, dan perpaduan rakyat Singapura," aku menepuk bahunya dengan lembut.

"Bonda tidak akan menolak apa-apa cadangan anak Bonda. Baiklah, hari ini juga kita mula."

Festival itu menjadi kenyataan. Warga pelbagai kaum hadir — pelajar, penduduk tempatan, pekerja asing, dan pelancong. Ada persembahan kebudayaan, gerai makanan daripada pelbagai etnik, dan program pendidikan tentang kehidupan



laut. Lebih penting, acara itu dapat dijadikan satu wahana untuk menyatukan suara rakyat.

*Begitu hidup kita, hidup sama-sama
Barulah kita bangsa, Orang Singapura.*

“Legenda dua saudara yang menjadi pulau bukan sekadar cerita lama. Cerita rakyat tempatan yang mengajar kita bahawa cinta dan pengorbanan membina tanah ini. Kita mungkin berbeza, tetapi kita ialah ombak yang sama — membawa cerita, harapan, dan semangat untuk Singapura,” aku berdiri di hadapan khalayak ramai untuk ucapanku.

Aku tidak lagi ingin meninggalkan Singapura. Aku akan tinggal, belajar dan berkhidmat bersama Bonda di pusat marin, mendidik generasi muda tentang cinta pada alam dan pentingnya perpaduan.

Pulau itu kekal. Ombak tetap datang dan pergi. Tapi kini, setiap ombak yang memukul pantai membawa janji — bahawa selama hati-hati rakyat Singapura bersatu, kita tidak akan tenggelam, sebaliknya akan terus timbul, bersama.

*Barulah kita bangsa, Orang Singapura
Bersungguh sampai jaya, jangan pura-pura.*

“Kita tidak hanya mendiami tanah ini — kita ialah denyut nadinya. Kita bukan hanya pulau yang terpisah, kita ialah jambatan yang menghubungkan harapan,” Nenek Salmah mengakhiri coretannya dalam surat terakhirnya pada malam itu.

AKAR UMBI ORANG SINGAPURA

Ahmad Hakimi Idraki Ramli

Maktab Rendah Yishun Innova

"Sungai Singapura... bersih."

Aku mengeluh. Itulah kali keempat Tok Adi mengulang ayat yang sama pada pagi ini sambil merenung ke luar tingkap. Tiada sungai pun di sini. Hanya longkang besar yang airnya kadang-kadang naik apabila hujan membasahi bumi dengan lebat.

"Tok Adi, itu cerita dulu. Sekarang semua sudah lain," kataku sambil menyimpan buku teks Sejarah dalam beg galasku.

Namun, Tok Adi hanya memberikan respons dengan ketawa kecil, suaranya serak dek usianya yang sudah lanjut, "Dulu, air sungai pun boleh diminum, tau?"

Aku tidak menjawab soalan itu. Ada pelbagai lagi kerja rumah yang perlu diselesaikan pada malam ini juga. Esok, aku perlu menghantar esei yang amat panjang untuk topik tentang Nilai dalam Tindakan (VIA), menulis dan merakam refleksi untuk acara pergaulan antara kaum di sekolah, dan yang paling mengesankan — aku dipilih oleh guru sasteraku untuk menyampaikan ucapan Hari Kebangsaan di Kelab Masyarakat yang berdekatan dengan sekolah kami. Secara kebetulan, kelab itu berdekatan dengan rumahku. Tema pada tahun ini ialah: 'Identiti Kita Sebagai Anak Watan Singapura.'

Aku merupakan pelajar terbaik untuk subjek Sejarah dan Pengajian Sosial. Namun, sejujur-jujurnya — aku masih belum dapat memahami dan menghayati makna sebenar di sebalik menjadi 'Orang Singapura'.

Tok Adi merupakan penjaga aku dari kecil lagi. Sewaktu aku kecil, dialah yang telah mendodoi aku apabila ibu ayahku sibuk untuk menyelesaikan tugas di tempat kerja masing-masing hingga lewat. Lagu yang selalu dinyanyikannya? Lagu yang amat pelik dan usang. Ia dinyanyikan dengan suara yang dalam. Aku hanya boleh mengingat sebaris ayat daripada lagu itu sahaja:

"Kalau sudah jadi Orang Singapura..."

Semasa aku masih kecil lagi, aku menganggap bahawa lagu tersebut khusus buat kanak-kanak. Namun, semakin usia aku meningkat, aku mula sedar bahawa lagu itu mengandungi makna yang lebih mendalam di sebalik liriknya yang padat dan meriah.

Aku pernah tanya Tok Adi semasa aku masih kecil dahulu, "Apa maksud jadi orang Singapura itu sebenarnya?"

Dia mengukirkan senyuman sambil menjawab, "Maksud itu datang daripada pengalaman dan bukan nota peperiksaan."

Esok aku akan menyampaikan ucapanku. Waktu sudah hampir pukul 11 malam. Namun, aku masih cuba memerah otak untuk menyiapkan ucapan yang akan disampaikan. Aku buntu. Untuk memburukkan lagi keadaan, pelbagai soalan mula timbul di benak pikiranku. Kenapa kita mesti berusaha dengan gigih untuk menjaga identiti kita? Kenapa kita mesti mengikut jadual, menghadirkan diri untuk program seperti Nilai dalam Tindakan dan seumpamanya? Tidak bolehkah kita hidup seperti biasa-biasa sahaja?

Tanpa membuang masa, aku pun menghampiri Tok Adi di ruang tamu. Tok Adi sedang membelek-belek pingatnya yang usang dan lencana lama semasa dia berbakti sebagai seorang prajurit dalam Angkatan Tentera Singapura (SAF).

"Tok, susah sangat ke kehidupan pada zaman dulu?"

Atuk tersenyum. Tangannya menggeletar sedikit dek penyakit yang dihadapi. "Dulu kita semua hidup bersama-sama. Susah pun bersama-sama. Semua ikhlas membantu antara satu sama yang lain. Kalau satu orang yang curi tulang, semua akan merana."

Aku diam.

Kemudian, perlahan-lahan, dia nyanyikan rangkap lagu itu lagi. Suaranya bergetar, matanya dipejam.

“Bersungguh sampai jaya, jangan pura-pura...”

Aku dapat merasakan dadaku bergetar. Kali ini aku sudah faham.

Aku berdiri di atas pentas kecil, dalam dewan yang penuh dengan jiran-jiran dan sanak-saudara. Daripada suri rumah hingga ke bekas prajurit yang telah bersara. Daripada budak kecil hingga ke pembersih jalanan. Atuk duduk di kerusi rodanya di barisan yang paling depan dan dekat dengan pentas kecil itu.

Aku membuka mulut, namun kata-kata yang keluar bukanlah yang aku tulis pada malam semalam.

“Saya dahulu berfikir bahawa untuk menjadi Orang Singapura yang benar adalah untuk mengikuti peraturan dan mendapat markah yang cemerlang untuk peperiksaan. Namun, sekarang saya tahu bahawa ia lebih daripada itu. Ia ialah siapa kita sebenarnya, saat tiada mata yang memandang. Ia tentang nenek yang tetap menyapu kawasan kolong blok walaupun itu bukan tugasnya. Ia juga tentang bagaimana kita boleh tahan lasak serta terus bangkit walaupun diuji dengan pelbagai cabaran — demi keluarga, masyarakat, dan negara. Ia juga tentang hormat-menghormati mereka yang lebih tua daripada kita. Ia juga tentang bagaimana untuk hidup bersama-sama, walaupun berbeza bahasa, bangsa, agama dan ras.”

Aku melihat Atuk. Dia tersenyum sambil mengangkat tangan dengan perlahan untuk menabik kepada aku. Aku hampir menitiskan air mata.

“Dan hanya apabila kita benar-benar bersungguh-sungguh berusaha dengan gigih sampai menggapai kejayaan, barulah kita layak digelar sebagai rakyat yang dipercayai, rakyat yang dihormati. Barulah kita layak menerima gelaran sebagai Orang Singapura.”

Semua orang yang menghadiri acara tersebut berdiri secara perlahan. Tepukan sederhana diberikan. Apabila aku sampai ke penghujung ucapan, pengerusi majlis menekan butang rakaman.

Lagu kebangsaan Singapura, “Majulah Singapura” mula berkumandang.

Pada hari itu, aku sedar satu perkara bahawa ide titi tidak tertera ataupun didapati di mana-mana buku. Sebaliknya, ia terletak dalam akar umbi masyarakat Orang Singapura. Daripada mulut Tok Adi sendiri, akhirnya aku menemui dan memahami maksud yang sebenar di sebalik menjadi Orang Singapura.

SEHATI, SEKAMPUNG

Zuhur Mohamad Nabil Baroudi

Maktab Rendah Tampines Meridian

"Keluarga Bakhtiar, sila ke pelamin untuk mengambil gambar dengan pengantin," pengacara itu membuat pengumuman.

"Seterusnya, keluarga Rosidi. Sila naik ke atas pelamin untuk mengambil gambar."

"Baiklah, keluarga Chen pula dijemput ke pelamin."

"Keluarga Ganapathy kini boleh siap sedia untuk naik sebentar lagi."

"Jiran-jiran rapat..."

Pasti senarai pengacara masih panjang lagi. Alangkah bertuahnyaku mempunyai 'masalah' seperti ini. Aku berbisik di dalam hati. 'Masalah sakit pipi' kerana ramai sekali tetamu majlis berada di sisiku. Rasanya seperti sudah berjam-jam aku tersenyum. Tidak sangka pula bahawa satu kampung akan datang! Namun begitu, mereka memang selalu begini—bersemangat dalam menyokong di antara satu sama lain.

"Allahu Akhbar, Allahu Akhbar. Ashhadu Allah Ilaha Illallah."

Sepuluh bulan berlalu dengan sekelip mata. Tuhan telah memberi aku rezeki yang paling murni dalam bentuk zuriat. Kini, suasana aman tetapi ceria apabila ibu, datuk dan nenekku serta keluarga Harris semua bersedia untuk mengalu-alukan ahli baharu dalam keluarga. Susah-payah keluarga suamiku datang dari jauh, Sabah. Aku menoleh ke arah Ibu dan melihat air matanya berlinang. Kemudian setitis air mata mengalir di pipinya. Kepalaku berpusing melihat ke arah yang sedang dilihat Ibu. Seperti terdapat cahaya seterang matahari yang datang dari sudut bilik. Ternyata, nyawa baharu yang telah dibawa ke alam ini sedang digendong suamiku. Agaknya adegan ini mengingatkan Ibu tentang arwah Ayah menggendong dan mengazankan aku ketika aku baru dilahirkan. Agaknya kedatangan si kecil ini mengingatkan Ibu tentang kehilangan nyawa. Agaknya tiada sesaat pun Ayah lenyap daripada ingatan Ibu walaupun sudah tiga belas tahun berlalu.

Ibu mengelap titisan air matanya lalu memberikan senyuman manis seperti madu. Dia mencadangkan aku mengadakan majlis cukur rambut tujuh hari kemudian. Katanya, ini cara orang Melayu memperkenalkan dan mendapatkan berkat buat bayi yang baru dilahirkan. Keluarga Harris akan terbang pulang ke Sabah tetapi Ibu menawarkan diri untuk membantu aku. Jarang benar Ibu dapat mengambil cuti kerana sering sibuk menguruskan gerai kuihnya. Selama ini, Harris menjaga aku sahaja waktu hamil. Sekarang, tanggungjawabnya lebih berat dengan menjaga aku dan bayi kami. Aku berdoa agar semua urusan akan berjalan lancar.

Bibir-bibir menguntum senyuman, mata-mata bersinar kasih, dan kata-kata pujian asyik diberikan kepada si kecil. Para tetamu teruja untuk bertemu dengan permata hati yang baru mengenal dunia. Bau harum masakan rendang yang dihidang dapat dihidu semua. Tidak lama lagi, kami akan mengadakan majlis cukur rambut anakku. Ramai yang hadir di majlis perkahwinanku kini berada di sini lagi. Aku amat menghargai kehadiran dan sokongan mereka dalam pelbagai pencapaian penting dalam hidupku. Sebaik-baik sahaja kami ingin bermula, aku sedar bahawa Harris tidak berada di ruang tamu bersama kami semua.

"Dengar-dengar macam serius, Tuan. Kes apa ini? Tetapi susah sikit Tuan, keluarga baru sahaja berkembang. Huh? Ganjaran? Bagi saya masa untuk fikirkan."

Aku curi-curi dengar perbualan suamiku di telefon dari balik pintu. Apa-apa pun, pasti dia akan memberitahu aku cerita sebenarnya. Aku kembali ke ruang tamu dan menjemput tetamu untuk minum dahulu supaya Harris boleh menyertai kami sebentar lagi. Ada yang sedang bermain-main dan bermanja-manja dengan si bayi. Selebihnya majlis berlangsung dengan suasana meriah yang penuh dengan gelak tawa. Tiada sangsi bahawa pengalaman ini sangat bermakna dan akan diingati setiap yang hadir.

Pada keesokan harinya, Harris bergegas ke balai polis untuk suatu hal penting. Rupa-rupanya, seorang perempuan telah dibunuh dan pasukan polis yang menyiasat kes ini akan diberikan bayaran bonus. Jika Haris perlu bekerja lembur, aku akan bersendirian. Tetapi Datuk dan Nenek boleh membantu sekali-sekala kerana usia yang menghalang. Ibu pula sibuk meniaga. Aku harus mencari jalan untuk menguruskan bayiku.

Hari demi hari, Harris semakin jarang di rumah. Aku mula berasa terhimpit dek tekanan. Tangisan bayi yang tiada henti. Rumah berselerak seperti tongkang pecah. Pakaian kotor di dalam bakul semakin menimbun. Badan melekit kerana tidak sempat mandi. Terdengar tangisan lagi.

"DIAM!!!!" aku melemparkan cawan seramik hijau ke lantai.

Pintu rumahku diketuk dengan segera. Bunyi cawan berderai boleh didengari keluarga Rosidi dan keluarga Chen dari luar rumah. Mereka telah merancang untuk menziarahi aku kerana ingin menjenguk aku dan bayiku. Sikap prihatin jiran-jiran sekampungku membuat aku sungguh tersentuh hingga tidak dapat menahan air mata. Tanpa berlengah, aku berlari memeluk Mak Zati, isteri Pak Rosidi dan menangis teresak-esak.

"Saya bukan emak yang kejam! Saya cuma tidak boleh menanggung semuanya sendiri," aku meluahkan isi hatiku.

Pak Rosidi bersuara, "Mengapa Zarina tidak meminta bantuan? Kami boleh sahaja membantu. Kami ada, Zarina!"

Tidak terlintas pula di fikiranku untuk meminta tolong. Sejak itu, jiran-jiran kampung kerap datang ke rumah. Ada yang membantu menyapu rumahku. Mereka membersihkan segala habuk dan serpihan di bilik-bilik yang telah aku abaikan. Ada yang mencuci serta menjemur baju di dalam bakul yang penuh itu. Yang lain pula mengemas bilik, melipat baju dan mencuci pinggan mangkuk.

Mak Zati duduk di sebelah aku dan menyuruh aku baring. Dia menaikkan baju aku yang lusuh lalu menyapu minyak di badanku.

"Rehat sahaja Nak, jangan pandang remeh akan kesihatan selepas bersalin.

Biar sahaja kami tolong," Mak Zati mengurut badanku yang lesu. Kemudian aku bertungku.

Pada ketika itu, rumah aku yang dahulunya kelam kini mula terang. Bantuan orang kampung telah memberi aku ketenangan jiwa dan minda. Aku boleh menumpukan lebih perhatian terhadap anak kesayanganku dan melayan serta menjaga dia dengan lebih baik. Sudah lama dadaku tidak merasa ringan dan fikiranku tidak lagi kalut. Aku terhutang budi kepada jiran-jiranku 'Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti. Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati'. Mereka bukan sekadar membantu, tetapi memulihkan semangat aku yang hampir runtuh.

"Sayang, Abang sudah belikan bahan-bahan masak yang Mak Tun sarankan. Mari Abang hantar Sayang ke rumahnya," Tuan Ganapathy bersuara mesra kepada isterinya.

Tuan Ganapathy sangat prihatin dalam memastikan semua bahan yang dibelinya adalah halal. Isterinya, Puan Ganapathy, ingin belajar memasak makanan berkhasiat untuk ibu yang dalam pantang. Mak Tun pula berbesar hati untuk mengajar dia di rumahnya. Mereka telah memasak lauk ikan bakar kunyit dan menyediakan air rebusan herba daripada pati bunga ros untuk aku. Baik benar hati jiran-jiran aku. Aku terasa seperti dijaga oleh satu keluarga besar, satu komuniti yang tidak membiarkan aku seorang diri dalam kesusahan.

Sesungguhnya aku amat bersyukur melihat semangat gotong-royong orang-orang sekeliling terhadap diriku. Persamaan dapat dilihat dalam semangat kekitaan yang bermula daripada perkahwinan aku dan seterusnya kelahiran anakku. Semua yang berlaku menonjolkan semangat kekitaan. Aku kagum melihat bagaimana manusia boleh bersatu walaupun berlainan agama dan bangsa. Sesungguhnya, muafakat membawa berkat.

SYAWAL NAN SYAHDU

Muhammad Iqmal Marican
Maktab Rendah Tampines Meridian

"Syameer, jaga Ibu dengan baik apabila Ayah di Jepun nanti, ya", nasihatku kepada anakku.

Namaku Szali. Usiaku tiga puluh tahun. Aku berkhidmat sebagai seorang ahli bomba di balai bomba Tampines. Pada pagi Sabtu yang lalu, aku diarahkan untuk ke Jepun bagi sebuah misi keselamatan mangsa gempa bumi di sana. Hatiku sayu tatkala terdengar berita tersebut. Tahun ini merupakan Syawal yang aku nanti-nantikan untuk meraikannya bersama ahli keluargaku. Sudah dua tahun aku tidak dapat bersama mereka pada Aidilfitri yang mulia, kerana bertugas di luar negara.

Lambaian terakhirku di Lapangan Terbang Changi merupakan sebuah detik yang paling pahit untuk direnungi. Aku tidak pernah merasakan perasaan gelisah dan ketidakselesaan yang begitu rencam sekali. Ketika di dalam pesawat, aku memandang bangunan-bangunan di bawah yang kelihatan semakin kecil, ibarat semangatku yang semakin menipis.

Setibanya kami di Shikoku, Jepun, tempat terjadinya gempa bumi itu, udara dingin bak salju menyambut kedatangan kami. Namun, suasana pilu dan kehancuran yang menyelubungi kawasan gempa itu lebih membuatkan aku terkesan. Kami dijemput oleh beberapa orang ahli bomba yang akan bekerjasama dengan kami untuk misi keselamatan tersebut. Dalam perjalanan kami ke pusat keselamatan itu, aku sempat berkenalan dengan seorang ahli bomba Jepun bernama Takashi. Dia merupakan seorang anggota bomba yang akan mengetuai misi keselamatan di sana. Dia menceritakan bahawa terdapat ramai mangsa yang telah terkorban akibat gempa bumi tersebut yang telah meragut banyak nyawa penduduk di situ.

"Szali, saya sebenarnya sangat kagum dengan semangat orang-orang Singapura yang sanggup menghulurkan bantuan dalam jangka masa yang singkat. Saya faham bahawa ramai daripada kamu yang dihantar ke sini akan menyambut hari raya. Malangnya, kamu terpaksa berjauhan dari keluarga pada hari bahagia ini. Saya dan semua orang Jepun terhutang budi dengan pengorbanan kamu

semua," kata Takashi yang berkocak matanya dengan air jernih bak mutiara.

Hatiku juga tersentuh mendengar kata-kata Takashi. Sebaik-baik sahaja kami melangkah ke pusat keselamatan tersebut, kami berehat seketika sebelum menuju ke kawasan yang teruk terjejas oleh gempa bumi itu.

Ketika kami sedang menyelongkar kawasan runtuh yang merupakan sebuah pusat membeli-belah, aku terdengar suara budak yang menjerit meminta pertolongan daripada puing-puing yang berselerakan.

"Tttooloong saya...".

Tanpa membuang masa, aku dan Takashi terus cuba menggali runtuh tersebut seperti menghela rambut dari tepung; rambut jangan putus, tepung jangan bersekar, supaya kami tidak mencederakan budak tersebut. Akhirnya, setelah dua jam berlalu, kami berjaya menyelamatkan seorang budak lelaki yang berusia 10 tahun. Namanya, Kenji. Badannya berlumuran debu. Ketika aku mengangkatnya untuk dimasukkan ke dalam ambulans, tiba-tiba dia bersuara dengan kata-kata yang hampir tidak kedengaran, "Arigato, ojisan".

Saat itu, semua kerisauan aku tentang keluargaku di Singapura tiba-tiba punah. Aku mengerti, di sinilah aku diperlukan sekarang. Hari-hari berikutnya, aku dan Takashi menjadi akrab. Dia selalu bertanya tentang kehidupan di Singapura dan juga keluargaku. Aku memberitahunya walaupun berat hatiku ini untuk meninggalkan keluargaku lebih-lebih lagi pada bulan yang mulia ini. Namun, aku tidak menyesal walau sesaat pun berada di situ demi menabur bakti, membantu insan-insan yang memerlukan bantuan. Takashi memandang aku dengan penuh penghargaan.

Satu Syawal akhirnya menjelang. Namun, aku menyambutnya tanpa berbaju Melayu atau juadah raya. Hanya kedengaran sayup-sayup takbir bergema dari telefon bimbitku, memecah keheningan malam. Pada Syawal nan syahdu itu, hatiku

Sesungguhnya, inilah kemenangan yang hakiki buat diriku.

MIMPI INDAH

Nur Aleeya Rahmad
Institut Millenia

Malam itu bukanlah malam yang aneh bagi Irfan. Seperti biasa, matanya kembali terbeliak, merenung ruang kosong; hanya petikan jam di dinding yang kedengaran. Setiap kali matanya terpejam, ribuan suara dalam kepala bangkit mengganggu dan igauan malamnya bermula. Dia teringat akan suara bosnya yang berleter sepanjang hari dan kerja di pejabat yang bertimbun-timbun. Kadang-kadang dia berjaya melelapkan mata selama dua hingga tiga jam, tetapi hari-hari yang berikutnya dia langsung tidak dapat tidur.

"Insomnia. Jika tidak dirawat, kamu boleh mati akibat kurang tidur," kata-kata dokternya terngiang-ngiang di fikiran.

Irfan mengeluh tanda lelah. Dia bangkit dari katilnya dan menyarung jaket hitam miliknya. Angin malam menyapa pipinya saat dia melangkah keluar daripada pintu rumah.

Rintik-rintik hujan membasahi bajunya dan berhenti saat dia masuk ke sebuah kedai runcit berdekatan dengan bloknya. Lampu di dalam samar-samar. Di belakang kaunter berdiri seorang lelaki yang sebaya dengannya, matanya bersinar saat melihat Irfan melangkah masuk, seolah-olah sedang menunggu jejak itu.

"Kau sukar untuk tidur?" Sapa pekerja lelaki yang bernama Haziq itu.

Irfan hanya mengangguk kecil dan mengeluarkan sebotol minuman tenaga lalu meletakkannya di kaunter. Haziq kelihatan sedang membongkar sesuatu daripada belakang kaunter. Pada akhir pencariannya, sebuah botol kecil dikeluarkan. Di dalamnya, terdapat beberapa biji pil putih bulat.

"Ambil satu sebelum tidur. Pasti kau akan lena, tapi jangan terlalu lama," pekerja itu berkata.

Irfan berasa musykil tetapi tetap membayar tanpa banyak soal. Dia sanggup mempercayai kata-kata lelaki itu jika ia bermakna yang dia dapat tidur pada malam itu.

Tanpa dijangka, buat kali pertama dalam beberapa bulan, Irfan dapat melelapkan mata dengan lena setelah menelan sebiji pil misteri itu. Apabila Irfan

membuka kelopak matanya, dia sedar bahawa dia tidak berada di biliknya lagi. Dia sedang berdiri di tengah sebuah hutan yang dirasakan amat asing baginya. Hutan itu seolah-olah sama seperti yang diceritakan dalam dongeng lama. Langit biru lembut terbentang luas, pokok-pokok menjulang tinggi dan burung-burung juga berkicauan merdu. Di hadapannya terhampar sebuah tasik jernih. Pohon-pohon hijau melambai seolah-olah menyambut kedatangannya. Tanahnya lembut, harum dengan bau dedaunan segar.

Di tengah-tengah keindahan itu, terdiri seorang wanita berpakaian putih, rambutnya mengurai panjang dan wajahnya berseri-seri. Wanita tersebut memaparkan satu senyuman mesra terhadap Irfan, seolah-olah sudah lama mengenalinya. Dengan perlahan, dia mendekati jejak yang masih terpaku melihat keindahan dunia itu.

"Aku Liana, sudah lama aku menunggukan kau, Irfan," suaranya ibarat alunan muzik yang bergema dalam dada. Pelbagai pertanyaan menikam-nikam kotak fikiran lelaki itu. Namun, mulutnya terkunci dan dia hanya mampu mengamati sekitarnya sekarang.

Pada hari itu, mereka berdua berjalan beriringan sambil menyusuri tasik. Perbualan dikongsi, dan kehadiran wanita itu membuat Irfan senang hati. Dia ketawa mendengar gelagat Liana, sesuatu yang sudah lama tidak dilakukannya. Hatinya terasa ringan dan beban-bebannya seperti sudah dilupakan dalam belaian kehijauan itu.

Pada malam-malam selepas itu, rutin Irfan tidak berubah. Dia akan menelan sebiji pil, kadangkala dua, dan kembali ke dunia yang sama. Hutan itu tidak pernah berubah keindahannya. Begitu juga dengan hubungan rapatnya dengan Liana. Kadangkala mereka akan melintasi padang rumput berbunga, menari di bawah hujan yang turun sejuk dari langit syurga, bermain di buaian hutan itu yang sudah disediakan untuk mereka.

Pada malam kelapan, Irfan menelan sebiji pil misteri itu seperti biasa. Namun, bila dia membuka matanya, langit di alam mimpi itu berubah menjadi mendung. Angin bertiup kencang dan tasik yang jernih itu mula berombak. Bunga-bunga dan

tanaman yang lain mula layu dan burung-burung tidak lagi berkicauan. Mata Irfan liar mencari Liana. Liana sedang berdiri di pinggir tasik, wajahnya lesu dan matanya merah. Dengan pantas lelaki itu berlari ke arahnya, risau melihat rakan baiknya dalam keadaan begitu lelah.

"Irfan, kau harus berhenti. Berhenti datang ke sini!" teriak gadis itu.

"Kenapa? Dunia ini jauh lebih indah. Aku tidak mahu kembali ke sana, biarlah aku berada di sini, di samping kau," suaranya kedengaran seakan-akan ketakutan. Dia bertekad untuk menghuni alam ini, meskipun ia hanya sebuah mimpi. Dunia itu terlalu indah. Semua masalahnya lenyap saat dia membuka mata dan berada di hutan yang seakan-akan taman syurga buatnya.

"Dunia ini hanya mimpikau, Irfan. Jika kau terus kekal di sini, kau akan mati. Aku tidak sanggup melihat kau mat.,"

Irfan masih tidak yakin dengan kata-kata temannya. Liana tahu bahawa dia tidak akan dapat mengubah fikiran lelaki itu.

Liana menggenggam tangannya erat. "Kau hanya datang ke sini untuk mencari ketenangan, aku pasti kau boleh mencarinya di duniakau yang sebenar. Kau tidak boleh kekal di sini." kini titisan air mata mengalir daripada dua insan itu.

Irfan tahu bahawa kata-kata gadis itu benar. Dia tidak mahu mati, tetapi dia juga tidak mahu meninggalkan satu-satunya tempat yang membahagiakannya. Buat kali terakhir, Irfan memeluk Liana erat. Langit yang mendung berubah menjadi gelap sepenuhnya. Pokok-pokok di sekelilingnya menghayun perlahan ke arah Irfan, seolah-olah melambai buat kali terakhir.

Irfan membuka matanya yang terasa berat. Bekas air mata jelas tercalit di pipinya. Matanya beralih ke arah botol kecil di atas meja. Tangannya mencapai botol tersebut dengan perlahan. Wajah Liana dan suasana damai hutan itu kembali di ingatan. Dia menarik nafas panjang. Irfan bangkit dan menuju ke dapur. Penutup botol itu dibuka dan pil-pil yang mengisinya dituangkan ke dalam sinki. Dia memperhatikan suasana di luar tingkap dapurnya. Cahaya pagi memeluk tubuhnya lembut. Dia memberanikan diri untuk membuka tingkap. Hirupan udara pagi itu terasa berbeza. Dia melihat pohon-pohon hijau dan bunga yang

mekar menghiasi lakaran di luar. Hatinya terasa damai, tetapi tidak sama seperti yang dirasakan dalam mimpinya setiap malam.

Dunia realitinya tidak sempurna. Namun, Irfan akan cuba untuk mencari keindahan yang sama seperti alam mimpinya kerana dia tahu bahawa keindahan dan ketenangan masih dijanjikan sekitaran yang hijau dan aman damai, jika dia mencarinya dengan teliti. Timbul jauh di benaknya kesedaran bahawa kehidupan moden ini penuh dengan ranjau dan duri; namun, keindahan alam ciptaan Illahi dapat dijadikan pembakar dian baginya untuk terus menerjah kehidupan.

MENCINTAI BUMI

Julfa Ardhani Wisnumurti
Institusi Raffles

Langit biru membentang luas bak kanvas yang dilukis oleh sang Maha Kuasa. Awan-awan putih jernih berarak perlahan, seolah sedang menari mengikuti alunan alam yang sayup terdengar dari kejauhan. Di antara celah-celah pohon, cahaya mentari menari di atas permukaan daratan. Udara pada pagi itu harum dengan bau tanah yang masih bersisa embun, seakan-akan bumi sendiri sedang bangun daripada lenaannya.

Datanglah Mala, seorang mahasiswa jurusan Kelestarian Lingkungan dari Universiti Nasional Dunia (UND), hadir ke sebuah desa terpencil bernama desa Bumihangus. Dia berkunjung dengan niat untuk menjalani program Kuliah Kerja Nyata (KKN) selama satu setengah bulan, sebuah program yang mewajibkan mahasiswa-mahasiswa UND untuk tinggal bersama masyarakat di desa-desa yang terpilih. Program ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada mahasiswa melakukan kerja bakti lingkungan sebagai satu bentuk pengabdian dan sumbangan kepada masyarakat.

Pertama kalinya Mala menjejakkan kaki ke Bumihangus, hatinya bercampur-aduk. Mala terpegun melihat keindahan desa itu dari jauh. Wujud bukit yang hijau seolah-olah berselimutkan baldi alam. Sawah luas terbentang bagai permaidani yang dijahit dengan benang alam. Suara burung-burung berkicauan menari di telinga seperti sebuah simfoni pagi. Pohon-pohon hijau melambai mesra diiringi oleh bisikan angin, seolah-olah menantikan kedatangan Mala.

Namun di sebalik keindahan tersebut, tersembunyi sebuah realiti yang mengerikan. Apabila Mala semakin dekat dengan desa Bumihangus, pemandangan yang ngeri malah menyapanya. Hutan-hutan sekeliling desa telah banyak lenyap, ditebang tanpa belas kasih hingga tidak tersisa meninggalkan tanah botak yang terdedah kepada angin dan panas terik matahari. Sungai yang semestinya dulu jernih kini keruh dan sukar mengalir, tersumbat oleh sampah-sampah seperti plastik, bekas makanan, sisa manusia dan barangan terpakai. Bau busuk menyelina di antara desir angin, menjadi saksi bisu kepada kerosakan yang telah berlaku. Alam sedang merintih meminta pertolongan, namun tiada siapa pun yang mendengarnya. Hari

demis hari berlalu, dan Mala mula mengenal warga desa satu per satu. Mereka semua memang baik hati, mesra, dan tidak pelit membantu. Tetapi, gaya hidup mereka sudah terlalu terikat dengan cara yang tidak mesra alam. Mereka menebang pokok secara membabi-buta, membuang sampah ke sungai, dan membakar sisa tanaman hingga asap tebal mengelilingi desa setiap petang. Mala tahu perubahan tidak akan datang dengan sendirinya. Ia mesti bergegas melakukan sesuatu.

"Encik Asep," tegur Mala suatu pagi ketika melihat kepala desa, seorang warga emas, sedang menemani lelaki separuh baya menebang sebatang pokok yang masih tegap berdiri, "Mengapakah pokok ini yang ditebang? Lihatlah, ia masih sihat dan besar." Encik Asep menyeka peluh dari dahinya. "Nak Mala, kami perlukan kayu untuk bina infrastruktur, juga sebagai bahan bakar untuk memasak. Kayu ialah sumber semula jadi yang sangat penting bagi desa ini. Kalau pokok tak kami tebang, nak guna apa lagi?"

Mala mengangguk perlahan, cuba memahami.

"Tapi Encik, kalau semua ditebang, nanti tiada lagi yang tersisa untuk anak cucu. Tanah pun boleh jadi gersang."

Encik Asep hanya tersenyum tawar, tidak menunjukkan sedikit pun rasa bersalah.

"Itu bukan urusan kami, Nak. Kami tidak peduli. Urusan cucu ialah urusan masa hadapan. Kami hanya perlu buat apa yang nenek moyang sudah buat semenjak lama dahulu."

Mala menarik nafas panjang, memandang ke arah sungai yang terletak tidak jauh dari situ. Airnya hampir tidak mengalir, dipenuhi plastik dan sisa buangan.

"Dan juga sampah itu Encik. Kenapakah harus dibuang ke sungai? Sungai itu nadi desa. Kalau dikotori, kita juga yang rugi nanti!"

Seorang warga yang kebetulan berlalu, Cik Lola, kemudian menyahut Mala sambil membawa bakul rotan penuh dengan bahan-bahan dapur.

"Ala, Mala. Alam ini kan pandai jaga diri. Saat hujan turun, air akan jalan, semua akan bersih kembali. Tidak usah risau sangat. Dari dulu pun sudah seperti itu. Kita ikuti sahaja kehendak alam!"

Mala menggeleng perlahan dengan penuh kekecewaan.

"Ya, alam memang kuat. Tapi kalau kita sakiti setiap hari, lama-lama dia pun akan letih. Apabila dia berhenti beri kita nafas, air bersih, dan makanan, baru kita akan sedar ketika sudah terlambat."

Kata-katanya tersebut hanya dibalas dengan tawaan kecil dan tepukan bahu, seolah-olah segala nasihatnya hanya seperti angin lalu. Tidak ada yang sedar bahawa alam sedang merintih, dan lukanya semakin dalam semakin hari. Walau setabah mana pun Mala cuba menyedarkan warga desa, segala usahanya tidak membuahkan hasil. Nasihatnya yang sarat dengan harapan dan ilmu selalu masuk telinga kiri dan keluar dari telinga kanan. Penduduk Bumihangus memang kepala batu!

Beberapa hari sebelum program KKN Mala berakhir, musim kemarau melanda desa Bumihangus lebih awal dari perkiraan. Langit menjadi sepi daripada hujan. Tanah mengering, sawah tidak berair, dan sungai nyaris tidak mengalir. Warga desa mula panik. Tanaman tidak mekar. Telaga air kering. Bahkan ternakan pun mati satu demi satu.

Dalam keheningan senja, Mala duduk di atas bukit kecil sembari menghadap arah desa. Senja sedang berusaha menyelubungi desa dalam kegelapan. Angin kemarau membawa bersama debu dengan rintisan alam yang semakin lemah. Dalam hati Mala terpalit rasa kekecewaan kerana tidak dapat merubah keadaan. Dia memejamkan matanya, cuba membayangkan apabila lembah-lembah desa itu masih boleh menghijau. Namun kini, mau sekuat mana pun dia membayangkan, yang wujud tetap hanya tanah gersang, bukit botak, dan sungai yang kehabisan air. Mala tahu ini bukan salah musim semata. Ini adalah akibat perbuatan manusia yang mengingkari janji kepada alam.

Hari terakhir KKN pun tiba. Mala sedang mengemas barangnya dengan berat hati. Dia merasa gagal. Namun sebelum sempat keluar dari rumah tumpangan, sebuah ketukan di pintu menghentikan langkahnya.

"Nak Mala..."

Terdengar suara serak. Rupanya Encik Asep yang

ditemani warga lain. Mata mereka merah, terlihat penuh dengan rayuan.

"Tolong kami Nak. Kami mohon. Kami... kami tak tahu nak buat macam mana. Kalau Mala pergi, siapa lagi yang akan bantu kami?"

Mala terdiam seketika. Pandangannya menyapu wajah-wajah yang memohon dengan segenap hati. Dia sedar ini bukan tentang program KKN semata. Ini tentang sebuah tanggungjawab - sebuah kasih sayang terhadap bumi dan juga kepada warga desa yang menghuninya.

"Baiklah," jawab Mala penuh tekad dan keikhlasan. "Saya akan tinggal. Tapi dengan satu syarat - kalian mesti bersedia berubah. Kalian harus mengikuti saranan yang saya berikan. Ini demi kebaikan semua. Kalau bukan kita yang berubah, siapa lagi?"

"Sungguh terima kasih Nak Mala! Kami akan berusaha sekeras mungkin. Ajar kami cara menjaga alam seperti yang Nk Mala tahu!" Ujar para penduduk secara serentak dengan wajah yang penuh kelegaan.

Mala tersenyum. Untuk pertama kalinya, dia melihat sinar di mata warga desa. Masih ada ruang untuk perubahan. Masih ada harapan. Dadanya terasa lapang, bebas daripada perasaan menyesak. Mungkin dengan kasih sayang dan usaha yang memadai, ibu alam akan berhenti merintih dan kembali tersenyum. Mala pun bergegas mengirim e-mel permohonan kepada pihak UND untuk memanjangkan masa program KKNnya di desa Bumihangus. Sehari kemudian, berita menggembirakan tiba dari pihak universiti. Permohonannya diluluskan. Kini, waktunya bagi Mala bertindak.

Sejak hari itu, warga desa Bumihangus beserta Mala berusaha keras untuk membalikkan keadaan. Mala mengumpulkan warga, dari yang muda hingga orang tua, untuk belajar mengenai upaya menjaga kelestarian alam. Mereka belajar teknik pertanian lestari, penanaman semula bibit pokok, pengurusan sampah secara sistematik, serta pentingnya menjaga kebersihan sungai dan kesuburan tanah.

"Kalau terbang satu, tanam lima," pesan Mala setiap kali warga hendak menebang.

"Jangan buang plastik ke sungai, nanti ikan pun tak mahu tinggal."

Dengan semangat gotong-royong yang membara, Mala juga mengetuai usaha membersihkan kawasan desa. Setiap minggu, penduduk berkumpul membawa sapu, karung, dan pelbagai peralatan kebersihan lain. Mereka menyisir sepanjang sungai, mengumpulkan sisa plastik, botol kosong, dan segala jenis sampah yang sebelum ini dibiarkan hanyut tanpa arah. Di halaman desa, tumpukan sampah lama ditapis dan dikitar semula. Melalui usaha-usaha tersebut, anak-anak kecil pun mendapat azam untuk berlumba-lumba melihat siapa paling banyak mengumpulkan sampah dalam sehari, menjadikan kebersihan sebagai satu permainan yang menyeronokkan.

Lama-kelamaan, perubahan mula terasa. Sungai perlahan-lahan kembali jernih dan mengalir dengan lancar. Beberapa pohon mula tumbuh. Terdengar kicauan meriah burung-burung. Senyuman cerah kembali menyinari wajah warga desa. Mereka kini melihat musim kemarau bukan sebagai musuh, tetapi sebagai isyarat alam untuk hidup secara lestari. Di bawah teriknya matahari, mereka melihat peluang untuk menjimatkan air. Dengan tanah yang kering, mereka belajar teknik penanaman lestari. Dalam keterbatasan, mereka menemui ilham untuk berinovasi. Mereka mula hidup seiring dengan alam, bukan menentangnya.

Sebagai simbol perubahan dan sebuah permulaan yang baharu, para warga sepakat untuk menukar nama desa. Bumihangus, yang dulu menjadi siluet kepada kesilapan dan kerosakan, kini berubah menjadi Cintabumi - sebuah nama yang menggambarkan rasa kasih sayang mendalam terhadap alam. Nama tersebut lahir daripada tekad untuk memelihara dan menghargai anugerah sang Maha Kuasa yang tak ternilai.

Pada hari terakhir KKN, Mala kembali ke bukit kecil. Dari atas, dia tersenyum melihat anak-anak desa menyanyi dengan ceria sambil menyiram pokok yang baru ditanam. Angin kemarau masih berhembus, namun tidak lagi membawa keperitan. Kini, ia membawa harapan. Mala tersenyum. Dalam hatinya, dia tahu - desanya telah lahir semula. Bukan kerana keajaiban, tetapi kerana kesedaran. Bukan kerana usaha dirinya sendiri, tetapi kerana usaha kolektif masyarakat. Di bawah langit yang membiru, Mala tersenyum.

Selaras dengan lagu 'Cantik Menghijau', kita harus senantiasa bersyukur atas anugerah kehidupan yang telah dikurniai Tuhan yang Maha

Esa. Lagu tersebut mengajar kita bahawa walau seteruk apa pun keadaan, pasti ada sinar harapan jika kita tabah. Melalui cerpen di atas, kita mesti sedar bahawa perubahan bermula dengan diri kita sendiri. Seperti lirik:

"Hatiku senang kubawa berdendang lagu yang gembira riang Rama-rama serta bunga ikut girang Semua bergembira bersentosa di musim kemarau"

Kebahagiaan akan wujud apabila manusia berkehidupan harmoni bersama alam. Ingatlah, cahaya mentari selalu terbit selepas malam yang gelap.

KENDURI YANG MENYAMBUNG

Racheline Suhairy

Institusi Raffles

Di Jalan Bahagia, dinding rumah-rumah kayu itu retak seperti garis usia di wajah seorang tua. Afiq berdiri di depan rumah neneknya, memandang genting yang berlumut hijau. Sepuluh tahun di kota besar mengajarkan banyak hal tentang seni instalasi dan teori pasca modern tapi tidak ada yang mengajarnya cara merawat kenangan.

Ketika membuka pintu, debu berterbangan seperti serpihan masa lalu. Di ruang tamu, lukisan kaligrafi 'Bismillah' masih tergantung, tepinya mengelupas. Tapi yang menarik perhatiannya ialah kotak kayu di bawah meja jati. Ukirannya berbentuk sulur-sulur Melayu, tapi satu sudutnya hancur dimakan anai-anai. Di dalamnya, bunga telur plastik berwarna emas itu seperti menyimpan rahsia. Reben merah jambu yang hampir putus terikat longgar, seakan-akan menunggu tangan manusia untuk mengikatnya kembali. Nota di sisinya berkerut, tintanya pudar: "Untuk kenduri yang tak sempat diraikan – Kak Yam, 1998."

Afiq memandang kotak kayu itu lama-lama. "Apa gunanya belajar seni yang rumit kalau aku tak tahu menghargai sesuatu yang sesederhana ini?" fikirnya. Tangannya mengusap perlahan pita yang hampir putus. "Macam kenangan juga... kalau tak dijaga, akan reput begitu saja."

Neneknya pernah bercerita tentang Kak Yam, adik sepupunya, yang meninggal akibat demam berdarah semasa remaja. Tapi kenapa ada bunga telur untuk kenduri yang tidak terjadi? Afiq mengusap permukaan bunga plastik itu. Tiba-tiba, dari jendela terbuka, angin membawa suara rakaman lama – nyanyian wanita separuh tua menyanyikan "Bunga Telur dan Nasi Minyak", suaranya parau tapi berirama.

Esoknya, Afiq mengetuk pintu rumah Pak Ram. Dapur tua di rumah itu masih berbau rempah giling, meski kompornya sudah berkarat.

"Dulu, setiap kenduri, saya masak 30 ekor ayam dalam kawah besi," kata Pak Ram sambil membersihkan cermin mata yang berkabut.

Tapi ketika Afiq bertanya tentang Kak Yam, matanya tiba-tiba merah. "Dia... dia sepatutnya kahwin minggu itu. Tapi..." Suaranya terhenti. Di dinding,

foto hitam putih kenduri tahun 80-an bergoyang – wajah-wajah yang kini setengah sudah tiada. Afiq tunduk. Ada sesuatu dalam suara Pak Ram yang retak, bagaikan bingkai gambar lama yang jatuh tapi tak pernah digam semula.

Di rumah Ah Ma, Afiq disambut oleh ribuan bunga kertas: ada yang berbentuk mawar, ada yang seperti cempaka. "Bunga telur zaman dulu bukan plastik, tapi kertas minyak warna-warni," Ah Ma menjelaskan sambil melipat kertas emas dengan jari yang bergetar. "Tapi sekarang orang minta sesuatu yang praktikal. Plastik tak perlu disimpan...." Tiba-tiba dia terdiam, melihat bunga telur dari kotak Afiq. "Ini... ini rekaan Kak Yam. Dia yang ajar saya teknik ikat pita berlingkar."

Pada malam itu, Afiq duduk di bawah pokok jambu air. Dahulu, neneknya selalu bercerita bagaimana dahan ini pernah patah kerana terlalu ramai kanak-kanak memanjatnya. Sekarang, buahnya jatuh membusuk tanpa ada yang memetik. Dari telefonnya, lagu "Bunga Telur dan Nasi Minyak" versi Saloma mengalun perlahan: "Bunga telur hiasan mejaku, nasi minyak warisan bondaku..." Tiba-tiba, dia faham: kenduri yang terhenti bukan sekadar untuk Kak Yam, tapi untuk semua yang terputus.

Keesokan pagi, Afiq menarik meja kayu panjang ke tengah lorong. Kain kuning berlubang peninggalan nenek dihamparkannya, lalu dia letakkan dulang tembaga berukir ayat kursi. Di tengahnya, bunga telur Kak Yam diletakkan dengan riben baru. Tanpa undangan, dia memulakan dengan memasak nasi minyak mengikut resipi yang ditemui dalam diari nenek. Bau bawang goreng dan kulit kayu manis menusuk hidung – aroma yang selama ini terperangkap dalam dinding rumah lama.

Pukul tiga petang, Mak Jah, orang pertama yang muncul. "Ini... rendang daging," katanya meletakkan periuk tanah di meja. Matanya mengelak tatapan Afiq. "Resipi ini... dulu Kak Yam yang ajar."

Sebelum maghrib, Pak Ram datang dengan kari ikan dalam kualiti besi. "Dulu Kak Yam selalu minta tambah susu pekat," bisiknya sambil menyapu kualiti yang sudah 20 tahun tidak digunakan.



Ketika senja menyala merah, Ah Ma muncul dengan bakul anyaman. Di dalamnya, tujuh bunga telur kertas—setiap satu berlainan warna. “Ini untuk tahun-tahun yang terlepas,” katanya.

Pada malam itu, 15 orang berkumpul. Lampu suluh Afiq digantung di dahan jambu air, bayang-bayang mereka bergerak seperti wayang kulit. Tiada tarian, tiada nyanyian, tapi ketika rakaman lagu “Bunga Telur dan Nasi Minyak” diputarkan, Mak Jah tiba-tiba bertepuk tangan mengikut irama.

Perlahan-lahan, yang lain menyusul. Di tengah meja, kelihatan bunga telur Kak Yam berdampingan dengan bunga kertas Ah Ma. Nasi minyak Afiq pula bercampur dengan rendang Mak Jah. Untuk pertama kali sejak 25 tahun, air mata Pak Ram jatuh ke dalam kari—tapi kali ini, bukan air mata kesedihan.

Afiq mengangkat pandangannya, memerhati wajah-wajah tua yang tertawa dalam bayang. Dia akhirnya faham – kadang-kadang, kenduri bukan tentang siapa yang hadir, tapi siapa yang akhirnya kembali dalam ingatan.

PECAHAN FAJAR

Raphael Damien Sinarta
Institusi Raffles

Curahan salji turun perlahan, melapisi seluruh daratan putih membisu. Langit kelabu pekat tanpa secalit cahaya. Udara dingin yang tajam dibawa oleh hembusan angin, mencengkem tulang dengan gigitan yang menyakitkan. Di kejauhan, hutan taiga berdiri lesu bagaikan lukisan lama yang telah pudar warnanya. Hutan yang telah disunyikan oleh kejamnya musim dingin yang tak bertepi. Tiada suara. Tiada gerakan. Di tengah-tengah itu, hanyalah seorang gadis berdiri. Layla, dengan nafas yang tinggi rendah dan mata yang sayu, memandang dunia suram tersebut. Memandang dunia tanpa makna yang terbentang di hadapannya. Lalu, dia melanjutkan perjalanannya.

Setiap jejaknya memerlukan perjuangan yang menyiksa, seolah-olah salji memiliki kehendak untuk menghambat Layla. Seakan-akan dinginnya cuaca dan tebalnya salji berancang untuk menimbunnya jauh di bawah permukaan. Namun tanpa pengetahuan sang salji, hati Layla sudah lama mati, terkubur dalam kegelapan yang tidak terjangkau lagi.

Desiran angin kembali mengejek Layla. Bisikannya seakan-akan suara lembut ibunya. Untuk seketika, setitik kilau harapan menyala kembali di balik mata lesunya, sebelum meredup dan meninggalkan lagi kekosongan yang dingin – kehampaan yang menghantuinya.

“Mustahil...” bisik Layla hampir tidak dengar. Nada suaranya koyak dengan kepahitan.

Akhirnya, Layla pun tiba di sebuah pondok kayu sederhana di tengah hutan taiga, jauh dari semua kehangatan desa. Dengan tenaga yang lemah, dia menolak pintu kayu usang yang berat, hanya untuk mendapati pemandangan yang semakin membenamkannya dalam kesedihan.

Dahulu, Ibu sering bernyanyi sambil memasak. Ayah akan tertawa girang, dan Yufi, adik tersayangnya, akan berlari mengelilingi meja makan dengan ceria, berusaha bersenandung mengikuti melodi nyanyian Ibu. Aroma hidangan istimewa Ibu akan melayang menyeberangi pondok.

Tetapi itu semua hanyalah kenangan. Ibu sudah lama pergi meninggalkan mereka. Ayah semakin uzur dari hari ke hari, dan Yufi... Yufi sudah tiga

tahun tidak mengeluarkan sepatah katapun sejak malam pemakaman itu. Yufi, yang dahulu penuh semangat dan keceriaan, kini hanya merupakan sebuah serpihan kenangan dirinya yang dulu, meringkuk seorang diri di sudut berdebu yang gelap.

Layla memasak sendirian, mengeluarkan bahan yang ditemuinya yang tidak seberapa. Akar-akar beku, herba pahit, dan kadangkala sisa daging ikan yang ditemui dalam jerat lama. Namun, hanya masakan sisa-sisa itulah yang menyara kehidupan mereka. Tanpa Layla, apa yang boleh dilakukan oleh mereka?

Memberikan semangkuk sup kepada Yufi, Layla memandang kembali wajahnya yang diam seribu bahasa. Dia merasakan api kecil terbakar di dalam dadanya.

“Kenapakah semua ini terjadi? Mengapa Ibu mesti dirampas daripada keluarga mereka yang dahulu bahagia? Mengapakah Ayah mesti perlahan-lahan ditarik ke arah liang yang sama?” fikir Layla dalam hati.

Layla ingin marah. Ingin menjerit. Ingin menyalahkan sesiapa sahaja atas penderitaannya – tetapi yang tinggal hanyalah dirinya sendiri.

Kemudian Layla memberikan sup masakannya kepada Ayah, diletakkannya di sisi katil. Secara mendadak, Ayah batuk kuat. Terlalu kuat. Darah bercucuran dari mulutnya. Yufi duduk di penjuru bilik, tidak bergerak, hanya memandang. Kesakitan, Ayah berusaha menggapai sesuatu. Lalu tumpahlah sup masakan Layla ke lantai.

Disitulah batasnya. Sudah cukup. Air tangisan Layla mengalir turun pipinya. Jiwanya remuk setelah sekian lama memendam beban. Segalanya telah menjadi terlalu berat untuk dipikul. Layla menjerit. Raungannya memecah kesunyian malam, bukan untuk ayahnya atau adiknya, melainkan kepada dirinya sendiri. Kepada ketidakberdayaannya.

“Kenapa takdir membawa aku ke sini? Haruskah semuanya berakhir seperti ini?”

Mengapakah aku harus terus melawan? Apa gunanya? Untuk apa? DEMI APA?!”

Tiada yang menjawab. Layla hanya dibalas gema dirinya sendiri, memantul kembali dari dinding-dinding kayu yang retak. Kesunyian. Kesunyian yang menggenggam seluruh hatinya, mencekik lehernya, dan menikam jiwanya. Maka Layla pun tahu – dia sudah tidak mampu lagi.

Pada malam itu, Layla keluar dari tempat berlindungnya yang terakhir, kerana baginya, sentuhan alam semula jadi, meskipun dingin dan ganas, terasa lebih menenangkan daripada mimpi buruk tersebut. Ditemani sinaran rembulan yang redup, dia jalan. Tiada arah. Tiada tujuan. Tetapi dia tetap terus berjalan. Menuju hutan beku. Menuju ke danau berais yang pernah dikunjunginya sewaktu kecil. Mungkin mahu melarikan diri. Mungkin mahu pergi ke tempat kediaman Ibu. Mungkin mahu menamatkan segalanya.

Angin malam menyentuh wajah Layla seperti suatu teguran dari langit. Di sebalik hamparan ais yang membeku, sebuah fiord terbentang luas seperti cermin dunia yang tidak bernyawa. Gunung-gunung di sekeliling berdiri tegak bagai penjaga zaman purba, dilitupi salji tebal dan tidak terusik. Layla berdiri di situ, diam dan termangu. Cahaya embulan memantul di atas permukaan ais, membentuk lingkaran cahaya yang samar-samar – seperti panggilan dari masa silam.

Di tengah dataran beku itu, seorang perempuan kecil kelihatan sedang menari-nari sambil menyanyikan lagu yang tidak jelas liriknya. Suaranya halus, suatu gema dari masa kanak-kanak yang telah terkubur. Dia melemparkan salji ke udara, tertawa kecil sambil berlari-lari di atas ais seolah-olah fiord ini merupakan taman bermainnya. Layla melangkah perlahan ke arahnya, bibirnya terketar, bukan kerana dingin, tetapi kerana hatinya mula bergetar.

“Mentari esok menyinari jalan yang baharu, di sana terbentang dunia yang indah untuk dijelajahi!”

“Siapa kamu...?” soal Layla perlahan. Perempuan itu berhenti dan memandang ke arah Layla dengan mata bersinar. Senyumannya lebar dan hangat.

“Bukankah kamu dulu pernah bernyanyi juga, Layla? Di atas fiord ini... bersama Ibu dan Yufi.. ingat?”, balasnya.

Layla terdiam. Air matanya hampir beku di pipi.

“Kenapa kamu tinggalkan lagu itu?” tanya si kecil, sebelum dia berlari berputar ke belakang pusaran salji yang ditiup angin.

Layla menoleh ke kiri dan kanan. Lenyap. Sunyi. Tetapi dalam hatinya, gema suara lagu tadi masih berdendang – lagu yang dia sendiri pernah nyanyikan dahulu.

Langkah Layla kemudian menuntunnya ke dalam hutan taiga yang sepi. Pohon-pohon cemara berdiri, menjulang ke langit malam yang masih berbalut mendung. Sinaran bintang-bintang di langit menerangi jalan Layla. Di tengah lorong sempit antara pokok, api unggun kecil menyala dan seorang lelaki tua duduk di sampingnya. Janggut putihnya diseliputi salji, matanya berkaca tebal dan kabur, namun sinarnya tetap penuh dengan semangat.

“Aduh... akhirnya ada juga orang yang datang bertamu. Hohohoho...” katanya sambil tersenyum, menggoyangkan cerek kecil di atas api.

Layla memandangnya dengan penuh curiga, tetapi rasa takutnya hilang entah ke mana. Lelaki itu kelihatan tidak mengancam. Malah, dia seperti seseorang yang telah lama menantikan kedatangan gadis itu.

“Kau masih berjalan dengan hati yang berat, ya Nak?” tanya lelaki itu sambil menuangkan air panas ke dalam cawan kayu. Cawan kayu yang mirip sekali dengan cawan kayu Ayah...

“Masih memikul beban yang kau tak mahu lepaskan?” lanjut lelaki tua tersebut.

Layla tidak menjawab. Hanya duduk diam di hadapannya.

Lelaki itu terus berkata, “Kau tahu, ada waktu dalam hidup ini bila kita perlu berhenti bertanya mengapa, dan mula bertanya... untuk siapa?”

Layla menatap tarian api. Kata-kata itu menyengatnya. Tanpa disedari, jari-jemari Layla mula menggenggam salji di sisinya. Bukan atas amarah, namun atas keengganannya untuk menerima kenyataan.

“Beban itu bukan hadir untuk mematahkan”, katanya lagi. “Tetapi untuk dipalit menjadi tali. Tali pedoman, menuntun kamu mengenali dirimu dan mereka yang kamu benar-benar cintai.”

Api itu mula padam perlahan-lahan, dan Layla mendapati dirinya duduk sendirian dalam kegelapan hutan, ditemani hanya oleh bunyi dedaunan yang luruh dari pohon-pohon kaku serta nyanyian tidur para jangkrik.

Akhirnya, Layla tiba di atas danau beku di tengah hutan. Di situ berdiri sebatang pokok dedalu yang diseliputi ais. Di bawahnya, duduk seorang wanita tua dengan jari-jemari yang pantas menenun benang-benang halus yang tergantung dari udara – benang-benang cahaya yang berkilauan di bawah sinar bulan.

“Datanglah, Nak”, suara wanita itu lembut, dan anehnya, amat dikenali.

Layla melangkah mendekat, dadanya berdebar.

“Siapa...siapa kamu?”

“Aku penenun memori yang hampir hilang... yang kamu buang jauh-jauh demi bertahan,” jawabnya sambil terus menenun. “Tapi tanpa mereka, kamu hanya akan beku seperti dunia ini dingin.”

Layla menjatuhkan dirinya ke bumi. Benang-benang itu mula membentuk wajah-wajah yang dikenali Lyla – yang dicintainya. Ibunya yang sedang menari. Yufi sedang memeluk anak patung.

Ayah sedang bermain seruling buluh di rumah.

Dan Layla. Layla bernyanyi. Menyanyikan lagu itu.

“Tapi aku tak sanggup... melihat mereka menderita...” bisik Layla.

“Kadangkala, cinta akan menenun luka menjadi sulaman makna,” jawab wanita itu. “Dan dari benang-benang kesakitan, terbitlah cahaya yang paling halus. Terbitlah cahaya cinta yang sejati,” katanya lagi.

Benang terakhir ditarik. Tenunan itu bersinar, lalu perlahan-lahan hilang di udara. Pokok tua bergoyang lembut dan angin meniup rambut Layla ke belakang. Dia memejamkan matanya.

Dan dalam keheningan itu, Layla akhirnya sadar. Dia bukan kehilangan arah. Dia bukan hidup dalam sebuah kutukan. Dia hanya melupakan sesuatu yang amat penting. Sesuatu yang sangat sederhana, namun sukar untuk dihadapi.

Bahawa dalam kesukaran, dalam cabaran, dalam musim kemarau jiwa, cinta tidak akan pernah lenyap, hanya tersembunyi di celah retak-retak luka. Dalam keperitan, masih wujud kelembutan. Dalam kepayahan, masih hidup keindahan. Dan mungkin, selama ini, dia melangkah pergi bukan kerana benci, tetapi kerana takut.

Takut melihat bayangan yang diukir kasih tidak sempurna.

Tetapi kini Layla yakin. Keluarganya bukan hantu dari masa silam. Mereka ialah lilin penerang kecil dalam dunia yang dingin ini. Masih bernyawa. Masih menunggu. Masih mencintai.

Layla mesti pulang.

Pondok itu masih sama. Tua, senyap, dan seakan-akan hancur oleh masa. Namun kali ini, Layla melihatnya bukan sebagai lambang kejatuhan, tetapi sebagai tempat kediaman dua orang yang paling dikasihinya. Rumah mereka.

Tangannya menggeletar sewaktu dia menolak pintu. Segalanya sunyi. Yufi masih di penjuru bilik, memeluk lutut seperti biasa, matanya terpejam. Ayah masih terbaring, nafasnya tipis. Layla berdiri di tengah ruang, matanya berkaca-kaca.

“Ah! Aku ada idea!” ucap Layla dalam hati.

Keesokan harinya, sebelum langit benar-benar cerah, Layla sudah bangkit. Tangki air salji dicairkan perlahan. Bahan-bahan simpanan terakhir dikeluarkan satu per satu. Untuk pertama kalinya, Layla memasak bukan sekadar untuk hidup, tetapi untuk menyambung kasih yang hampir terputus.

Di dapur yang tua, perlahan-lahan aroma gulai ikan menyelubungi ruangan. Aroma yang menghidupkan kenangan, aroma yang mengingatkan Layla akan ibunya. Ia adalah hidangan istimewa yang selalu dimasak Ibu setiap kali musim sejuk tiba terlalu awal. Setiap hirisan rempah, setiap rencah, Layla racik dengan hati yang bersungguh-sungguh.

Dia menyusun meja makan yang telah sekian lama berdebu.

Membersihkannya dengan lengan bajunya sendiri sebelum meletakkan tiga mangkuk panas di atas permukaan kayu yang usang. Api di tungku masih

menyala kecil, dan cahaya fajar perlahan-lahan menembusi retak dinding yang renggang.

Ayah bangkit perlahan, dibantu oleh Layla. Wajahnya lelah, tetapi matanya redup memandang anaknya dengan penuh syukur. Dan Yufi, adik kecil yang sudah bertahun-tahun mendiamkan diri, memandang dari pojok bilik. Tangannya perlahan-lahan menghulur ke arah mangkuk yang diletakkan Layla di hadapannya. Layla menoleh, tetapi sesuatu yang tak terduga berlaku.

Yufi membuka mulut.

Suara itu perlahan. Serak. Tetapi lembut. Seperti kelopak bunga yang pertama mekar setelah musim dingin.

“Sedap... Kakak...”

Dua perkataan.

Dua patah kecil yang memecahkan dinding yang Layla kira tidak akan runtuh.

Air mata jatuh di pipi Layla seperti titis-titis hujan pertama selepas kemarau panjang. Dia memeluk adiknya erat, seakan-akan mahu menyatukan semula segala serpihan yang pernah pecah. Tubuh Yufi kecil dan ringan, tetapi dalam pelukan itu, Layla berasakan beban bertahun-tahun mengalir keluar bersamanya.

Langit pagi terbentang luas di luar, berkilau dengan warna keemasan. Salji masih turun, tetapi tidak lagi tampak muram. Ia seperti taburan cahaya dari langit. Dunia yang dahulu kelihatan mati kini bernafas dalam keheningan yang indah. Awan telah surut dan di kejauhan, cahaya berkilau menari-nari di atas permukaan danau yang membeku.

Layla menghela nafas lega di luar pondok, memandang horizon. Dia tersenyum. Senyumannya kecil, tetapi ikhlas. Pandangannya tidak lagi dipenuhi bayangan-bayangan gelap, tetapi dihiasi oleh siluet harapan. Kerana kini dia tahu, kebahagiaan tidak semestinya datang dalam bentuk sempurna. Kadang-kadang, ia hadir dalam mangkuk sup yang sederhana. Dalam suara lembut adiknya. Dalam pelukan senyap yang berkata:

“Aku masih di sini”

ZAMAN SEMALAM

Farid Samad

Maktab Rendah Anglo-Chinese

Asap mula keluar berkepul-kepul dari tayar-tayar kereta itu. Deruman enjin yang mengaum memberikan tenaga kepada kereta Rizal untuk meluncur di sepanjang jalan raya. Dalam kegelapan malam, hanya cat perak keretanya yang berkilauan disinari cahaya bulan. Inilah antara ciri-ciri yang memikat Rizal terhadap dunia perlumbaan malam. Namun, apa yang lebih menarik minatnya ialah ganjaran wang tunai yang mampu menampung keperluannya selama enam bulan bagi setiap kemenangan di tempat pertama.

Kali ini, Rizal berazam untuk menjuarai perlumbaan tersebut. Selain wang tunai, pemenang turut ditawarkan komponen kereta bermutu tinggi untuk menaik taraf kenderaan mereka — suatu kelebihan besar untuk perlumbaan akan datang. Rizal tidak berasa gusar. Jalan raya yang dipilih untuk perlumbaan itu terletak di negara tumpah darahnya - Singapura, tempat dia membesar. Setiap lorong dan simpang di situ bagaikan telah sehati dengan jiwanya dan terukir dalam ingatannya. Tidak perlu peta, segala selok-belok sudah terpahat dalam mindanya.

Secara tiba-tiba, seekor rusa melompat keluar melintasi laluan. Rizal pantas memulas stereng untuk mengelak.

"Alhamdulillah, aku tidak melanggar rusa itu," bisik Rizal dalam hati.

Tanpa disedarinya, tindakan itu telah membawanya memasuki jalan yang salah — satu jalan yang menyimpan kenangan lama yang disangkanya telah lama terkubur.

Rizal tidak terlalu memikirkan arah tujuannya. Mengapa harus dia meragui pengetahuannya tentang negeri tercinta ini? Namun, satu papan tanda di tepi jalan seolah-olah menjerit kepadanya — "SELAMAT DATANG KE PASIR PANJANG." Rizal tergamam. Tidak pasti sama ada rusa itu benar-benar membawanya ke jalan yang salah.

"Pasir Panjang? Lama aku tidak ke sini," keluh Rizal.

Dalam kegelapan malam, jalan-jalan yang dahulunya meriah kini sunyi sepi, seakan-akan tanah perkuburan. Rumah-rumah kayu yang pernah dikenalnya kini bertukar menjadi rumah konkrit yang hambar dan tidak bernyawa. Perlumbaan yang tadi memenuhi fikirannya kini lenyap begitu sahaja. Yang tinggal hanyalah pencarian — pencarian terhadap memori yang berlegar di setiap jalan yang dilaluinya. Walaupun suasana sekeliling kelihatan asing, Rizal tetap tenggelam dalam kenangan tiga puluh tahun yang lalu, saat-saat dia bermain dengan adik-beradiknya.

Rizal memberhentikan keretanya. Meskipun zaman telah berubah, satu bangunan lama masih utuh berdiri. Tiba-tiba, Rizal terdengar paluan kompang dan alunan nyanyian. Hidungnya terhidu bau nasi minyak dan ayam panggang yang begitu menyelerakan. Dia teringat waktu dia bersalaman dengan para tetamu dan ahli keluarga yang pernah hadir meraikannya. Lidahnya seakan-akan masih dapat merasa sambal goreng pengantin yang telah lama tidak dinikmatinya itu.

Rizal sebak melihat apa yang terpamer di hadapannya. Pasir Panjang bukan sekadar kampung kelahirannya, tetapi juga tempat dia mula menjejakkan kaki ke alam perkahwinan bersama isterinya. Tangannya terasa lembut, seolah-olah merasai kembali sentuhan yang hampir dilupakan. Di tengah ruang kosong bekas majlis perkahwinan itu, kelihatan sebuah meja dihiasi dengan sebakul bunga telur — bukti nyata perkahwinan yang pernah berlangsung satu masa dahulu.

Air mata Rizal mula mengalir. Lututnya lemah, lalu dia bersujud di hadapan bakul tersebut. Segala emosi yang sekian lama dipendam kini membuak keluar seperti sungai yang melimpah dari hatinya. Dia tidak mampu lagi mengawal perasaannya.

"Mengapakah engkau tinggalkan aku, Fatimah?" rintih Rizal dengan suara sayu.

Kini, segalanya jelas di matanya. Perlumbaan-perlumbaan malam yang selama ini menjadi dunianya hanyalah usaha sia-sia untuk mengisi



kekosongan di hatinya. Adrenalin yang terhasil bagi setiap perlumbaan hanya mampu menenangkan kesakitannya buat sementara waktu. Kini, dunia yang dibinanya runtuh dalam sekelip mata. Wang yang diperolehnya daripada kemenangan sudah tidak memberikan makna kepadanya. Kereta yang pernah menjadi lambang kebanggaannya kini hanya mengundang rasa malu.

Pada saat itu, Rizal sedar — dia tidak lagi peduli tentang perlumbaan. Di tengah malam yang sunyi ini, dia telah bertemu kembali sesuatu yang lebih berharga daripada segala kemenangan — cintanya yang hilang.

KEMBALI KEPADA AKAR

Sakina Azhar Katib
Maktab Rendah Anglo-Chinese

Aku melihat jam tanganku sekali lagi. Baru pukul dua petang, dan aku masih ada tiga jam lagi fas panjang dan mengeluh perlahan. Aku tahu, aku yang memilih pekerjaan ini, tetapi kadangkala aku menyesal menjadi seorang ahli botani.

Pada awalnya, aku memilih kerjaya ini kerana aku amat menyayangi alam semula jadi dan tumbuh-tumbuhan. Aku ingin memainkan peranan dalam melindungi dunia ini daripada kerosakan. Namun, realiti kerjaku tidak seperti yang aku bayangkan. Sebaliknya, hari-hariku dihabiskan di dalam makmal, meneliti sel-sel tumbuhan menggunakan mikroskop. Bukannya meneroka hutan mencari spesies baharu seperti yang aku impikan sejak kecil.

Dengan berat hati, aku menolak semua rasa kecewa itu jauh-jauh dan meneruskan tugas menganalisis beberapa sampel sel. Aku cuba mengingatkan diri sendiri bahawa semua ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memahami alam dengan lebih mendalam.

Beberapa jam kemudian, apabila tugasku selesai, aku mengemas mejaku dan melangkah keluar dari makmal. Semasa menaiki bas pulang, aku melihat kalendar di telefonku dan tiba-tiba aku tersedar bahawa aku bercuti pada hari Khamis nanti. Senyuman segera terukir di wajahku. Sudah berminggu-minggu aku berasa tertekan dan keletihan akibat beban kerja. Aku tahu aku perlukan masa untuk diri sendiri.

Aku mula berfikir tentang cara terbaik untuk menghabiskan cuti itu. Banyak perkara yang boleh aku lakukan, seperti membaca, mendengar muzik, atau sekadar menikmati keindahan alam. Namun, apa yang benar-benar aku inginkan adalah berkelah di tempat yang tenang dan cantik. Setelah membuat penyelidikan, aku mendapati ramai orang di Facebook mencadangkan Gardens by the Bay sebagai destinasi yang ideal. Aku menerima cadangan itu tanpa berfikir panjang dan segera membeli tiket.

Dua hari kemudian, pada pagi Khamis yang cerah, aku bersiap sedia untuk pergi. Aku membawa tikar, buku kegemaranku, makanan ringan, dan sebotol air. Setibanya di Gardens by the Bay, aku terpukau dengan keindahan tempat itu. Pokok-pokok besar dan bunga-bunga berwarna-warni mewujudkan suasana yang damai dan menyegarkan.

Aku membentangkan tikar di bawah sebuah pokok dan mula membaca. Angin sepoi-sepoi bahasa meniup lembut, sementara burung-burung berkicauan riang di sekitarku. Awan putih perlahan-lahan berarak di langit biru. Aku berasa tenang dan bebas daripada beban kerja buat seketika.

Setelah membaca beberapa bab, aku bangun dan berjalan-jalan di sekitar taman. Aku mengagumi keindahan bunga-bunga yang mekar dan pokok-pokok yang rendah. Namun, di sebalik keindahan itu, aku perasan ada beberapa tumbuhan yang kelihatan layu dan kering. Aku berhenti dan memerhatikannya dengan lebih teliti.

Dengan pengalaman aku sebagai ahli botani, aku segera menyedari bahawa tumbuhan-tumbuhan itu mungkin mati akibat cuaca yang terlalu panas dan perubahan iklim yang semakin ketara. Hati aku terasa berat. Aku teringat kembali kepada kerjaku penyelidikan yang aku lakukan di makmal. Walaupun membosankan, kerja itu penting untuk membantu dunia memahami bagaimana mahu melindungi tumbuhan-tumbuhan ini daripada terus musnah.

Setelah berjalan selama hampir sejam, aku kembali ke tikarku dan mula bermas untuk pulang. Dalam perjalanan pulang ke rumah, fikiranku dipenuhi dengan renungan tentang apa yang aku lihat. Aku sedar bahawa walaupun pekerjaanku kadangkala membosankan dan melelahkan, tugasku itu sangat penting. Tanpa usaha seperti yang aku lakukan, alam semula jadi mungkin akan terus terancam dan akhirnya musnah.

Pengalaman di Gardens by the Bay membuka mataku kepada tujuan sebenar aku memilih bidang ini. Aku ingin membantu menyelamatkan dunia, bukan sekadar mengaguminya. Aku berjanji kepada diriku sendiri untuk lebih tabah, lebih sabar, dan tidak mudah berputus asa.

Akhirnya, aku belajar bahawa dalam hidup, kita mesti sentiasa mengingati matlamat asal kita. Walaupun perjalanan itu sukar, jika sesuatu perkara itu membawa kebaikan, maka perkara itu berbaloi dan patut diteruskan. Aku bertekad untuk meneruskan usahaku demi memastikan bumi dapat terus hidup seribu tahun lagi.

CINTA DI SEBALIK PENGORBANAN

Dian Trisya Hasnizam
Maktab Rendah Jurong Pioneer

"Taat dan setia pada negara, dan juga pada agama."

Itulah lirik lagu Orang Singapura yang sering bermain di kotak fikiranku. Ingatkanku masih segar. Tahun itu ialah tahun 1990. Namaku Ana. Aku baru sahaja bermastautin di Singapura setelah lima belas tahun dibesarkan di Bandung, Indonesia. Perasaanku bercampur baur, gementar, teruja dan sedikit cemas, untuk memulakan hari pertama di sekolah baharuku.

Setibanya aku di dalam kelas, aku terus duduk di tempat yang telah ditetapkan untuk aku. Tidak lama kemudian, seorang pelajar lelaki yang duduk di sebelahku menghulurkan tangan dan memperkenalkan dirinya dengan senyuman mesra.

"Hai, Ana, saya, Budi. Mahu jadi kawan saya?"

Aku tersenyum, menampakkan barisan gigiku yang putih bak mutiara, lalu menyambut tangannya dengan penuh mesra. Detik itu, seperti cahaya kecil yang menembusi keraguan hatiku kerana aku tahu, aku telah menemui seorang teman istimewa.

Hari pertama di kelas membuka pintu kepada sesuatu yang lebih daripada sekadar pelajaran. Kami belajar tentang erti cinta terhadap tanah air, iaitu bukan sekadar kata-kata dalam buku teks, tetapi rasa yang membakar di dada. Dalam suasana kelas yang damai, Budi membisikkan kisah-kisah tentang Singapura; tentang keberanian dan wawasan Encik Lee Kuan Yew, tokoh yang membentuk wajah negara ini dengan semangat dan kebijaksanaan luar biasa.

Aku mendengar dengan penuh takjub. Mataku bersinar dengan kekaguman. Bagaimanakah dalam masa hanya dua dekad lebih, sebuah negara kecil yang dahulu tidak dikenali kini berdiri megah di mata dunia? Langkah demi langkah, Singapura bangkit daripada tali kebergantungan menjadi simbol harapan dan ketabahan.

Aku kagum, benar-benar kagum. Tidak mudah untuk membina sebuah negara, apatah lagi dalam tempoh hanya 25 tahun. Tapi Singapura berjaya. Pada hari itu, bukan sahaja aku belajar tentang sejarah negara baharuku tetapi aku mula belajar

tentang cinta dalam bentuk yang paling tulus: cinta kepada tanah air, dan cinta yang mungkin sedang berputik dalam diam antara aku dengan Budi.

Bulan dan tahun silih berganti, begitu juga dengan persahabatan kami yang mekar subur, tenang, namun penuh makna. Kami melakukan segalanya bersama-sama, daripada mengulang kaji pelajaran di perpustakaan sekolah, hinggalah memancing ikan pada hujung minggu. Dalam setiap tawa, dalam setiap detik senyap yang dikongsi tanpa kata, ada benih cinta yang perlahan-lahan berputik.

Namun, tidak semua insan menyambut ikatan kami dengan tangan terbuka. Perbezaan agama menjadi tembok halus yang semakin hari semakin menebal. Aku seorang Muslim, sedang Budi pula menganut agama Kristian. Keluarga kami sering mengingatkan bahawa cinta antara dua jiwa yang berlainan kepercayaan, suatu perkara yang hampir mustahil untuk bertahan. Mereka kata kami tidak akan mampu bertolak ansur, tidak akan dapat menikah tanpa berkorban sesuatu yang besar.

Padahal, dalam diam, kami telah pun menyukai satu sama lain sejak pertemuan pertama. Tetapi kami memilih untuk kekal sebagai sahabat dahulu kerana kami akur, pelajaran masih utama, dan dunia luar masih belum memahami isi hati kami. Walaupun begitu, kawan-kawan dan kenalan kami memandang kami seperti pasangan yang sukar dipisahkan umpama aur dengan tebing, sukar hendak dipisahkan. Dalam keakraban itu, kami menemukan dunia kecil kami sendiri yang penuh harapan, namun juga penuh persoalan.

Namun, segala-galanya berubah saat Budi dipanggil menyertai Perkhidmatan Negara (NS). Aku tahu hari itu akan tiba, namun aku tetap belum bersedia untuk berjauhan daripadanya. Perpisahan itu terasa berat sekali lebih-lebih lagi apabila cara untuk berhubung pada waktu itu amat terhad. Zaman belum secanggih kini. Telefon bimbit masih asing bagi kebanyakan orang, dan komunikasi hanya bergantung pada surat yang kadangkala mengambil masa berminggu-minggu untuk sampai, atau panggilan ringkas dari telefon awam semasa cuti hujung minggu.

Budi cuba menenangkan hatiku. Dia berkata, semuanya akan baik-baik sahaja. Katanya, aku hanya perlu bersabar dan menunggu pulang. Walau hatiku digayut resah, aku memilih untuk percaya.

Beberapa minggu kemudian, aku berdiri di luar kem, menantikan kelibatnya dengan dada yang berdebar-debar. Saat mataku menangkap sosok tubuhnya, air mata menitis tanpa aku sedari. Dia kelihatan berbeza, bukan lagi remaja biasa yang kukenali dahulu, tetapi seorang pemuda yang membawa maruah negara di bahunya. Wajahnya lebih tegas, sosok tubuhnya lebih tegap, dan matanya menyimpan cerita-cerita yang belum pernah aku dengar.

Dalam pertemuan singkat itu, dia mula berkongsi tentang kehidupannya di Pulau Tekong. Tentang latihan berjalan jauh yang membolehkan, latihan fizikal yang menguji batas tubuh, dan disiplin ketenteraan yang membentuk ketabahan jiwa. Dia bercakap dengan semangat yang menyala-nyala, seperti seorang lelaki yang telah menemui panggilan hidupnya.

Dia juga berkongsi tentang rasa cintanya terhadap Singapura, tentang betapa dalamnya penghargaan terhadap tanah air ini, dan keinginannya untuk terus berkhidmat walaupun selepas tamat NS. Katanya, dia sedang dipertimbangkan untuk satu jawatan penting dalam ketenteraan.

Aku mendengarnya dengan senyuman, tapi jauh di lubuk hati, ada perasaan yang sukar dijelaskan. Dulu, kami sering berbicara tentang masa depan kami bersama, berangan-angan untuk menjejakan kaki di universiti di Kanada, membuka perniagaan sendiri dan membina kehidupan berdua. Namun kini, aku sedar bahawa impian yang kami lukis dahulu menjadi kanvas abstrak yang sukar dibaca. Budi telah merancang masa depannya, tanpa kehadiran aku di sisinya.

Semakin hari berlalu, semakin sepi ruang bicara antara kami. Surat demi surat aku kirimkan dengan penuh harapan, namun jawapan daripadanya makin jarang kuterima. Setiap helaian yang tidak berbalas terasa seperti luka kecil yang perlahan-lahan menoreh hatiku. Kata-katanya suatu ketika dahulu tentang cinta, tentang janji, tentang masa depan bersama, kini semakin tenggelam dalam diamnya yang panjang.

Aku cuba memahami. Mungkin latihannya semakin berat, mungkin masanya terbatas. Tetapi jauh di sudut hati, aku tahu... sesuatu telah berubah. Cintanya kini seolah-olah tertumpu sepenuhnya kepada negara, kepada tugas, kepada sumpah setia dan bendera yang dikibarkan saban hari.

Aku bingung. Mengapa cinta terhadap tanah air harus merampas segalanya? Adakah aku tidak lagi penting di hatinya? Akhirnya, dengan dada yang sesak dan jiwa yang rawan, aku memutuskan untuk bertemu dengannya, bukan sebagai sahabat, tetapi sebagai seorang gadis yang hatinya telah lama menyimpan rindu yang tidak terucap. Aku ingin tahu masih adakah ruang untuk aku di hatinya?

Saat kami bertemu, aku melihatnya berdiri di hadapanku, lebih matang, lebih diam, lebih jauh dari lelaki yang pernah membuat aku tertawa. Matanya tidak lagi bersinar dengan keriangannya remaja. Sebaliknya, ada ketegasan dan kedalaman yang hanya wujud dalam diri seseorang yang telah benar-benar mengenal tanggungjawab.

Dengan suara yang hampir bergetar, aku merayu agar dia memperjuangkan cinta kami, cinta yang kami pupuk sejak dulu, cinta yang menjadi tulang belakang impian kami. Namun dia hanya menggelengkan kepalanya perlahan-lahan.

"Saya cintakan awak Ana...Tetapi untuk menjadi Orang Singapura bermaksud meletakkan negara di tempat pertama. Saya perlu kuat, bukan hanya untuk awak, tetapi untuk semua orang. Sarjan saya telah berjanji untuk menaikkan pangkat setelah NS saya tamat, saya sudahpun mempunyai pangkat dan tanggungjawab yang amat berat untuk dipikul...Saya bimbang saya tiada masa untuk awak lagi tetapi saya harap awak memahami keputusan saya tentang perkara ini. Saya harap awak tidak akan membenci saya dan saya tetap akan menyayangi awak dari jauh."

Kata-katanya menikam terus ke jantungku. Kolam mataku mula berkaca dan berair. Aku sukar untuk menerima hakikat bahawa Budi yang aku kenal dan cintai tiada di sisiku lagi. Sesungguhnya Perkhidmatan Negara telah merubahnya daripada seorang penakut kepada seorang lelaki matang yang amat bersemangat untuk melindungi serta memastikan bahawa negara kami sentiasa selamat.

Dua dekad berlalu sejak perpisahan kami, dan aku tidak pernah lagi mendengar khabar daripadanya. Masa terus berlalu, dan aku akhirnya memilih untuk melangkah ke hadapan. Aku berkahwin dengan seorang lelaki yang mencurahkan kasih sayang dan mempunyai kestabilan yang aku perlukan, seorang teman hidup yang setia dan memahami jiwa dan nuraniku.

Budi pula, seperti yang kudengar dari jauh, meneruskan jalannya sendiri. Dia berkahwin dengan wanita yang memahami dunia seorang tentera, iaitu seorang Kristian yang taat dan pilihan hati orang tuanya. Walaupun kami masing-masing membina kehidupan dan keluarga yang membanggakan, jauh di sudut hatiku tetap tersemat sebuah ruang kecil yang tidak pernah benar-benar pulih, sebuah luka halus yang hanya aku sendiri dapat rasakan.

Pada tahun itu, Singapura menyambut Hari Kebangsaan yang ke-45. Suamiku, dengan senyuman penuh semangat, mengajak aku dan anak-anak ke Padang untuk menyaksikan perarakan secara langsung buat pertama kali dalam hidupku. Aku sepatutnya gembira, tetapi hati ini terasa berat. Sejak Budi meninggalkan aku demi mengejar impiannya, aku menjadi sensitif terhadap segala yang berkaitan dengan patriotisme. Lagu kebangsaan, bendera yang berkibar, laungan bersemangat ikrar Singapura, semuanya mengingatkan aku kepada cinta yang tidak kesampaian.

Kami duduk di barisan hadapan, langsung menghadap pentas utama. Jarak yang dekat, tetapi hatiku terasa jauh, ditarik kembali ke masa lalu, kepada seseorang yang pernah aku cintai sepenuh jiwa.

Ketika acara perbarisan itu bermula, komander perbarisan mula mengetuai pasukan. Dari tempat dudukku, seakan-akan ada wajah yang kukenali. Oleh sebab aku tidak boleh bersembunyi kerana pasukan tentera benar-benar berada di hadapan kami, aku hanya mampu merenung mereka dengan kagum. Aku nampak dia. Selepas 20 tahun. Suaranya kedengaran mendalam. Dia lebih tinggi. Terdapat beberapa helai uban di kepalanya.

Segala tentangnya kecuali matanya yang penuh dengan kehidupan seperti dahulu, telah berubah. Ketika dia mengetuai pasukan itu, dia turut terlihat akan diriku. Dia berdiri megah dalam uniformnya, matanya penuh dengan kebanggaan yang tidak

tergoyahkan. Sejenak, pandangan kami bertemu di tengah lautan manusia. Tiada kata-kata yang diucapkan, tetapi tiada yang perlu dikatakan. Semasa aku melihat dia mengetuai tentera dengan semangat yang tinggi, terdapat perasaan gembira dan bangga yang luar biasa yang menyelubungi diriku.

Aku melihat dia akhirnya mencapai impiannya. Aku melihat cahaya di matanya ketika dia melaungkan arahan kepada pasukan tentera semasa perbarisan itu. Aku akhirnya melepaskan rasa benci aku terhadapnya kerana memilih untuk berkhidmat kepada negara Singapura tercinta. Aku berasa lega kerana akhirnya aku memahami apa yang diperlukan untuk menjadi "Orang Singapura". Ia memerlukan sejumlah besar kekuatan, ketabahan, dan kegigihan.

Ketika bunga api menerangi gelap malam, aku menyapu air mata di pipiku dan tersenyum. Aku memandang anak lelakiku dan mengusap rambutnya. "Suatu hari nanti, kamu juga akan berkhidmat untuk negara. Kamu akan faham."

Dari jauh, Budi memandang keluarga yang pernah menjadi impiannya. Hatinya sebak, tetapi dia tahu bahawa cinta wujud dalam pelbagai bentuk. Cintanya kepada aku adalah nyata, tetapi cintanya kepada Singapura, tanah airnya; rakyatnya juga sama mendalam.

Dia telah kehilangan satu cinta, tetapi memperoleh satu lagi, iaitu kebanggaan menjadi warga Orang Singapura yang sejati. Kerana cinta bukan sekadar untuk seseorang, tetapi juga untuk sesuatu yang lebih besar. Menjadi Orang Singapura bermaksud memilih kebaikan yang lebih besar, walaupun dengan hati yang terluka. Dia mungkin cinta pertamaku, tetapi aku tidak boleh menghalangnya daripada mengejar impiannya. Aku hanya mampu mendoa untuk kesejahteraan dan melatih anak lelakiku untuk mempunyai separuh pun kegigihan dan kasih sayang yang dipunyai Budi terhadap Singapura.

Ketika itu, lagu 'Orang Singapura' didendangkan dengan megah, bergema di seluruh Padang, mengisi ruang langit dan hati kami serentak. Setiap baris liriknya seolah-olah ditulis untuk kami berdua. Aku menyedari bahawa walaupun cinta kami tidak bersatu, jiwa kami akan sentiasa menjadi sebahagian daripada kisah tanah air ini, iaitu kisah



seorang lelaki, seorang wanita, dan sebuah lagu yang menjadi saksi segalanya. Sampai bila-bila, lirik lagu itu tidak dapat kupisahkan daripada ingatan ini. Lagu "Orang Singapura" itu bagaikan menghimpunkan seluruh perjuangan kami, walaupun cinta kami tidak berakhir bersama, namun kami tetap bangga dengan apa yang telah dicapai, baik dalam negara mahupun dalam hati kami masing-masing.

Keputusan untuk melepaskan cinta pertamaku merupakan keputusan yang paling sukar dalam hidupku. Sebab kami merancang masa depan kami bersama, tetapi tidak kesampaian. Lagu 'Orang Singapura' menceritakan ciri-ciri yang sepatutnya dipunyai oleh rakyat untuk terus mengharumkan nama negara. Lagu itu ialah lambang semangat, ketabahan, dan pengorbanan, tidak hanya untuk Singapura, tetapi juga untuk segala yang telah kami korbankan demi negara ini.

Walaupun kami gagal untuk membina masa hadapan bersama, aku percaya bahawa ini semua takdir Tuhan. Aku berasa amat bertuah kerana dapat bertemu dengannya. Aku sentiasa akan mengingatnya dan dia selalu akan berada di dalam hatiku. Begitu juga lagu 'Orang Singapura' yang tidak akan gagal untuk membuat aku berasa bangga terhadap Budi yang telah terpilih menjadi komander perbarisan, sesungguhnya sangat membanggakan masyarakat Melayu khususnya... kerana inilah yang dikatakan 'Orang Singapura'.

AKAR YANG TIDAK TERCABUT

Janice Sugiharto
Maktab Rendah Kebangsaan

"Kalau kamu semua tinggalkan tanah ini, kamu akan hidup lebih senang. Percayalah, saya hanya mahu yang terbaik bagi kamu semua," kata Dato' Kamarul, senyuman terukir di bibirnya namun, pandangan matanya keras seperti batu.

Kata-katanya ibarat gula-gula beracun. Di sebalik janji pembangunan, tersimpan rencana—menara konkrit dan kondominium mewah akan menggantikan sawah dan surau, menenggelamkan akar sejarah kampung. Seperti api dalam sekam, niat sebenarnya tersembunyi di balik pelan 'EkoKota 2030'.

Langit Kampung Sri Damai diselubungi kabut kelabu. Desiran angin membawa bau tanah yang semakin dilupakan. Burung-burung kini hinggap di tiang elektrik, bukan lagi bertenggek di dahan pokok rambutan. Orang kampung mula berbelah bahagi—ada yang tergoda dengan pampasan, ada yang masih mempertahankan tanah ini umpama nyawa sendiri.

Mak Yah duduk bersila di bawah pokok ketapang yang rendang, memerhati dalam diam. Matanya tidak berkedip, penuh dengan kisah lama yang tersimpan. Wajahnya tenang, tapi kerut di dahinya menyimpan rasa bimbang yang tidak terucap.

Di sisinya, Nurul Iman turut duduk, senyap namun berjaga. Walaupun bibirnya tidak pernah berbicara, fikirannya bergelora seperti ombak dalam dadanya. Dia sudah lali dengan kata-kata seperti ini—janji kemajuan, rancangan perubahan, dan impian yang tak pernah bertanya pada tanah yang diinjak.

Tangan Nurul menyentuh anggerik yang kering di celah retakan simen. Kelopaknya pudar, batangnya layu. Namun sebaik-baik sahaja tangannya menyentuh pangkal pokok itu, suatu cahaya lembut muncul—anggerik itu segar semula, berwarna ungu terang, seolah-olah diberikan peluang kedua untuk hidup.

Langit Kampung Sri Damai terus muram, seolah-olah meratapi nasib yang tergantung. Di sebalik rimbunan pokok dan deretan rumah kayu, Nurul Iman berjalan perlahan bersama Mak Yah, langkahnya ringan seperti bayang-bayang senja. Dia tidak berkata apa-apa—bukan kerana dia enggan, tetapi

kerana dia tidak mampu. Sejak kecil, suaranya tidak pernah wujud di dunia ini. Namun, diamnya bukan kosong. Di balik sunyi itu, hatinya berdenyut dengan perasaan yang halus, doa yang tidak bersuara, dan kasih yang tidak memilih siapa.

Tangan Nurul ialah lidahnya. Di situlah magisnya tersembunyi—anugerah yang lembut tetapi penuh makna. Apabila dia menyentuh sesuatu sambil memanjatkan doa yang ikhlas dalam hatinya, dunia kecil di sekelilingnya berubah. Tidak besar, tidak menggempur langit—tetapi cukup untuk menghidupkan semula harapan yang hampir padam. Pada petang itu, Mak Ya mengelus rambut Nurul sebelum memandang Nurul dengan mata yang redup tetapi tajam.

"Tanah ini, Nurul," bisik Mak Yah perlahan, "ia bukan sekadar tempat tinggal. Ia nadi. Setiap pokok, setiap batu, ada menyimpan cerita. Kalau kita biarkan, nanti tiada siapa lagi yang akan ingat asal usulnya."

Nurul mendengar dengan seluruh jiwanya. Pandangannya ke arah sawah yang jauh menyimpan cahaya baharu—seperti mentari pagi yang belum muncul, tetapi dijanjikan. Dalam hatinya, sesuatu menyala. Harapan kecil yang cukup untuk memberikan arah.

Beberapa hari kemudian, gegaran enjin kenderaan pacuan empat roda mengganggu ketenangan petang. Beberapa orang lelaki bersut datang lagi—mewakili Dato' Kamarul. Sasaran mereka ialah Pak Cik Rahim, seorang pengamal herba tua yang masih setia pada kebun kecilnya di belakang rumah. Mereka datang membawa fail dan janji wang pampasan, menggoda dengan angka yang tampak selesai.

Pak Cik Rahim kelihatan keliru. Tangannya yang tua menggigil sedikit, bukan kerana takut, tetapi kerana kecewa—seperti pokok yang goyah dibadai angin. Nurul yang melihat dari jauh melangkah perlahan ke arah kebun herba yang kelihatan terabai.

Daun-daunnya layu, tanahnya kering, dan pelanggan sudah lama tidak singgah.

Dengan penuh hati-hati, Nurul melutut lalu menyentuh tanah di hujung batas.

Jari-jarinya meramas tanah dengan perlahan, lalu sepotong doa bergema dalam dadanya—bukan dengan suara, tetapi dengan kasih. Cahaya lembut mengalir dari tangannya, tidak kelihatan oleh mata kasar, tetapi dirasakan oleh alam. Bau daun pudina kembali harum, bunga belalai gajah mula mekar. Alam menyambut bisikan hatinya.

Keesokan pagi, sesuatu yang luar biasa berlaku. Orang kampung kembali mampir ke halaman Pak Cik Rahim—mencari herba untuk sakit lutut, batuk, dan lelah. Mereka terkejut melihat kebunnya subur seperti dahulu kala. Kehijauan itu kembali, dan dengan itu, tekad Pak Cik Rahim juga pulih.

“Saya takkan jual,” katanya perlahan kepada orang kampung. “Kampung ini masih hidup.”

Bisikan demi bisikan mula tersebar. Ada yang berkata tanah ini diberkati. Ada yang percaya semangat nenek moyang sedang melawan. Tapi dalam diam, Nurul tahu—ia adalah berkat yang datang dari hati, tanpa suara, tetapi penuh kuasa. Inilah titik permulaan kebangkitan—satu demi satu, kehidupan kembali menyatu dengan tanah yang hampir dilupakan.

Angin petang menyapu lembut rambut Nurul yang duduk bersandar di pangkal pokok ketapang. Matanya memandang jauh ke arah kebun Pak Cik Rahim, yang kini kembali subur dan hidup. Dalam hatinya, ada rasa kehangatan yang sukar digambarkan—seperti pelita kecil yang menyala dalam ruang gelap. Dia tidak pernah mengharap pujian, tidak perlu pengiktirafan. Cukup sekadar melihat seseorang seperti Pak Cik Rahim memilih untuk bertahan. Itu sudah membuatkan jiwanya tenang.

Wajah Dato’ Kamarul muncul dalam bayangan fikirannya—bersut mahal, berkaca mata hitam, senyum plastik yang tak pernah sampai ke mata. Nurul mengepal tangan sendiri. Dia tahu, berkatnya mampu mengubah, tetapi mampukah ia menyedarkan seorang lelaki yang sudah lama meninggalkan akar asalnya?

Beberapa hari selepas itu, Nurul mengikut Mak Yah ke pasar. Deretan gerai menjual hasil kampung—sayur-sayuran segar, buah-buahan tempatan, rempah ratus beraroma dan kuih-muih pembuka selera. Suasana ceria, tetapi Nurul boleh berasa

ada kegelisahan tersirat di sebalik senyuman para penjual.

Di satu sudut, Tok Faiz, wanita separuh umur dengan mata yang letih, sedang berbual dengan Mak Yah sambil menyusun kuih lapis yang kelihatan hambar warnanya.

“Aku tak sanggup dah, Yah,” keluh Tok Faiz. “Duit makin susut, anak aku kat kolej pun dah minta tangguh yuran. Dato’ Kamarul janji pampasan tinggi, cukup nak bayar semua hutang. Kalau aku dapat duit tu, sekurang-kurangnya aku boleh bagi makan keluarga.”

Mak Yah hanya membungkam, wajahnya berat dengan simpati.

Nurul berdiri di sisi, mendengar tanpa suara. Pandangan matanya jatuh pada meja kayu lusuh yang digunakan Tok Faiz. Dia melihat tangan wanita itu menggigil saat menyusun baki syiling. Nurul melangkah perlahan, menyentuh bucu meja itu dengan hujung jarinya. Hatinya bergetar, dan dalam sunyi, dia memanjatkan doa—agar rezeki wanita ini kembali, agar tangannya kembali menghasilkan rasa yang dirindui.

Beberapa hari kemudian, pasar kembali meriah. Gerai Tok Faiz mula dipenuhi pelanggan—ada yang memuji rasa kuihnya yang ‘macam dulu-dulu’, ada yang berkata, “Kuih Tok Faiz sekarang sedap betul, tak tahu kenapa.” Warna kuih-kuihnya lebih menarik dan ‘hidup’. Baunya pula menggoda, dan senyuman kembali ke wajahnya.

Berita tersebar. Pak Cik Rahim mahu kekal di situ sementara Tok Faiz berniaga dengan jayanya semula. Orang kampung mula berbisik tentang ‘keajaiban’ yang berlaku. Ada yang percaya doa nenek moyang. Ada yang mula percaya tanah ini tidak boleh dijual begitu saja. Dalam diam, keputusan dibuat—mereka memilih untuk kekal. Walau susah, mereka tidak mahu menggadaikan jiwa kampung untuk sekadar mendapatkan janji kosong.

Pada malam sunyi, Nurul berjalan seorang diri ke kawasan lapang di hujung kampung, di mana papan tanda besar menyatakan ‘Tapak Masa Depan: EkoKota 2030’ terpacak. Ia seperti luka terbuka pada tubuh kampung. Tanpa ragu, Nurul merapatkan tangan pada tanah. Dalam hatinya, dia memohon agar bumi ini melindungi dirinya sendiri, agar keindahan liar kembali menuntut haknya.

Pagi esoknya, papan tanda itu hampir hilang dari pandangan. Dipeluk oleh pokok-pokok renek, dililit oleh bunga-bunga liar—tapak itu tidak lagi tampak seperti tapak pembinaan, tetapi seperti taman rahsia. Alam menjawab doa Nurul dengan pertumbuhan yang luar biasa.

Dato' Kamarul tiba tengah hari itu. Dia berdiri tercegat di depan kawasan tersebut, matanya terbeliak.

"Apa semua ni?" suaranya marah. "Siapa punya angkara ni?"

Tiada siapa menjawab. Orang kampung hanya memerhati dari jauh. Wajah mereka tenang, tetapi penuh tekad. Mereka tidak lagi takut. Nurul, di antara mereka, hanya berdiri diam—matanya tenang, dan hatinya kuat. Kampung Sri Damai telah mula melawan—dengan akar, dengan tangan, dan dengan berkat yang tak pernah bersuara.

Beberapa hari berlalu sejak kejadian di tapak projek, Dato' Kamarul tidak lagi datang dengan jentera berat atau pelan pembangunan. Sebaliknya, dia duduk seorang diri di bangku kayu lama berdekatan surau kecil kampung—surau yang dulunya tempat dia belajar mengaji ketika kecil. Kini, berdebu dalam ingatannya.

Matanya menyapu sekeliling. Anak-anak berlari sambil ketawa, membawa layang-layang buatan sendiri. Mak cik-mak cik duduk menyang pucuk ubi sambil bersembang dan ketawa kecil. Pemuda-pemudi pula bergotong-royong membersihkan balai raya. Bau masakan kampung menyelina dari dapur rumah berdekatan, mengingatkannya pada aroma gulai yang dimasak maknya dahulu.

Inikah yang aku hampir musnahkan? hatinya berdetik. Dulu dia beranggapan kemajuan hanya datang dengan kaca dan besi, bangunan tinggi dan jalan lebar. Tetapi di sini, kemajuan itu tidak bersifat fizikal—ia hidup dalam semangat bersama, dalam budaya gotong-royong yang tidak dimiliki oleh kota moden.

Dia mula sedar, selama ini, dia yang tercabut daripada akarnya. Dalam usahanya 'melarikan diri' daripada kemiskinan zaman kecilnya, dia turut melarikan diri daripada warisan jati dirinya. Kehidupan yang ringkas di kampung ini lebih kaya daripada kesibukan bandar yang penuh tekanan dan kesepian. Di sini, manusia mengenal manusia—bukan hanya sebagai jiran, tetapi sebagai keluarga.

Hari berikutnya, di hadapan balai raya, Dato' Kamarul berdiri di hadapan sekumpulan penduduk kampung yang berkumpul dengan penuh tanda tanya.

"S-saya tarik balik semua rancangan projek di kampung ini," katanya perlahan tapi jelas. "Kampung ini tidak wajar untuk dimodenkan. Ia sudah cukup kaya dengan nilainya sendiri."

Ada detik senyap. Kemudian tepukan gemuruh bergema, diikuti oleh sorakan kecil. Akhirnya, gelombang kegembiraan menyapu seluruh perkarangan balai raya. Orang kampung berpelukan, ada yang menangis, ada yang bersujud syukur.

Dari jauh, di bawah naungan pokok bunga kertas yang sedang mekar, Nurul berdiri memerhati. Dalam dadanya, ada rasa lega yang mendalam. Usahnya—yang sunyi, yang perlahan, yang tanpa sepatah kata—akhirnya membawa sinar.

Kampung Sri Damai mula bernafas kembali. Setiap hari, ada sahaja inisiatif baharu: kelas mengaji, bengkel anyaman, kebun komuniti. Warna-warni kain batik yang berkibaran di jemuran, tawa riang kanak-kanak yang meniti batas sawah, dan lagu-lagu tradisional dari radio lama Mak Yah membentuk melodi baharu—melodi kehidupan yang tidak akan mudah terpadam.

Di tengah semua itu, Nurul tersenyum. Dia tahu, berkat bukan hanya tentang mukjizat yang berlaku di hujung jari—tetapi tentang harapan yang tumbuh diam-diam, dan kekuatan yang disemai dalam hati-hati yang memilih untuk tidak menyerah.

KISAH ALIF

Adam Danial Osman
Maktab Rendah Yishun Innova

Langit dipecahi kilatan petir dan dentuman guntur. Air mata langit menggila. Hujan mencurah-curah tanpa henti. Ombak setinggi rumah menghentam sisi kapal, membuat dek terangkat dan bergoncang hebat. Penumpang-penumpang menjerit, anak-anak kapal terpekik memberikan arahan.

Dalam keadaan huru-hara ini, Alif memeluk isterinya, Aishah, dengan kuat. Jari-jemari Alif mengigil kerana takut impiannya akan tenggelam sebelum sempat bermula.

Ini waktu pertama Alif dan isterinya berlayar ke Singapura. Mereka mahu bermastautin di Singapura untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Tindakan mereka mendapat banyak kritikan kerana Alif hanya berusia lapan belas tahun dan dia belum menghabiskan pendidikan peringkat tinggi di universiti. Selain itu, keluarga Alif merupakan sebuah keluarga yang kaya dan berjaya di Malaysia. Namun, Alif percaya bahawa terdapat lebih banyak peluang di Singapura, dan dia ingin mencari kehidupan baharu di sana. Tanpa sokongan keluarganya, Alif dan Aishah berlayar ke Singapura dengan harapan untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Setelah dua jam belayar, mereka akhirnya sampai ke Singapura dari Malaysia.

Kehidupan mereka tidak seperti yang mereka impikan. Mereka tidak mendapati peluang yang diinginkan. Mereka hanya mampu menyewa satu bilik. Alif terpaksa meninggalkan kerjanya sebagai kelasi kapal. Aishah pula hamil dengan anak pertama mereka. Walaupun kehidupan mereka susah, mereka tidak berputus asa dan percaya bahawa kehidupan mereka akan membaik jika mereka bekerja keras.

Tidak lama kemudian, Alif mendapat pekerjaan sebagai pekerja buruh. Dia harus bekerja pada awal pagi hingga malam. Pada waktu malam pula, Alif harus pulang ke rumah untuk menjaga isterinya yang hamil dan belajar untuk meningkatkan kemahirannya supaya mendapat lebih banyak peluang pekerjaan. Di rumah, Alif selalu diejek oleh jiran-jirannya kerana dia miskin. Alif tidak peduli dan terus bekerja keras kerana dia percaya bahawa dia akan mencapai kejayaan pada masa hadapan.

"Alif, marilah kita pulang. Saya tidak suka melihat awak begini. Kita boleh mulakan kehidupan yang lebih baik di Malaysia," kata isterinya, Aishah, kepadanya semasa Alif sedang belajar di rumah.

"Genggam bara api, biar sampai jadi arang. Kita harus bersabar semasa membuat sesuatu pekerjaan yang susah. Kita pasti akan mencapai kejayaan pada masa hadapan!" Alif berkata dengan penuh emosi dan keyakinan.

Aishah tersenyum melihat sikap suaminya yang positif dan bersikap tidak berputus asa. Setelah peristiwa itu, Aishah berjanji untuk selalu menyokong dan memberikan motivasi kepada suaminya dalam segala keputusan yang dilaksanakan olehnya.

Akhirnya, usaha Alif berhasil dan dia mendapat pekerjaan sebagai kerani di syarikat yang besar di Singapura, Cold Storage. Selepas ini, barulah dia dihormati oleh jiran-jirannya. Selain itu, jiran-jirannya juga memandangnya sebagai seorang yang bekerja keras dan amanah untuk keluarganya. Walaupun dia sudah mendapat pekerjaan yang baik, dia tetap bekerja keras untuk keluarganya.

Setelah bertahun-tahun bekerja, kerja kerasnya diiktirafkan lagi dan dia dinaikkan pangkat sebagai akauntan. Sekarang, gajinya cukup untuk keluarganya hidup dengan selesa. Dengan gaji baharunya, dia membeli rumah baharu untuk keluarganya dan berjimat supaya keluarganya akan sentiasa hidup dalam kehidupan selesa. Walaupun mereka selesa, Alif mempercayai bahawa Tuhan yang memberinya peluang-peluang ini dan dia harus berbakti kepada masyarakatnya supaya orang lain juga dapat berjaya sepertinya. Oleh itu, dia menjadi sukarelawan di masjid yang berdekatan.

Sejak waktu itu, Alif selalu cuba untuk menolong masyarakatnya. Dia selalu memberikan makanan kepada jiran-jirannya dan menderma kepada orang fakir miskin. Dia juga memberikan nasihat kepada jiran-jirannya tentang cara-cara untuk berjaya dalam kehidupan. Ini menyebabkan jiran-jirannya berjaya juga dalam kehidupan mereka. Oleh itu, Alif menjadi amat terkenal dalam kalangan masyarakatnya dan semua orang amat menyenangi perangai Alif yang amanah

dan penyayang. Perangai Alif yang amanah dan penyayang kepada masyarakat juga dikenali oleh pemerintah dan pemerintah memberinya kewarganegaraan.

Suatu hari, seorang rakan Alif yang berbangsa Cina meminta bantuannya kerana menghadapi masalah kewangan. Sebenarnya, rakannya itu telah diberhentikan kerja dan tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk menyara anaknya. Walaupun mereka berlainan bangsa, Alif tidak mepedulikan perbezaan itu dan segera menghulurkan wang sebanyak seribu dolar kepadanya. Rakannya memberitahu bahawa jumlah itu terlalu banyak, tetapi Alif berkata bahawa adalah lebih baik menggunakan wang tersebut untuk membantu seorang sahabat. Rakannya amat berterima kasih dan berkata bahawa dia berhutang budi kepadanya.

Pada satu hari, tragedi melanda...

"Rusuhan kaum antara Melayu dengan Cina tercetus di Geylang! Cuba elakkan daripada keluar rumah dan berhati-hati!" kedengaran pengumuman dilaungkan di radio.

Setelah mendengar berita itu, Alif segera berlari keluar dari kedai kopi di Geylang dan cuba pulang ke rumah secepat mungkin. Namun, rancangannya tidak berjalan seperti yang dirancang. Di tengah perjalanan, dia terserempak dengan sekumpulan perusuh Cina. Alif bersabar dan berjaya melepaskan diri daripada mereka.

Perjalanannya masih jauh, dan dia mula merasakan bahawa dia mungkin tidak sempat pulang ke rumah. Pada masa itu, kawan Alif yang berbangsa Cina ternampak Alif dan menawarkan untuk menyembunyikan Alif di rumahnya.

Selepas seminggu bersembunyi, Alif dapat pulang ke pangkuan keluarganya. Dia memeluk isterinya dengan kuat.

Alif menunjukkan ciri-ciri sebagai orang Singapura. Jika kita berusaha dengan tekun dan tidak mudah berputus asa, kejayaan pasti akan menjadi milik kita. Walaupun Alif berasal daripada keluarga yang

berjaya, dia memilih untuk meninggalkan keselesaan itu demi masa depan yang lebih bermakna mengikut pilihannya sendiri. Perjalanan hidup Alif menunjukkan bahawa kebaikan yang kita berikan kepada orang lain tidak akan sia-sia—seperti bagaimana dia pernah membantu rakannya, dan akhirnya rakan itu pula yang menyelamatkannya pada saat dia memerlukannya. Ini membuktikan bahawa setiap perbuatan baik pasti akan dibalas dengan kebaikan juga, walaupun mungkin dalam bentuk yang tidak kita sangka.

LELAKI TANPA NAMA

Myesha Amberly Moniruzzaman
Institusi Raffles

Lorong Buangkok, sebuah tempat yang tersembunyi daripada hiruk-pikuk kota, berbicara dengan bahasanya yang penuh rahsia, menyimpan kenangan yang terpendam dalam setiap liang-liang tanah dan rekahan tembok. Ia bukan tempat yang dicari-cari oleh mereka yang tergesa-gesa, namun di situlah segala kehidupan yang tersembunyi berjalan perlahan, penuh dengan kisah-kisah yang tidak pernah mendapat sorotan. Di situlah aku, seorang wartawan muda yang baru sahaja memasuki dunia kewartawanan, menemukan lelaki itu — Lelaki Tanpa Nama.

Lelaki itu tidak mengenakan pakaian istimewa, tiada tanda-tanda kemewahan pada dirinya. Hanya topi lusuh dan pakaian yang sudah terlalu sering dipakai, seolah-olah sudah menjadi sebahagian daripada kulitnya. Setiap hari, dia muncul tanpa berkata-kata, hanya melakukan kerja-kerja kecil yang nampaknya tidak pernah berakhir. Mengutip sampah di tepi jalan, menambal longkang yang tersumbat, membersihkan lorong-lorong. Tiada siapa yang bertanya, tiada siapa yang peduli. Dia tidak pernah mengharapkan penghargaan, dan tidak pernah mahu dikenali. Lelaki itu seperti angin yang berhembus perlahan, membawa perubahan yang tidak terucap, tetapi cukup dirasakan oleh mereka yang peka.

Aku tiba di kampung ini dengan misi, tugas yang diberikan oleh editor di portal berita Singapura Muda. Arahan ringkas yang diterima — "Cari kisah tentang kampung yang semakin hilang daripada peta. Kalau ada elemen tular, lebih baik." Aku datang untuk menulis perubahan yang berlaku di tempat-tempat yang semakin dilupakan, dan mungkin, jika ada cerita sensasi, itu akan menjadi bonus. Namun, sebaik-baik sahaja kaki aku melangkah masuk ke dalam lorong yang sunyi ini, aku merasakan bahawa aku bukan sekadar datang untuk mencari cerita. Aku datang untuk menemui sesuatu yang lebih bermakna, sesuatu yang tak boleh ditulis dengan kata-kata semata.

Lelaki itu tidak mempedulikan kehadiranku. Dia hanya melakukan apa yang perlu dilakukan, tanpa sebarang perasaan ingin menarik perhatian. Aku menunggu, mengamati gerak-gerinya. Ada yang mengatakan bahawa lelaki itu bekas kontraktor, ada juga yang mengatakan dia bekas banduan yang sedang mencari erti hidup untuk menebus

kesalahan silamnya. Tiada siapa yang tahu, dan tiada siapa yang bertanya. Bagi aku, semua itu hanya khabar angin yang tidak membawa makna. Apa yang lebih penting ialah apa yang dilakukan oleh lelaki itu — bukan siapa dia, tetapi apa yang ditinggalkannya dalam lorong ini.

Aku mendekati lelaki itu dengan kamera tergantung di leher, sedikit gemetar dalam hati. "Encik," aku memulakan, suaraku agak tersekat, "Saya dari portal berita Singapura Muda. Boleh saya tahu siapa nama Encik? Kami ingin buat dokumentari tentang kerja-kerja seperti ini."

Dia berhenti sejenak, matanya yang aman dan penuh ketenangan memandang aku. Tanpa berkata-kata, dia duduk di tanah, mengelap peluh di dahinya dengan tuala kecil yang tampak sudah lusuh. Aku menanti, berharap jawapan yang akan memberi aku kepastian tentang siapa dia, tetapi lelaki itu hanya berkata perlahan, suaranya hampir sukar untuk didengar.

"Kalau kau tahu nama aku, adakah itu akan mengubah apa-apa?" katanya dengan lembut, namun setiap patah perkataannya seperti menampar lembut hatiku. "Kadang-kadang, kerja yang paling bermakna adalah yang dilakukan tanpa mengharapkan pujian. Nama bukanlah segalanya yang penting adalah apa yang kita tinggalkan di dunia ini."

Aku terdiam. Dunia sekelilingku tiba-tiba berhenti berputar. Kata-katanya menusuk hati, lebih dalam daripada apa yang aku jangkakan. Aku datang untuk mencari cerita, tetapi yang aku temui bukanlah kisah sensasi yang aku mahu ceritakan, tetapi sebuah kebenaran yang lebih mendalam; tentang bekerja tanpa mengharap balasan, tentang hidup dalam diam, dan tentang memberi tanpa syarat. Sesuatu yang jauh lebih penting daripada nama atau pengiktirafan.

Pada malam itu, aku menginap di rumah Cik Jah, seorang wanita tua, yang menjaga 'homestay' kecil di kampung ini. Kami berbual tentang kampung yang semakin lama semakin terpinggir. Cik Jah berkata, kampung ini dahulunya sangat hidup, penuh dengan semangat gotong-royong dan keharmonian. Kini, segala-galanya berubah. Orang ramai mula meninggalkan tempat ini untuk mencari kehidupan yang lebih selesa di kawasan

yang lebih moden. Namun, Cik Jah menyambung dengan nada yang lebih perlahan.

"Walaupun kampung ini semakin sepi, semangatnya masih kekal."

Di ruang tamu rumah Cik Jah, terdapat sebuah lukisan lama yang tergantung di dinding. Lukisan itu menggambarkan sebuah kampung yang tenang, dengan pohon-pohon yang rendah, rumah-rumah kecil yang penuh dengan kehidupan, dan jalan-jalan yang sederhana. Di bawah lukisan itu tertulis sebaris kalimat:

"Kalau sudah jadi Orang Singapura, tak perlu bisungkan jasa. Cukup kalau kita hidup bersama, dengan saling menghargai."

Aku membaca kata-kata itu berulang kali. Ia seperti petunjuk, memberi aku jawapan yang selama ini aku cari. Kampung ini, lelaki itu, dan semua yang ada di sini bukan tentang nama atau pengiktirafan. Ia tentang nilai yang lebih besar daripada itu. Tentang hidup bersama dengan rasa hormat dan saling menghargai, tentang memberi tanpa meminta kembali. Itulah yang sebenarnya yang membuatkan seseorang layak dipanggil Orang Singapura.

Dua minggu selepas itu, lelaki itu hilang. Tiada siapa yang tahu ke mana dia pergi. Penduduk kampung mula merasa kekosongan itu. Longkang yang tersumbat tidak lagi dibersihkan. Lampu jalan yang padam tidak diganti. Kampung itu, yang selama ini hidup dengan ketenangan yang sederhana, kini terasa lebih sunyi. Namun, kehilangannya memberikan sesuatu yang berharga. Sebuah ruang untuk mereka yang masih tinggal di sini untuk melangkah ke hadapan, meneruskan apa yang telah ditinggalkan.

Aku menulis artikel itu bukan dengan nama atau wajah lelaki itu, tetapi dengan apa yang ditinggalkannya. Artikel yang tidak tular, tidak mendapat ribuan respons 'suka' daripada pembaca tetapi di dalam hati aku, ia adalah cerita yang paling bermakna. Aku menulis cerita tentang seorang lelaki yang datang dan pergi tanpa meninggalkan jejak, tetapi meninggalkan kesan yang lebih mendalam daripada apa yang dapat dilihat.

Di kampung itu, sesuatu mula berubah. Seorang remaja yang biasanya hanya bermain di hujung jalan, kini mengutip sampah di taman. Seorang pak cik yang selama ini hanya duduk di luar rumah, kini membersihkan papan tanda yang sudah pudar warnanya. Seorang mak cik menanam bunga di

sepanjang lorong yang dulu kelihatan suram. Mereka tidak mencari nama atau kemasyhuran, tetapi mereka tahu bahawa mereka adalah sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar, sesuatu yang lebih berharga daripada apa yang dapat dilihat dengan mata kasar.

Hari demi hari berlalu, dan aku kembali ke kota, tetapi perasaan itu masih bersama aku. Aku telah menyaksikan sesuatu yang lebih daripada sekadar kisah sebuah kampung yang hilang. 'Lelaki Tanpa Nama' telah mengajarkan aku bahawa kita tidak perlu menjadi terkenal untuk membuat perubahan. Kadang-kadang, hanya dengan memberikan sedikit sahaja, tanpa mengharapkan penghargaan, kita dapat meninggalkan kesan yang lebih besar daripada apa yang dapat kita bayangkan. Keberadaan dan ketiadaan lelaki itu telah menghidupkan semula semangat dalam sebuah komuniti yang hampir dilupakan.

Aku tidak tahu jika aku akan kembali ke kampung itu. Namun, aku pasti bahawa Lorong Buangkok akan sentiasa mengingatkan aku tentang lelaki yang tidak pernah mengharapkan apa-apa, tetapi memberikan segalanya. Walaupun dia telah pergi, dia meninggalkan sebuah dunia yang sedikit lebih baik daripada sebelumnya.

SANGKAR TERBUKA

Charissa Octavia Asmoro
Politeknik Temasek

Kuatnya seorang wanita bukan diukur dari tenaganya, tetapi dari keberaniannya mengejar impian. Namun, bagaimana jika impian itu dianggap tidak berharga? Siti selalu percaya bahawa seni ialah jiwanya, tetapi di mata keluarganya, itu hanyalah masa depan yang tidak pasti. Seumur hidupnya, Siti diajar untuk menjadi yang pertama.

"Pilihlah jalan yang selamat, Siti. Hidup ini bukan tentang apa yang kamu suka, tapi tentang apa yang kamu perlu buat."

Kata-kata bapanya bukan sekadar nasihat - ia seperti hukum yang tidak boleh dicabar, terngiang-ngiang di telinganya berulang kali, seakan-akan rantai yang membelenggu setiap langkahnya. Tetapi seperti benih kecil yang tumbuh di celah batu, impiannya masih bernafas-menunggu saatnya untuk mekar, jika saja dia berani membebaskan dirinya daripada sangkar yang mengurungnya.

Di tengah kecamukan fikiran yang tidak pernah sunyi - di antara suara desakan harapan dan perasaan tertekan, Siti akhirnya melarikan diri ke Taman Pantai Timur (East Coast Park), tempat yang selalu memberinya ketenangan. Begitu dia melangkah ke pantai, segala kebisingan dunia tiba-tiba terasa jauh. Suara ombak yang menghentam pantai membasahi telinganya, berbaur dengan kicauan burung yang terbang bebas, seolah-olah melodi alam yang memadamkan suara-suara yang mengganggu di dalam kepalanya. Bau garam laut yang segar, bercampur dengan aroma pasir yang hangat, memenuhi hidungnya, memberikan rasa seolah-olah dia sedang berada di syurga. Setiap hirupan udara membawa rasa damai yang dalam, seolah-olah dia bukan lagi di bumi yang penuh dengan kekusutan, tetapi berada di ruang yang jauh lebih tenang, tempat yang membebaskan jiwanya dari segala beban yang sudah lama mengikatnya.

Siti memilih untuk duduk di bawah naungan pohon-pohon besar yang berbaris rapi, seolah-olah melindunginya daripada dunia luar. Pohon-pohon itu, seperti sahabat yang setia, menemani setiap langkahnya, memberikan ruang tanpa menghakimi, tanpa bertanya apa yang mengganggu hatinya. Dia duduk di bangku kayu tua, yang sudah dimakan waktu, dan membuka buku lukisannya yang telah lama dilupakan. Dengan setiap goresan pensel,

dia berusaha menenangkan fikirannya, seolah-olah setiap lukisan itu bukan hanya gambaran alam di depannya, tetapi juga luahan perasaan yang terperangkap dalam dadanya - rasa yang selama ini dia pendam, yang tidak pernah sempat diluahkan. Setiap garisan yang terukir, setiap lengkungan pensel, membawa sedikit ketenangan, seolah-olah alam sekelilingnya turut membantu meredakan kegelisahan yang membelenggunya.

Tanpa disedari, seorang lelaki tua, Pak Hassan, telah lama berdiri di belakangnya, memerhatikannya dengan penuh perhatian. Pak Hassan telah bertahun-tahun menjaga taman ini, melindungi dan mengasihi setiap pokok di sini seperti seorang bapa yang menyayangi anak-anaknya. Tiba-tiba, suara lembutnya memecah kesunyian.

"Cantik sekali," katanya dengan senyuman hangat, memuji lukisan yang sedang Siti kerjakan.

Siti tersentak, malu dan terkejut. Dengan cepat, dia menutup buku lukisannya.

"Ini... ini cuma pembaziran masa," jawabnya, suaranya hampir terdengar takut dan kesal. "Orang tua saya kata, saya patut fokus pada masa depan saya. Seni bukanlah masa depan yang sebenar."

Pak Hassan hanya tertawa kecil, suaranya penuh dengan kebijaksanaan yang hanya dapat datang dengan usia. Dia menoleh ke arah pohon-pohon tinggi yang melambai di sekeliling mereka.

"Lihat pokok-pokok ini. Dulu, masa saya mula-mula tanam mereka, orang ketawa. Mereka kata, 'Kenapa susah-susah? Bertahun-tahun baru nampak hasilnya.' Tapi sekarang, lihatlah mereka—tinggi dan megah. Apa yang orang kata, tidak penting. Yang penting ialah kamu percaya pada apa yang kamu lakukan, walaupun ia memerlukan masa yang lama untuk tumbuh."

Pak Hassan tersenyum lebar, penuh ketenangan. "Kadang-kadang, perkara yang berharga memerlukan waktu yang lama untuk berkembang. Tetapi itu tidak bermakna ia sia-sia."

Kata-kata Pak Hassan menggema dalam hati Siti. Sebuah perasaan yang sebelumnya terperangkap

dalam dirinya kini mula berkembang sedikit demi sedikit. Di satu sisi, dia merasakan harapan yang mulai menyala kembali, namun di sisi lain, dia juga menyadari betapa besar jurang antara impiannya dan dunia yang mengurungnya. Namun, entah mengapa, ada sesuatu dalam dirinya yang mula berani untuk terus melangkah ke hadapan.

Terinspirasi oleh kata-kata Pak Hassan yang penuh kebijaksanaan, Siti kembali melukis dengan semangat yang baru. Setiap goresan pensel dan sapuan warna bukan sekadar untuk mencipta karya seni, tetapi untuk menyalurkan segala perasaan yang terperangkap dalam dirinya, perasaan yang sering ditahan dan tidak pernah diluahkan. Dengan setiap lukisan, dia mahu menunjukkan keindahan yang sering diabaikan oleh dunia, iaitu alam sekitar di sekelilingnya - ruang hijau Singapura, burung-burung yang terbang bebas, dan keindahan yang tersembunyi dalam kehidupan sehari-hari.

Namun, apabila ibu bapanya mendapati apa yang sedang dilakukannya, kemarahan mereka meluap. "Ini semua sia-sia, Siti!" jerkah bapanya dengan suara penuh amarah. "Kamu sedang membazirkan masa untuk sesuatu yang tidak akan memberi kamu makan!"

Ibunya, yang biasanya lembut, juga tidak dapat menahan rasa kecewanya. "Ini bukan kerja yang sebenar, Siti. Kamu harus fokus pada masa depanmu, bukan pada hobi yang tidak ada faedahnya."

Kata-kata mereka membuatkan hati Siti terhimpit. Segala impian yang baru sahaja dia bangunkan terasa retak dan rapuh. Dia merasa bagaikan kembali terperangkap dalam sangkar yang selama ini mengurungnya, terperangkap dalam harapan-harapan yang tidak pernah bisa diterima oleh keluarganya.

Dengan hati yang hancur, Siti menyimpan semula alat lukisannya, memaksa dirinya untuk melepaskan impian-impian yang selama ini menjadi harapan. Mungkin mereka benar. Mungkin seni bukanlah jalan yang patut dipilihnya.

Dia kembali ke Taman Pantai Timur, tempat yang selalu memberinya ketenangan. Di sana, dia berharap untuk bertemu Pak Hassan, untuk mendapatkan sedikit kelegaan. Namun, Pak Hassan tidak ada di tempat biasa. Setelah bertanya kepada beberapa orang, Siti diberitahu bahawa Pak Hassan sudah meninggal dunia kerana masalah kesihatan. Hati Siti terasa sesak, dan matanya mulai bergenang. Dia tidak sempat mengucapkan terima kasih pada Pak Hassan, lelaki yang telah memberikan cahaya baharu dalam hidupnya.

Siti duduk di bangku kayu tua di bawah naungan pohon-pohon besar, tempat pertama dia bertemu Pak Hassan, terhimpit oleh kesedihan yang mendalam. Hati dan fikirannya bercampur baur, masih terasa kehilangan terhadap Pak Hassan, lelaki tua yang pernah memberikan harapan baharu dalam hidupnya. Dia merenung jauh ke horizon, tidak tahu berapa lama dia sudah duduk di sana. Ketika dia akhirnya bangun untuk pulang, dia memutuskan untuk berjalan menyusuri pantai. Mungkin, katanya dalam hati, berjalan akan membantunya melepaskan perasaan yang mengganggu.

Siti melangkah di sepanjang pasir yang lembut, menghirup udara laut yang segar, seolah-olah setiap hembusan angin itu membawa sedikit ketenangan untuk jiwanya yang kacau. Semakin dia berjalan, semakin dia merasa seperti ada sesuatu yang baharu di tempat ini. Ketika matanya tertuju pada sebuah sudut taman yang belum pernah dia lihat sebelumnya, Siti merasa ada sesuatu yang menarik perhatiannya.

Di tengah taman itu, ada sebuah papan tanda bertuliskan "Taman Pak Hassan: Tempatnya Bertumbuh." Siti mendekat dengan rasa ingin tahu. Seperti biasa, dia melihat ke sekeliling dan terkejut dengan pemandangan yang lebih teratur, dan tampak seperti ada lebih banyak tumbuhan dan pohon yang baru ditanam. Ternyata, walaupun Pak Hassan sudah tiada, taman ini tetap hidup, seperti warisan yang ditinggalkan untuk masyarakat.

Di kejauhan, Siti melihat seorang lelaki muda berpakaian seragam taman, sedang sibuk merawat tanaman dan membersihkan kawasan sekitar. Tanpa ragu, Siti mendekati lelaki itu dan bertanya, "Apakah kamu yang bertanggungjawab untuk taman ini?"

Lelaki itu berhenti sejenak, menoleh kepada Siti dengan senyuman yang tenang. "Ya, saya sekarang yang mengurus taman ini," jawabnya. "Pak Hassan telah memutuskan untuk mewariskan taman ini kepada saya sebelum beliau meninggal dunia. Dia percaya taman ini akan terus memberikan manfaat kepada orang ramai, dan kini saya bertanggungjawab untuk memastikan ia tetap berkembang."

Siti merasa terharu mendengar cerita itu. "Jadi, Pak Hassan sudah merancang semua ini untuk masa depan," bisiknya, penuh kekaguman.

Lelaki itu mengangguk perlahan. "Betul. Namun, sejak beliau tiada, pengunjung ke sini semakin berkurang. Semua tetap sama, tidak ada yang

baru atau menarik. Orang datang sekali, melihat, dan kemudian bosan. Saya rasa taman ini memerlukan sesuatu yang segar, sesuatu yang dapat memberi inspirasi lagi."

Siti terdiam sejenak, meresapi kata-kata lelaki itu. Sebuah idea mulai terbentuk di dalam kepalanya. "Bagaimana kalau saya bantu membuat sesuatu yang baharu untuk taman ini?" katanya akhirnya. "Mungkin sebuah mural di dinding taman, sesuatu yang menceritakan tentang Pak Hassan dan dedikasinya terhadap taman ini."

Lelaki itu tersenyum lebar. "Itu idea yang sangat bagus. Saya rasa taman ini memang memerlukan sentuhan baharu seperti itu."

Keesokan harinya, Siti kembali ke taman dengan sekotak cat dan berus lukisan. Dia berdiri di depan dinding taman, merenung sejenak, sebelum mula melukis. Setiap goresan dan sapuan cat yang diciptanya bukan sekadar untuk menghias, tetapi juga untuk merayakan semangat Pak Hassan yang telah mengorbankan banyak masa dan tenaga untuk membangunkan taman ini. Siti melukis mural Pak Hassan, di tengah taman, sedang menanam pokok baru dengan penuh kasih sayang dan tekad. Di sekelilingnya, terdapat dedaunan hijau yang tumbuh subur, simbol dari impian yang tidak pernah mati, dan keyakinan bahwa sesuatu yang baik memerlukan waktu untuk berkembang.

Hari demi hari, Siti terus melukis, mencurahkan segala perasaan dan ideanya ke dalam mural itu. Setiap goresan mencerminkan bukan hanya keindahan alam sekitar, tetapi juga penghormatan terhadap Pak Hassan dan warisan yang ditinggalkannya. Ketika mural itu selesai, taman itu kelihatan lebih hidup, lebih bermakna.

Lelaki yang mengurus taman itu datang untuk melihat hasilnya. Matanya yang terharu melihat lukisan itu, penuh rasa syukur. "Pak Hassan pasti akan bangga melihat ini," katanya. "Ini bukan hanya sekadar mural, ini adalah kisah hidup yang kita bawa bersama, dan sebuah penghormatan kepada Pak Hassan."

Siti tersenyum, merasa bangga dengan apa yang telah dicapainya. Mural itu tidak hanya memberikan kehidupan baharu kepada taman, tetapi juga memberikan Siti kesempatan untuk menghargai seni yang dicintainya, dan bagaimana seni dapat menghubungkan generasi dan memberikan impak yang lebih besar.

Kini, Taman Pak Hassan bukan hanya tempat tumbuhnya pohon-pohon, tetapi juga tempat tumbuhnya impian-impian baharu, tempat bagi mereka yang ingin mengingat dan menghargai keindahan hidup, seperti yang diajarkan oleh Pak Hassan.

Keesokan harinya, Siti duduk di biliknya, merenung jauh ke hadapan, berfikir tentang masa depannya. Rasa cemas dan keraguan masih terpendam di hatinya, namun dia juga merasa sedikit lebih berani selepas melukis mural di taman. Apa yang akan dilakukan selepas ini? Masih banyak yang perlu dipertimbangkan.

Tiba-tiba, suara ibunya yang memanggilnya dari ruang tamu mengejutkan fikiranannya.

"Siti! Siti, datang sini sekejap!"

Siti segera bangun dan bergegas keluar. Ibunya menunjuk ke arah televisyen dengan wajah terkejut. Siti melihat skrin, dan di situ, berita tengah dipaparkan.


Dalam liputan tersebut, ditunjukkan gambar mural yang dia lukis di Taman Pak Hassan. Berita itu menyebutkan bagaimana mural tersebut telah menarik perhatian banyak orang dan menjadi perhatian utama media.

"Siti, itu kan lukisan kamu?" tanya ibunya, suaranya dipenuhi kekaguman.

Siti terkejut, tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Di layar televisyen, seorang penyampai berita sedang berbicara mengenai karya seni yang telah menghiasi taman tersebut, menyebutkan betapa inspiratifnya lukisan itu dan bagaimana ia memberikan nafas baharu kepada taman yang hampir dilupakan. Berita tersebut turut melaporkan bahawa beberapa pengusaha seni dan pemilik galeri tempatan berminat untuk berkolaborasi dengannya, bahkan ada yang mencadangkan kontrak untuk mempromosikan karyanya lebih jauh.

Ibunya terpaku sejenak, sambil menatap skrin, kemudian beralih pandangan ke arah Siti. "Anak ibu... kamu sudah mencipta sesuatu yang luar biasa. Ibu... ibu tidak sangka seni kamu mendapat perhatian begitu banyak."

Bapanya yang sebelumnya tidak begitu percaya pada pilihan Siti untuk berkarier dalam seni, turut tercengang mendengar berita itu. Dia menatap Siti dengan pandangan yang penuh makna, seakan-akan matanya yang selama ini terpejam mulai terbuka.



"Siti..." katanya dengan suara perlahan, "Mungkin selama ini kami salah. Kami selalu fikir seni itu bukan sesuatu yang boleh memberi makan, tapi mungkin kami tidak lihat potensi sebenar. Apa yang kamu buat ini bukan sekadar hobi, ia adalah sesuatu yang benar-benar memberikan kesan kepada orang lain."

Siti terdiam, merasakan kehangatan yang datang daripada kata-kata ibunya. Ibu dan bapanya kini nampaknya mulai memahami bahawa seni bukan hanya sekadar lukisan di atas kanvas, tetapi ia adalah cara untuk menyentuh hati orang ramai, memberikan inspirasi dan membawa perubahan.

Dengan mata yang mulai berkaca, Siti hanya mampu tersenyum. Dia tahu, perjalanan ini baru saja dimulakan, tetapi kini dia merasakan keyakinan yang lebih kuat dalam dirinya. Mungkin, hanya mungkin, seni ialah jalan yang tepat untuknya. Tidak lagi sekadar impian yang tersembunyi, tetapi sesuatu yang hidup dan berkembang.

Bersama dengan sokongan keluarganya yang kini melihat dunia seni dengan cara yang berbeza, Siti bertekad untuk terus mengejar impiannya, memberikan inspirasi kepada orang lain seperti yang dilakukan Pak Hassan. Seperti pohon-pohon yang ditanam Pak Hassan, yang terus tumbuh memberikan manfaat walaupun selepas pemergiannya. Siti kini tahu bahawa impiannya akan terus berkembang dan tidak akan pernah mati. Dulu terperangkap dalam 'sangkar' harapan dan pandangan sempit, kini Siti bebas memilih jalannya. Impian yang dulunya terbelenggu kini telah menjadi kebebasan, seperti taman Pak Hassan yang terus hidup dan memberikan ruang untuk tumbuh. Sangkar itu kini terbuka lebar dan Siti bersedia terbang tinggi, memberikan inspirasi kepada dunia.

